

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN SERTA PENGAUDITAN
PEMATUHAN KEMENTERIAN DAN
JABATAN PERSEKUTUAN

TAHUN 2020

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



ISSN 2811-3543



9 7 7 2 8 1 1 3 5 4 0 0 9

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara Malaysia
Blok F2 & F3, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya
MALAYSIA

Laman web: <https://www.audit.gov.my>
Emel: jbaudit@audit.gov.my
Tel: 603-8091 1000
Faks: 603-8091 1454

Dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 28 Oktober 2021

Hak Cipta Terpelihara ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan dan disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Urus Setia Jabatan Audit Negara Malaysia.



Dicetak Oleh
Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Kuala Lumpur, 2021
Laman web: www.printnasional.com.my
Emel: service@printnasional.com.my
Tel: 603-9236 6895
Faks: 603-9222 4773



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN SERTA PENGAUDITAN
PEMATUHAN KEMENTERIAN DAN
JABATAN PERSEKUTUAN

TAHUN 2020

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENDAHULUAN	ix
RINGKASAN KESELURUHAN	xv
BAHAGIAN I	
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	
1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020	3
BAHAGIAN II	
ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	
2. Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan	21
BAHAGIAN III	
PENGAUDITAN PEMATUHAN KEMENTERIAN DAN JABATAN PERSEKUTUAN	
1. Bayaran Tuntutan Kos Penyenggaraan Projek Rangkaian Trunk Radio Bersepadu Kerajaan - Majlis Keselamatan Negara Jabatan Perdana Menteri	95
2. Kutipan Hasil Pas Lawatan Kerja Sementara Secara Dalam Talian Melalui Syarikat Perkhidmatan - Jabatan Imigresen Malaysia Kementerian Dalam Negeri	115
3. Kutipan Sewa Pejabat Pentadbiran Syarikat Konsesi dan Tapak Komersial di Lebuhraya Semenanjung Malaysia - Kementerian Kerja Raya	131
4. Sumbangan Bantuan Penyelenggaraan Kepada Sekolah Bantuan Kerajaan - Kementerian Pendidikan Malaysia	149
5. Bayaran Kerja Menaik Taraf Sistem Kawalan dan Automasi Pentas Panggung Sari - Istana Budaya Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia	173

6.	Hasil Sewa Tanah dan Bangunan - Kementerian Pertahanan	183
7.	Taksiran Duti Kastam bagi Kenderaan Import Baharu dan Terpakai - Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kementerian Kewangan	197
8.	Tuntutan Bayaran Balik Kos Pembaharuan Lesen Perisian Berkaitan Sistem MyResults - Pejabat Belanjawan Negara Kementerian Kewangan	217
PENUTUP		229
AKRONIM		233
LAMPIRAN		
LAMPIRAN 1	- Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020	239
LAMPIRAN 2	- Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020	245



PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian, jabatan dan badan berkanun serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Objektif pengauditan penyata kewangan ini ialah untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2020 menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan serta Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan Tahun 2020 mengandungi perkara seperti berikut:

Bahagian I : **Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020**

Bahagian II : **Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan**

Bahagian III : **Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan Tahun 2020**

3. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah dikemukakan untuk pengauditan pada 5 Mac 2021. Penyata ini melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2020. Penyata ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan dan International Public Sector Accounting Standards (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting). Bagaimanapun, laporan saya mengandungi Penegasan Perkara dan Hal-hal Lain.

4. Pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap tiga kementerian dan lima jabatan Persekutuan melibatkan lapan tajuk seperti berikut:

BIL.	TAJUK	KEMENTERIAN/JABATAN
1.	Bayaran Tuntutan Kos Penyenggaraan Projek Rangkaian Trunk Radio Bersepadu Kerajaan	Majlis Keselamatan Negara Jabatan Perdana Menteri
2.	Kutipan Hasil Pas Lawatan Kerja Sementara Secara Dalam Talian Melalui Syarikat Perkhidmatan	Jabatan Imigresen Malaysia Kementerian Dalam Negeri
3.	Kutipan Sewa Pejabat Pentadbiran Syarikat Konsesi dan Tapak Komersial di Lebuh Raya Semenanjung Malaysia	Kementerian Kerja Raya
4.	Sumbangan Bantuan Penyelenggaraan Kepada Sekolah Bantuan Kerajaan	Kementerian Pendidikan Malaysia
5.	Bayaran Kerja Menaik Taraf Sistem Kawalan dan Automasi Pentas Panggung Sari	Istana Budaya Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
6.	Hasil Sewa Tanah dan Bangunan	Kementerian Pertahanan
7.	Taksiran Duti Kastam bagi Kenderaan Import Baharu dan Terpakai	Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kementerian Kewangan
8.	Tuntutan Bayaran Balik Kos Pembaharuan Lesen Perisian Berkaitan Sistem MyResults	Pejabat Belanjawan Negara Kementerian Kewangan

5. Laporan ini mengambil kira maklum balas audit berkaitan dengan isu yang dibangkitkan. Jabatan Audit Negara memberi penekanan terhadap ketidakpatuhan isu yang dibangkitkan sebagai pernyataan Audit. Bagi pengauditan pematuhan pada tahun ini, sebanyak 25 syor telah dicadangkan.

6. Pihak kementerian dan jabatan Persekutuan hendaklah memastikan pematuhan terhadap akta, pekeliling, peraturan serta kontrak yang berkuat kuasa. Agensi pusat perlu memantau dan mengawal selia kementerian dan jabatan Persekutuan dalam menjaga wang atau harta awam dan kepentingan Kerajaan terjamin.

7. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai kementerian dan jabatan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan ini dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha dengan gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
12 Oktober 2021



**PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN
SERTA PENGAUDITAN
PEMATUHAN KEMENTERIAN
DAN
JABATAN PERSEKUTUAN
TAHUN 2020**

RINGKASAN KESELURUHAN

LKAN 2020

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN SERTA
PENG AUDITAN PEMATUHAN KEMENTERIAN DAN JABATAN PERSEKUTUAN

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA TANPA TEGURAN

PENEGASAN PERKARA

Hutang Persekutuan

Kebergantungan Kerajaan terhadap pinjaman baharu untuk membiayai bayaran balik prinsipal pinjaman yang telah matang.

Dalam jangka masa panjang, bebanan kewangan Negara akan bertambah untuk pembayaran kos pinjaman.

RM98.058 bilion atau 50.4% daripada pinjaman baharu berjumlah RM194.555 bilion digunakan untuk bayaran balik prinsipal pinjaman yang matang.

Nisbah Defisit
Kepada KDNK
6.2%

Nisbah Hutang
Persekutuan Kepada KDNK
62.1%

Nisbah Liabiliti Persekutuan
Kepada KDNK
83.8%

Kumpulan Wang Pembangunan

Dana Kumpulan Wang Pembangunan yang dibiayai melalui pinjaman sepututnya digunakan untuk membiayai projek pembangunan fizikal yang menyumbang kepada pembentukan modal baharu yang boleh meningkatkan pembangunan Negara serta mempunyai kesan penganda yang tinggi untuk menjana aktiviti ekonomi.

RM2.650 bilion merupakan pengelasan perbelanjaan mengurus kepada perbelanjaan pembangunan yang melibatkan konsesi Public Private Partnership dan penyenggaraan berskala besar.

PERBANDINGAN KEDUDUKAN ASET DAN LIABILITI KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

ASET
RM139.614 bilion

Akaun Belum Terima
RM106.423 bilion

Pelaburan
RM33.191 bilion

HAL-HAL LAIN

Pihak Berkuasa Kewangan hendaklah memastikan polisi perakaunan mengenai premium dan diskau daripada terbitan Sekuriti Hutang Kerajaan disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan.

Pihak Berkuasa Kewangan hendaklah menetapkan kategori hasil bagi pengiktirafan premium dan polisi pindahan premium.

LIABILITI
RM1.187 trillion

Hutang Persekutuan
RM879.560 bilion

Liabiliti PFI
RM37.034 bilion

Komitmen Kewangan
RM269.940 bilion

Pelbagai Liabiliti
RM0.278 bilion

**4 SYOR
AUDIT**

8 PENG AUDITAN PEMATUHAN

Jumlah Semakan Audit

RM899.44 juta

4 KONTRAK RM772.40 juta

RM499.18 Bayaran Tuntutan Kos Penyenggaraan
juta Projek Rangkaian Trunk Radio
Bersepadu Kerajaan
- Majlis Keselamatan Negara (MKN)

RM227.94 Kutipan Hasil Pas Lawatan Kerja
juta Sementara Secara Dalam Talian
Melalui Syarikat Perkhidmatan
- Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)

RM37.43 Kutipan Sewa Pejabat Pentadbiran
juta Syarikat Konsesi dan Tapak Komersial
di Lebuhraya Semenanjung Malaysia
- Kementerian Kerja Raya (KKR)

RM7.85 Tuntutan Bayaran Balik Kos
juta Pembaharuan Lesen Perisian Berkaitan
Sistem MyResults
- Pejabat Belanjawan Negara (NBO)

2 PEROLEHAN RM54.80 juta

RM28.99 Bayaran Kerja Menaik Taraf Sistem
juta Kawalan dan Automasi Pentas
Panggung Sari
- Istana Budaya (IB)

RM25.81 Sumbangan Bantuan Penyelenggaraan
juta Kepada Sekolah Bantuan Kerajaan
- Kementerian Pendidikan Malaysia
(KPM)

2 HASIL RM72.24 juta

RM61.65 Taksiran Duti Kastam bagi Kenderaan
juta Import Baharu dan Terpakai
- Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)

RM10.59 Hasil Sewa Tanah dan Bangunan
juta - Kementerian Pertahanan (MINDEF)

Jumlah Isu Pembayaran Tidak Teratur,
Kerugian Wang Awam dan Pembaziran

RM620.07 juta

Pembayaran
Tidak Teratur
RM510.49 juta

- **RM499.18** juta - Bayaran tuntutan perkhidmatan penyenggaraan tanpa pengesahan. (MKN)

- **RM6.08** juta - Peralatan telah dibayar tetapi belum diterima. (IB)

- **RM4.30** juta - Tuntutan tidak wajar. (NBO)

- **RM0.93** juta - Bayaran kerja yang tidak dilaksana, tidak mengikut spesifikasi dan skop kerja tidak diluluskan. (KPM)

Pembaziran
RM4.79 juta

- **RM4.79** juta - Peralatan lewat diterima dan tidak dipasang. (IB)

Kerugian
Wang Awam
RM104.79 juta

- **RM81.69** juta - Penalty belum tuntut dan tidak dikenakan. (JIM)

- **RM13.07** juta - Sewa tidak dikutip. (KKR dan MINDEF)

- **RM5.92** juta - Duti Kastam terkurang pungut. (JKDM)

- **RM2.75** juta - Kutipan sewa tidak diakaunkan sebagai hasil Kerajaan. (KKR dan MINDEF)

- **RM1.25** juta - Perbezaan harga perolehan dengan anggaran harga semasa. (KPM)

- **RM0.11** juta - Wang cagaran tidak dikutip. (MINDEF)

25 SYOR AUDIT



BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

- 1 | Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020**

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan oleh Akauntan Negara Malaysia berasaskan perakaunan tunai ubah suai.
- Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2020 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.
- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.

- Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan satu gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- **Penegasan Perkara**

Tanpa menjelaskan pendapat Audit, perhatian perlu diberikan terhadap perkara berikut:

- Nota 10(a) mengenai Hutang Persekutuan. Hutang Persekutuan pada tahun 2020 adalah berjumlah RM879.560 bilion, iaitu 62.1% berbanding Keluaran Dalam Negeri Kasar. Pada tahun 2020, pinjaman baharu adalah berjumlah RM194.555 bilion berbanding RM138.559 bilion pada tahun 2019, iaitu meningkat sejumlah RM55.996 bilion atau 40.4%. Daripada pinjaman baharu yang berjumlah RM194.555 bilion, sejumlah RM98.058 bilion atau 50.4% digunakan untuk bayaran balik prinsipal pinjaman yang matang. Ini menunjukkan kebergantungan Kerajaan terhadap pinjaman baharu untuk membiayai bayaran balik prinsipal pinjaman yang telah matang. Dalam jangka masa panjang, bebanan kewangan Negara akan bertambah untuk pembayaran kos pinjaman menyebabkan peruntukan mengurus untuk perolehan bekalan dan perkhidmatan serta pembelian aset akan berkurangan.
- Nota 7(a)(i) mengenai Kumpulan Wang Pembangunan. Baki Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2020 adalah defisit sebanyak RM13.255 bilion. Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan adalah berjumlah RM62.805 bilion yang termasuk pinjaman baharu berjumlah RM48.571 bilion. Sejumlah RM8.265 bilion atau 17.0% adalah untuk membiayai Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta dan komitmen jaminan, manakala RM40.306 bilion atau 83.0% adalah perbelanjaan

pembangunan. Termasuk dalam perbelanjaan pembangunan adalah sejumlah RM2.650 bilion yang merupakan pengelasan perbelanjaan mengurus berkaitan konsesi Public Private Partnership dan penyenggaraan berskala besar. Perbelanjaan yang terlibat adalah perkhidmatan sokongan hospital dan klinik di Kementerian Kesihatan Malaysia berjumlah RM1.908 bilion dan kerja penyenggaraan fasiliti di Kementerian Pendidikan Malaysia berjumlah RM0.742 bilion. Dana Kumpulan Wang Pembangunan yang dibiayai melalui pinjaman sepatutnya digunakan untuk membiayai projek pembangunan fizikal yang menyumbang kepada pembentukan modal baharu yang boleh meningkatkan pembangunan Negara serta mempunyai kesan penganda yang tinggi untuk menjana aktiviti ekonomi.

- **Hal-hal Lain**

Pihak Berkuasa Kewangan hendaklah memastikan polisi perakaunan mengenai premium dan diskau daripada terbitan Sekuriti Hutang Kerajaan disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. Pihak Berkuasa Kewangan hendaklah menetapkan kategori hasil bagi pengiktirafan premium dan polisi pindahan premium. Perkara ini selaras dengan konsep perakaunan relevan yang bermaksud maklumat yang dilaporkan hendaklah menepati masa dan juga asas perakaunan tunai ubah suai, iaitu terimaan diakaunkan apabila diperoleh.

BAHAGIAN II: **Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan**

- Prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PRESTASI KEWANGAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

PERKARA	2020 (RM Bilion)	2019 (RM Bilion)	PERUBAHAN	
			RM Bilion	%
Hasil	225.075	264.415	(39.340)	(14.9)
(-) Perbelanjaan Mengurus	(224.600)	(263.343)	(38.743)	(14.7)
Lebihan Hasil	0.475	1.072	(0.597)	(55.7)
(+) Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	1.259	1.731	(0.472)	(27.3)
Jumlah	1.734	2.803	(1.069)	(38.1)
(-) Perbelanjaan Pembangunan	(51.360)	(54.173)	(2.813)	(5.2)
(-) Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19	(38.019)	-	38.019	100.0
Defisit	(87.645)	(51.370)	36.275	70.6
Nisbah Defisit Kepada KDNK	6.2%	3.4%		
Pinjaman Kasar	194.555	138.559	55.996	40.4
Kedudukan Hutang Keseluruhan	879.560	792.998	86.562	10.9
Nisbah Hutang Kerajaan Persekutuan Kepada KDNK	62.1%	52.4%		
Liabiliti Kewangan	307.253	286.540	20.712	7.2
Jumlah Liabiliti Persekutuan	1,186.812	1,079.538	107.275	9.9
Nisbah Liabiliti Kepada KDNK	83.8%	71.3%		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

Nota: 1. KDNK 2020: RM1,416.605 bilion dan KDNK 2019: RM1,513.157 bilion

2. Nisbah had statutori hutang kepada KDNK pada 31 Disember 2020 ialah 57.9%

- Hasil

- Kerajaan Persekutuan memperoleh hasil berjumlah RM225.075 bilion, iaitu berkurangan sejumlah RM39.340 bilion atau 14.9% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM264.415 bilion.
- Hasil Kerajaan Persekutuan terdiri daripada hasil cukai berjumlah RM154.398 bilion atau 68.6%, hasil bukan cukai berjumlah RM62.047 bilion atau 27.6%, terimaan bukan hasil

RM7.954 bilion atau 3.5% dan hasil Wilayah Persekutuan RM0.676 bilion atau 0.3%.

- Pengurangan ketara melibatkan hasil cukai dan hasil bukan cukai masing-masing berjumlah RM26.168 bilion dan RM17.778 bilion berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM260.391 bilion. Pengurangan hasil cukai antaranya disebabkan inisiatif cukai dalam Pakej Rangsangan Ekonomi seperti pengecualian cukai jualan dan duti eksais kenderaan motor penumpang, pengecualian cukai perkhidmatan untuk hotel dan kemudahan penundaan bayaran cukai. Selain itu, penurunan harga petroleum mentah dunia dan pengurangan penjualan sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan memberi kesan kepada cukai pendapatan petroleum yang merosot sejumrah RM8.011 bilion. Pengurangan hasil bukan cukai pula disebabkan terimaan dividen syarikat Petroliam Nasional Berhad yang lebih rendah berjumlah RM34 bilion berbanding RM54 bilion pada tahun 2019.
- Termasuk dalam hasil bukan cukai yang berjumlah RM62.047 bilion adalah sejumrah RM6.046 bilion yang merupakan amaun premium bersih daripada terbitan Sekuriti Hutang Kerajaan. Amaun premium ini telah dipindahkan ke Akaun Hasil di bawah faedah dan perolehan daripada pelaburan.

- Perbelanjaan Mengurus

- Peruntukan muktamad yang diluluskan adalah berjumlah RM226.720 bilion, manakala perbelanjaan sebenar adalah berjumlah RM224.600 bilion.
- Perbelanjaan Emolumen adalah berjumlah RM82.996 bilion berbanding dengan RM80.534 bilion pada tahun 2019, iaitu peningkatan sejumrah RM2.462 bilion atau 3.1%.
- Sebaliknya, perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan berkurang kepada RM29.323 bilion berbanding RM31.506 bilion pada tahun 2019, iaitu penurunan sejumrah

RM2.183 bilion atau 6.9%. Pengurangan ini turut termasuk perbelanjaan penyenggaraan dan pembaikan kecil berjumlah RM1.322 bilion serta perbelanjaan perjalanan dan sara hidup berjumlah RM0.385 bilion.

- Demikian juga perbelanjaan Aset menurun 18.1% kepada RM0.631 bilion pada tahun 2020 berbanding RM0.770 bilion pada tahun 2019.
 - Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap berkurangan menjadi RM110.688 bilion berbanding RM148.777 bilion pada tahun 2019 iaitu penurunan sejumlah RM38.089 bilion atau 25.6%. Perbelanjaan di bawah butiran Pemberian Dalam Negeri adalah sejumlah RM41.222 bilion, iaitu pengurangan ketara berjumlah RM42.397 bilion atau 50.7% berbanding RM83.619 bilion pada tahun 2019 disebabkan tiada peruntukan terkanun kepada Tabung Bayaran Balik Cukai dan Kumpulan Wang Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM35 bilion.
 - Perbelanjaan-perbelanjaan lain berkurang kepada RM0.962 bilion pada tahun 2020 berbanding RM1.755 bilion pada tahun 2019.
- Perbelanjaan Kerana Hutang Negara
 - Perbelanjaan kerana hutang negara (faedah, dividen dan lain-lain kenaan bayaran) adalah berjumlah RM34.495 bilion atau 15.3% daripada hasil Kerajaan. Perbelanjaan ini meningkat sejumlah RM1.562 bilion atau 4.7% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM32.933 bilion. Bagaimanapun, amaun ini tidak termasuk pembayaran balik prinsipal hutang yang matang berjumlah RM98.058 bilion kerana tidak dibajetkan di bawah peruntukan mengurus tetapi dibayar secara terus daripada Akaun Pinjaman Disatukan.

- Perbelanjaan Pembangunan

- Secara keseluruhan perbelanjaan pembangunan kementerian dan jabatan Persekutuan yang telah dibelanjakan adalah berjumlah RM51.360 bilion atau 97.5% berbanding peruntukan yang diluluskan.
- Termasuk dalam perbelanjaan pembangunan adalah sejumlah RM2.650 bilion yang merupakan pengelasan perbelanjaan mengurus berkaitan konsesi Public Private Partnership dan penyenggaraan berskala besar. Perbelanjaan yang terlibat adalah perkhidmatan sokongan hospital dan klinik di Kementerian Kesihatan Malaysia berjumlah RM1.908 bilion dan kerja penyenggaraan fasiliti di Kementerian Pendidikan Malaysia berjumlah RM0.742 bilion.
- Sejumlah RM8.265 bilion daripada peruntukan pembangunan Kementerian Kewangan dibelanjakan bagi pelunasan komitmen Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta berjumlah RM3.137 bilion dan komitmen jaminan berjumlah RM5.128 bilion. Amaun perbelanjaan ini meningkat sejumlah RM2.027 bilion atau 32.5% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM6.238 bilion.
- Sejumlah RM77.36 juta peruntukan yang diluluskan bagi 12 projek di lima kementerian dan jabatan tidak dibelanjakan langsung.
- Perbelanjaan bagi lima projek di empat kementerian telah melebihi peruntukan yang diluluskan berjumlah RM2.856 bilion. Lebihan perbelanjaan ini telah diluluskan melalui pewartaan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2020 pada 20 Mei 2021.

- Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19

- Kumpulan Wang COVID-19 (KWC) ditubuhkan melalui peruntukan Seksyen 4, Akta Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan [Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)] 2020 atau Akta 830.

- Pembiayaan KWC adalah melalui terbitan pinjaman yang didapatkan melalui Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983. Sejumlah RM38.020 bilion telah dipindahkan dalam KWC dan sejumlah RM38.019 bilion telah dibelanjakan.
 - Perbelanjaan KWC melibatkan pemberian bantuan tunai berjumlah RM17.049 bilion, subsidi dan rebat berjumlah RM13.168 bilion, geran dan dana pinjaman berjumlah RM4.101 bilion serta perolehan bekalan dan perkhidmatan berjumlah RM3.701 bilion.
- Defisit Dan Pinjaman Baharu
 - Kerajaan Persekutuan mengalami defisit berjumlah RM87.645 bilion dengan nisbah defisit kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada kadar 6.2%. Defisit tersebut ditampung dengan terbitan pinjaman baharu berjumlah RM194.555 bilion.
 - Sejumlah RM98.058 bilion atau 50.4% daripada terimaan pinjaman kasar tersebut telah digunakan untuk membayar balik pinjaman yang matang. Ini menunjukkan kebergantungan Kerajaan terhadap pinjaman baharu untuk membiayai bayaran balik prinsipal pinjaman yang telah matang.
 - Sejumlah RM48.571 bilion atau 25.0% dari terimaan pinjaman kasar telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan. Sejumlah RM10.915 bilion atau 22.5% perbelanjaan melibatkan pengelasan perbelanjaan mengurus, pelunasan Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta dan pelunasan pinjaman yang dijamin Kerajaan.
 - Hutang Persekutuan
 - Hutang Persekutuan adalah berjumlah RM879.560 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM86.562 bilion atau 10.9% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM792.998 bilion. Nisbah hutang kepada KDNK adalah pada kadar 62.1%.

- Had statutori Hutang Persekutuan telah dinaikkan daripada nisbah 55% kepada nisbah 60% kepada KDNK berkuat kuasa mulai 26 Oktober 2020 hingga 31 Disember 2022 berdasarkan peruntukan Akta 830. Had statutori Hutang Persekutuan ini melibatkan Bil Perbendaharaan Islamik, Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sekuriti Kerajaan Malaysia. Kedudukan ketigatiga instrumen hutang berkenaan pada tahun 2020 adalah RM820.018 bilion atau 57.9% kepada KDNK.
 - Kedudukan Hutang Persekutuan terdiri daripada pinjaman dalam negeri berjumlah RM851.284 bilion atau 96.8% dan hutang luar negeri berjumlah RM28.276 bilion atau 3.2%. Pinjaman dalam negeri mencatatkan peningkatan sejumlah RM87.051 bilion atau 11.4%, manakala hutang luar negeri berkurangan sejumlah RM0.489 bilion atau 1.7%.
 - Hutang Persekutuan yang dilaporkan di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah hutang yang dibuat secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan dan tidak termasuk hutang agensi atau syarikat Kerajaan.
- Liabiliti Kewangan
 - Liabiliti Kewangan terdiri daripada Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI), Komitmen Kewangan dan Pelbagai Liabiliti yang berjumlah RM307.252 bilion berbanding RM286.540 bilion pada tahun 2019.
 - Liabiliti PFI adalah berjumlah RM37.034 bilion iaitu berkurangan sejumlah RM1.796 bilion atau 4.6% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM38.830 bilion.
 - Komitmen Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM269.940 bilion berbanding RM247.461 bilion pada tahun 2019. Komitmen ini menunjukkan obligasi Kerajaan Persekutuan untuk membuat bayaran kepada pihak yang berkaitan yang terdiri daripada:

- komitmen jaminan: RM216.842 bilion
(2019: RM193.992 bilion)
 - komitmen pajakan kewangan: RM37.571 bilion
(2019: RM33.086 bilion)
 - komitmen bayaran balik cukai: RM14.635 bilion
(2019: RM19.392 bilion)
 - komitmen pampasan: RM0.892 bilion
(2019: RM0.990 bilion)
- Pelunasan Liabiliti PFI dan komitmen jaminan yang berjumlah RM8.799 bilion adalah menggunakan peruntukan mengurus berjumlah RM0.534 bilion dan peruntukan pembangunan berjumlah RM8.265 bilion.
- Pelbagai Liabiliti terdiri daripada Nota Kena Bayar, Sekuriti Tak Dituntut dan Akaun Depositori Pusat adalah berjumlah RM0.278 bilion berbanding dengan RM0.249 bilion pada tahun 2019.
- Liabiliti Persekutuan
 - Kedudukan Liabiliti Persekutuan yang terdiri daripada Hutang Persekutuan dan Liabiliti Kewangan adalah berjumlah RM1.187 trillion, meningkat berbanding dengan RM1.080 trillion pada tahun 2019. Jumlah Liabiliti Persekutuan ini adalah jauh lebih tinggi berbanding kedudukan aset yang dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum yang berjumlah RM139.614 bilion. Nisbah Liabiliti Persekutuan kepada KDNK adalah 83.8% pada tahun 2020, iaitu meningkat berbanding 71.3% pada tahun 2019.
- Aset Persekutuan

Pelaburan Kerajaan Persekutuan dalam deposit, sekuriti dan pegangan saham syarikat atau badan berkanun atau agensi adalah berjumlah RM33.191 bilion. Akaun Belum Terima Kerajaan Persekutuan pula adalah berjumlah RM106.423 bilion yang terdiri daripada Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut serta Pelbagai Akaun Belum Terima.

Syor Audit

- Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:
 - mempertingkatkan disiplin perbelanjaan mengurus, memperkasakan usaha penjanaan hasil dan pemantauan terhadap komitmen bayaran balik pinjaman. Langkah ini penting supaya lebihan hasil dapat dipertingkatkan bagi membiayai perbelanjaan pembangunan dan sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman baharu;
 - menetapkan polisi yang konsisten dalam memperakaunkan premium dan diskauan daripada terbitan Sekuriti Hutang Kerajaan;
 - memastikan dana Kumpulan Wang Pembangunan dibelanjakan kepada projek dan program yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi kepada aktiviti ekonomi Negara; dan
 - had siling jaminan bagi pinjaman yang dibuat oleh badan berkanun dan syarikat perlu ditetapkan bagi mengelakkan bebanan komitmen tambahan kepada Kerajaan jika badan berkanun atau syarikat menghadapi kesukaran dalam memenuhi obligasi.

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

FAKTA UTAMA

01.01.2020 - 31.12.2020	31 Julai 2021	5 Mac 2021
Tahun kewangan Kerajaan Persekutuan	Tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit	Tarikh penyerahan sebenar penyata kewangan untuk diaudit
Komponen Penyata Kewangan	<ul style="list-style-type: none">• Penyata Kedudukan Kewangan• Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai• Penyata Prestasi Kewangan• Penyata Akaun Memorandum• Nota Kepada Penyata Kewangan	
Jenis Pendapat Audit	Pendapat Tanpa Teguran dengan Penegasan Perkara	

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. **Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan oleh Akauntan Negara Malaysia berdasarkan perakaunan tunai ubah suai.** Penyata kewangan ini telah dikemukakan untuk pengauditan pada 5 Mac 2021, iaitu lebih awal berbanding tahun 2019 pada 17 Mac 2020.

1.2. Penyata kewangan ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2020 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.2.1. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan pegangan Wang Awam Kerajaan di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam Kerajaan terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

1.2.2. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar wang tunai serta kesetaraan tunai. Aliran tunai masuk terdiri daripada hasil, terimaan pinjaman dalam negeri dan luar negeri, bantuan luar negeri, terimaan modal dan terimaan amanah. Aliran tunai keluar pula menunjukkan

pembentangan perbelanjaan mengurus, pembangunan, Kumpulan Wang COVID-19, bayaran balik pinjaman dalam negeri dan luar negeri, bantuan luar negeri, perbelanjaan modal serta perbelanjaan amanah.

1.2.3. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan kedudukan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus, pembangunan dan Kumpulan Wang COVID-19 serta sumber pembiayaannya.

1.2.4. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan sebahagian aset kewangan dan liabiliti Kerajaan Persekutuan. Aset kewangan Kerajaan terdiri daripada Akaun Belum Terima dan Pelaburan. Liabiliti pula terdiri daripada Hutang Persekutuan, Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta, Komitmen Kewangan dan Pelbagai Liabiliti.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan Penyata Kewangan ini telah dilaksanakan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen (pengauditan interim) telah dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2020. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan Kementerian atau Jabatan Persekutuan yang berkenaan melalui surat pengurusan sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

3.1. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan satu gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

3.1.1. Penegasan Perkara

Tanpa menjelaskan pendapat Audit, perhatian perlu diberikan terhadap perkara berikut:

- a. Nota 10(a) mengenai Hutang Persekutuan. Hutang Persekutuan pada tahun 2020 adalah berjumlah RM879.560 bilion, iaitu 62.1% berbanding Keluaran Dalam Negeri Kasar. Pada tahun 2020, pinjaman baharu adalah berjumlah RM194.555 bilion berbanding RM138.559 bilion pada tahun 2019, iaitu meningkat sejumlah RM55.996 bilion atau 40.4%. Daripada pinjaman baharu yang berjumlah RM194.555 bilion, sejumlah RM98.058 bilion atau 50.4% digunakan untuk bayaran balik prinsipal pinjaman yang matang. Ini menunjukkan kebergantungan Kerajaan terhadap pinjaman baharu untuk membiayai bayaran balik prinsipal pinjaman yang telah matang. Dalam jangka masa panjang, bebanan kewangan Negara akan bertambah untuk pembayaran kos pinjaman menyebabkan peruntukan mengurus untuk perolehan bekalan dan perkhidmatan serta pembelian aset akan berkurangan.
- b. Nota 7(a)(i) mengenai Kumpulan Wang Pembangunan. Baki Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2020 adalah defisit sebanyak RM13.255 bilion. Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan adalah berjumlah RM62.805 bilion yang termasuk pinjaman baharu berjumlah RM48.571 bilion. Sejumlah RM8.265 bilion atau 17.0% adalah untuk membiayai Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta dan komitmen jaminan, manakala RM40.306 bilion atau 83.0% adalah perbelanjaan pembangunan. Termasuk dalam perbelanjaan pembangunan adalah sejumlah RM2.650 bilion yang merupakan pengelasan perbelanjaan mengurus berkaitan konsesi Public Private Partnership dan penyenggaraan berskala besar. Perbelanjaan yang terlibat adalah perkhidmatan sokongan hospital dan klinik di Kementerian Kesihatan Malaysia berjumlah RM1.908 bilion dan kerja penyenggaraan fasiliti di Kementerian Pendidikan Malaysia berjumlah RM0.742 bilion. Dana Kumpulan Wang Pembangunan yang dibiayai melalui pinjaman sepatutnya digunakan untuk membiayai projek pembangunan fizikal yang menyumbang kepada pembentukan modal baharu yang boleh meningkatkan pembangunan Negara serta mempunyai kesan pengganda yang tinggi untuk menjana aktiviti ekonomi.

3.1.2. Hal-hal Lain

Pihak Berkuasa Kewangan hendaklah memastikan polisi perakaunan mengenai premium dan diskauan daripada terbitan Sekuriti Hutang Kerajaan disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. Pihak Berkuasa Kewangan hendaklah menetapkan kategori hasil bagi pengiktirafan premium dan polisi pindahan premium. Perkara ini selaras dengan konsep perakaunan relevan yang bermaksud maklumat yang dilaporkan hendaklah menepati masa dan juga asas perakaunan tunai ubah suai, iaitu terimaan diakaunkan apabila diperoleh.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2020 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan dan International Public Sector Accounting Standards (IPSAS) – Financial Reporting Under The Cash Basis of Accounting. Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang disertakan bersama dengan Pernyataan Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Akauntan Negara Malaysia, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti dalam Lampiran 1 dan 2.



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

2 | Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

FAKTA UTAMA PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

KEDUDUKAN KEWANGAN	PRESTASI KEWANGAN	AKAUN MEMORANDUM
↑ WANG TUNAI	↓ HASIL	↑ AKAUN BELUM TERIMA
2020 – RM26.030 bilion	2020 – RM225.075 bilion	2020 – RM106.423 bilion
2019 – RM20.497 bilion	2019 – RM264.415 bilion	2019 – RM94.115 bilion
↑ PELABURAN	↓ BELANJA MENGURUS	↑ PELABURAN
2020 – RM40.063 bilion	2020 – RM224.600 bilion	2020 – RM33.191 bilion
2019 – RM38.734 bilion	2019 – RM263.343 bilion	2019 – RM32.038 bilion
↔ HASIL DISATUKAN	↓ BELANJA PEMBANGUNAN	↑ HUTANG PERSEKUTUAN
2020 – RM11.863 bilion	2020 – RM51.360 bilion	2020 – RM879.560 bilion
2019 – RM11.863 bilion	2019 – RM54.173 bilion	2019 – RM792.998 bilion
↓ PINJAMAN DISATUKAN	↑ BELANJA COVID-19	↓ LIABILITI PFI
2020 – RM0.00	2020 – RM38.019 bilion	2020 – RM37.034 bilion
2019 – RM16.277 bilion	2019 – RM0.00	2019 – RM38.830 bilion
↑ AMANAH DISATUKAN	↑ DEFISIT	↑ KOMITMEN KEWANGAN
2020 – RM54.231 bilion	2020 – RM87.645 bilion	2020 – RM269.940 bilion
2019 – RM31.090 bilion	2019 – RM51.370 bilion	2019 – RM247.461 bilion

1. LATAR BELAKANG

Tanggungjawab Ketua Audit Negara adalah untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020 memberikan gambaran yang benar dan saksama. Di samping itu, Jabatan Audit Negara juga membuat analisis terhadap maklumat data kewangan tahun 2020 dan tahun sebelumnya bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan secara menyeluruh. Analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

3.1. Sumber utama dana Kerajaan Persekutuan terdiri daripada hasil, pinjaman dalam dan luar negeri, bantuan luar negeri serta terimaan lain. Dana ini digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus, perbelanjaan pembangunan, perbelanjaan COVID-19, bayaran balik pinjaman dan perbelanjaan lain. Hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2020 adalah berjumlah RM225.075 bilion dan terimaan balik pinjaman serta pelbagai terimaan berjumlah RM1.259 bilion. Perbelanjaan mengurus adalah berjumlah RM224.600 bilion dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM51.360 bilion. Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19 pada tahun 2020 adalah berjumlah RM38.019 bilion. **Kerajaan Persekutuan mengalami defisit berjumlah RM87.645 bilion dengan nisbah defisit kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada paras 6.2%.** Butiran Penyata Prestasi Kewangan adalah seperti dalam **Jadual 2.1.**

**JADUAL 2.1
PRESTASI KEWANGAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
Hasil:				
Hasil Cukai	154,397.97	180,566.08	(26,168.11)	(14.5)
Hasil Bukan Cukai	62,046.60	79,825.09	(17,778.49)	(22.3)
Teriman Bukan Hasil	7,953.68	3,292.08	4,661.60	141.6
Hasil Wilayah Persekutuan	676.70	731.50	(54.80)	(7.5)
Jumlah Hasil	225,074.95	264,414.75	(39,339.80)	(14.9)
(+) Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	1,259.16	1,730.73	(471.57)	(27.2)
Jumlah Terimaan	226,334.11	266,145.48	(39,811.37)	(15.0)
Perbelanjaan:				
Perbelanjaan Mengurus (Sebelum Pindahan)	224,600.24	263,342.92	(38,742.68)	(14.7)
Perbelanjaan Pembangunan	51,359.85	54,173.24	(2,813.39)	(5.2)
Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19	38,019.24	-	38,019.24	100.0
Jumlah Perbelanjaan	313,979.33	317,516.16	(3,536.83)	(1.1)
Lebihan/(Defisit)	(87,645.22)	(51,370.68)	(36,274.54)	70.6
Nisbah Defisit Kepada KDNK (%)	6.2	3.4		
Hutang Persekutuan	879,559.71	792,997.56	86,562.15	10.9
Nisbah Hutang Persekutuan Kepada KDNK (%)	62.1	52.4		
Liabiliti Kewangan	307,252.68	286,540.19	20,712.49	7.2
Jumlah Liabiliti Persekutuan	1,186,812.39	1,079,537.75	107,274.64	9.9
Nisbah Liabiliti Persekutuan Kepada KDNK (%)	83.8	71.3		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

Nota: KDNK 2020: RM1,416.605 bilion, KDNK 2019: RM1,513.157 bilion (Berdasarkan Laporan Keluaran Dalam Negeri Kasar Tahunan 2015 hingga 2020, Jabatan Perangkaan Malaysia pada Mei 2021)

3.2. Defisit tersebut ditampung dengan pinjaman dari dalam negeri yang berjumlah RM194.555 bilion. Selain daripada membiayai perbelanjaan pembangunan, **pinjaman ini juga digunakan untuk membayar balik hutang yang matang berjumlah RM98.058 bilion.**

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Pada tahun 2020, Kumpulan Wang Disatukan yang terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan adalah berjumlah RM66.094 bilion. Jumlah ini merupakan baki terkumpul daripada Akaun Hasil Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan yang dipegang dalam bentuk wang tunai berjumlah RM26.030 bilion dan pelaburan berjumlah RM40.063 bilion. Secara keseluruhannya, **baki Kumpulan Wang Disatukan meningkat sejumlah RM6.863 bilion atau 11.6% kepada RM66.094 bilion.** Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.2.**

**JADUAL 2.2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
1.	Akaun Hasil Disatukan	11,863.13	11,863.13	-	-
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	-	16,277.38	(16,277.38)	(100)
3.	Akaun Amanah Disatukan:	54,230.68	31,090.17	23,140.51	74.4
	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	22,722.75	10,428.41	12,294.34	117.9
	Kumpulan Wang Amanah Awam	20,072.17	9,494.21	10,577.96	111.4
	Akaun Deposit	11,435.76	11,167.55	268.21	2.4
JUMLAH		66,093.81	59,230.68	6,863.13	11.6

Sumber: Penyata Kedudukan Kewangan Tahun 2020

4.2. Analisis Audit mendapati peningkatan disebabkan perkara seperti berikut:

4.2.1. Akaun Pinjaman Disatukan telah berbaki sifar berbanding RM16.277 bilion pada tahun 2019. Hal ini disebabkan oleh **kesemua baki prinsipal pinjaman yang berjumlah RM99.091 bilion telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang COVID-19, manakala premium bersih berjumlah RM13.683 bilion telah dilaraskan kepada Akaun Penyelesaian Premium/Diskaun Sekuriti Kerajaan.**

4.2.2. Akaun Amanah Disatukan meningkat sejumlah RM23.141 bilion atau 74.4% kepada RM54.231 bilion berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM31.090 bilion. Antara penyumbang utama peningkatan baki Akaun Amanah Disatukan ialah **peningkatan**

dalam baki Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset berjumlah RM10.781 bilion yang merupakan terimaan dari pemulangan aset 1MDB berjumlah RM12.680 bilion. Selain itu, terdapat lebihan sejumlah RM11.445 bilion dalam Kumpulan Wang Pembangunan yang telah meningkatkan baki akhir Kumpulan Wang Amanah Wang Kerajaan.

5. WANG AWAM

Wang awam terdiri daripada wang tunai dan pelaburan. Pada tahun 2020, wang awam adalah berjumlah RM66.094 bilion iaitu meningkat sejumlah RM6.863 bilion atau 11.6% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM59.231 bilion. Secara keseluruhannya, kedua-dua baki wang tunai dan pelaburan mencatatkan peningkatan masing-masing sebanyak 27.0% dan 3.4% berbanding baki pada tahun 2019. Kedudukan wang awam pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.3**.

**JADUAL 2.3
KEDUDUKAN WANG AWAM PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
1.	Wang Tunai	26,030.39	20,497.07	5,533.32	27.0
2.	Pelaburan	40,063.42	38,733.61	1,329.81	3.4
JUMLAH		66,093.81	59,230.68	6,863.13	11.6

Sumber: Penyata Kedudukan Kewangan Tahun 2020

5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang tunai merupakan sebahagian daripada aset Kerajaan Persekutuan yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Wang tunai dalam bank terdiri daripada akaun semasa dan simpanan tetap bagi tempoh tidak melebihi tiga bulan. Wang tunai dalam perjalanan pula adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dibankkan serta wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan. Wang tunai dalam tangan terdiri daripada Panjar Wang Runcit yang diberi kepada pemegang panjar sebagai pendahuluan perbelanjaan. Kedudukan wang tunai pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.4**.

**JADUAL 2.4
KEDUDUKAN WANG TUNAI PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
1.	Wang Tunai Dalam Bank	23,386.39	19,723.45	3,662.94	18.6
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	2,641.12	770.75	1,870.37	242.7

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	2.88	2.87	0.01	0.3
	JUMLAH	26,030.39	20,497.07	5,533.32	27.0

Sumber: Nota 3, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

5.1.2. Wang tunai dalam bank pada 31 Disember 2020 yang berjumlah RM23.386 bilion terdiri daripada simpanan tetap kurang tiga bulan berjumlah RM14.076 bilion dan baki tunai di bank berjumlah RM9.310 bilion. Wang tunai dalam bank telah meningkat sejumlah RM3.663 bilion atau 18.6% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM19.723 bilion. Peningkatan ini disebabkan **penebusan sebahagian besar pegangan deposit bagi tempoh tiga hingga 12 bulan berjumlah RM3.433 bilion.**

5.1.3. Wang tunai dalam perjalanan pada 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM2.641 bilion iaitu meningkat sejumlah RM1.870 bilion atau 242.7% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM770.75 juta. Peningkatan ini disebabkan oleh **terimaan hasil cukai pendapatan syarikat dan cukai barang dan perkhidmatan berjumlah RM1.782 bilion.**

5.2. Pelaburan

5.2.1. Pelaburan Kerajaan Persekutuan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah terdiri daripada wang dalam Kumpulan Wang Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 dan 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 serta Kumpulan Wang Amanah Negara yang ditadbir urus mengikut Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988. Pelaburan Am pula ialah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

5.2.2. Pada 31 Disember 2020, sebanyak 83.1% daripada pelaburan Kerajaan adalah terdiri daripada wang tunai dalam Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) dan Kumpulan Wang Amanah yang lain berjumlah RM33.290 bilion, manakala sejumlah RM6.773 bilion atau 16.9% pula merupakan pelaburan dari sumber lebihan Kumpulan Wang Disatukan. Kedudukan baki pelaburan Kerajaan berdasarkan sumber dana seperti dalam **Jadual 2.5**, manakala kedudukan pelaburan Kerajaan berdasarkan instrumen pelaburan seperti dalam **Jadual 2.6**.

JADUAL 2.5
KEDUDUKAN PELABURAN KUMPULAN WANG AMANAH
DAN PELABURAN AM PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	SUMBER DANA PELABURAN	TAHUN				PERUBAHAN	
		2020		2019			
		RM JUTA	%	RM JUTA	%	RM Juta	%
1.	Kumpulan Wang Amanah Negara	16,515.29	41.2	16,038.67	41.4	476.62	3.0
2.	Kumpulan Wang Amanah yang Lain	16,774.43	41.9	10,164.59	26.2	6,609.84	65.0
3.	Lebihan Kumpulan Wang Disatukan	6,773.70	16.9	12,530.35	32.4	(5,756.65)	(45.9)
JUMLAH KESELURUHAN		40,063.42	100.0	38,733.61	100.0	1,329.81	3.4

Sumber: Nota 4, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

JADUAL 2.6
KEDUDUKAN PELABURAN BERDASARKAN
INSTRUMEN PELABURAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	JENIS PELABURAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
1.	Sekuriti Hutang Kerajaan Luar Negeri	5,229.69	4,157.77	1,071.92	25.8
2.	Sekuriti Hutang Kerajaan Malaysia	1,862.76	1,974.50	(111.74)	(5.7)
3.	Sekuriti Hutang Swasta Luar Negeri	2,473.32	3,294.91	(821.59)	(24.9)
4.	Sekuriti Hutang Swasta Dalam Negeri	4,465.34	3,828.89	636.45	16.6
5.	Sekuriti Tersiar Harga Luar Negeri	-	122.10	(122.10)	(100.0)
6.	Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri	2,044.86	2,221.17	(176.31)	(7.9)
7.	Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	7,157.87	7,157.87	-	-
8.	Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 – 12 bulan	6,786.14	15,975.46	(9,189.32)	(57.5)
9.	Deposit Jangka Panjang Dalam Negeri Melebihi 12 Bulan	10,042.50	-	10,042.50	100.0
10.	Pelbagai	0.94	0.94	-	-
JUMLAH KESELURUHAN		40,063.42	38,733.61	1,329.81	3.4

Sumber: Nota 4, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

5.2.3. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Negara

- Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Negara ditadbir urus oleh Bank Negara Malaysia. Selaras dengan Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988, Penyata Kewangan KWAN telah disediakan berasaskan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). Amaun pelaburan KWAN dilaporkan dalam Penyata Kewangan KWAN adalah pada nilai pasaran (asas akruan), manakala pelaburan KWAN dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dilaporkan pada nilai kos atau nilai buku (asas tunai).
- Pelaburan KWAN terdiri daripada instrumen Sekuriti Hutang Kerajaan Luar Negeri, Sekuriti Hutang Swasta Dalam Negeri, Sekuriti Hutang Swasta Luar Negeri, Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri, Sekuriti Hutang Kerajaan Malaysia dan Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri. Termasuk dalam pelaburan Kerajaan pada tahun 2020 ialah pelaburan KWAN yang berjumlah RM16.515 bilion iaitu 41.2% daripada

RM40.063 bilion, iaitu jumlah pelaburan Kerajaan. Bagi tahun 2020, pelaburan KWAN merekodkan peningkatan sejumlah RM0.476 bilion atau 3.0% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM16.039 bilion. Peningkatan baki pelaburan disebabkan oleh terimaan dana daripada syarikat Petroliam Nasional Berhad berjumlah RM100 juta serta terimaan faedah dan dividen yang dilaburkan semula. Kedudukan Pelaburan KWAN pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.7**.

JADUAL 2.7
KEDUDUKAN PELABURAN KWAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	JENIS PELABURAN	NILAI BUKU		PERUBAHAN	
		TAHUN 2020 (RM Juta)	TAHUN 2019 (RM Juta)	RM Juta	%
1.	Sekuriti Hutang Kerajaan Luar Negeri	5,229.69	4,157.77	1,071.92	25.8
2.	Sekuriti Hutang Swasta Dalam Negeri	4,465.34	3,828.89	636.45	16.6
3.	Sekuriti Hutang Swasta Luar Negeri	2,473.32	3,294.91	(821.59)	(24.9)
4.	Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri	2,044.18	2,220.50	(176.32)	(7.9)
5.	Sekuriti Hutang Kerajaan Malaysia	1,862.76	1,974.50	(111.74)	(5.7)
6.	Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	440.00	440.00	-	-
7.	Sekuriti Tersiar Harga Luar Negeri	-	122.10	(122.10)	(100.0)
JUMLAH KESELURUHAN		16,515.29	16,038.67	476.62	3.0

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

5.2.4. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah yang Lain

- Pada tahun 2020, pelaburan dalam Kumpulan Wang Amanah yang lain sebahagian besarnya terdiri daripada Deposit Jangka Panjang Dalam Negeri Melebihi 12 Bulan berjumlah RM10.043 bilion; dan Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi Tiga hingga 12 bulan yang berjumlah RM6.731 bilion yang diuruskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Pelaburan berjumlah RM16.774 bilion ini menyumbang sebanyak 41.9% daripada keseluruhan pelaburan Kerajaan. Ianya telah meningkat sejumlah RM6.610 bilion berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM10.164 bilion.
- Peningkatan 100% dalam Deposit Jangka Panjang Dalam Negeri Melebihi 12 Bulan** disebabkan oleh **pelaburan daripada Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset (AAMKA) berjumlah RM10.043 bilion**, hasil daripada perjanjian penyelesaian syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dengan Goldman Sachs Group, Inc. yang berjumlah USD2.500 bilion. Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi Tiga hingga 12 bulan yang berjumlah RM6.731 bilion mengalami penurunan berjumlah RM3.433 bilion disebabkan oleh penukar tempoh matang deposit bagi Akaun Amanah Wang Tak Dituntut kepada kurang tiga bulan.

5.2.5. Pelaburan Am


Pelaburan Am adalah pelaburan yang menggunakan lebihan daripada Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Pada tahun 2020, pelaburan ini berjumlah RM6.774 bilion iaitu 16.9% daripada keseluruhan pelaburan Kerajaan. Pelaburan Am terdiri daripada Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri, Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi Tiga hingga 12 bulan dan dua bidang tanah bernilai RM0.94 juta. **Nilai pelaburan Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi Tiga hingga 12 bulan berkurangan sejumrah RM5.757 bilion atau 99.1%** kepada RM55 juta berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM5.812 bilion. Pengurangan ini disebabkan oleh **pengeluaran deposit untuk dipegang dalam tunai.**

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua terimaan wang serta perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.

6.2. **Pada 31 Disember 2020, Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebihan hasil berjumlah RM0.475 bilion.** Jumlah ini menurun sejumrah RM0.597 bilion atau 55.7% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM1.072 bilion. Lebihan ini telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan. Prestasi kedudukan lebihan hasil bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 2.1.**

**CARTA 2.1
KEDUDUKAN LEBIHAN HASIL
AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TEMPOH 2016 HINGGA 2020**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2016 hingga 2020

6.3. Pada tahun 2020, hasil Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM225.075 bilion, manakala perbelanjaan mengurus berjumlah RM224.600 bilion. Baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan kekal berjumlah RM11.863 bilion. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.8**.

JADUAL 2.8
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKNAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
Baki pada 1 Januari	11,863.13	11,863.13	-	-
Hasil	225,074.95	264,414.75	(39,339.80)	(14.9)
Perbelanjaan Mengurus	(224,600.24)	(263,342.92)	38,742.68	(14.7)
Lebihan Hasil	474.71	1,071.83	(597.12)	(55.7)
Lebihan Hasil Dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan	(474.71)	(1,071.83)	597.12	(55.7)
BAKI PADA 31 DISEMBER	11,863.13	11,863.13	-	-

Sumber: Nota 5, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

6.4. Hasil

6.4.1. Hasil Kerajaan Persekutuan terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil Wilayah Persekutuan. Pada tahun 2020, terimaan hasil Kerajaan Persekutuan mencatatkan sejumlah RM225.075 bilion, iaitu menurun RM39.340 bilion atau 14.9% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM264.415 bilion. Prestasi kutipan hasil bagi tahun 2020 adalah kurang daripada anggaran hasil yang ditetapkan sejumlah RM2.195 bilion atau 1.0%. Butiran prestasi kutipan hasil pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.9**.

JADUAL 2.9
HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	TAHUN 2020		TAHUN 2019		PERUBAHAN	
		RM Juta	%	RM Juta	%	RM Juta	%
1.	Hasil Cukai	154,397.97	68.6	180,566.08	68.3	(26,168.11)	(14.5)
2.	Hasil Bukan Cukai	62,046.60	27.6	79,825.09	30.2	(17,778.49)	(22.3)
3.	Terimaan Bukan Hasil	7,953.68	3.5	3,292.08	1.2	4,661.60	141.6
4.	Hasil Wilayah Persekutuan	676.70	0.3	731.50	0.3	(54.80)	(7.5)
JUMLAH HASIL		225,074.95	100.0	264,414.75	100.0	(39,339.80)	(14.9)

Sumber: Nota 5(a), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

6.4.2. Hasil Cukai

- Hasil utama Kerajaan Persekutuan adalah hasil cukai yang antaranya terdiri daripada cukai pendapatan, cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Hasil ini menyumbang sejumlah RM154.398 bilion atau 68.6% daripada keseluruhan hasil Kerajaan. Hasil

cukai ini berkurangan sejumlah RM26.168 bilion atau 14.5% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM180.566 bilion.

- b. **Penurunan hasil cukai** sebahagian besarnya disumbangkan oleh **kutipan hasil cukai langsung yang lebih rendah iaitu berjumlah RM112.511 bilion berbanding RM134.723 bilion pada tahun 2019** iaitu penurunan sejumlah RM22.212 bilion atau 16.5%. Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah cukai di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi. Antaranya, membenarkan penundaan bayaran cukai pendapatan syarikat bagi sektor terpilih. Hal ini menyebabkan **kutipan cukai pendapatan syarikat merosot sejumlah RM13.686 bilion atau 21.5% kepada RM50.065 bilion berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM63.751 bilion**. Selain itu, pengurangan harga purata petroleum mentah dunia daripada USD64 kepada USD42 dan jumlah pengeluaran yang rendah memberi kesan kepada kutipan cukai pendapatan petroleum yang turut merosot sejumlah RM8.011 bilion atau 38.5% daripada RM20.783 bilion pada tahun 2019 kepada RM12.772 bilion pada tahun 2020.
- c. Antara hasil cukai tidak langsung yang merekodkan penurunan tertinggi adalah cukai jualan kenderaan motor penumpang sejumlah RM0.854 bilion serta cukai jualan dan duti eksais motokar *completely build up* sejumlah RM0.849 bilion. Perkara ini disebabkan oleh pengecualian cukai jualan kenderaan penumpang bermula 16 Jun 2020. Selain itu, cukai perkhidmatan bagi penyedia perkhidmatan penginapan serta sajian makanan juga berkurangan sejumlah RM0.931 bilion.
- d. Walaupun jumlah hasil cukai mengalami penurunan, hasil cukai jualan atas barang-barang perkilangan dalam negeri meningkat sejumlah RM1.511 bilion kepada RM1.512 bilion berbanding hanya RM0.65 juta pada tahun 2019. Perkara ini disebabkan pembatalan pengecualian cukai jualan terhadap produk RON95 dan diesel pada akhir tahun 2020. Hasil cukai perkhidmatan digital yang baharu diperkenalkan mulai tahun 2020 hanya menyumbang RM0.487 bilion iaitu 4.06% dari jumlah keseluruhan cukai perkhidmatan dan 1.2% dari jumlah cukai tidak langsung.

6.4.3. Hasil Bukan Cukai

- a. Penyumbang utama bagi hasil bukan cukai adalah faedah dan perolehan daripada pelaburan yang berjumlah RM46.067 bilion atau 74.2% daripada keseluruhan hasil bukan cukai. Amaun ini berkurangan sejumlah RM13.991 bilion atau 23.3% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM60.058 bilion. Pengurangan ini disebabkan terimaan dividen daripada syarikat Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) yang lebih rendah iaitu RM34 bilion berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM54 bilion.

- b. Pada tahun 2020, **sejumlah RM6.046 bilion yang merupakan premium bersih daripada terbitan Pinjaman Persekutuan** dalam Akaun Penyelesaian Premium/Diskaun Sekuriti Kerajaan **telah dipindahkan ke Akaun Hasil Bukan Cukai di bawah faedah dan perolehan daripada pelaburan.** Premium yang dipindahkan ini adalah bagi pinjaman yang diterbitkan pada tahun 2017, 2019 dan sebahagian tahun 2020. Piawaian Perakaunan Kerajaan 3 (PPK3) mengenai Akaun Hasil Disatukan, perenggan 6.1.2 menyatakan bahawa hasil bukan cukai adalah hasil kerajaan termasuk antaranya bayaran untuk perkhidmatan yang diberi, jualan perkhidmatan dan hasil dari pelaburan. **Lebihan yang diterima daripada aktiviti pinjaman bukanlah hasil daripada aktiviti operasi Kerajaan.** Sehubungan itu, **premium bersih daripada terbitan instrumen pinjaman tidak tepat dilaraskan sebagai hasil bukan cukai.** Selain itu, **premium bersih tersebut sepatutnya dipindahkan secara keseluruhan apabila diterima.**
- c. Lesen, bayaran pendaftaran dan permit menjadi penyumbang kedua terbesar bagi hasil bukan cukai. Penurunan hasil di bawah kategori ini adalah disebabkan oleh pengurangan terimaan royalti petroleum sejumlah RM1.586 bilion menjadi RM4.202 bilion pada tahun 2020 berbanding RM5.788 bilion pada tahun 2019.

Maklum balas Jabatan Akauntan Negara yang diterima pada 29 Julai 2021

JANM berpendapat hasil premium bersih tersebut perlu dikekalkan di bawah Hasil Bukan Cukai kerana ia adalah merupakan salah satu hasil Kerajaan yang terbit daripada operasi Kerajaan dalam penerbitan instrumen kewangan Kerajaan. Ia juga bersesuaian dengan tujuan Objek Am 70000 yang dinyatakan di Lampiran B Pekeliling Perbendaharaan PS1.1 iaitu antaranya adalah untuk merekodkan semua hasil Kerajaan selain daripada cukai dan pelbagai terimaan.

Pernyataan Audit	Premium bersih merupakan lebihan daripada terimaan terbitan instrumen pinjaman Kerajaan dan bukanlah hasil daripada aktiviti operasi kementerian. Selaras dengan perakaunan asas tunai, premium bersih sepatutnya diakaunkan sebagai terimaan bukan hasil pada tarikh premium diterima.
-------------------------	--

6.4.4. Terimaan Bukan Hasil

Pada tahun 2020, terimaan bukan hasil merekodkan peningkatan sejumlah RM4.662 bilion atau 141.6% kepada RM7.954 bilion berbanding tahun 2019 yang berjumlah

RM3.292 bilion. Ini disebabkan terimaan bersifat ambilan daripada Kumpulan Wang Persaraan berjumlah RM5 bilion bagi membiayai sebahagian daripada perbelanjaan tanggungan pencen yang berjumlah RM26.392 bilion.

6.5. Perbelanjaan Mengurus

6.5.1. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada perbelanjaan tanggungan (Vot T) dan bekalan (Vot B). Pada tahun 2020, Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan Waran Am Bilangan 1 Tahun 2020 bagi tujuan perbelanjaan mengurus berjumlah RM241.020 bilion. Dalam tempoh yang sama, Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan waran sekatan peruntukan berjumlah RM21.496 bilion dan memberi peruntukan tambahan berjumlah RM7.196 bilion. Sejumlah RM7.184 bilion daripada peruntukan tambahan tersebut diberikan berikutan penyusunan semula kementerian pada 10 Mac 2020. Dengan ini, peruntukan muktamad bagi tahun 2020 adalah berjumlah RM226.720 bilion. Perbandingan peruntukan dan perbelanjaan mengurus pada tahun 2020 dan 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.10**.

**JADUAL 2.10
PERBANDINGAN PERUNTUKAN DAN
PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2020 DAN 2019**

PERKARA	TAHUN		PERUBAHAN	
	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
Peruntukan:				
Anggaran Asal	241,020.00	259,850.00	(18,830.00)	(7.2)
(+) Tambahan	11.98	260.00	(248.02)	(95.4)
(+) Penguntukan Semula	7,184.08	-	7,184.08	100.0
(-) Waran Penyekatan Peruntukan	(21,496.06)	(341.86)	21,154.20	>100.0
(+) Pendahuluan daripada Peruntukan Luar Jangka	-	778.61	(778.61)	(100.0)
PERUNTUKAN MUKTAMAD	226,720.00	260,546.75	(33,826.75)	(13.0)
Perbelanjaan Sebenar*	224,600.24	263,342.92	(38,742.68)	(14.7)
Peratus Perbelanjaan	99.1%	101.1%		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2019 dan 2020

Nota: *Tidak Termasuk Pindahan Kepada Kumpulan Wang Pembangunan

6.5.2. Prestasi perbelanjaan sebenar adalah berjumlah RM224.600 bilion atau 99.1% iaitu menurun sejumlah RM38.743 bilion atau 14.7% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM263.343 bilion. Perbelanjaan Emolumen adalah berjumlah RM82.996 bilion berbanding dengan RM80.534 bilion pada tahun 2019 iaitu peningkatan sejumlah RM2.462 bilion atau 3.1%. Sebaliknya, perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan berkurang kepada RM29.323 bilion berbanding RM31.506 bilion pada tahun 2019, iaitu penurunan sejumlah RM2.183 bilion atau 6.9%. Pengurangan ini turut termasuk perbelanjaan penyenggaraan dan pembaikan kecil berjumlah RM1.322 bilion dan perbelanjaan perjalanan dan sara hidup berjumlah RM0.385 bilion. Demikian juga perbelanjaan Aset

menurun 18.2% kepada RM0.631 bilion pada tahun 2020 berbanding RM0.770 bilion pada tahun 2019.

6.5.3. Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap berkurangan menjadi RM110.688 bilion berbanding RM148.777 bilion pada tahun 2019 iaitu penurunan sejumlah RM38.089 bilion atau 25.6%. Perbelanjaan di bawah butiran Pemberian Dalam Negeri adalah sejumlah RM41.222 bilion, iaitu pengurangan ketara berjumlah RM42.397 bilion atau 50.7% berbanding RM83.619 bilion pada tahun 2019 disebabkan tiada peruntukan terkanan kepada Tabung Bayaran Balik Cukai dan Kumpulan Wang Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM35 bilion. Perbelanjaan-perbelanjaan lain berkurang kepada RM0.962 bilion pada tahun 2020 berbanding RM1.755 bilion pada tahun 2019.

6.5.4. Senarai lima perbelanjaan dengan penurunan tertinggi bagi tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.11**.

JADUAL 2.11
SENARAI LIMA PERBELANJAAN
DENGAN PENURUNAN TERTINGGI BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	PERIHAL PERBELANJAAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
1.	Pemberian Dalam Negeri	41,222.24	83,618.99	(42,396.75)	(50.7)
2.	Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli	5,184.97	6,506.73	(1,321.76)	(20.3)
3.	Bayaran-bayaran Lain	307.63	862.29	(554.66)	(64.3)
4.	Perjalanan dan Sara Hidup	757.45	1,142.81	(385.36)	(33.7)
5.	Pulangan Balik dan Hapus Kira	315.49	642.88	(327.39)	(50.9)

Sumber: Data iGFMAS, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

6.5.5. Perbelanjaan mengurus tahun 2020 bagi 39 vot peruntukan adalah berjumlah RM224.600 bilion iaitu 99.1% daripada peruntukan yang diluluskan. Sebanyak 36 vot peruntukan kementerian dan jabatan telah berbelanja di antara 72.5% hingga 99.9%, manakala **dua vot peruntukan telah berbelanja melebihi peruntukan iaitu 19.0% dan 646.6%**. Kedua-dua lebihan perbelanjaan ini telah diluluskan melalui Seksyen 10A Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 [P.U.(A)151/2021]. Butiran bagi perbelanjaan melebihi peruntukan berdasarkan kod objek am kementerian dan jabatan terlibat adalah seperti dalam **Jadual 2.12**.


JADUAL 2.12
PERBELANJAAN MENGURUS MELEBIHI PERUNTUKAN MENGIKUT PROGRAM

BIL.	KOD VOT & PERIHAL	KOD PROGRAM /AKTIVITI	OBJEK AM	ANGGARAN DIPINDA	PERBELANJAAN MELEBIHI ANGGARAN DIPINDA		
					RM Juta	RM Juta	RM Juta
1.	B.04 Suruhanjaya Pilihanraya	B04010100	20000	14.67	109.52	94.85	646.6
2.	B.25 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	B25040300	40000	443.89	528.29	84.40	19.0
JUMLAH				458.56	637.81	179.25	39.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

6.5.6. Analisis Audit mendapati perbelanjaan kerana hutang negara (kos bagi mendapatkan pinjaman) menunjukkan peningkatan sejumlah RM1.562 bilion atau 4.7% iaitu daripada RM32.933 bilion pada tahun 2019 kepada RM34.495 bilion pada tahun 2020. Kos mendapatkan pinjaman bagi tahun 2020 ini merupakan 15.3% daripada jumlah hasil kerajaan (2019: 12.5%) dan merupakan 51.3% daripada jumlah perbelanjaan tanggungan iaitu yang tertinggi dalam kumpulan perbelanjaan tanggungan (2019: 51.4%). Kedudukan perbelanjaan kerana hutang negara pada tahun 2020 dan empat tahun sebelumnya adalah seperti dalam **Carta 2.2**.

CARTA 2.2
PERBELANJAAN KERANA HUTANG NEGARA BAGI TEMPOH 2016 HINGGA 2020




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2016 hingga 2020

6.5.7. Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- Arahan Perbendaharaan 58(a) [AP58(a)] menetapkan bahawa kebenaran khas daripada Akauntan Negara Malaysia adalah diperlukan bagi membayar baucar perbelanjaan mengurus yang dikemukakan dalam tahun semasa berkaitan dengan

pertanggungan yang kena bayar pada tahun sebelumnya. Permohonan itu hanya boleh dipertimbangkan dengan syarat kementerian atau jabatan mempunyai baki peruntukan dalam tahun perbelanjaan itu kena dibayar. Pada tahun 2020 pembayaran AP58(a) adalah berjumlah RM887.96 juta iaitu berkurangan sejumlah RM653.16 juta atau 42.4% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM1,541.12 juta. Kementerian Kesihatan Malaysia mencatatkan perbelanjaan AP58(a) tertinggi pada tahun 2020 berbanding Perbendaharaan Malaysia yang mencatatkan perbelanjaan tertinggi pada tahun 2019. Ringkasan bayaran AP58(a) mengikut kementerian dan jabatan adalah seperti dalam **Carta 2.3**.

CARTA 2.3
BAYARAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN 58(a)
MENGIKUT KEMENTERIAN DAN JABATAN PADA TAHUN 2020



Sumber: Data Perbelanjaan iGFMAS, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

- Analisis Audit terhadap prestasi pembayaran AP58(a) tahun 2020 mendapati perkara seperti berikut:
 - Penurunan perbelanjaan AP58(a) pada tahun 2020 antaranya disebabkan oleh penurunan bayaran tunggakan pampasan kepada konsesi lebuh raya. Pada tahun 2020, Perbendaharaan Malaysia telah menjelaskan hanya sejumlah RM38.57 juta bagi pampasan tahun 2019 berbanding RM452.86 juta pada tahun 2019 bagi pampasan tahun 2018 dan sebelumnya. Analisis Audit mendapati perbelanjaan AP58(a) bagi tuntutan perkhidmatan keselamatan dan penyenggaraan bangunan di Kementerian Pendidikan Malaysia berkurangan sejumlah RM48.14 juta kepada RM34.89 juta pada tahun 2020 berbanding perbelanjaan tahun 2019 yang berjumlah RM83.03 juta.
 - Pembayaran AP58(a) bagi tahun 2020 adalah terdiri daripada bekalan dan perkhidmatan tahun 2019 berjumlah RM831.70 juta; dan sejumlah

RM56.26 juta bagi tempoh pada atau sebelum tahun 2018. Ringkasan bayaran AP58(a) bagi perkhidmatan dan bekalan adalah seperti dalam **Jadual 2.13**.

JADUAL 2.13
BAYARAN AP58(a) MENGIKUT TAHUN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

BIL.	KEMENTERIAN / JABATAN	TAHUN BEKALAN / PERKHIDMATAN		JUMLAH KESELURUHAN (RM Juta)
		2019 (RM Juta)	< 2018 (RM Juta)	
1.	Kementerian Kesihatan Malaysia	244.82	4.38	249.20
2.	Kementerian Dalam Negeri	186.91	0.80	187.71
3.	Perbendaharaan Malaysia	85.20	38.84	124.04
4.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	94.05	0.11	94.16
5.	Kementerian Pendidikan Malaysia	67.75	4.19	71.94
6.	Kementerian Pertahanan	19.17	3.70	22.87
7.	Kementerian dan Jabatan lain	133.80	4.24	138.04
JUMLAH KESELURUHAN		831.70	56.26	887.96

Sumber: Rekod iGFMAS dan Rekod JANM Negeri/Kementerian/Jabatan

- iii. Perbelanjaan AP58(a) bagi bekalan dan perkhidmatan tahun 2019 yang tertinggi adalah melibatkan Kementerian Kesihatan Malaysia yang berjumlah RM244.82 juta atau 29.4% daripada keseluruhan perbelanjaan yang berjumlah RM831.70 juta. Pembayaran ini melibatkan tuntutan Perkhidmatan Sokongan Klinik dan Perkhidmatan Sokongan Hospital. Kementerian Dalam Negeri (KDN) mencatatkan sejumlah RM186.91 juta pembayaran AP58(a) melibatkan perbelanjaan bagi tuntutan perjalanan, bil utiliti, sewaan ruang pejabat dan perkhidmatan percetakan bahan terbitan KDN. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pula merekodkan pembayaran AP58(a) berjumlah RM94.05 juta melibatkan tuntutan subsidi Skim Penstabilan Minyak Masak yang berjumlah RM83.98 juta.
- iv. Bayaran AP58(a) bagi bekalan dan perkhidmatan yang paling lama adalah tahun 2016 di bawah Kementerian Pertahanan. Transaksi ini melibatkan bayaran bil utiliti di Negeri Sabah berjumlah RM2.58 juta yang berpunca daripada kesilapan bacaan meter oleh Lembaga Air Sabah, masalah teknikal sistem Jabatan Air Sabah dan akaun tertunggak sejak tahun 2012 yang tidak dipukalkan.
- v. Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 13 Mei 2018 telah menetapkan supaya semua kementerian, jabatan dan agensi mengemukakan permohonan bayaran AP58(a) sebelum atau pada 30 Jun. Berdasarkan analisis Audit, pembayaran AP58(a) yang dijelaskan pada atau sebelum bulan Jun 2020 adalah berjumlah RM681.30 juta atau 76.7% berbanding amaun keseluruhan bayaran

yang berjumlah RM887.96 juta. Prestasi bayaran ini adalah lebih baik berbanding tahun 2019 (52.1%). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.14**.

JADUAL 2.14
PEMBAYARAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN 58(a)
SEBELUM DAN SELEPAS BULAN JUN 2020 DAN 2019

PEMBAYARAN	TAHUN 2020		TAHUN 2019	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Sebelum Bulan Jun	681.30	76.7	803.10	52.1
Selepas Bulan Jun	206.66	23.3	738.02	47.9
JUMLAH	887.96	100.0	1,541.12	100.0

Sumber: Rekod iGFMAS dan Rekod JANM Negeri/Kementerian/Jabatan

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

7.1. Akaun Pinjaman Disatukan mengakaunkan urus niaga pinjaman dalam dan luar negeri mengikut akta berkaitan. Pada tahun 2020, Akaun Pinjaman Disatukan adalah berbaki sifar berbanding RM16.277 bilion pada tahun 2019. Kesemua baki pinjaman bersih telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang COVID-19 dan Akaun Penyelesaian Premium/Diskaun Sekuriti Kerajaan. Kedudukan Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.15**.

JADUAL 2.15
KEDUDUKAN AKAUN PINJAMAN DISATUKAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
Baki Pada 1 Januari	16,277.38	15,224.12	1,053.26	6.9
Terimaan:	194,555.28	138,558.88	55,996.40	40.4
Dalam Negeri	194,555.28	131,254.93	63,300.35	48.2
Luar Negeri	-	7,303.95	(7,303.95)	(100.0)
Bayaran:	(98,058.10)	(83,049.59)	15,008.51	18.1
Dalam Negeri	(97,727.56)	(82,722.69)	15,004.87	18.1
Luar Negeri	(330.54)	(326.90)	3.64	1.1
Pelarasan Akaun Premium/Diskaun Sekuriti Kerajaan	(13,683.52)	-	13,683.52	100.0
Pindahan Ke Kumpulan Wang Pembangunan	(61,071.04)	(54,456.03)	6,615.01	12.1
Pindahan Ke Kumpulan Wang COVID-19	(38,020.00)	-	38,020.00	100.0
Baki Pada 31 Disember	-	16,277.38	(16,277.38)	(100.0)

Sumber: Nota 6, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

7.2. Terimaan pinjaman kasar bagi tahun 2020 telah bertambah sebanyak RM55.996 bilion atau 40.4% menjadikan jumlah terimaan keseluruhannya berjumlah RM194.555 bilion berbanding RM138.559 bilion pada tahun 2019. Jumlah terimaan pinjaman ini bersamaan dengan 13.7% daripada nilai Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) tahun 2020. Terimaan

pinjaman baharu adalah bagi Pinjaman Dalam Negeri, manakala tiada pinjaman baharu dicatatkan bagi Pinjaman Luar Negeri dan Bantuan Luar Negeri.


7.3. Sejumlah RM61.071 bilion telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan, manakala RM38.020 bilion telah dipindahkan ke Kumpulan Wang COVID-19. Pindahan ke Kumpulan Wang COVID-19 adalah selaras dengan penubuhan kumpulan wang tersebut yang diwartakan di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan [Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)] 2020 atau Akta 830 pada 26 Oktober 2020. Pindahan pertama telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 17 Disember 2020 berjumlah RM38 bilion, manakala pindahan kali kedua pada 31 Disember 2020 berjumlah RM20 juta.

7.4. Analisis Audit terhadap pinjaman kasar berjumlah RM194.555 bilion yang diterima pada tahun 2020 mendapati **sejumlah RM98.058 bilion atau 50.4% daripadanya digunakan untuk bayaran balik prinsipal pinjaman yang matang pada tahun 2020**. Bayaran balik prinsipal meningkat sejumlah RM15.008 bilion atau 18.1% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM83.050 bilion. Sejumlah RM97.728 bilion atau 99.7% adalah bayaran balik pinjaman dalam negeri, manakala RM0.330 bilion atau 0.3% adalah bayaran balik hutang luar negeri. **Perkara ini menunjukkan kebergantungan Kerajaan terhadap pinjaman baharu untuk membiayai bayaran balik prinsipal pinjaman yang telah matang.** Dalam jangka masa panjang, bebanan kewangan Negara akan bertambah untuk pembayaran kos pinjaman menyebabkan peruntukan mengurus untuk perolehan bekalan dan perkhidmatan serta pembelian aset akan berkurangan.

7.5. Sejumlah RM48.571 bilion dari terimaan pinjaman tahun 2020 telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan iaitu menurun sejumlah RM3.161 bilion atau 6.1% berbanding pindahan terimaan pinjaman tahun 2019 yang berjumlah RM51.732 bilion. **Hanya sejumlah RM40.306 bilion atau 20.7% daripada jumlah pinjaman kasar digunakan untuk perbelanjaan pembangunan, manakala RM8.265 bilion telah digunakan untuk membayar Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta dan pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan (2019: RM6.238 bilion).**

7.6. Perkara ini menjadikan **jumlah bayaran liabiliti Kerajaan bagi tahun 2020 berjumlah RM106.323 bilion atau 54.6% daripada keseluruhan terimaan pinjaman kasar tahun kewangan 2020 [2019: RM89.288 bilion (64.4%)]**. Ringkasan penggunaan terimaan pinjaman kasar tahun 2020 adalah seperti dalam **Carta 2.4**.

CARTA 2.4
PENGGUNAAN TERIMAAN PINJAMAN KASAR TAHUN 2020



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

7.7. Pada tahun 2020, premium dan diskaun bagi sekuriti pinjaman Kerajaan telah dilaraskan kepada Akaun Penyelesaian Premium/Diskaun Sekuriti Kerajaan Malaysia yang berjumlah RM13.683 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM3.777 bilion merupakan premium bersih bagi tahun 2019, manakala RM9.906 bilion merupakan premium bersih bagi pinjaman yang diterima pada tahun 2020. **Akaun Penyelesaian Premium/Diskaun Sekuriti Kerajaan Malaysia tidak aktif pada tahun 2018 dan 2019 kerana premium/diskaun yang diterima dikekalkan dalam Akaun Pinjaman Disatukan. Pelarasian/pindahan premium bersih dari akaun ini ke Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2020 menunjukkan pelaksanaan dasar mengenai Premium/Diskaun Sekuriti Kerajaan Malaysia adalah tidak konsisten.**

Maklum balas Kementerian Kewangan yang diterima pada 28 Jun 2021

JANM berpandangan pelarasian premium bersih ke Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan adalah wajar sebelum jumlah premium tersebut dipindahkan ke Akaun Hasil. Ini kerana Akaun Premium di bawah Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan tersebut adalah bersifat sementara sahaja sebelum premium tersebut dipindahkan ke hasil tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Wang Tunai. Pindahan premium ke hasil dibuat berdasarkan kepada unjuran daripada pihak Bahagian Fiskal dan Ekonomi, Kementerian Kewangan dengan mengambil kira keadaan fiskal semasa Kerajaan Persekutuan.

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Pada tahun 2020, baki Akaun Amanah Disatukan adalah RM54.231 bilion iaitu meningkat dengan ketara sejumlah RM23.141 bilion atau 74.4% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM31.090 bilion. Peningkatan ketara adalah disebabkan oleh peningkatan baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Kumpulan Wang Amanah Awam. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.16**.

JADUAL 2.16
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	KATEGORI AKAUN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	22,722.75	10,428.41	12,294.34	117.9
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	20,072.17	9,494.21	10,577.96	111.4
3.	Deposit	11,435.76	11,167.55	268.21	2.4
JUMLAH		54,230.68	31,090.17	23,140.51	74.4

Sumber: Nota 7, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

8.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Sebahagian Kumpulan Wang ini merupakan kumpulan wang pusingan, manakala yang lain adalah bayaran langsung. Peruntukan yang disalurkan dalam Kumpulan Wang Amanah ini perlu dikendalikan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh undang-undang dan Arahan Amanah yang berkaitan. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dikategorikan kepada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang COVID-19 dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.17**.

JADUAL 2.17
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN
PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	KATEGORI AKAUN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
1.	Kumpulan Wang Pembangunan	(13,255.37)	(24,700.42)	11,445.05	46.3
2.	Kumpulan Wang COVID-19	0.77	-	0.77	100.0
3.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	35,977.35	35,128.83	848.52	2.4
JUMLAH		22,722.75	10,428.41	12,294.34	117.9

Sumber: Nota 7, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

8.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan

- a. Pada tahun 2020, Kumpulan Wang Pembangunan masih berbaki defisit berjumlah RM13.255 bilion tetapi menurun sebanyak RM11.445 bilion atau 46.3% berbanding baki defisit RM24.700 bilion tahun 2019. Caruman daripada Akaun Hasil Disatukan hanya sejumlah RM0.475 bilion iaitu berkurangan sejumlah RM0.597 bilion atau 55.7% daripada caruman tahun 2019 yang berjumlah RM1.072 bilion. Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.18**.

JADUAL 2.18
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN
PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
Baki Pada 1 Januari	(24,700.42)	(27,785.78)	3,085.36	11.1
Terimaan:	62,804.91	57,258.59	5,546.32	9.7
Caruman dari Akaun Hasil Disatukan	474.71	1,071.83	(597.12)	(55.7)
Pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan	61,071.05	54,456.03	6,615.02	12.1
Terimaan Balik Pinjaman	1,180.12	1,602.91	(422.79)	(26.4)
Jualan Aset Modal	0.06	-	0.06	100.0
Pelbagai Terimaan	78.97	127.82	(48.85)	(38.2)
Bayaran:				
Perbelanjaan Pembangunan	51,359.86	54,173.23	(2,813.37)	(5.2)
Lebihan	11,445.05	3,085.36		
Baki Pada 31 Disember	(13,255.37)	(24,700.42)	11,445.05	46.3

Sumber: Nota 7(a)(i), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

- b. Peningkatan baki Kumpulan Wang Pembangunan antaranya disebabkan peningkatan amaun pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan dan penurunan dalam perbelanjaan pembangunan. Amaun pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan berjumlah RM61.071 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM6.615 bilion atau 12.1% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM54.456 bilion. Pindahan ini termasuk amaun pinjaman yang didapatkan pada tahun 2019 yang berjumlah RM12.500 bilion atau 20.5%. Perbelanjaan pembangunan pula berjumlah RM51.360 bilion iaitu berkurangan sejumlah RM2.813 bilion atau 5.2% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM54.173 bilion.
- c. Sehingga akhir tahun 2020, **baki defisit Kumpulan Wang Pembangunan yang berjumlah RM13.255 bilion ini tidak dapat ditampung oleh Akaun Pinjaman Disatukan yang berbaki sifar dan juga lebihan Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM11.863 bilion. Ini bermakna,**

sebahagian perbelanjaan pembangunan telah dibiayai oleh kumpulan wang amanah yang lain.

d. Perbelanjaan Pembangunan

- Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan Waran Am Bilangan 1 Tahun 2020 bagi tujuan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM58 bilion. Peruntukan ini telah ditambah sejumlah RM0.125 bilion melalui pendahuluan daripada simpanan luar jangka. Selain itu, Perbendaharaan Malaysia juga telah mengeluarkan waran penyekatan peruntukan berjumlah RM13.303 bilion dan sejumlah RM7.867 bilion diperuntukkan semula selaras dengan penyusunan semula Kementerian pada bulan Mac 2020. Dengan ini, peruntukan muktamad bagi tahun 2020 adalah berjumlah RM52.689 bilion iaitu berkurangan sejumlah RM1.089 bilion atau 2.0% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM53.779 bilion. Prestasi sebenar perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM51.360 bilion atau 97.5%. Prestasi perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.19**.

JADUAL 2.19
PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
Peruntukan				
Anggaran Asal	58,000.00	56,700.00	1,300.00	2.3
(+) Pendahuluan daripada Simpanan Luar Jangka	125.23	1,838.33	(1,713.10)	(93.2)
(+) Pengurutan Semula Perbelanjaan Pembangunan	7,867.02	-	7,867.02	100.00
(-) Waran Penyekatan Peruntukan	(13,302.78)	(4,759.82)	8,542.96	179.5
PERUNTUKAN MUKTAMAD	52,689.47	53,778.51	(1,089.04)	(2.0)
Perbelanjaan Sebenar	51,359.86	54,173.23	(2,813.37)	(5.2)
Peratus Perbelanjaan (%)	97.5	100.7		

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia

- Analisis Audit terhadap prestasi perbelanjaan pembangunan tahun 2020 bagi 30 kementerian dan jabatan mendapati perkara seperti berikut:

- Sejumlah RM8.265 bilion atau 16.1%** daripada perbelanjaan pembangunan merupakan **pelunasan komitmen Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta berjumlah RM3.137 bilion dan komitmen jaminan berjumlah RM5.128 bilion**. Amaun perbelanjaan ini meningkat sejumlah **RM2.027 bilion atau 32.5% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM6.238 bilion**.

- **Sejumlah RM2.650 bilion** daripada jumlah perbelanjaan pembangunan merupakan pengelasan perbelanjaan mengurus berkaitan konsesi Public Private Partnership dan penyenggaraan berskala besar. Perbelanjaan yang terlibat adalah perkhidmatan sokongan hospital dan klinik di Kementerian Kesihatan Malaysia berjumlah RM1.908 bilion dan kerja penyenggaraan fasiliti di Kementerian Pendidikan Malaysia berjumlah RM0.742 bilion.
- **Sejumlah RM77.36 juta peruntukan yang diluluskan** bagi 12 projek di lima kementerian dan jabatan tidak dibelanjakan langsung. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 2.20**.

JADUAL 2.20
PERUNTUKAN PEMBANGUNAN TIDAK DIBELANJAKAN

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	PROJEK	AMAUN (RM Juta)
1.	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	1. Program Pembangunan Komoditi Tanaman	14.93
		2. Projek Lembu Pedaging	9.62
		3. Pembangunan Ternakan Sarawak	6.35
		4. Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak	3.97
		5. Kawasan Penternakan Babi	2.00
		6. Perkhidmatan Pengembangan Pertanian	0.90
		7. Makmal Penyelidikan Penyakit	0.50
2.	Jabatan Perdana Menteri	8. Pengkomputeran Mahkamah	20.00
		9. Kajian Kemungkinan UKAS	0.50
3.	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	10. Taman Teknologi Sarawak	10.00
4.	Kementerian Dalam Negeri	11. Pengkomputeran KDN	4.89
5.	Kementerian Pengangkutan	12. Pembaikan dan Pembinaan Jeti Jabatan Laut Semenanjung	3.70
JUMLAH KESELURUHAN			77.36

Sumber: Lampiran 2, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

- Perbelanjaan bagi **lima projek di empat kementerian telah melebihi peruntukan yang diluluskan berjumlah RM2.856 bilion**. Bagaimanapun, lebihan perbelanjaan ini telah diluluskan pada 20 Mei 2021 melalui pewartaan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2020 (P.U.(B) 276/2021) di bawah kuasa Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu). Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 2.21**.

JADUAL 2.21
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN MELEBIHI PERUNTUKAN

BIL.	KEMENTERIAN	PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
				SEBENAR (RM Juta)	MELEBIHI PERUNTUKAN (RM Juta)
1.	Kementerian Pengangkutan	Meningkatkan Keupayaan Keretapi Tanah Melayu Berhad	1,436.02	2,894.02	1,458.00
2.	Kementerian Kesihatan Malaysia	Kemudahan Hospital	1,191.65	2,365.10	1,173.45
3.	Perbendaharaan Malaysia	Pelbagai Suntikan Modal	8,128.61	8,280.39	151.78
4.		Pengkomputeran Jabatan Akauntan Negara	64.01	72.71	8.70
5.	Kementerian Pertahanan	Kelengkapan	919.65	983.55	63.90
JUMLAH KESELURUHAN			11,739.94	14,595.77	2,855.83

Sumber: Lampiran 2, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

- Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah membuat tambahan peruntukan (setelah mengambil kira waran pindah peruntukan, sekatan dan pendahuluan luar jangka) berjumlah RM100 juta bagi membiayai projek di bawah Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah (FELCRA). Bagaimanapun, **peruntukan tambahan tersebut tidak dibelanjakan, malah perbelanjaan sebenar bagi projek berkenaan yang berjumlah RM187.82 juta adalah kurang daripada peruntukan asal yang berjumlah RM401.99 juta.**

Pernyataan Audit	Dana Kumpulan Wang Pembangunan yang dibiayai melalui pinjaman sepatutnya digunakan untuk membiayai projek pembangunan fizikal yang menyumbang kepada pembentukan modal baharu yang boleh meningkatkan pembangunan Negara serta mempunyai kesan pengganda yang tinggi untuk menjana aktiviti ekonomi. Selain itu, peruntukan yang telah diluluskan tetapi belum dibelanjakan merupakan pembaziran kerana Kerajaan masih perlu membayar kos pinjaman bagi membiayai peruntukan tersebut.
-------------------------	--

8.1.2. Kumpulan Wang COVID-19

a. Penubuhan Kumpulan Wang COVID-19

- i. Bagi menangani impak pandemik COVID-19 kepada ekonomi Negara dan rakyat, Kerajaan telah melancarkan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) dan Pelan Pemulihan Ekonomi (PPE). Sebanyak lima PRE dan PPE telah diumumkan oleh Kerajaan dengan amaun keseluruhan berjumlah RM305 bilion. Pelaksanaannya berkuat kuasa mulai 27 Februari 2020. Senarai PRE dan PPE adalah seperti dalam **Jadual 2.22.**

**JADUAL 2.22
SENARAI PRE DAN PPE SEHINGGA 31 DISEMBER 2020**

BIL.	BUTIRAN	TARIKH KUAT KUASA PELAKSANAAN	AMAUN (RM Bilion)
1.	Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE1)	27 Februari 2020	20.000
2.	Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN)	27 Mac 2020	230.000
3.	Langkah Tambahan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN TAMBAHAN)	6 April 2020	10.000
4.	Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)	5 Jun 2020	35.000
5.	Kerangka Inisiatif Tambahan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (KITA PRIHATIN)	23 September 2020	10.000
JUMLAH KESELURUHAN			305.000


Sumber: Kementerian Kewangan

- ii. Pelaksanaan program PRE dan PPE dibiayai oleh pelbagai pihak menggunakan pelbagai sumber. Sebanyak 31 program PRE dan PPE melibatkan suntikan fiskal Kerajaan yang dibiayai oleh Kumpulan Wang COVID-19.
- iii. Akta Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan [Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)] 2020 atau Akta 830 telah diwartakan pada 26 Oktober 2020. Akta ini berkuat kuasa mulai 27 Februari 2020 hingga 31 Disember 2022 kecuali peruntukan di bawah Seksyen 3, Akta 830. Seksyen 3, Akta 830 mula berkuat kuasa mulai 26 Oktober 2020 hingga 31 Disember 2022 yang melibatkan peruntukan had statutori Hutang Persekutuan. Akta 830 memperuntukkan langkah sementara berhubung pembiayaan Kerajaan untuk mengurangkan kesan COVID-19 yang memberi kesan kepada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan seperti berikut:
- menaikkan had statutori hutang Kerajaan Persekutuan berbanding Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) daripada 55% kepada 60%;
 - **penubuhan Kumpulan Wang COVID-19**; dan

- membenarkan amaun yang diperdapatkan di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983 dipindahkan ke dalam Kumpulan Wang COVID-19 dan **digunakan untuk membiayai PRE dan PPE**.
- iv. Subseksyen 5(1) Akta 830 menyatakan wang dalam Kumpulan Wang COVID-19 hendaklah digunakan dan diperuntukkan bagi maksud program PRE dan PPE yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual mengikut amaun yang dinyatakan dalam ruang (2). Had pembiayaan asal Kumpulan Wang COVID-19 adalah berjumlah RM45 bilion. Bagaimanapun, had pembiayaan ini telah ditambah kepada RM65 bilion melalui pewartaan Akta A1627 pada 31 Disember 2020. Sehingga 31 Disember 2020, amaun pinjaman yang telah dipindahkan ke dalam Kumpulan Wang COVID-19 adalah berjumlah RM38.020 bilion dan sejumlah RM38.019 bilion atau 99.9% telah dibelanjakan. Perbelanjaan melibatkan pelaksanaan sebanyak 24 daripada 31 program yang tersenarai dalam Jadual Akta 830.

b. Prestasi Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19

- i. Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19 adalah berjumlah RM38.019 bilion atau 97.5% berbanding amaun peruntukan diluluskan yang berjumlah RM39.007 bilion. Kategori perbelanjaan adalah seperti dalam **Carta 2.5** dan perbelanjaan bagi 10 program tertinggi adalah seperti dalam **Jadual 2.23**.



Sumber: Data Sistem iGFMAS, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

JADUAL 2.23
PERBELANJAAN BAGI 10 PROGRAM TERTINGGI KUMPULAN WANG COVID-19

BIL.	PROGRAM	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
			RM Juta	%
1.	00200: Bantuan Prihatin Nasional	16,157.00	16,157.00	100.0
2.	00100: Program Subsidi Upah, Insentif Pengekalan Pekerja dan Bantuan Latihan	12,960.00	12,960.00	100.0
3.	00300: Projek Berskala Kecil	3,259.12	2,910.00	89.3
4.	00600: Geran Prihatin Perusahaan Kecil dan Sederhana	2,553.00	2,551.53	99.9
5.	00800: Peruntukan KKM bagi Perbelanjaan COVID-19	985.08	791.15	80.3
6.	01200: e-Penjana	520.00	520.00	100.0
7.	00700: Pinjaman Mikro Kredit di bawah Bank Simpanan Nasional dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN)	600.00	500.00	83.3
8.	00400: Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran	563.85	337.62	59.9
9.	01100: Dana PENJANA Nasional	310.00	310.00	100.0
10.	01500: Bantuan Khas untuk Pelajar Institusi Pendidikan Tinggi	231.00	225.09	97.4

Sumber: Lampiran 3, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

- ii. Perbelanjaan tertinggi melibatkan bantuan tunai berjumlah RM17.049 bilion kepada golongan sasar yang terkesan semasa penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Bantuan tunai bertujuan menjamin kebajikan golongan sasar dengan meringankan beban yang dihadapi akibat sumber pendapatan yang terjejas. Sebagai perbandingan, perbelanjaan Bantuan Sara Hidup pada tahun 2019 hanya berjumlah RM4.500 bilion iaitu 73.6% lebih rendah berbanding bantuan tunai pada tahun 2020. Antara golongan sasar yang mendapat manfaat dan kadar bantuan tunai yang diberikan adalah seperti dalam **Jadual 2.24**.

JADUAL 2.24
BANTUAN TUNAI KEPADA GOLONGAN SASAR

BIL.	PROGRAM	GOLONGAN SASAR	KADAR BANTUAN TUNAI (RM)
1.	00200: Bantuan Prihatin Nasional	Isi rumah kumpulan terendah 40% (B40)	2,600
		Isi rumah kumpulan pertengahan 40% (M40)	1,600
		Individu bujang dengan pendapatan kurang RM2,000	1,300
		Individu bujang dengan pendapatan antara RM2,001 hingga RM4,000	800
		Penerima Bantuan Sara Hidup – Tambahan Bantuan Sara Hidup	100
2.	01800: Bantuan Khas Pemandu Teksi, Pemandu Bas Sekolah, Pemandu Bas Pelancongan, Pemandu Pelancong, Pengayuh Beca dan e-Hailing	Pemandu teksi, pemandu bas sekolah, pemandu bas pelancongan, pemandu pelancong dan pengayuh beca	600
		Pemandu e-Hailing	500
3.	01900: Sokongan Bantuan Sosial untuk Golongan Mudah Terjejas	Orang Kelainan Upaya dan ibu tunggal berdaftar	300
4.	01500: Bantuan Khas untuk Pelajar Institusi Pendidikan Tinggi	Pelajar Tingkatan 6, matrikulasi, kolej komuniti, politeknik serta institusi pengajian tinggi awam dan swasta	200
5.	02100: e-Penjana	Individu dengan pendapatan tahunan kurang RM100,000	50


Sumber: Kementerian Kewangan

- iii. Perbelanjaan subsidi dan pemberian rebat pada tahun 2020 adalah berjumlah RM13.168 bilion. Pemberian subsidi tertinggi adalah melalui program 00100: Bantuan Subsidi Upah, Insentif Pengekalan Pekerja dan Bantuan Latihan. Kerajaan telah memberi subsidi upah kepada majikan yang berkelayakan pada kadar antara RM600 hingga RM1,200 bagi setiap pekerja untuk tempoh sehingga enam bulan. Objektif program adalah melindungi pekerja daripada diberhentikan bagi mengurangkan kos operasi syarikat.
- iv. Kerajaan juga ada menyediakan geran dan dana pinjaman bertujuan untuk mengekalkan aliran tunai di kalangan peniaga. Geran diberikan kepada perusahaan kecil dan sederhana pada kadar RM3,000 serta pengusaha pusat jagaan kanak-kanak pada kadar RM5,000. Dana pinjaman pula disediakan melalui agen yang dilantik seperti Bank Simpanan Nasional, TEKUN Nasional, MyCreative Venture Sdn. Bhd. dan SME Corporation Malaysia.

c. Perbelanjaan Program 00300: Projek Berskala Kecil

- i. Objektif utama program ini adalah memberi manfaat kepada kontraktor kelas kecil yang akan merangsang aktiviti ekonomi dengan memastikan pelaksanaan projek dengan segera. Pengurusan projek dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dengan had siling perbelanjaan berjumlah RM4 bilion. Setakat 31 Disember 2020, prestasi perbelanjaan adalah berjumlah RM2.910 bilion atau 72.8% berbanding siling peruntukan yang diluluskan.
- ii. Perbelanjaan projek berskala kecil melibatkan pemberian geran berjumlah RM1.876 bilion, perbelanjaan penyenggaraan dan pembaikan berjumlah RM955.03 juta, perolehan aset berjumlah RM69.87 juta serta perolehan bekalan dan perkhidmatan berjumlah RM8.93 juta. Kategori perbelanjaan adalah seperti dalam **Carta 2.6**.


CARTA 2.6
KATEGORI PERBELANJAAN BAGI PROJEK BERSKALA KECIL



Sumber: Data Sistem iGFMAS, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

- iii. Pemberian kepada Kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan pelbagai Agensi Kerajaan yang berjumlah RM1.133 bilion merupakan peruntukan bagi pelaksanaan projek kecil. Pihak sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi pula diberikan geran berjumlah RM90.61 juta dan Pertubuhan atau organisasi yang tidak berdasarkan keuntungan diberikan sejumlah RM39.03 juta. Selain itu, geran berjumlah RM613.36 juta telah diberikan kepada Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) bagi tujuan pelaksanaan projek di peringkat Jawatankuasa Negeri. Pecahan perbelanjaan pemberian geran adalah seperti dalam **Carta 2.7** dan sub-program yang mencatatkan perbelanjaan tertinggi adalah seperti dalam **Jadual 2.25**.

CARTA 2.7
PECAHAN PEMBERIAN GERAN MENGIKUT KATEGORI PENERIMA



Sumber: Data Sistem iGFMAS, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

JADUAL 2.25
PERBELANJAAN TERTINGGI MENGIKUT SUB-PROGRAM

BIL.	BUTIRAN SUB-PROGRAM	PERBELANJAAN (RM Juta)
Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi Kerajaan		
1.	Bantuan Perbelanjaan Berkaitan COVID-19	360.00
2.	Pembaikan dan Penyelenggaraan Rumah dan Kemudahan Awam Federal Land Development Authority (FELDA)	286.00
3.	Projek Pembangunan oleh Pihak Berkuasa Tempatan	144.05
4.	Penyelenggaraan Infrastruktur	105.00
5.	Program Peningkatan Imej Premis Perniagaan Majlis Amanah Rakyat (MARA) di Negeri	50.00
Sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi		
6.	Naik Taraf dan Selinggara Hospital Pengajar yang Terlibat dengan COVID-19 dan Perolehan Peralatan dan <i>Consumables</i> Tambahan bagi COVID-19	90.40
7.	Kelengkapan Fasiliti dan Perabot Asrama	0.21
Pertubuhan Atau Organisasi Yang Tidak Berasaskan Untung		
8.	Program Bakul Makanan	22.20
9.	Geran Kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)	16.83

Sumber: Data Sistem iGFMAS, Jabatan Akauntan Negara Malaysia


- iv. Sejumlah RM924.35 juta atau 96.8% daripada perbelanjaan penyenggaraan yang berjumlah RM955.03 juta dan pemberian melibatkan bangunan dan fasiliti seperti sekolah, agensi penguat kuasa, premis pendidikan kanak-kanak serta Perumahan Awam Kos Rendah. Selain itu, aktiviti penyenggaraan juga melibatkan infrastruktur seperti jalan desa dan jalan persekutuan, jeti, kolam takungan banjir serta cerun. Senarai lima perbelanjaan penyenggaraan dan pembaikan tertinggi adalah seperti dalam **Jadual 2.26** dan statistik perbelanjaan mengikut Pusat Pembayar adalah seperti dalam **Carta 2.8**.

JADUAL 2.26
PERBELANJAAN PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN TERTINGGI

BIL.	BUTIRAN PROJEK	PERBELANJAAN (RM Juta)
1.	Penyenggaraan Jalan Persekutuan (Berkala & Pavement)	288.08
2.	Penyenggaraan Sekolah Daif	132.13
3.	Kerja-kerja Naik Taraf, Pemberian Bangunan dan Fasiliti Agensi di Bawah Kementerian Dalam Negeri dan Kenderaan kepada Jabatan Penjara serta Pemberian Bangunan Penjara	101.82
4.	Jalan Perhubungan Desa Semua Negeri	66.64
5.	Penyenggaraan Rumah Keluarga Angkatan Tentera, Kuarters, Jentera dan Bangunan Kerajaan	59.46

Sumber: Data Sistem iGFMAS, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

CARTA 2.8
STATISTIK PERBELANJAAN MENGIKUT PUSAT PEMBAYAR



Sumber: Data Sistem iGFMAS, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

d. Perbelanjaan Program 00800: Peruntukan Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Perbelanjaan COVID-19

Bagi memperkasakan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk merawat pesakit COVID-19, sejumlah RM985.08 juta peruntukan Kumpulan Wang COVID-19 telah disediakan pada tahun 2020. KKM telah berbelanja sejumlah RM791.15 juta atau 80.3%. Antara perbelanjaan tertinggi adalah seperti berikut:

- Perbelanjaan mendapatkan bekalan ubat-ubatan, reagen dan bekalan pakai buang serta *consumables* berjumlah RM507.25 juta.
- Perolehan alat kelengkapan perubatan dan alat kelengkapan kebersihan yang berjumlah RM55.33 juta.
- Perbelanjaan penggajian kakitangan kontrak berjumlah RM122.21 juta.
- Perbelanjaan program vaksinasi berjumlah RM94.82 juta sebagai bayaran pendahuluan telah dibayar kepada COVID-19 Vaccines Global Access (COVAX) bagi menjamin akses awal pembekalan vaksin kepada Negara.

8.1.3. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

- a. Pada tahun 2020, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan adalah berjumlah RM35.977 bilion iaitu meningkat sejumlah RM0.848 bilion atau 2.4% berbanding tahun

2019 yang berjumlah RM35.129 bilion. Akaun Penyelesaian Premium/Diskaun Sekuriti Kerajaan merekodkan peningkatan tertinggi sejumlah RM7.638 bilion atau 392.5% kepada RM9.584 bilion berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM1.946 bilion. **Baki akaun ini merupakan amaun terkumpul premium daripada terbitan sekuriti hutang kerajaan bagi tahun 2019 dan 2020 yang belum dipindahkan kepada Akaun Hasil Disatukan.**

- b. Sebanyak 11 daripada 33 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan merekodkan penurunan sejumlah RM7.175 bilion. Antara Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang merekodkan penurunan ketara adalah seperti dalam **Jadual 2.27**.

JADUAL 2.27
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN YANG MEREKODKAN PENURUNAN

KUMPULAN WANG AMANAH	TAHUN		PERUBAHAN	
	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan	84.24	6,005.75	(5,921.51)	(98.6)
Tabung Bayaran Balik Cukai	167.29	1,355.48	(1,188.19)	(87.7)
Pengangkutan Awam	6.18	24.00	(17.82)	(74.3)
JUMLAH	257.71	7,385.23	(7,127.52)	(96.5)

Sumber: Data Sistem iGFMAS, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

c. Pendahuluan Diri Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 59

- i. Bayaran sesuatu bil yang dikemukakan dengan sempurnanya oleh pembekal bagi barang atau perkhidmatan yang dipesan dan dibekalkan dengan suci hati kepada Kerajaan tidak boleh ditahan oleh sebab apa-apa keraguan. Jika terdapat keraguan, pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 59 (AP59) perlu dibuat dengan kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan dipertanggungkan kepada Akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) sementara menunggu siasatan dijalankan oleh kementerian atau jabatan.
- ii. Pada tahun 2020, Perbendaharaan Malaysia telah meluluskan 45 pendahuluan diri berjumlah RM66.52 juta kepada 11 kementerian dan jabatan bagi pembayaran di bawah AP59. Sebagai perbandingan, amaun kelulusan pendahuluan diri pada tahun 2019 adalah berjumlah RM89.11 juta. Kementerian Pengangkutan merekodkan pembayaran tertinggi berjumlah RM35.45 juta melibatkan bayaran tambahan skop kerja bagi tiga projek. Kementerian Dalam Negeri pula merekodkan bilangan kelulusan pendahuluan diri di bawah AP59 paling tinggi iaitu sebanyak 22 kes berjumlah RM18.74 juta. Antara perihal bayaran yang terlibat ialah enam kes perolehan perkhidmatan pengangkutan barang pegawai pada tahun 2016 dan 2017, tiga kes bayaran bagi kerja-kerja pembaikan di Ibu Pejabat

Polis Daerah Padawan pada tahun 2016 serta lima kes perolehan perkhidmatan sewaan Internet Protokol Virtual Network bagi Sistem Pengawasan Laut Malaysia di Semenanjung dan Sabah pada tahun 2019 dan 2020. Butiran kelulusan pendahuluan diri di bawah AP59 mengikut kementerian dan jabatan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.28**.


JADUAL 2.28
KELULUSAN PENDAHULUAN DIRI DI BAWAH AP59
PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	KELULUSAN PADA TAHUN 2020		KELULUSAN PADA TAHUN 2019	
		BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)
1.	Kementerian Pengangkutan	3	35.45	1	0.08
2.	Kementerian Dalam Negeri	22	18.74	15	48.91
3.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	2	2.15	-	-
4.	Jabatan Perdana Menteri	2	1.33	5	0.76
5.	Lain-lain	16	8.85	28	39.36
JUMLAH KESELURUHAN		45	66.52	49	89.11

Sumber: Dokumen dan Rekod di Peringkat Kementerian dan Jabatan

- iii. Baki pendahuluan diri yang belum dilaraskan pada tahun 2020 adalah berjumlah RM120.59 juta iaitu berkurangan sejumlah RM9.81 juta atau 7.5% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM130.40 juta. Trend kedudukan baki pendahuluan diri di bawah AP59 bagi tempoh 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Carta 2.9**.

CARTA 2.9
TREND KEDUDUKAN BAKI PENDAHULUAN DIRI DI BAWAH AP59
BAGI TEMPOH 2016 HINGGA 2020



Sumber: Daftar AP59 Kementerian dan Jabatan serta Laporan A441 dan A443

- iv. Pendahuluan diri yang telah diluluskan sebelum tahun 2020 tetapi masih belum dilaraskan adalah berjumlah RM58.70 juta atau 48.7% daripada baki pendahuluan diri di bawah AP59. Pelarasan masih tidak dapat dibuat **disebabkan laporan siasatan belum dikemukakan serta kelulusan pelarasan masih dalam pertimbangan Perbendaharaan Malaysia**. Butiran status kes pendahuluan diri yang telah diluluskan sebelum tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.29**.

JADUAL 2.29
STATUS KES PENDAHULUAN DIRI DI BAWAH AP59
YANG DILULUSKAN SEBELUM TAHUN 2020 BELUM DILARASKAN

BIL.	KEMENTERIAN / JABATAN	BIL. KES	BAKI BELUM DISELARASKAN (RM Juta)	TAHUN KELULUSAN	STATUS SEMASA
1.	Kementerian Dalam Negeri	27	57.20	2010 - 2019	Laporan siasatan belum dikemukakan dan kelulusan pelarasan dalam pertimbangan Perbendaharaan Malaysia
2.	Jabatan Perdana Menteri	5	0.76	2019	Laporan siasatan belum dikemukakan
3.	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	2	0.56	2017 dan 2018	Kelulusan pelarasan masih dalam pertimbangan Perbendaharaan Malaysia
4.	Kementerian Pertahanan	1	0.17	2019	
5.	Kementerian Komunikasi dan Multimedia	1	0.01	2015	
JUMLAH		36	58.70	2010 - 2019	

Sumber: Dokumen dan Daftar AP59 Kementerian dan Jabatan serta Laporan A441 dan A443

- v. Pegawai Pengawal adalah dikehendaki mengemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia laporan siasatan lengkap dengan menghuraikan sebab penyimpangan peraturan biasa boleh berlaku dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pendahuluan diluluskan. Pada tahun 2020, sebanyak **31 laporan siasatan lewat dikemukakan antara tempoh 17 hingga 299 hari**. Antara punca kelewatian yang dikenal pasti ialah tempoh masa yang lama untuk mendapatkan ulasan panel siasatan, pelanjutan masa disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dan proses mengemas kini laporan siasatan. Ringkasan kes kelewatian mengikut kementerian dan jabatan adalah seperti dalam **Jadual 2.30**.

JADUAL 2.30
KELEWATAN MENGEUKAKAN LAPORAN SIASATAN

BIL.	KEMENTERIAN/ JABATAN	BIL. KES	AMAUN (RM Juta)	TEMPOH KELEWATAN* (Hari)
1.	Kementerian Dalam Negeri	22	20.09	17 – 299
2.	Kementerian Pengangkutan	2	30.20	99 – 216
3.	Kementerian Kerja Raya	1	1.24	199
4.	Jabatan Perdana Menteri	1	1.31	187
5.	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1	0.19	144

BIL.	KEMENTERIAN/ JABATAN	BIL. KES	AMAUН (RM Juta)	TEMPOH KELEWATAN* (Hari)
6.	Kementerian Komunikasi dan Multimedia	1	5.90	125
7.	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	2	0.03	41 – 44
8.	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli	1	0.05	35
JUMLAH		31	59.01	17 - 299

Sumber: Daftar AP59 yang diselenggara di kementerian dan jabatan

Nota: *Tempoh kelewatian dikira selepas 60 hari dari tarikh kelulusan Perbendaharaan Malaysia sehingga tarikh sebenar laporan dikemukakan.

Pernyataan Audit | Laporan siasatan bagi bayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 59 perlu disegerakan supaya pelarasan akaun dapat dibuat dan tindakan terhadap pegawai terbabit dapat diambil tanpa kelewatian jika didapati bersalah.

8.2. Kumpulan Wang Amanah Awam

8.2.1. Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan sumbangan wang daripada badan dan orang perseorangan kepada Kerajaan bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang berkenaan. Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Akaun Amanah Khas dan Akaun Amanah Am. Pada tahun 2020, baki Kumpulan Wang Amanah Awam adalah berjumlah RM20.072 bilion iaitu meningkat sejumrah RM10.578 bilion atau 111.4% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM9.494 bilion. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Awam pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.31**.

JADUAL 2.31
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH AWAM
PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	KATEGORI AKAUN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
1.	Amanah Khas	3,412.66	3,309.51	103.15	3.1
2.	Amanah Am	16,659.51	6,184.70	10,474.81	169.4
JUMLAH		20,072.17	9,494.21	10,577.96	111.4

Sumber: Nota 7(b), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

8.2.2. Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset

- Akaun Amanah ini ditubuhkan pada 14 Disember 2018 di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61). Akaun Amanah ini ditubuhkan untuk mengakaunkan terimaan dana daripada aktiviti mendapatkan kembali aset berkaitan syarikat 1MDB dari dalam atau luar negara, keuntungan daripada pertukaran mata wang serta faedah dan dividen dari pelaburan simpanan tetap. Wang daripada akaun

amanah ini antaranya digunakan untuk membayar hutang syarikat 1MDB, menampung kos operasi syarikat dan akaun amanah serta pelaburan simpanan tetap.

- ii. Pada tahun 2020, terimaan keseluruhan adalah berjumlah RM12.680 bilion. Terimaan tertinggi merupakan bayaran tunai daripada syarikat Goldman Sachs Group Inc. yang diterima pada bulan September 2020 berjumlah RM10.584 bilion bersamaan 83.5% daripada keseluruhan terimaan tahun semasa. Penggunaan dana akaun amanah bagi pelunasan komitmen pinjaman syarikat 1MDB pula adalah berjumlah RM1.233 bilion.
- iii. Dana akaun amanah berjumlah RM11.236 bilion telah dilaburkan dalam simpanan tetap dengan tempoh matang antara tiga hingga melebihi 12 bulan bermula bulan Oktober 2020. Setakat 31 Disember 2020, pelaburan berkenaan masih belum matang dan belum memperoleh sebarang keuntungan. Baki akaun amanah pada tahun 2020 termasuk pelaburan adalah berjumlah RM11.477 bilion.

8.3. Akaun Deposit

8.3.1. Deposit merupakan wang yang diterima oleh Kerajaan khusus bagi sesuatu maksud yang ditetapkan di bawah undang-undang atau perjanjian. Deposit hendaklah dikembalikan melalui bayaran balik atau pelarasan apabila mencapai maksud yang ditetapkan. Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasian. Deposit Am adalah wang yang diterima untuk maksud tertentu seperti Wang Tak Dituntut, Wang Jaminan Pelaksanaan, Deposit Mahkamah Tinggi dan Deposit Imigresen. Pada tahun 2020, Deposit Am yang dipegang oleh Kerajaan adalah berjumlah RM11.303 bilion iaitu meningkat sejumlah RM0.377 bilion atau 3.4% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM10.926 bilion.

8.3.2. Deposit Pelarasian adalah akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran atau pelarasan dibuat kepada akaun tertentu seperti Deposit Pelarasian Cek Terbatal, Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal dan Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan. Baki Akaun Deposit Pelarasian berkurangan sejumlah RM108.70 juta atau 45.1% daripada RM241.11 juta pada tahun 2019 kepada RM132.42 juta pada tahun 2020. Penurunan ini antaranya disebabkan pelarasian telah dibuat terhadap Pelbagai Deposit Pelarasian berjumlah RM2.55 juta, Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal berjumlah RM3.33 juta dan pelarasian bagi Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan berjumlah RM93.53 juta. Kedudukan akaun deposit pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.32.**

JADUAL 2.32
KEDUDUKAN AKAUN DEPOSIT PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	KATEGORI DEPOSIT	TAHUN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
1.	Deposit Am	11,303.34	10,926.43	376.91	3.4
2.	Deposit Pelarasan	132.42	241.12	(108.70)	(45.1)
JUMLAH		11,435.76	11,167.55	268.21	2.4

Sumber: Nota 7(c), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

8.3.3. Arahan Perbendaharaan 162 menetapkan deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan dan hendaklah diberitahu dalam Warta Kerajaan. Jika deposit itu masih tidak dituntut dalam masa tiga bulan selepas pewartaan maka deposit hendaklah dikreditkan kepada akaun hasil. Pada tahun 2020, **sebanyak 2,017 pendeposit berjumlah RM27.42 juta yang telah tamat tempoh pegangan masih belum diwartakan. Tempoh pegangan deposit ini dikenal pasti telah tamat antara tahun 1984 hingga 2019.** Senarai deposit yang telah tamat tempoh pegangan adalah seperti dalam **Jadual 2.33.**

JADUAL 2.33
DEPOSIT YANG TAMAT TEMPOH PEGANGAN DAN TIDAK DIWARTAKAN

BIL.	KEMENTERIAN	TEMPOH PEGANGAN	BILANGAN		AMAUN (RM)
			AKAUN	TRANSAKSI	
1.	Kementerian Sumber Manusia	1984 - 2019	11	1,988	27,397,572
2.	Kementerian Pengangkutan	2013 - 2017	3	28	17,841
3.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	2006 - 2019	1	1	3,850
JUMLAH KESELURUHAN			15	2,017	27,419,263

Sumber: Akaun Subsidiari Pendeposit di Kementerian dan Jabatan


9. WANG PENDAHULUAN KONTRAKTOR

9.1. Wang Pendahuluan Kontraktor (WPK) adalah bayaran pendahuluan yang dibenarkan kepada kontraktor tempatan yang memerlukan modal untuk melaksanakan kerja awalan. Semua bayaran pendahuluan dicaj terus kepada vot projek berkenaan. Kementerian dan jabatan perlu menyelenggarakan akaun subsidiari mengenainya. Bayaran pendahuluan ini akan diselaraskan melalui potongan bayaran kemajuan projek selewat-lewatnya pada tahap 75% kemajuan kerja. Peraturan dan syarat bagi bayaran pendahuluan ini dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan - PK4.1.

9.2. WPK yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus, pembangunan dan akaun amanah yang belum diselaraskan pada tahun 2020 adalah berjumlah RM677.90 juta. Amaun ini melibatkan 143 buah projek yang dikenakan kepada perbelanjaan pembangunan, satu projek perbelanjaan mengurus dan enam projek akaun amanah. Jumlah tersebut meningkat

sebanyak RM47.31 juta atau 7.5% berbanding sejumlah RM630.59 juta pada tahun 2019. **Carta 2.10** menunjukkan trend baki WPK bagi tempoh 2016 hingga 2020.

CARTA 2.10
TREND BAKI WANG PENDAHULUAN KONTRAKTOR BAGI TEMPOH 2016 HINGGA 2020



Sumber: Nota 12, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2016 hingga 2020

9.3. Pada tahun 2020, sejumlah RM8.68 juta WPK dari projek yang ditamatkan dan terbengkalai telah didapatkan kembali dan sejumlah RM0.48 juta telah diluluskan hapus kira. Keadaan ini menjadikan baki WPK yang belum dikutip balik daripada projek ditamatkan dan terbengkalai adalah berjumlah RM76.55 juta iaitu berkurangan sejumlah RM7.17 juta atau 8.6% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM83.72 juta. Kedudukan WPK bagi projek yang ditamatkan dan terbengkalai mengikut kementerian adalah seperti dalam **Jadual 2.34**.

JADUAL 2.34
KEDUDUKAN WANG PENDAHULUAN KONTRAKTOR BAGI PROJEK YANG DITAMATKAN DAN TERBENGKALAI MENGIKUT KEMENTERIAN

BIL.	KEMENTERIAN	MAKLUMAT PROJEK DITAMATKAN ATAU TERBENGKALAI		
		BAKI WPK (RM Juta)	BIL. SYARIKAT	TEMPOH
1.	Kementerian Pendidikan Malaysia	24.49	12	2009 - 2015
2.	Kementerian Kerja Raya	18.88	13	2005 - 2017
3.	Kementerian Pertahanan	17.49	3	2009
4.	Kementerian Pengangkutan	12.53	2	Tiada Maklumat
5.	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2.38	2	2017 - 2018
6.	Kementerian Dalam Negeri	0.78	2	2008
JUMLAH		76.55	34	2005 - 2018

Sumber: Daftar WPK di Kementerian dan Jabatan

10. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

- Penyata Akaun Memorandum menunjukkan sebahagian aset dan liabiliti Kerajaan Persekutuan yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini

terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan Akaun Belum Terima dan Pelaburan, manakala Penyata Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan kedudukan Hutang Persekutuan, Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta, Komitmen Kewangan dan Pelbagai Liabiliti.

- b. Pada tahun 2020, kedudukan aset yang dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum Aset adalah berjumlah RM139.614 bilion iaitu meningkat sejumlah RM13.461 bilion atau 10.7% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM126.153 bilion. Liabiliti Persekutuan juga meningkat sejumlah RM107.274 bilion atau 9.9% daripada RM1.080 trillion pada tahun 2019 kepada RM1.187 trillion. **Nisbah aset kepada Liabiliti Persekutuan adalah pada kadar 1:8.5.** Perbandingan kedudukan aset dan Liabiliti Persekutuan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.35**.

JADUAL 2.35 KEDUDUKAN ASET DAN LIABILITI PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019					
BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Bilion)	2019 (RM Bilion)	RM Bilion	%
MEMORANDUM ASET					
1.	Akaun Belum Terima	106.423	94.115	12.308	13.1
2.	Pelaburan	33.191	32.038	1.153	3.6
JUMLAH ASET		139.614	126.153	13.461	10.7
MEMORANDUM LIABILITI					
3.	Hutang Persekutuan	879.560	792.998	86.562	10.9
4.	Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta	37.034	38.830	(1.796)	(4.6)
5.	Komitmen Kewangan	269.940	247.461	22.479	9.1
6.	Pelbagai Liabiliti	0.278	0.249	0.029	11.6
JUMLAH LIABILITI		1,186.812	1,079.538	107.274	9.9

Sumber: Nota 9 dan 10, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

10.1. Memorandum Aset

10.1.1. Akaun Belum Terima

Akaun Belum Terima (ABT) adalah sejumlah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan pada sesuatu masa tetapi masih belum diterima yang wujud daripada peristiwa lampau berasaskan bil atau melalui dasar, perjanjian atau keputusan Kerajaan yang berkuat kuasa. Akaun Belum Terima terdiri daripada pinjaman dan pendahuluan boleh dituntut serta Pelbagai Akaun Belum Terima. Secara keseluruhannya, kedudukan ABT pada tahun 2020 adalah berjumlah RM106.423 bilion iaitu meningkat sejumlah RM12.308 bilion atau 13.1% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM94.115 bilion.

10.1.1.1. Pinjaman Dan Pendahuluan Boleh Dituntut

- a. Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut merupakan pinjaman dan pendahuluan yang diberikan kepada Kerajaan negeri, syarikat, badan berkanun, pihak berkuasa

tempatan, koperasi, pelbagai agensi dan perseorangan. Pada tahun 2020, baki pinjaman dan pendahuluan boleh dituntut adalah berjumlah RM58.901 bilion iaitu meningkat sejumlah RM1.240 bilion atau 2.1% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM57.661 bilion. Kedudukan pinjaman dan pendahuluan boleh dituntut mengikut kategori peminjam pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.36**, manakala butiran transaksi tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.37**.

JADUAL 2.36
KEDUDUKAN PINJAMAN DAN PENDAHULUAN BOLEH DITUNTUT
PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	KATEGORI PEMINJAM	TAHUN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
1.	Kerajaan Negeri	15,979.10	16,344.32	(365.22)	(2.2)
2.	Syarikat	33,471.48	31,922.22	1,549.26	4.9
3.	Badan Berkanun	7,120.41	6,954.20	166.21	2.4
4.	Pihak Berkuasa Tempatan	143.18	185.25	(42.07)	(22.7)
5.	Koperasi	237.27	248.22	(10.95)	(4.4)
6.	Pelbagai Agensi	1,687.49	1,715.33	(27.84)	(1.6)
7.	Perseorangan	261.76	291.62	(29.86)	(10.2)
JUMLAH		58,900.69	57,661.16	1,239.53	2.1

Sumber: Nota 9(a)(i), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

JADUAL 2.37
BUTIRAN TRANSAKSI PINJAMAN DAN PENDAHULUAN BOLEH DITUNTUT

BIL.	RINGKASAN TRANSAKSI	BIL. PINJAMAN	JUMLAH (RM Juta)
Baki Belum Selesai Pada 1 Januari 2020			57,661.16
1.	Pengeluaran Pinjaman	58	2,479.85
2.	Faedah Dipermodal	25	437.30
3.	Hapus Kira Diluluskan	6	(86.30)
4.	Terimaan Bayaran Balik Pinjaman:		
	Tunai	384	(1,469.69)
	<i>Set Off</i> Royalti Petroleum	55	(35.23)
	<i>Set Off</i> Pemberian	7	(84.00)
5.	Kerugian Tukaran Mata Wang Asing	4	(2.40)
Baki Belum Selesai Pada 31 Disember 2020			58,900.69

Sumber: Lejar Subsidiari Pinjaman, Buku Daftar Pinjaman dan Dokumen Berkaitan

- b. Pinjaman syarikat meningkat sejumlah RM1.549 bilion atau 4.9% kepada RM33.471 bilion berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM31.922 bilion. Pinjaman badan berkanun juga meningkat sejumlah RM0.166 bilion atau 2.4% kepada RM7.120 bilion berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM6.954 bilion. Bagaimanapun, pinjaman agensi, Kerajaan negeri, koperasi, perseorangan dan pihak berkuasa tempatan yang berjumlah RM18.309 bilion adalah berkurangan

sejumlah RM0.476 bilion atau 2.5% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM18.785 bilion.

- c. Peningkatan baki pinjaman syarikat dan badan berkanun adalah disebabkan pengeluaran pinjaman sedia ada dan pinjaman baharu berjumlah RM1.837 bilion. Amaun pengeluaran pinjaman adalah lebih tinggi berbanding terimaan bayaran balik pinjaman daripada syarikat dan badan berkanun yang berjumlah RM0.578 bilion.
- d. Antara faktor pengurangan baki pinjaman Kerajaan negeri pula disebabkan terimaan bayaran balik tunggakan dan anuiti tahunan yang berjumlah RM0.932 bilion adalah lebih tinggi berbanding amaun pengeluaran pinjaman tahun semasa yang berjumlah RM0.634 bilion. Pengurangan baki pinjaman pihak berkuasa tempatan pula disebabkan bayaran balik pinjaman sejumlah RM6.90 juta dan hapus kira berjumlah RM35.17 juta.

e. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman

- i. Pekeliling Perbendaharaan - WP10.6 mentafsirkan tunggakan sebagai amaun ABT yang melampaui tempoh matang yang telah ditetapkan. Pada tahun 2020 tunggakan bayaran balik pinjaman adalah berjumlah RM12.133 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM0.479 bilion atau 4.1% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM11.654 bilion. **Amaun tunggakan pinjaman ini melibatkan 479 pinjaman atau 46.0% daripada 1,041 pinjaman dengan tempoh tunggakan antara satu hingga 40 tahun.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.38**.

**JADUAL 2.38
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

PEMINJAM	PINJAMAN			JUMLAH TUNGGAKAN BAYARAN BALIK				
	BELUM SELESAI		TUNGGAKAN	TAHUN		PERUBAHAN		TEMPOH
	Bil.	Bil.	%	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%	TAHUN
Syarikat*	184	62	33.7	6,918.60	6,518.35	400.25	6.1	1 - 14
Kerajaan Negeri*	786	390	49.6	4,309.98	4,260.45	49.53	1.2	1 - 40
Badan Berkanun	28	8	28.6	417.11	418.39	(1.28)	(0.3)	11 - 30
Pelbagai Agensi	22	7	31.8	366.09	306.84	59.25	19.3	3 - 9
Koperasi	15	10	66.7	71.94	59.83	12.11	20.2	4 - 40
Perbadanan Kemajuan Negeri	2	2	100.0	49.57	48.72	0.85	1.7	1 - 18

PEMINJAM	PINJAMAN			JUMLAH TUNGGAKAN BAYARAN BALIK				
	BELUM SELESAI		TUNGGAKAN	TAHUN		PERUBAHAN		TEMPOH
	Bil.	Bil.	%	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%	TAHUN
Pihak Berkuasa Tempatan	4	-	-	-	42.02	(42.02)	(100.0)	-
JUMLAH	1,041	479	46.0	12,133.29	11,654.60	478.69	4.1	1 - 40

Sumber: Lejar Subsidiari Pinjaman, Buku Daftar Pinjaman dan Dokumen Berkaitan

Nota: *Tidak termasuk tunggakan pinjaman Kerajaan Negeri Melaka berjumlah RM173.51 juta, Kerajaan Negeri Pahang berjumlah RM168.80 juta, Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. berjumlah RM608.81 juta dan syarikat M.Y. Ikan Sdn. Bhd. berjumlah RM9 juta yang diluluskan untuk hapus kira

- ii. **Tiada bayaran balik diterima melibatkan 239 daripada 479 tunggakan pinjaman berjumlah RM6.216 bilion semenjak Jadual Bayaran Balik berkuat kuasa.**

f. Hapus Kira Pinjaman

- i. Pada tahun 2020, sebanyak lapan peminjam dengan baki pinjaman berjumlah RM522.37 juta telah diluluskan untuk hapus kira. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 2.39**.

JADUAL 2.39
PINJAMAN MENDAPAT KELULUSAN HAPUS KIRA PADA TAHUN 2020

BIL.	PEMINJAM	SUMBER DANA	POKOK (RM Juta)	FAEDAH (RM Juta)	FAEDAH LEWAT (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
1.	Negeri Melaka	Amanah	173.51	43.24	-	216.75
2.	Negeri Pahang	Amanah	168.80	36.92	-	205.72
JUMLAH PINJAMAN NEGERI			342.31	80.16	-	422.47
3.	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Pembangunan	35.17	6.85	-	42.02
4.	Syarikat Lebuhraya Shapadu Sdn. Bhd.	Pembangunan	32.13	-	-	32.13
5.	M.Y. Ikan Sdn. Bhd.	Amanah	10.00	1.35	3.21	14.56
6.	Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad	Amanah	5.14	-	-	5.14
7.	JKP Sdn. Bhd.	Amanah	-	-	3.20	3.20
8.	MIMOS Berhad	Pembangunan	2.85	-	-	2.85
JUMLAH PINJAMAN SYARIKAT			85.29	8.20	6.41	99.90
JUMLAH KESELURUHAN			427.60	88.36	6.41	522.37

Sumber: Surat Kelulusan Hapus Kira

- ii. Selaras dengan kelulusan hapus kira, sejumlah RM171.06 juta pinjaman telah dilaraskan daripada Daftar Pinjaman. Pelarasan hapus kira ini terdiri daripada amaun pokok pinjaman yang dibiayai daripada Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM70.15 juta, faedah pinjaman berjumlah RM88.36 juta, faedah lewat berjumlah RM6.41 juta dan amaun pokok pinjaman yang dibiayai oleh

Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun berjumlah RM6.14 juta. **Baki pokok pinjaman yang dibiayai oleh Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun berjumlah RM351.31 juta masih belum boleh dilaraskan kerana peruntukan hpus kira yang disediakan adalah tidak mencukupi.** Senarai pinjaman yang masih belum dibuat pelarasian adalah seperti dalam **Jadual 2.40**.

**JADUAL 2.40
HAPUS KIRA PINJAMAN YANG BELUM DILARASKAN PADA TAHUN 2020**

BIL.	PEMINJAM	SUMBER DANA	HAPUS KIRA PINJAMAN		
			DILULUSKAN (RM Juta)	TELAH DILARASKAN (RM Juta)	BELUM DILARASKAN (RM Juta)
1.	Negeri Melaka	Amanah	216.75	43.24	173.51
2.	Negeri Pahang	Amanah	205.72	36.92	168.80
JUMLAH HAPUS KIRA NEGERI			422.47	80.16	342.31
3.	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Pembangunan	42.02	42.02	-
4.	Syarikat Lebuhraya Shapadu Sdn. Bhd.	Pembangunan	32.13	32.13	-
5.	M.Y Ikan Sdn. Bhd.	Amanah	14.56	5.56	9.00
6.	Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad	Amanah	5.14	5.14	-
7.	JKP Sdn. Bhd.	Amanah	3.20	3.20	-
8.	MIMOS Berhad	Pembangunan	2.85	2.85	-
JUMLAH HAPUS KIRA SYARIKAT, KOPERASI DAN PIHKAK BERKUASA TEMPATAN			99.90	90.90	9.00
JUMLAH KESELURUHAN			522.37	171.06	351.31

Sumber: Surat Kelulusan Hapus Kira

- iii. Selain itu, **pinjaman syarikat Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. berjumlah RM3.443 bilion dan Bank Pertanian Malaysia Berhad berjumlah RM200 juta telah diluluskan hpus kira masing-masing pada tahun 2011 dan 2012.** Namun, **sehingga akhir tahun 2020, pinjaman berkenaan masih belum dilaraskan sepenuhnya dan masih berbaki sejumlah RM2.708 bilion.** Perincian lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.41**.

**JADUAL 2.41
KELULUSAN HAPUS KIRA SEBELUM TAHUN 2020 MASIH BELUM DILARASKAN**

BIL.	PEMINJAM	HAPUS KIRA PINJAMAN		
		DILULUSKAN (RM Juta)	DILARASKAN PADA TAHUN 2020 (RM Juta)	BAKI BELUM DILARASKAN (RM Juta)
1.	Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	3,442.98	10.00	2,667.98
2.	Bank Pertanian Malaysia Berhad	200.00	-	40.00
JUMLAH		3,642.98	10.00	2,707.98

Sumber: Surat Kelulusan Hapus Kira

Pernyataan Audit Hapus kira pinjaman hanya wajar diluluskan setelah peruntukan yang mencukupi disediakan. Hapus kira yang tidak dilaraskan dalam tempoh perakaunan yang sama dengan tahun kelulusan akan memberi kesan terhadap kesaksamaan pelaporan amaun pinjaman boleh dituntut. Dalam persekitaran perakaunan akruan kelak, amalan ini akan menyebabkan aset Kerajaan akan terlebih lapor. Selain itu, amalan ini akan menyebabkan perbezaan rekod pinjaman yang dilaporkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Penyata Kewangan peminjam.

g. Penangguhan Bayaran Balik Pinjaman

Pada tahun 2020, Kerajaan Persekutuan telah memberikan penangguhan bayaran balik anuiti pinjaman berjumlah RM474.52 juta. Penangguhan bayaran ini bertujuan membantu kelancaran aliran tunai bagi sembilan peminjam berikutan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan bagi membendung penularan wabak COVID-19. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.42**.

JADUAL 2.42
PENANGGUHAN BAYARAN BALIK PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

BIL.	PEMINJAM	BIL. PINJAMAN	JUMLAH ANUITI (RM Juta)
1.	Kerajaan Negeri Pahang	122	152.80*
2.	Lembaga Pelabuhan Klang	2	111.30
3.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	2	75.47
4.	TEKUN Nasional	1	40.00
5.	Bank Pertanian Malaysia Berhad	5	37.03
6.	Pengurusan Aset Air Berhad	6	34.04
7.	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia	3	16.69
8.	Cyberview Sdn. Bhd.	1	4.69
9.	Asia E-Learning Sdn. Bhd.	1	2.50
JUMLAH		143	474.52

Sumber: Surat Kelulusan Penangguhan Pembayaran Balik Pinjaman Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2020

Nota: *Termasuk pinjaman yang telah dihapus kira pada 27 April 2020 berjumlah RM12.42 juta

Maklum balas Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan yang diterima pada 31 Julai 2021

Kementerian Kewangan telah mengambil inisiatif bagi mengurangkan ABT dan tunggakan antaranya dengan pengeluaran notis makluman bayaran balik pinjaman dalam tempoh satu bulan sebelum tarikh anuiti matang, pengeluaran surat peringatan bagi bayaran balik tertunggak, mengadakan sesi konsultasi bagi pemulihan pinjaman berdasarkan profil hutang

semasa peminjam, mengadakan pemantauan projek secara berkala dan melaksanakan pelan pemulihan melalui penjadualan dan penstrukturkan pinjaman serta penggulungan syarikat.

Bagi memperkasa inisiatif sedia ada, Kementerian Kewangan mencadangkan penambahbaikan strategi dengan mengambil tindakan seperti berikut:

- Penubuhan Jawatankuasa Kerja Pemulihan Pinjaman.
- Integrasi pelaksanaan pemantauan projek dalam sistem iGFMAS.
- Penilaian atau semakan semula terma dan syarat pinjaman.
- Penglibatan Bahagian Pelaburan Strategik dalam penilaian projek pembangunan yang melibatkan komponen pinjaman.
- Penilaian atau semakan semula pinjaman ke atas syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan.

10.1.1.2. Pelbagai Akaun Belum Terima

- a. Pelbagai Akaun Belum Terima (ABT) terdiri daripada Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut (selain Kementerian Kewangan), ABT Hasil, ABT Hutang-hutang Lain, ABT Faedah Pinjaman Boleh Dituntut dan ABT Wang Pendahuluan Kontraktor.
- b. Kedudukan pelbagai ABT adalah berjumlah RM47.522 bilion iaitu meningkat sejumlah RM11.068 bilion atau 30.4% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM36.454 bilion. Tunggakan Pelbagai ABT adalah berjumlah RM20.859 bilion atau 43.9% daripada amaun keseluruhan pelbagai ABT. Kedudukan pelbagai ABT pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.43**.

**JADUAL 2.43
KEDUDUKAN PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA
PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	JENIS PELBAGAI ABT	TAHUN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
1.	Hasil	41,829.69	31,703.06	10,126.63	31.9
2.	Faedah Pinjaman Boleh Dituntut	2,648.98	2,461.45	187.53	7.6
3.	Hutang-hutang Lain	2,241.66	1,414.81	826.85	58.4
4.	Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut (Selain Kementerian Kewangan)	732.50	790.57	(58.07)	(7.3)
5.	Wang Pendahuluan Kontraktor	69.21	83.72	(14.51)	(17.3)
JUMLAH KESELURUHAN		47,522.04	36,453.61	11,068.43	30.4

Sumber: Penyata Laporan ABT Tahun 2020 dan 2019

- c. Peningkatan dalam aktiviti pengauditan pematuhan terhadap pembayar cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Bahagian Penguatuasaan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia menyebabkan peningkatan taksiran cukai tambahan. Pada tahun 2020, LHDN telah membangkitkan taksiran cukai tambahan berjumlah

RM28.050 bilion. Bagaimanapun, prestasi bayaran oleh pembayar cukai adalah kurang memuaskan disebabkan kekangan aliran tunai kesan penularan wabak COVID-19, rayuan semakan semula dan permohonan bayaran balik secara ansuran. Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan juga membatasi pergerakan pegawai penguat kuasa bagi mengambil tindakan sewajarnya dalam mendapatkan hasil cukai. Faktor ini menyebabkan ABT Hasil meningkat sejumrah RM10.127 bilion atau 31.9% kepada RM41.830 bilion berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM31.703 bilion. Kedudukan ABT Hasil pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.44**.

JADUAL 2.44
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA
HASIL PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN/ AGENSI	TAHUN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
1.	Lembaga Hasil Dalam Negeri	36,497.71	26,600.45	9,897.26	37.2
2.	Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia	3,842.02	3,650.95	191.07	5.2
3.	Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan	917.01	944.47	(27.46)	(2.9)
4.	Kementerian Kesihatan Malaysia	363.36	328.73	34.63	10.5
5.	Kementerian Wilayah Persekutuan	86.03	77.99	8.04	10.3
6.	Lain-lain	123.56	100.47	23.09	23.0
JUMLAH KESELURUHAN		41,829.69	31,703.06	10,126.63	31.9

Sumber: Penyata Laporan ABT Tahun 2020 dan 2019

d. ABT Hutang-hutang lain juga merekodkan peningkatan yang ketara iaitu sejumrah RM0.827 bilion atau 58.4% kepada RM2.242 bilion berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM1.415 bilion. Peningkatan ini antaranya disebabkan tindakan pemurnian data ABT di peringkat Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang telah mengenal pasti ABT bayaran balik pinjaman pelajaran yang terkurang lapor pada tahun 2019 dan sebelumnya berjumlah RM739.39 juta serta ABT tuntutan ganti rugi berjumlah RM9.87 juta. Kesilapan ini berpunca daripada pemahaman JPM terhadap tafsiran ABT yang hanya melaporkan amaun ABT yang matang pada tahun semasa berbanding tafsiran sebenar iaitu keseluruhan amaun pinjaman dan tuntutan ganti rugi yang belum dijelaskan oleh peminjam atau penama. Kedudukan ABT Hutang-hutang lain pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.45**.

JADUAL 2.45
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA
HUTANG-HUTANG LAIN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	KEMENTERIAN / JABATAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
1.	Jabatan Perdana Menteri	1,138.29	370.07	768.22	207.6
2.	Kementerian Kewangan	782.12	779.40	2.72	0.3
3.	Kementerian Pendidikan Malaysia	135.24	133.69	1.55	1.2
4.	Kementerian Kesihatan Malaysia	65.95	55.59	10.36	18.6
5.	Lain-lain	120.06	76.05	44.01	57.9
JUMLAH KESELURUHAN		2,241.66	1,414.80	826.86	58.4

Sumber: Penyata Laporan ABT Tahun 2020 dan 2019

e. Pengumuran Pelbagai Akaun Belum Terima

Pelbagai ABT berjumlah RM44 bilion atau 92.6% adalah berusia kurang enam tahun, sejumlah RM1.766 bilion berusia antara enam hingga 10 tahun, manakala sejumlah RM1.756 bilion berusia melebihi 10 tahun. Pelbagai ABT berusia melebihi 10 tahun telah berkurangan sejumlah RM2.411 bilion atau 57.9% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM4.167 bilion. Pengurangan ketara ini disebabkan oleh kelulusan hapus kira ABT Hasil LHDN yang berjumlah RM5.281 bilion. Kedudukan pengumuran Pelbagai ABT pada tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.46**.

JADUAL 2.46
PENGUMURAN PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA PADA TAHUN 2020


BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	JUMLAH ABT BERSIH (RM Juta)			JUMLAH (RM Juta)
		< 6 TAHUN	6 HINGGA 10 TAHUN	> 10 TAHUN	
1.	Kementerian Kewangan	42,582.90	1,259.66	820.43	44,662.99
2.	Jabatan Perdana Menteri	575.88	159.62	419.74	1,155.24
3.	Kementerian Pengajian Tinggi	40.34	127.89	328.07	496.30
4.	Kementerian Kesihatan Malaysia	318.30	58.11	52.90	429.31
5.	Kementerian Pendidikan Malaysia	121.59	38.51	56.18	216.28
6.	Lain-lain	361.83	121.71	78.38	561.92
JUMLAH		44,000.84	1,765.50	1,755.71	47,522.05
		92.6%	3.7%	3.7%	100.0%

Sumber: Penyata Laporan ABT Tahun 2020, Bahagian Pengurusan Audit Dalam, Kementerian Kewangan

f. Hapus kira Pelbagai Akaun Belum Terima

- i. Pada tahun 2020, pelbagai ABT yang telah diluluskan hapus kira adalah berjumlah RM5.447 bilion. Amaun hapus kira ini meningkat sejumlah RM4.273 bilion atau 364.0% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM1.174 bilion.

- ii. **Hapus kira pelbagai ABT yang tertinggi melibatkan pelbagai ABT berusia melebihi enam tahun berjumlah RM5.337 bilion atau 98.0% daripada keseluruhan amaun hapus kira yang diluluskan.** Sebagai perbandingan, pada tahun 2019, hapus kira pelbagai ABT yang berusia melebihi enam tahun hanya berjumlah **RM1.174 bilion**. Analisis trend hapus kira pelbagai ABT yang berusia lebih enam tahun bagi tempoh 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Carta 2.11**.



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2016 hingga 2020


- iii. Hapus kira yang tertinggi melibatkan ABT Hasil LHDN berjumlah RM5.281 bilion. Mengambil kira pelaksanaan perakaunan akruan kelak, LHDN telah mencadangkan kepada Kerajaan supaya tunggakan ABT hasil yang telah dikategorikan sebagai "tidak dapat dikutip" dihapus kira bagi memastikan kesaksamaan pelaporan kelak. Kategori ABT hasil yang tidak dapat dikutip terdiri daripada pembayar cukai yang telah diisyiharkan muflis, meninggal dunia, mempunyai baki tunggakan yang tidak berubah melebihi tempoh enam tahun dan kes penghakiman yang melebihi tempoh enam tahun tetapi masih belum dapat dikutip.

Pernyataan Audit	Setiap kementerian dan jabatan perlu mengambil tindakan susulan terhadap kedudukan ABT secara berkala. Ini kerana ABT yang berusia melebihi enam tahun lebih berpotensi untuk dihapus kira. Hapus kira ABT bukanlah penyelesaian tetapi merupakan satu kerugian kepada Kerajaan.
-------------------------	---

10.1.2. Pelaburan Dalam Badan Berkanun Persekutuan, Syarikat dan Agensi Antarabangsa

- a. Pada tahun 2020, nilai buku pelaburan Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM33.191 bilion iaitu meningkat sejumlah RM1.153 bilion atau 3.6% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM32.038 bilion. Trend nilai buku pelaburan Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Carta 2.12**. Perincian pegangan kepentingan Kerajaan Persekutuan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.47**.

CARTA 2.12
NILAI BUKU PELABURAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2016 HINGGA 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2016 hingga 2020

JADUAL 2.47
PEGANGAN KEPENTINGAN KERAJAAN MELALUI MKD
PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

KATEGORI	BIL.	TAHUN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
Agensi Antarabangsa	1	38.58	38.58	-	-
Badan Berkanun	5	978.10	978.10	-	-
Syarikat	109	32,174.78	31,021.55	1,153.23	3.7
JUMLAH	115	33,191.46	32,038.23	1,153.23	3.6

Sumber: Nota 9(b), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

- b. Terdapat pertambahan pegangan kepentingan Kerajaan dalam syarikat MyHSR Corporation Sdn. Bhd. sebanyak 50 juta unit saham bernilai RM1 setiap satu saham dan satu unit saham syarikat Pembangunan Modal Penjana Sdn. Bhd. Kerajaan juga telah mengiktiraf nilai buku bagi 853 juta saham syarikat Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. bernilai RM853.23 juta. Selain itu, **Kerajaan mempunyai pegangan kepentingan dalam tiga syarikat yang**

sedang melalui proses pembubaran antara tempoh 2008 hingga 2020, manakala pegangan kepentingan dalam syarikat HVD Holdings Sdn. Bhd. berjumlah RM20 juta telah dilupuskan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.48** dan **Jadual 2.49**.

JADUAL 2.48
PERTAMBAHAN PEGANGAN KEPENTINGAN DAN PELABURAN BAHRU

BIL.	SYARIKAT	TAMBAHAN/PEROLEHAN SAHAM BAHRU		KETERANGAN
		UNIT	NILAI BUKU (RM Juta)	
PERTAMBAHAN PEGANGAN SAHAM				
1.	MyHSR Corporation Sdn. Bhd.	50,000,000 saham biasa	50.00	Bayaran sejumlah RM50 juta telah diselesaikan pada 6 Disember 2017. Bagaimanapun, sijil saham hanya diserahkan oleh Setiausaha syarikat pada 3 April 2020.
PERTAMBAHAN NILAI BUKU				
2.	Export-Import Bank Of Malaysia Berhad	-	250.00	Transaksi ini dibiayai melalui pendahuluan daripada syarikat Govco Holdings Berhad pada tahun 2018. Bagaimanapun, nilai buku berjumlah RM250 juta hanya direkodkan pada tahun 2020 apabila Kerajaan menjelaskan bayaran balik pendahuluan pada 3 April 2020.
3.	Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.	-	853.23	Kerajaan memutuskan nilai buku saham syarikat perlu diiktiraf apabila berlaku pertambahan pegangan saham dan sijil saham telah dikeluarkan. Keputusan ini mengambil kira dana yang diperolehi daripada syarikat Danainfra Nasional Berhad adalah dari terbitan sukuk yang dijamin sepenuhnya oleh Kerajaan dan telah dilaporkan dalam komitmen jaminan.
PEROLEHAN SAHAM BAHRU				
4.	Pembangunan Modal Penjana Sdn. Bhd.	1 saham biasa	-	Syarikat Pembangunan Modal Penjana Sdn. Bhd. telah didaftarkan penubuhannya pada 3 Julai 2020. Kerajaan melalui MKD mempunyai pegangan 100% daripada modal saham diterbitkan iaitu berjumlah RM1.00. Langganan saham dibiayai oleh syarikat Prokhas Sdn. Bhd. Sehubungan itu, nilai buku pelaburan tidak dilaporkan. Syarikat ditubuhkan sebagai syarikat pegangan pelaburan untuk mengawasi aktiviti pelaburan bagi pihak Kerajaan. Selain itu, syarikat ini bertanggungjawab dalam menguruskan Dana PENJANA Nasional berjumlah RM600 juta dengan objektif memacu pemulihan ekonomi Negara melalui proses digitalisasi perniagaan dan akan digunakan untuk memupuk inovasi serta mengembangkan bakat modal teroka tempatan.
JUMLAH PENAMBAHAN		50,000,001	1,153.23	

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan, Kementerian Kewangan

JADUAL 2.49
STATUS SYARIKAT DALAM PROSES PENGGULUNGAN

BIL	SYARIKAT	PEGANGAN SYARIKAT		KETERANGAN
		UNIT	NILAI BUKU (RM)	
1	Malaysia Batek And Handicraft Berhad	300,001 saham biasa	300,000.00	Status syarikat dari tahun 2008 sehingga 2020 masih tiada perubahan iaitu dalam proses penggulungan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia.
2	Malaysian Airline System Berhad	1 saham keutamaan	1.00	Pada 14 Februari 2020, syarikat Malaysia Airline Sistem Berhad telah diletakkan dalam status penggulungan dan tidak lagi beroperasi.


BIL	SYARIKAT	PEGANGAN SYARIKAT		KETERANGAN
		UNIT	NILAI BUKU (RM)	
3	Medical Online Sdn. Bhd.	1 saham keutamaan	-	Status syarikat dari tahun 2018 sehingga 2020 masih tiada perubahan iaitu masih dalam proses penggulungan di Jabatan Insolvensi Malaysia.

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan, Kementerian Kewangan

c. Dividen Pelaburan

- i. Pada tahun 2020, dividen pelaburan yang diterima daripada 17 syarikat dan dua badan berkanun adalah berjumlah RM38.875 bilion. Hasil dividen ini berkurangan sejumlah RM18.848 bilion atau 32.7% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM57.723 bilion.
- ii. Terimaan dividen daripada syarikat Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) menunjukkan pengurangan sejumlah RM20 bilion berikutan tiada dividen khas diterima pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM30 bilion. **Tanpa mengambil kira pemberian dividen khas, prestasi pemberian dividen daripada PETRONAS bagi tempoh lima tahun menunjukkan trend peningkatan sehingga RM10 bilion setahun.** Prestasi pemberian dividen syarikat bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 2.13**.

CARTA 2.13
TREND TERIMAAN DIVIDEN PETRONAS DARI TAHUN 2016 HINGGA 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2016 hingga 2020

Nota: *Dividen pada tahun 2019 tidak termasuk dividen khas berjumlah RM30 bilion

- iii. Terimaan dividen daripada syarikat Pengurusan Aset Air Berhad dan Malaysia Debt Ventures Berhad berkurangan masing-masing sejumlah RM7.41 juta dan RM2 juta berbanding dividen tahun 2019. Tiada dividen diterima daripada

syarikat JKP Sdn. Bhd., Dana Jamin Nasional Berhad, MyCreative Venture Sdn. Bhd. dan Sepang International Circuit Sdn. Bhd. berbanding dividen tahun 2019 yang berjumlah RM10.76 juta.

- iv. Terimaan dividen daripada 11 syarikat dan dua badan berkanun yang berjumlah RM3.831 bilion menunjukkan peningkatan sejumlah RM1.171 bilion atau 44.0% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM2.660 bilion. Peningkatan ketara terimaan dividen ialah daripada Bank Negara Malaysia iaitu bertambah sejumlah RM1 bilion atau 40.0% kepada RM3.500 bilion berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM2.500 bilion.
- v. Prestasi terimaan dividen bagi tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.50**.

JADUAL 2.50

PRESTASI TERIMAAN DIVIDEN PELABURAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	FAEDAH DAN PEROLEHAN DARIPADA PELABURAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
SYARIKAT					
1.	Petroliam Nasional Berhad	34,000.00	54,000.00	(20,000.00)	(37.0)
2.	Khazanah Nasional Berhad	1,000.00	1,000.00	-	-
3.	Bank Pembangunan Malaysia Berhad	152.21	100.00	52.21	52.2
4.	SME Bank	37.00	-	37.00	100.0
5.	Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	34.00	6.54	27.46	419.9
6.	Bank Pertanian Malaysia Berhad	30.00	20.00	10.00	50.0
7.	Pengurusan Aset Air Berhad	22.15	29.56	(7.41)	(25.1)
8.	Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd.	16.68	16.68	-	-
9.	IJN Holdings Sdn. Bhd.	12.00	7.50	4.50	60.0
10.	Perbadanan Nasional Berhad	10.16	3.99	6.17	154.6
11.	Prokhas Sdn. Bhd.	9.90	7.00	2.90	41.4
12.	Syarikat Perumahan Pegawai Kerajaan Sdn. Bhd.	4.90	4.27	0.63	14.8
13.	Amanah Raya Berhad	3.00	-	3.00	100.0
14.	Malaysia Debt Ventures Berhad	2.50	4.50	(2.00)	(44.4)
15.	UDA Holdings Berhad	2.41	-	2.41	100.0
16.	Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd.	2.25	1.10	1.15	104.5
17.	Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	1.50	1.50	-	-
18.	Dana Jamin Nasional Berhad	-	8.95	(8.95)	(100.0)
19.	JKP Sdn. Bhd.	-	0.36	(0.36)	(100.0)
20.	MyCreative Venture Sdn. Bhd.	-	0.45	(0.45)	(100.0)
21.	Sepang International Circuit Sdn. Bhd.	-	1.00	(1.00)	(100.0)
JUMLAH SYARIKAT		35,340.66	55,213.40	(19,872.74)	(36.0)

BIL.	FAEDAH DAN PEROLEHAN DARIPADA PELABURAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
BADAN BERKANUN					
22.	Bank Negara Malaysia	3,500.00	2,500.00	1,000.00	40.0
23.	Bank Simpanan Nasional	34.00	10.00	24.00	240.0
JUMLAH BADAN BERKANUN		3,534.00	2,510.00	1,024.00	40.8
JUMLAH DIVIDEN DITERIMA		38,874.66	57,723.40	(18,848.74)	(32.7)

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia

11. MEMORANDUM LIABILITI

Pada tahun 2020, Liabiliti Persekutuan adalah berjumlah RM1.187 trilion iaitu terdiri daripada Hutang Persekutuan berjumlah RM879.560 bilion dan Liabiliti Kewangan berjumlah RM307.252 bilion. Liabiliti Kewangan ini terdiri daripada Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta berjumlah RM37.034 bilion, Komitmen Kewangan berjumlah RM269.940 bilion dan Pelbagai Liabiliti berjumlah RM0.278 bilion. Liabiliti Persekutuan meningkat sejumlah RM107.274 bilion atau 9.9% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM1.080 trilion. Nisbah Liabiliti Persekutuan kepada KDNK adalah 83.8% pada tahun 2020, iaitu meningkat berbanding 71.3% pada tahun 2019. Kedudukan Liabiliti Persekutuan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.51**.

JADUAL 2.51
KEDUDUKAN LIABILITI PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Bilion)	2019 (RM Bilion)	RM Bilion	%
1.	Hutang Persekutuan	879.560	792.998	86.562	10.9
2.	Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta	37.034	38.830	(1.796)	(4.6)
3.	Komitmen Kewangan	269.940	247.461	22.479	9.1
4.	Pelbagai Liabiliti	0.278	0.249	0.029	11.6
JUMLAH KESELURUHAN		1,186.812	1,079.538	107.274	9.9
Nisbah Liabiliti Persekutuan Kepada KDNK (%)		83.8	71.3		

Sumber: Nota 10, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020 dan Laporan Keluaran Dalam Negeri Kasar Tahunan 2016 hingga 2020, Jabatan Perangkaan Malaysia bertarikh 11 Mei 2020

11.1. Hutang Persekutuan

11.1.1. Pada tahun 2020, Hutang Persekutuan adalah berjumlah RM879.560 bilion iaitu meningkat sejumlah RM86.562 bilion atau 10.9% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM792.998 bilion. Hutang Persekutuan terdiri daripada pinjaman dalam negeri berjumlah RM851.284 bilion atau 96.8% dan hutang luar negeri berjumlah RM28.276 bilion atau 3.2%. Pinjaman dalam negeri mencatatkan peningkatan sejumlah RM87.051 bilion atau 11.4%, manakala hutang luar negeri menurun sejumlah RM0.489 bilion atau 1.7%. Pinjaman luar negeri dan bantuan luar negeri menurun masing-masing sebanyak

RM0.291 bilion atau 1.2% dan RM0.198 bilion atau 3.7%. Kedudukan Hutang Persekutuan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.52**.

JADUAL 2.52
KEDUDUKAN HUTANG PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019


BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
PINJAMAN DALAM NEGERI					
1.	Bil Perbendaharaan	15,500.00	4,500.00	11,000.00	244.4
2.	Terbitan Pelaburan Kerajaan	374,600.00	338,800.00	35,800.00	10.6
3.	Sekuriti Kerajaan Malaysia	436,417.53	394,132.73	42,284.80	10.7
4.	Sukuk	24,766.42	26,800.00	(2,033.58)	(7.6)
JUMLAH PINJAMAN DALAM NEGERI		851,283.95	764,232.73	87,051.22	11.4
PINJAMAN LUAR NEGERI					
5.	Pinjaman Pasaran	23,055.20	23,346.50	(291.30)	(1.2)
JUMLAH PINJAMAN LUAR NEGERI		23,055.20	23,346.50	(291.30)	(1.2)
BANTUAN LUAR NEGERI					
6.	Pinjaman Multilateral	153.11	216.82	(63.71)	(29.4)
7.	Pinjaman Bilateral	5,067.45	5,201.51	(134.06)	(2.6)
JUMLAH BANTUAN LUAR NEGERI		5,220.56	5,418.33	(197.77)	(3.7)
HUTANG LUAR NEGERI*		28,275.76	28,764.83	(489.07)	(1.7)
HUTANG PERSEKUTUAN		879,559.71	792,997.56	86,562.15	10.9

Sumber: Nota 10(a), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

Nota: *Hutang Luar Negeri terdiri daripada Pinjaman Luar Negeri dan Bantuan Luar Negeri

11.1.2. Kedudukan Hutang Persekutuan bagi tempoh 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Carta 2.14. Hutang Persekutuan berjumlah RM879.560 bilion yang dilaporkan di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah hutang yang dibuat secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan dan tidak termasuk hutang agensi atau syarikat Kerajaan.**

CARTA 2.14
KEDUDUKAN HUTANG PERSEKUTUAN BAGI TEMPOH 2016 HINGGA 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2016 hingga 2020

11.1.3. Perenggan 3(1) Akta 830 menetapkan had aman Perintah Pinjaman (Tempatan) (Had Statutori Pinjaman) dan Pendanaan Kerajaan (Had Statutori Wang yang Diterima) 2009 [P.U.(A) 241/2009] semasa pada nisbah 55% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dinaikkan sehingga 60% berkuat kuasa mulai 26 Oktober 2020 hingga 31 Disember 2020. **Penetapan had statutori hutang ini melibatkan Bil Perbendaharaan Islamik, Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sekuriti Kerajaan Malaysia yang berjumlah RM820.018 bilion iaitu bersamaan dengan 57.9% daripada KDNK.**

11.1.4. **Nisbah Hutang Persekutuan kepada KDNK pada tahun 2020 adalah pada paras 62.1%** iaitu meningkat pada kadar 9.7% berbanding tahun 2019. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.53**.

**JADUAL 2.53
NISBAH HUTANG PERSEKUTUAN KEPADA KDNK
PADA TAHUN 2016 HINGGA TAHUN 2020**

PERKARA	TAHUN				
	2016 (RM Bilion)	2017 (RM Bilion)	2018 (RM Bilion)	2019 (RM Bilion)	2020 (RM Bilion)
Jumlah Hutang Persekutuan	648.475	686.837	741.049	792.998	879.560
Kenaikan (%)	2.8	5.9	7.9	7.0	10.9
KDNK	1,249.698	1,372.310	1,447.760	1,513.157	1,416.605
Nisbah Hutang Persekutuan Kepada KDNK (%)	51.9	50.0	51.2	52.4	62.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2016 hingga 2020 dan Laporan Keluaran Dalam Negeri Kasar Tahunan 2015 hingga 2020, Jabatan Perangkaan Malaysia bertarikh 11 Mei 2020

Maklum balas Kementerian Kewangan yang diterima pada 29 Julai 2021

Kerajaan Persekutuan kekal komited untuk meneruskan usaha konsolidasi fiskal berpandukan Medium-Term Fiscal Framework yang secara tidak langsung membantu membawa kepada paras hutang yang lebih rendah dan terurus secara beransur-ansur selepas krisis ini berakhir. Usaha ini penting dalam mencapai kemapanan kedudukan kewangan dan keberhutungan Kerajaan Persekutuan (debt sustainability) dalam jangka masa panjang. Kementerian dalam proses menggubal Akta Tanggungjawab Fiskal dan dicadang dibentangkan di Parlimen sekitar suku ke empat 2021 atau suku pertama 2022. Kerajaan semasa pembentangan Belanjawan 2019 telah mengumumkan komitmen untuk menggubal Akta Tanggungjawab Fiskal pada 2021. Akta Tanggungjawab Fiskal merupakan salah satu inisiatif pembaharuan dalam mengukuhkan institusi fiskal melalui peningkatan disiplin fiskal, keberkesanan perbelanjaan dan ketelusan kewangan awam. Akta Tanggungjawab Fiskal akan digubal berdasarkan amalan terbaik undang-undang tanggungjawab fiskal antarabangsa. Antara prinsip dan amalan terbaik pengurusan fiskal yang bertanggungjawab meliputi penetapan peraturan fiskal, pengurangan hutang awam ke tahap yang berhemah, pengekalan lebihan baki semasa dan pengurusan risiko fiskal.

11.2. Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta

11.2.1. Inisiatif Pembiayaan Swasta adalah satu kaedah pembiayaan projek pembangunan secara *off-budget*. Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. dan MKD Aman Makmur Sdn. Bhd. ditubuhkan bagi mendapatkan pinjaman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP). Terimaan pinjaman berkenaan disalurkan kepada Kerajaan sebagai sumbangan melalui Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dan Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta (PFI II). Dana tersebut digunakan bagi membiayai perbelanjaan seperti yang ditetapkan dalam Surat Arahan Amanah.

11.2.2. Sehingga 31 Disember 2020, amaun pinjaman yang telah diluluskan adalah berjumlah RM50 bilion. Sejumlah RM47.300 bilion telah dikeluarkan dan disumbangkan kepada Akaun Amanah PFI dan PFI II. Baki pinjaman yang belum dikeluarkan adalah berjumlah RM2.700 bilion. Kedudukan pinjaman syarikat adalah seperti dalam **Jadual 2.54**.

**JADUAL 2.54
KEDUDUKAN PINJAMAN SYARIKAT PADA TAHUN 2020**

SYARIKAT	SUMBER PINJAMAN	DILULUSKAN (RM Bilion)	PENGELUARAN (RM Bilion)	BAKI (RM Bilion)
Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	KWSP	26.037	26.037	-
	KWAP	3.963	3.963	-
MKD Aman Makmur Sdn. Bhd	KWSP	20.000	17.300	2.700
JUMLAH KESELURUHAN		50.000	47.300	2.700

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran Akaun Amanah PFI dan PFI II

11.2.3. Baki pinjaman belum selesai adalah berjumlah RM37.034 bilion iaitu berkurangan sejumlah RM1.796 bilion atau 4.6% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM38.830 bilion. Pengurangan ini disebabkan bayaran prinsipal pinjaman berjumlah RM0.813 bilion kepada KWSP dan RM0.982 bilion kepada KWAP. Kedudukan Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.55**.

**JADUAL 2.55
KEDUDUKAN LIABILITI PFI PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

SYARIKAT	TAHUN		PERUBAHAN	
	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	20,447.97	21,529.55	(1,081.58)	(5.0)
MKD Aman Makmur Sdn. Bhd.	16,586.50	17,300.00	(713.50)	(4.1)
JUMLAH KESELURUHAN	37,034.47	38,829.55	(1,795.08)	(4.6)

Sumber: Nota 10(b), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

11.2.4. Bayaran kos faedah pinjaman yang telah dilunaskan pada tahun 2020 adalah berjumlah RM1.616 bilion. Perkara ini menjadikan jumlah keseluruhan perbelanjaan berkaitan Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta adalah berjumlah RM3.412 bilion.

11.2.5. **Bayaran berjumlah RM3.137 bilion atau 92.0% daripada amaun keseluruhan bayaran telah dilunaskan menggunakan peruntukan pembangunan.** Sejumlah RM0.274 bilion pula dibayar sendiri oleh Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. menggunakan lebihan dana Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta yang telah dikembalikan oleh Kerajaan. Pemulangan dana Akaun Amanah ini adalah selaras dengan Para 15, Surat Ikatan Amanah bertarikh 31 Mac 2017.

11.3. Komitmen Kewangan

Komitmen Kewangan ialah obligasi Kerajaan Persekutuan untuk membuat bayaran kepada pihak yang berkaitan. Komitmen Kewangan terdiri daripada komitmen jaminan, komitmen pajakan kewangan, komitmen bayaran balik cukai dan komitmen pampasan. Pada tahun 2020, kedudukan komitmen kewangan Kerajaan adalah berjumlah RM269.940 bilion iaitu meningkat sejumlah RM22.479 bilion atau 9.1% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM247.461 bilion. Kedudukan komitmen kewangan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.56**.

**JADUAL 2.56
KOMITMEN KEWANGAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
1.	Komitmen Jaminan	216,841.57	193,992.53	22,849.04	11.8
2.	Komitmen Pajakan Kewangan	37,570.62	33,086.43	4,484.19	13.6
3.	Komitmen Bayaran Balik Cukai	14,635.44	19,392.40	(4,756.96)	(24.5)
4.	Komitmen Pampasan	892.58	990.04	(97.46)	(9.8)
JUMLAH		269,940.21	247,461.40	22,478.81	9.1

Sumber: Nota 10(c), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

11.3.1. Komitmen Jaminan

- Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 dan Akta Tatacara Kewangan 1957 memberi kuasa kepada Kerajaan untuk memberi jaminan kepada pinjaman yang dibuat oleh pertubuhan perbadanan. Komitmen Jaminan adalah obligasi Kerajaan untuk menyediakan peruntukan kepada syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) bagi melunaskan pinjaman yang dijamin Kerajaan. Sebanyak 14 syarikat MKD dikenal pasti memerlukan bantuan Kerajaan dalam memenuhi obligasi pinjaman masing-masing.

- b. Kedudukan komitmen jaminan adalah berjumlah RM216.842 bilion iaitu meningkat sejumlah RM22.849 bilion atau 11.8% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM193.993 bilion. Kedudukan komitmen jaminan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.57**.

JADUAL 2.57
KEDUDUKAN KOMITMEN JAMINAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	SYARIKAT	KOMITMEN JAMINAN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
1.	1Malaysia Development Berhad	31,110.50	31,913.25	(802.75)	(2.5)
2.	Assets Global Network Sdn. Bhd.	252.90	177.03	75.87	42.9
3.	Danainfra Nasional Berhad	72,320.00	63,820.00	8,500.00	13.3
4.	Govco Holdings Berhad	7,200.00	7,200.00	-	-
5.	Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	5,527.93	5,647.55	(119.62)	(2.1)
6.	Malaysia Rail-Link Sdn. Bhd.	21,530.04	18,505.80	3,024.24	16.3
7.	MKD Kencana Sdn. Bhd.	3,500.00	3,500.00	-	-
8.	Prasarana Malaysia Berhad	38,914.00	32,264.00	6,650.00	20.6
9.	Sentuhan Budiman Sdn. Bhd.	800.00	800.00	-	-
10.	SRC International Sdn. Bhd.	2,485.02	3,485.45	(1,000.43)	(28.7)
11.	Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd.	6,951.32	6,707.94	243.38	3.6
12.	TRX City Sdn. Bhd.	252.78	371.51	(118.73)	(32.0)
13.	Turus Pesawat Sdn. Bhd.	5,310.00	-	5,310.00	100.0
14.	Urusharta Jamaah Sdn. Bhd.	20,687.08	19,600.00	1,087.08	5.5
JUMLAH		216,841.57	193,992.53	22,849.04	11.8

Sumber: Lampiran 8, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

- c. Peningkatan obligasi Kerajaan antaranya disebabkan terbitan pinjaman baharu oleh syarikat Danainfra Nasional Berhad, Prasarana Malaysia Berhad dan Malaysia Rail-Link Sdn. Bhd. bagi membiayai projek infrastruktur Mass Rapid Transit (MRT), Lebuh raya Pan Borneo, Light Rail Transit (LRT) dan East Coast Rail Link (ECRL).
- d. Selain itu, pada tahun 2020 Kerajaan **mula membiayai keseluruhan pinjaman syarikat Malaysia Airlines Berhad (MAB) yang didapatkan melalui syarikat Assets Global Network Sdn. Bhd. yang berbaki RM0.253 bilion dan Turus Pesawat Sdn. Bhd yang berjumlah RM5.310 bilion**. Pembiayaan oleh Kerajaan adalah bagi mengelakkan berlakunya *event of cross-default* terhadap pinjaman Kerajaan yang lain setelah syarikat MAB menghadapi kesulitan kewangan bagi memenuhi obligasi bayaran pinjaman berkeraan. Pada tahun 2020, Kerajaan telah membayar faedah pinjaman yang matang bagi syarikat Turus Pesawat Sdn. Bhd. berjumlah RM0.180 bilion. Perincian pinjaman syarikat MAB yang dijamin oleh Kerajaan adalah seperti dalam **Jadual 2.58**.

JADUAL 2.58
PINJAMAN SYARIKAT MAB YANG DIJAMIN OLEH KERAJAAN

BIL.	SYARIKAT	TUJUAN PINJAMAN	TAHUN MATANG	AMAUN PINJAMAN (RM Bilion)	
				PRINSIPAL	BELUM SELESAI
1.	Assets Global Network Sdn. Bhd.	Pengambilalihan Kompleks Malaysian Airline System Berhad di KLIA sebelum dipajakkan semula kepada syarikat.	2023	1.012	0.253
2.	Turus Pesawat Sdn. Bhd.	Pembelian lapan unit pesawat.	2032	5.310	5.310
JUMLAH KESELURUHAN				6.322	5.563

Sumber: Perjanjian Pinjaman/Pajakan antara syarikat MAB dan Kerajaan

e. Penyaluran Peruntukan Kerajaan

- i. **Sejumlah RM6.896 bilion peruntukan telah diberikan kepada 11 syarikat bagi tujuan pelunasan pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan.** Jumlah pemberian ini meningkat sejumlah RM1.233 bilion atau 21.8% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM5.663 bilion. Butiran pemberian peruntukan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.59**.

JADUAL 2.59
PEMBERIAN PERUNTUKAN BAGI
PELUNASAN PINJAMAN SYARIKAT PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	SYARIKAT	TAHUN 2020					TAHUN 2019	PERUBAHAN		
		SUMBER DANA (RM Juta)								
		VOT B (RM Juta)	VOT P (RM Juta)	VOT AMANAH (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)		RM Juta	%	
1.	Danainfra Nasional Berhad	-	2,337.00	-	2,337.00	1,500.00	837.00	55.8		
2.	1Malaysia Development Berhad	-	507.00	1,233.29	1,740.29	1,705.48	34.81	2.0		
3.	SRC International Sdn. Bhd.	-	1,052.28	-	1,052.28	680.83	371.45	54.6		
4.	Urusharta Jamaah Sdn. Bhd.	-	500.00	-	500.00	-	500.00	100.0		
5.	Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	-	337.20	-	337.20	326.67	10.53	3.2		
6.	Govco Holdings Berhad	260.00	-	-	260.00	175.00	85.0	48.6		
7.	Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd.	-	236.80	-	236.80	1,000.00	(763.20)	(76.3)		
8.	Turus Pesawat Sdn. Bhd.	180.31	-	-	180.31	-	180.31	100.0		
9.	MKD Kencana Sdn. Bhd.	-	158.21	-	158.21	50.18	108.03	215.3		
10.	Assets Global Network Sdn. Bhd.	57.76	-	-	57.76	59.76	(2.00)	(3.3)		
11.	Sentuhan Budiman Sdn. Bhd.	36.00	-	-	36.00	17.00	19.00	111.8		
12.	K.L. International Airport Berhad	-	-	-	-	81.82	(81.82)	(100.0)		
13.	TRX City Sdn. Bhd.	-	-	-	-	66.23	(66.23)	(100.0)		
JUMLAH		534.07	5,128.49	1,233.29	6,895.85	5,662.97	1,232.88	21.8		

Sumber: Data perbelanjaan iGFMAS, buku amanah, dokumen sokongan Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan.

Nota: Vot B - Vot Mengurus, Vot P - Vot Pembangunan

- ii. Peningkatan pemberian ini antaranya disebabkan bayaran prinsipal pinjaman syarikat SRC International Sdn. Bhd. yang matang berjumlah RM1 bilion berbanding RM0.500 bilion pada tahun 2019 dan penyaluran dana kepada syarikat Danainfra Nasional Berhad berjumlah RM2.337 bilion berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM1.500 bilion.
- iii. Selain itu, sejumlah RM500 juta diberikan kepada syarikat Urusharta Jamaah Sdn. Bhd. selaras dengan perjanjian penstruktur Lembaga Tabung Haji sebagai bayaran tunai kepada Lembaga Tabung Haji berjumlah RM300 juta; manakala sejumlah RM200 juta adalah bagi penebusan awal sebahagian sukuk.

f. Penstruktur Pinjaman Syarikat

- i. Pada tahun 2020, syarikat SRC International Sdn. Bhd. dan Sentuhan Budiman Sdn. Bhd. telah membuat penstruktur semula pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan masing-masing berjumlah RM3.485 bilion dan RM0.800 bilion.
- ii. Penstruktur pinjaman syarikat SRC International Sdn. Bhd. melibatkan penjadualan semula tempoh bayaran pinjaman dari dua kali kepada empat kali setahun dan semakan semula kadar faedah pinjaman daripada 5.096% kepada 3.053% setahun. **Penstruktur ini memberi penjimatatan faedah pinjaman dianggarkan berjumlah RM93.63 juta.** Tempoh matang pinjaman dikekalkan sehingga tahun 2022.
- iii. Pinjaman Sentuhan Budiman Sdn. Bhd. sepatutnya matang pada bulan November 2020. Namun, tempoh matang pinjaman berkenaan telah dilanjutkan selama lapan tahun kepada tahun 2028. Berdasarkan syarat pinjaman baharu, syarikat akan membuat bayaran prinsipal pinjaman sejumlah RM50 juta berserta faedah pinjaman bagi setiap enam bulan.

g. Komitmen Jaminan Pinjaman Syarikat 1Malaysia Development Berhad

- i. Jaminan pinjaman syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) adalah berjumlah RM31.111 bilion. Sejumlah RM14.060 bilion perlu dilunaskan pada tahun 2022; manakala RM12.051 bilion pada tahun 2023 dan RM5 bilion pada tahun 2039. Komitmen bayaran faedah pinjaman sehingga tempoh matang dianggarkan sehingga RM1.705 bilion setahun.
- ii. Pelunasan faedah pinjaman syarikat yang berjumlah RM1.740 bilion pada tahun 2020 adalah menggunakan peruntukan pembangunan berjumlah RM0.507 bilion

dan Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset (AAMKA) berjumlah RM1.233 bilion. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.60**.

JADUAL 2.60
PELUNASAN FAEDAH PINJAMAN 1MDB BAGI TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN JAMINAN	BAYARAN FAEDAH PINJAMAN		
		TARIKH BAYARAN	SUMBER DANA	AMAUN (RM Juta)
1.	Bon Global	04.03.2020	AAMKA	277.30
		02.09.2020	Pembangunan	278.00
2.	1MDB Energy (Langat)	14.04.2020	AAMKA	218.26
		12.10.2020	Pembangunan	229.00
3.	1MDB Energy Limited	06.05.2020	AAMKA	230.43
		04.11.2020	AAMKA	219.80
4.	Sukuk	18.05.2020	AAMKA	143.75
		25.11.2020	AAMKA	143.75
JUMLAH				1,740.29

Sumber: Data perbelanjaan iGFMAS, buku amanah dan dokumen sokongan Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan

h. SRC International Sdn. Bhd.

- i. Syarikat telah membuat pengeluaran pinjaman dengan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) yang dijamin oleh Kerajaan sejumlah RM2 bilion pada tahun 2011 dan RM2 bilion pada tahun 2012. Bayaran balik pinjaman bermula pada tahun 2014. Baki prinsipal pinjaman pada tahun 2020 adalah berjumlah RM2.485 bilion.
- ii. Pada tahun 2020, Kerajaan telah melunaskan prinsipal pinjaman berjumlah RM1 bilion dan faedah pinjaman berjumlah RM52.28 juta menggunakan peruntukan pembangunan.
- iii. Selain pinjaman dengan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), syarikat juga menerima pinjaman daripada Kerajaan yang berjumlah RM600.80 juta iaitu sejumlah RM91 juta pada tahun 2015, RM213.68 juta pada tahun 2016 dan RM296.12 juta pada tahun 2017. Setakat 31 Disember 2020, syarikat hanya membuat bayaran balik sejumlah RM3.25 juta atau 0.5% daripada jumlah keseluruhan pinjaman. Ini menjadikan tunggakan pinjaman syarikat dengan Kerajaan adalah berjumlah RM597.55 juta.

Maklum balas Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan, Kementerian Kewangan yang diterima pada 18 Jun 2021

Berikutan impak daripada penularan wabak COVID-19, prestasi kewangan syarikat penerbangan di seluruh dunia termasuk syarikat Malaysia Airlines Berhad (MAB) telah terjejas dan mengambil masa untuk dipulihkan. Sehubungan itu, pada masa ini MAB tidak mampu

untuk membayar komitmennya terhadap Assets Global Network Sdn. Bhd. dan Turus Pesawat Sdn. Bhd. yang dijamin Kerajaan. Pada masa ini, perjanjian baharu berkenaan bayaran balik komitmen kewangan MAB kepada Assets Global Network Sdn. Bhd. dan Turus Pesawat Sdn. Bhd. masih dalam proses rundingan dan belum dimuktamadkan. Kerajaan dijangka perlu menyediakan peruntukan bagi tempoh tiga hingga lima tahun lagi bagi menampung kos pembayaran balik obligasi dan komitmen pinjaman MAB tersebut untuk mengelakkan berlakunya *cross-default*.

11.3.2. Komitmen Pajakan Kewangan

- Aset pajakan terdiri daripada aset bangunan yang dibangunkan melalui Kerjasama Sektor Awam – Swasta (PPP) di bawah pengurusan dan pemantauan Unit Kerjasama Awam Swasta. Bayaran bagi perjanjian PPP terdiri daripada tiga komponen utama iaitu bayaran pajakan, bayaran caj penyenggaraan dan bayaran caj penggantian aset bagi tempoh masa sehingga 25 tahun. Bagaimanapun, bagi tujuan pelaporan, Kerajaan hanya melaporkan komitmen bagi bayaran pajakan yang telah mengambil kira faktor kadar diskaun semasa. Selain itu, pada tahun 2020, aset pajakan adalah termasuk peralatan yang didapatkan melalui perjanjian konsesi.
- Pada tahun 2020, kedudukan komitmen pajakan adalah berjumlah RM37.571 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM4.485 bilion atau 13.6% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM33.086 bilion. Komitmen ini meliputi kos pajakan bagi 161 buah bangunan dan enam peralatan Kerajaan Persekutuan serta 26 buah bangunan badan berkanun. Kedudukan komitmen pajakan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.61**.

JADUAL 2.61
KEDUDUKAN KOMITMEN PAJAKAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	KATEGORI PAJAKAN	TAHUN				PERUBAHAN		
		2020		2019				
		BIL.	RM Juta	BIL.	RM Juta	BIL.	RM Juta	%
1.	Kerajaan Persekutuan	167	26,847.48	157	22,189.24	10	4,658.24	21.0
	Bangunan	161	26,156.28	157	22,189.24	4	3,967.04	17.9
	Peralatan	6	691.20	-	-	6	691.20	100.0
2.	Badan Berkanun	26	10,723.14	25	10,897.19	1	(174.05)	(1.6)
	Bangunan	26	10,723.14	25	10,897.19	1	(174.05)	(1.6)
JUMLAH		193	37,570.62	182	33,086.43	11	4,484.19	13.6

Sumber: Nota 10(c)(ii), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

- Sebanyak 11 aset pajakan baharu dilaporkan dalam tahun 2020 berjumlah RM6.755 bilion. Senarai aset pajakan yang terlibat adalah seperti dalam **Jadual 2.62**.

JADUAL 2.62
ASET PAJAKAN BAHARU TAHUN 2020

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	BUTIRAN ASET PAJAKAN		
		PREMIS	AMAUIN (RM Juta)	
1.	Jabatan Perdana Menteri	Parcel F – Bahagian Pengurusan Hartanah	3,364.24	
2.	Kementerian Komunikasi dan Multimedia	Ibu pejabat Cybersecurity Malaysia, Pejabat Standard, Majlis Keselamatan Negara	1,164.06	
3.		Peralatan di Pusat Berita Bersepadu dan Pusat Penyiaran Antarabangsa (RTM)	329.30	
4.	Kementerian Pendidikan Malaysia	Projek Penswastaan 10,000 unit Rumah Guru Fasa 1	847.30	
5.	Kementerian Pengajian Tinggi	UiAM Gambang	457.06	
6.	Kementerian Kesihatan Malaysia	New Biomedical Equipment – Program Kesihatan Awam	234.24	
7.		New Biomedical Equipment – Program Pergigian	100.73	
8.	Kementerian Pertahanan	Pangkalan Kapal Diraja KD Sri Medini dan Unit Pengawasan Senggaraan Pasir Gudang	231.40	
9.	Kementerian Kewangan	Mesin Pengimbas (BP-010)	8.57	
10.		Mesin Pengimbas (BP-011)	8.55	
11.		Mesin Pengimbas (BP-012)	9.81	
JUMLAH KESELURUHAN			6,755.26	

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia

11.3.3. Komitmen Bayaran Balik Cukai

- a. Komitmen bayaran balik cukai adalah obligasi Kerajaan untuk membuat bayaran balik lebihan cukai yang telah diterima daripada Orang Kena Cukai. Bayaran balik ini tertakluk kepada proses semakan dan pengauditan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Sebanyak tiga jenis cukai yang melibatkan bayaran balik iaitu Cukai Pendapatan, Cukai Keuntungan Harta Tanah serta Cukai Barang dan Perkhidmatan.
- b. Pada tahun 2020, kedudukan komitmen bayaran balik cukai adalah berjumlah RM14.635 bilion iaitu berkurangan sejumrah RM4.757 bilion atau 24.5% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM19.392 bilion. Pengurangan ketara adalah disebabkan prestasi bayaran balik Cukai Barang dan Perkhidmatan yang menggunakan dana dividen khas PETRONAS yang masih berbaki RM6 bilion pada tahun 2019. Kedudukan Komitmen Bayaran Balik Cukai pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.63**.

JADUAL 2.63
KEDUDUKAN KOMITMEN BAYARAN BALIK CUKAI
PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN CUKAI	TAHUN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
1.	Cukai Pendapatan	12,186.43	10,346.93	1,839.50	17.8
2.	Cukai Keuntungan Harta Tanah	575.43	503.96	71.47	14.2

BIL.	BUTIRAN CUKAI	TAHUN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
3.	Cukai Barang dan Perkhidmatan	1,873.58	8,541.51	(6,667.93)	(78.1)
	JUMLAH	14,635.44	19,392.40	(4,756.96)	(24.5)

Sumber: Nota 10(c)(iii), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

- c. Bayaran balik Cukai Pendapatan dan Cukai Keuntungan Harta Tanah diuruskan oleh LHDN menggunakan dana Kumpulan Wang Tabung Bayaran Balik Cukai (TBBC). Pada tahun 2020, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM10.600 bilion atau 11.9% daripada kutipan cukai pendapatan tahun semasa kepada TBBC. Sejumlah RM11.791 bilion bayaran balik telah dilunaskan dan TBBC berbaki sejumlah RM167.29 juta pada tahun 2020. **Baki TBBC ini adalah lebih rendah berbanding amaun komitmen yang berjumlah RM12.762 bilion.**
- d. Bayaran balik Cukai Barang dan Perkhidmatan pula diuruskan oleh JKDM menggunakan dana Kumpulan Wang Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan. Pada tahun 2020, kesemua terimaan Cukai Barang dan Perkhidmatan yang berjumlah RM0.950 bilion telah dimasukkan dalam Kumpulan Wang Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan. Pelunasan bayaran balik cukai barang dan perkhidmatan dalam tahun semasa adalah berjumlah RM6.871 bilion. Ini menjadikan **baki Kumpulan Wang Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan pada tahun 2020 adalah berjumlah RM84.24 juta berbanding amaun komitmen berjumlah RM1.874 bilion.**

Maklum balas LHDN dan JKDM yang diterima pada 14 Jun 2021

Baki komitmen bayaran balik Cukai Pendapatan dan Cukai Keuntungan Harta Tanah pada 1 Januari 2020 yang berjumlah RM10.851 bilion merupakan baki kredit yang masih wujud selepas Perbendaharaan Malaysia memperuntukkan sejumlah RM27.400 bilion dalam tahun 2019 bertujuan menyelesaikan jangkaan komitmen bayaran balik cukai langsung berjumlah RM28 bilion. Perancangan awal tersebut tidak berhasil disebabkan berlaku peningkatan ketara dalam amaun kredit cukai yang diterima dalam tahun 2019 yang berjumlah RM20.815 bilion berbanding trend purata tahun sebelumnya sekitar RM11 bilion hingga RM14.500 bilion setahun. Tuntutan kredit cukai baru dalam tahun 2020 pula berjumlah RM13.511 bilion menjadikan komitmen bayaran balik keseluruhan sebanyak RM24.362 bilion. LHDN menerima peruntukan TBBC berjumlah RM12.582 bilion dalam tahun 2020 dan kesemuanya telah digunakan bagi bayaran balik cukai.

Komitmen bayaran balik Cukai Barang dan Perkhidmatan merujuk kepada kredit yang berpunca dari kredit cukai input atau lebihan bayaran yang telah diterima daripada Orang

Kena Cukai. Jumlah ini bukanlah jumlah sebenar yang perlu dibayar kerana sebahagiannya masih perlu disahkan oleh JKDM. Keperluan sebenar Kumpulan Wang Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan sentiasa dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan bagi membolehkan proses kelulusan pembayaran balik tuntutan yang telah selesai disahkan diteruskan.

11.3.4. Komitmen Pampasan

- a. Komitmen pampasan merupakan amaun pampasan yang perlu dibayar kepada syarikat konsesi lebuhraya berikut pemberian diskon tol, penangguhan kenaikan kadar tol dan pemansuhan kutipan tol sebelum tamat tempoh konsesi. Amaun pampasan yang layak dibayar akan disahkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia setelah syarikat konsesi mengemukakan Sijil Bayaran Pampasan Konsesi.
- b. Kedudukan komitmen pampasan pada tahun 2020 adalah berjumlah RM892.58 juta iaitu berkurangan sejumlah RM97.46 juta atau 9.8% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM990.04 juta. Semua bayaran pampasan yang layak dibayar kepada syarikat konsesi merangkumi pampasan bagi tahun 2018 hingga 2020 berjumlah RM1.051 bilion yang telah dilunaskan sepenuhnya.
- c. Baki komitmen pampasan yang berjumlah RM892.58 juta adalah amaun pampasan kepada syarikat PLUS Malaysia Berhad (PLUS) yang akan dilunaskan setelah perjanjian penstrukturran PLUS dimuktamadkan. Pampasan ini melibatkan penamatan konsesi Lebuhraya Batu Tiga, Sungai Rasau, Bukit Kayu Hitam serta Skim Penyuraian Trafik Timur Johor pada tahun 2018.

11.4. Pelbagai Liabiliti

Pelbagai liabiliti terdiri daripada Nota Kena Bayar, Sekuriti Tak Dituntut dan Akaun Depositori Pusat. Pada tahun 2020, amaun Nota Kena Bayar yang dilaporkan pada tahun 2019 telah dinyatakan semula kepada RM207.79 juta disebabkan sejumlah RM590.88 juta telah dilaporkan dalam Hutang Persekutuan. Kedudukan pelbagai liabiliti meningkat sejumlah RM28.75 juta atau 11.5% kepada RM278.00 juta berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM249.25 juta. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan nota janji International Development Association berjumlah USD9 juta. Kedudukan pelbagai liabiliti pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.64**.

JADUAL 2.64
KEDUDUKAN PELBAGAI LIABILITI PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	RM Juta	%
1.	Nota Kena Bayar	236.62	207.78	28.84	13.9
2.	Sekuriti Tak Dituntut	27.34	27.43	(0.09)	(0.3)
3.	Akaun Depositori Pusat	14.04	14.04	-	-
JUMLAH		278.00	249.25	28.75	11.5

Sumber: Nota 10(d), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

12. LIABILITI LUAR JANGKA - JAMINAN BERKANUN

12.1. Kerajaan Persekutuan memberi jaminan kepada caruman atau deposit di Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Haji dan Skim Simpanan Pendidikan Nasional. Pada tahun 2020, caruman atau deposit yang dijamin adalah berjumlah RM1.100 trilion iaitu bertambah sejumlah RM0.081 trilion atau 8.0% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM1.019 trilion.

12.2. Kerajaan Persekutuan juga memberi jaminan kepada pinjaman yang dibuat oleh badan berkanun dan syarikat seperti yang dibenarkan oleh Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965. Pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan menunjukkan trend peningkatan setiap tahun. Pada tahun 2020, amaun belum selesai pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan bagi lima badan berkanun dan 26 syarikat menunjukkan peningkatan sejumlah RM19.295 bilion atau 7.0% kepada RM294.674 bilion berbanding RM275.379 bilion pada tahun 2019. Ringkasan Jaminan Berkanun Kerajaan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.65**.

JADUAL 2.65
JAMINAN BERKANUN KERAJAAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	JENIS JAMINAN	BIL. AGENSI YANG DIJAMIN	TAHUN		PERUBAHAN	
			2020 (RM Bilion)	2019 (RM Bilion)	RM Bilion	%
1.	Jaminan Pencarum/Pendeposit	4	1,100.449	1,019.363	81.086	8.0
2.	Jaminan Pinjaman:	31	294.674	275.379	19.295	7.0
	a. Badan Berkanun	5	78.860	68.710	10.150	14.8
	b. Syarikat	26	215.814	206.669	9.145	4.4
JUMLAH KESELURUHAN		35	1,395.123	1,294.742	100.381	7.8


Sumber: Nota 11, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020

12.3. Pada tahun 2020, sebanyak satu badan berkanun dan 12 syarikat ada membuat bayaran balik prinsipal pinjaman berjumlah RM9.322 bilion. Bagaimanapun, amaun jaminan pinjaman bagi Lembaga Pembangunan Perumahan Sektor Awam, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, Danainfra Nasional Berhad, Malaysia Rail-Link Sdn. Bhd. dan Prasarana Malaysia Berhad bertambah sejumlah RM28.374 bilion bagi keperluan pembiayaan

pinjaman perumahan penjawat awam dan pinjaman pendidikan. Selain itu, amaun jaminan pinjaman meningkat juga disebabkan pembiayaan projek pembangunan infrastruktur pengangkutan iaitu projek Mass Rapid Transit (MRT), Lebuhraya Pan Borneo, Light Rail Transit (LRT) dan East Coast Rail Link (ECRL).

12.4. Kedudukan pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Carta 2.15**.

CARTA 2.15
KEDUDUKAN PINJAMAN YANG DIJAMIN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN
PADA TAHUN 2016 HINGGA 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2016 hingga 2020

13. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2020 adalah seperti berikut:

13.1. Wang Awam adalah berjumlah RM66.094 bilion yang dipegang oleh Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM11.863 bilion dan Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM54.231 bilion. Akaun Pinjaman Disatukan adalah berbaki sifar;

13.2. hasil Kerajaan Persekutuan mengalami pengurangan sebanyak RM39.340 bilion atau 14.9% kepada RM225.075 bilion berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM264.415 bilion. Pengurangan utama melibatkan hasil cukai dan hasil bukan cukai masing-masing sebanyak RM26.168 bilion dan RM17.778 bilion;

13.3. perbelanjaan mengurus juga berkurangan sejumlah RM38.743 bilion atau 14.7% kepada RM224.600 bilion berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM263.343 bilion. Pengurangan ketara disebabkan tiada peruntukan terkanun kepada Tabung Bayaran Balik

Cukai dan Kumpulan Wang Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM35 bilion;

13.4. perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM51.360 bilion, iaitu berkurangan sejumlah RM2.813 bilion atau 5.2% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM54.173 bilion;

13.5. perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19 adalah berjumlah RM38.019 bilion terdiri daripada bantuan tunai berjumlah RM17.049 bilion, subsidi dan rebat berjumlah RM13.168 bilion, pemberian geran dan dana pinjaman berjumlah RM4.101 bilion serta perolehan bekalan dan perkhidmatan berjumlah RM3.701 bilion;

13.6. Kerajaan Persekutuan mengalami defisit berjumlah RM87.645 bilion dengan nisbah defisit kepada KDNK pada paras 6.2%;

13.7. Kerajaan Persekutuan telah membuat pinjaman dari dalam negeri dengan jumlah terimaan pinjaman kasar berjumlah RM194.555 bilion bagi membiayai perbelanjaan pembangunan, perbelanjaan COVID-19 dan bayaran balik pinjaman yang matang dalam tahun 2020;

13.8. bayaran balik prinsipal pinjaman yang matang adalah berjumlah RM98.058 bilion, manakala kos bagi mendapatkan pinjaman dan faedah pinjaman meningkat kepada RM34.495 bilion. Jumlah keseluruhan bayaran balik prinsipal pinjaman dan kos pinjaman adalah RM140.818 bilion dengan mengambil kira amaun pelunasan Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta berjumlah RM3.137 bilion dan pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan berjumlah RM5.128 bilion;

13.9. Hutang Persekutuan telah meningkat kepada RM879.560 bilion dengan nisbah kepada KDNK pada paras 62.1%. Had statutori Hutang Persekutuan yang melibatkan Bil Perbendaharaan Islamik, Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sekuriti Kerajaan Malaysia yang berjumlah RM820.018 bilion adalah pada nisbah 57.9% kepada KDNK;

13.10. Kerajaan Persekutuan memberi jaminan kepada pinjaman yang dibuat oleh badan berkanun atau syarikat berjumlah RM294.674 bilion. Sejumlah RM5.663 bilion jaminan pinjaman bagi 11 syarikat telah dilunaskan oleh Kerajaan;

13.11. Liabiliti Persekutuan adalah berjumlah RM1.187 trilion yang terdiri daripada Hutang Persekutuan berjumlah RM879.560 bilion dan Liabiliti Kewangan berjumlah RM307.252 bilion;

13.12. pelaburan Kerajaan Persekutuan dalam deposit, sekuriti dan pegangan saham syarikat atau badan berkanun atau agensi adalah berjumlah RM73.254 bilion; dan

13.13. kedudukan Akaun Belum Terima adalah berjumlah RM106.423 bilion yang terdiri daripada Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut serta Pelbagai Akaun Belum Terima.

14. SYOR AUDIT

Kerjasama dari semua peringkat termasuk di peringkat Pusat Tanggungjawab dan Jabatan serta pemantauan berterusan yang efektif di peringkat kementerian diperlukan untuk memastikan disiplin kewangan dilaksanakan. Penyediaan prosedur kerja yang jelas, pemahaman dan pematuhan kepada peraturan kewangan serta penyeliaan rapi terhadap tugas pegawai akan mewujudkan amalan dan budaya kerja yang berkualiti dan berintegriti. Sehubungan dengan itu, pihak Audit mengesyorkan tindakan berikut diambil:

- 14.1. mempertingkatkan disiplin perbelanjaan mengurus, memperkasakan usaha penjanaan hasil dan pemantauan terhadap komitmen bayaran balik pinjaman. Langkah ini penting supaya lebihan hasil dapat dipertingkatkan bagi membiayai perbelanjaan pembangunan dan sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman baharu;
- 14.2. menetapkan polisi yang konsisten dalam memperakaunkan premium dan diskau daripada terbitan Sekuriti Hutang Kerajaan;
- 14.3. memastikan dana Kumpulan Wang Pembangunan dibelanjakan kepada projek dan program yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi kepada aktiviti ekonomi Negara; dan
- 14.4. had siling jaminan bagi pinjaman yang dibuat oleh badan berkanun dan syarikat perlu ditetapkan bagi mengelakkan bebanan komitmen tambahan kepada Kerajaan jika badan berkanun atau syarikat menghadapi kesukaran dalam memenuhi obligasi.



BAHAGIAN III

PENGAUDITAN PEMATUHAN KEMENTERIAN DAN JABATAN PERSEKUTUAN



1 | Bayaran Tuntutan Kos Penyenggaraan Projek Rangkaian Trunk Radio Bersepadu Kerajaan

- Majlis Keselamatan Negara
Jabatan Perdana Menteri**

**BAYARAN TUNTUTAN KOS
PENYENGGARAAN PROJEK RANGKAIAN
TRUNK RADIO BERSEPADU KERAJAAN**
Majlis Keselamatan Negara
Jabatan Perdana Menteri

Perkara Utama

- Apa yang diaudit?**
- Bayaran Tuntutan Kos Penyenggaraan Projek Rangkaian Trunk Radio Bersepadu Kerajaan atau Government Integrated Radio Network (GIRN) yang dilaksanakan secara Public Private Partnership antara Kerajaan Malaysia dan syarikat konsesi.

- Mengapa ia penting untuk diaudit?**
- Menentukan sama ada pembayaran kos tuntutan penyenggaraan GIRN telah dibuat dengan wajar dan teratur serta disokong dengan dokumen yang lengkap sebagai bukti perkhidmatan telah dilaksanakan.

- Apa yang ditemui Audit?**
- Penemuan Audit adalah seperti berikut:
 - tuntutan perkhidmatan penyenggaraan berjumlah RM499.18 juta telah dibayar tanpa pengesahan Laporan KPI;
 - potongan rebat berjumlah RM2.50 juta tidak dibuat walaupun dua parameter KPI tidak dicapai oleh syarikat konsesi;
 - tuntutan insurans oleh syarikat konsesi berjumlah RM23.51 juta tidak wajar dituntut; dan
 - pembayaran sejumlah RM150.19 juta terhadap perbelanjaan lain bagi perkhidmatan penyenggaraan tidak dapat disahkan.

- Syor Audit**
- Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:
 - memastikan pengesahan tuntutan konsesi dibuat berdasarkan klausula perjanjian sebelum diperakukan untuk bayaran;

- menguatkuasakan klausa perjanjian sedia ada dan menambah baik terma perjanjian untuk menjamin nilai terbaik (value for money) kerja dan perkhidmatan yang diperoleh bagi mengelakkan ketirisan;
- memastikan pentadbiran dan pemantauan kontrak dilaksanakan dengan cekap dan teliti agar kepentingan Kerajaan terjamin; dan
- menyemak semula bayaran kepada syarikat konsesi yang tidak mematuhi klausa perjanjian untuk tujuan pemotongan bayaran tuntutan.

1. BAYARAN TUNTUTAN KOS PENYENGGARAAN PROJEK RANGKAIAN TRUNK RADIO BERSEPADU KERAJAAN

**Majlis Keselamatan Negara
Jabatan Perdana Menteri**

1. LATAR BELAKANG

- 1.1. Rangkaian Trunk Radio Bersepadu Kerajaan atau Government Integrated Radio Network (GIRN) ialah Projek Strategik Kerajaan Peringkat Nasional yang dilaksanakan secara Public Private Partnership di antara Kerajaan Malaysia dengan syarikat konsesi 107423-H melalui perjanjian yang telah ditandatangani pada 4 Januari 2007 (perjanjian konsesi). Majlis Keselamatan Negara (MKN) bertanggungjawab untuk memantau kemajuan projek dan membuat pembayaran bagi kerja dan perkhidmatan yang telah dilaksanakan.
- 1.2. GIRN dibangunkan bertujuan untuk menyediakan keupayaan rangkaian komunikasi yang lebih cekap antara anggota penguat kuasa di lokasi operasi/kejadian dengan bilik kawalan pusat. Sistem rangkaian komunikasi ini menggunakan sistem Terrestrial Trunked Radio (TETRA), yang berupaya untuk menghantar dan menerima data dengan selamat dan cepat. Pengguna utama GIRN terdiri daripada agensi keselamatan, ketenteraman awam, kecemasan dan penguatkuasaan seperti polis, bomba, kastam dan anggota kesihatan.
- 1.3. Perjanjian konsesi yang telah ditandatangani antara Kerajaan dan syarikat konsesi melibatkan mereka bentuk, membina, memasang, menguji, mentauliah, mengurus dan menyenggara GIRN. Tempoh perjanjian keseluruhan adalah selama 22 tahun, iaitu 2 tahun pembinaan sistem yang melibatkan perolehan fizikal serta pembinaan rangkaian dan 20 tahun untuk perjanjian konsesi penyenggaraan sistem. Pembangunan sistem yang bermula pada tahun 2007 melibatkan kos berjumlah RM2.202 bilion, manakala penyenggaraan sistem bermula pada bulan **Februari 2009 sehingga Januari 2029**. Berdasarkan perjanjian konsesi, nilai pembangunan sistem adalah berjumlah RM1.834 bilion dan kos penyenggaraan Maintenance Service Fee (MSF-1) berjumlah RM956.15 juta bagi lima tahun pertama (Februari 2009 hingga Januari 2014). Pada bulan November 2009, kos penyenggaraan telah ditambah melalui perjanjian tambahan pertama sejumlah RM298.78 juta menjadikan jumlah keseluruhan kos penyenggaraan MSF-1 bagi lima tahun pertama adalah RM1.254 bilion.

1.4. **Bagi tempoh 2009 hingga bulan Januari 2019**, sebanyak tiga perjanjian tambahan telah ditandatangani yang melibatkan nilai kontrak **penyenggaraan berjumlah RM1.610 bilion**.

1.5. Sejumlah RM476.41 juta telah dibayar kepada syarikat konsesi bagi tempoh Februari 2019 hingga Oktober 2020 yang mana perjanjian MSF-3 masih dalam peringkat memuktamadkan terma-terma dan kos kontrak. Bagi tempoh tersebut, tuntutan bayaran kos penyenggaraan adalah berdasarkan surat cadangan daripada pihak Unit Kerjasama Awam Swasta bertarikh 25 Februari 2019 yang telah dipersetujui oleh syarikat konsesi pada 13 Mac 2019. Ringkasan kos projek GIRN adalah seperti dalam **Jadual 1.1**.

JADUAL 1.1
RINGKASAN KOS PROJEK GIRN

TARIKH	PERKARA	NILAI KONTRAK (RM Juta)	
		PEMBANGUNAN SISTEM	PENYENGGARAAN
04.01.2007	MSF-1	Perjanjian Konsesi	1,833.55
09.11.2009		Perjanjian Tambahan Pertama	-
14.04.2011		Perjanjian Tambahan Kedua	66.45
17.01.2011	Pelarasan Harga Kontrak No. 1		130.92
	Pelarasan Harga Kontrak No. 2		170.83
10.03.2017	MSF-2	Perjanjian Tambahan Ketiga	-
Feb 2019 – Okt 2020	MSF-3	Perjanjian MSF-3 sedang disediakan	476.41
JUMLAH		2,201.75	3,042.90

Sumber: Perjanjian, Rekod Pembayaran dan Arahan Pembayaran

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pembayaran kos tuntutan penyenggaraan GIRN telah dibuat dengan wajar dan teratur serta disokong dengan dokumen yang lengkap sebagai bukti perkhidmatan telah dilaksanakan.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini dijalankan di Bahagian Kewangan dan Bahagian Pembangunan Keselamatan (BPK), Majlis Keselamatan Negara (MKN); ibu pejabat syarikat konsesi di Kuala Lumpur; dan cawangannya di Melaka dan Johor. Pemilihan lokasi cawangan adalah untuk tujuan perbandingan antara operasi di Kawasan Tengah (Kuala Lumpur) dan

Kawasan Selatan (Melaka dan Johor). Selain itu, Pejabat Wilayah di Melaka merupakan pejabat pentadbiran Kawasan Selatan.

3.2. Keseluruhan populasi yang diaudit meliputi 22 arahan pembayaran bagi perkhidmatan penyenggaraan sistem GIRN untuk tempoh Januari 2019 hingga Oktober 2020 berjumlah RM499.18 juta. Sampel ini dipilih kerana kesemuanya melibatkan tuntutan kos penyenggaraan sistem GIRN dalam skop tempoh pengauditan.

3.3. Pengauditan dijalankan dengan menyemak perjanjian, dokumen sokongan arahan pembayaran dan laporan petunjuk prestasi. Temu bual dengan pegawai MKN, syarikat konsesi dan agensi penguat kuasa yang terlibat juga dijalankan. Selain itu, lawatan juga dibuat di stesen pemancar komunikasi di Pokok Mangga, Melaka; empat stesen di Larkin, Masai dan Batu Pahat, Johor; pejabat agensi penguat kuasa iaitu Balai Bomba dan Penyelamat Malaysia di Padang Temu, Melaka; Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang; dan Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia, Putrajaya.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Oktober 2020 hingga Mac 2021. Maklum balas daripada MKN telah diterima pada 9 Julai 2021. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam mesyuarat penutup yang diadakan pada 7 Julai 2021. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti di perenggan 4.1 hingga 4.4.

4.1. Tuntutan Perkhidmatan Penyenggaraan Berjumlah RM499.18 Juta Telah Dibayar Tanpa Pengesahan Laporan KPI

4.1.1 Klausus perjanjian mengenai pengesahan pembayaran perkhidmatan penyenggaraan dan Petunjuk Prestasi Utama atau Key Performance Indicators (KPI) adalah seperti berikut:

- a. Klausus 5.09(a)(i) menyatakan bahawa bayaran perkhidmatan penyenggaraan akan dibayar kepada syarikat konsesi dengan mengemukakan Laporan KPI setiap bulan kepada agensi Kerajaan yang berkaitan untuk pengesahan;
- b. Klausus 11.02(a) dan Apendiks G menghendaki supaya syarikat konsesi memastikan perkhidmatan penyenggaraan yang disediakan mencapai KPI yang ditetapkan sepanjang tempoh konsesi seperti dalam **Jadual 1.2**.

JADUAL 1.2
KPI YANG PERLU DICAPAI OLEH SYARIKAT KONSESI

KPI RANGKAIAN	PARAMETER PENGUKURAN	TAHAP PENCAPIAAN MINIMUM
1. Accessibility	i. Call Setup Success Rate	Call Setup Success Rate > 98%
	ii. Call Setup Time	Call Setup Time < 500 <i>millisecs</i>
2. Retainability	i. Drop Call Rates	Drop Call Rate < 2% <i>for voice</i> Drop Call Rate < 3% <i>for data</i>
	ii. Handover Between Cells	Handover ≥ 98% <i>for voice</i> Handover ≥ 97% <i>for data</i>
3. Data Throughput	Throughput	Throughput > 70% <i>of maximum throughput</i>

Sumber: Apendiks G, Perjanjian Konsesi

- c. Apendiks L Performance Management menyatakan bahawa Network Operation Centre (NOC) akan bertanggungjawab dalam menjaga prestasi keseluruhan rangkaian. Ini termasuk memaksimumkan *throughput*, dan mengenal pasti punca masalah.

4.1.2. Semakan Audit terhadap laporan KPI yang dikemukakan oleh syarikat konsesi bagi tempoh Januari 2019 hingga Oktober 2020 mendapati dua daripada lima parameter pengukuran yang ditetapkan iaitu **Handover Between Cells (data) bagi KPI Retainability dan Data Throughput telah dilaporkan sebagai *not available (NA)***. Ini tidak menepati kehendak klausa 11.02(a). Bagaimanapun, semakan Audit terhadap Arahan Pembayaran mendapati **bayaran penuh telah dibuat kepada syarikat konsesi** bagi bulan Januari 2019 hingga Oktober 2020 **berjumlah RM499.18 juta**. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM476.41 juta merupakan tuntutan bagi bulan Februari 2019 hingga Oktober 2020 yang dibuat di bawah perjanjian MSF-3. Perjanjian berkenaan didapati masih belum ditandatangani hingga kini.

4.1.3. **Perkara ini berlaku disebabkan** laporan KPI yang dikemukakan oleh syarikat konsesi **tidak disahkan oleh pegawai teknikal MKN**.

4.1.4. Pembayaran penuh yang telah dibuat ini menyebabkan potongan rebat berjumlah RM2.50 juta tidak dibuat, tuntutan insurans berjumlah RM23.51 juta yang tidak wajar dituntut telah dibayar kepada syarikat konsesi dan sejumlah RM150.19 juta bagi empat jenis perbelanjaan yang disemak tidak dapat disahkan dengan dokumen sokongan. Penjelasan lanjut adalah seperti dalam **perenggan 4.2 hingga 4.4**.

Maklum balas MKN yang diterima pada 9 Julai 2021

MKN memaklumkan pengurusan pentadbiran kontrak konsesi ini tidak dapat diuruskan dengan lebih teratur dan berkesan kerana pegawai dan kakitangan yang terlibat tidak kekal dan sentiasa bertukar. Isu parameter KPI ini hanya dapat dikenal pasti setelah setiap elemen (skop) disemak dan diteliti satu persatu. Perkara ini juga berlaku berikutan tiada elemen semak silang melalui pewujudan jawatankuasa yang sepatutnya mengesahkan kerja yang telah dilaksanakan oleh syarikat konsesi bagi tujuan pembayaran tuntutan bil perkhidmatan penyenggaraan yang telah diberikan.

Pernyataan Audit | **Kelemahan pemantauan klausula kontrak dan semakan yang tidak dibuat terhadap laporan KPI yang dikemukakan menyebabkan sejumlah RM499.18 juta dibayar kepada syarikat konsesi sungguhpun dua parameter KPI tidak dicapai.**

4.2. Potongan Rebат Berjumlah RM2.50 Juta Tidak Dibuat walaupun Dua Parameter KPI Tidak Dicapai oleh Syarikat Konsesi

4.2.1. Klausula perjanjian 11.02(c) menyatakan bahawa sekiranya prestasi perkhidmatan operasi penyenggaraan syarikat konsesi dalam tempoh sebulan jatuh lebih dari 10% di bawah Tahap Prestasi Minimum untuk mana-mana KPI, maka Kerajaan berhak untuk memotong rebat sebanyak 0.5% dari jumlah bayaran perkhidmatan penyenggaraan bagi bulan yang gagal mencapai KPI.

4.2.2. Bagi dua parameter KPI yang tidak dicapai iaitu Handover Between Cells (data) dan Data Throughput, semakan Audit terhadap Arahan Pembayaran bulan Januari 2019 hingga Oktober 2020 mendapati potongan rebat tidak dibuat. Berdasarkan kiraan Audit, **jumlah rebat yang sepatutnya dipotong daripada bayaran kepada syarikat konsesi adalah berjumlah RM2.50 juta** seperti dalam **Jadual 1.3**.

JADUAL 1.3
JUMLAH REBAT YANG BOLEH DIPOTONG OLEH MKN DARIPADA
SYARIKAT KONSESI BAGI TEMPOH JANUARI 2019 HINGGA OKTOBER 2020

TEMPOH	POTONGAN REBAT (Kos Senggaraan X Bulan X % Rebат)	AMAUN (RM Juta)
Jan 2019 (MSF-2)	RM22.69 juta X 1 bulan X 0.5%	0.11
Feb 2019 - Dis 2019	RM22.69 juta X 11 bulan X 0.5%	1.25
Jan 2020 - Okt 2020	RM22.69 juta X 10 bulan X 0.5%	1.14
JUMLAH		2.50

Sumber: Pengiraan Jabatan Audit Negara berdasarkan Arahan Pembayaran

4.2.3. Temu bual dengan pegawai MKN mendapati dua parameter KPI tersebut tidak pernah dicapai semenjak bulan Februari 2009. Perkara ini berlaku disebabkan perakuan dan pengesahan yang dibuat **tidak disokong dengan bukti semakan terhadap dokumen pembayaran dan laporan KPI yang dikemukakan oleh syarikat konsesi**. Tuntutan bagi perkhidmatan penyenggaraan yang telah dilaksanakan oleh syarikat konsesi disahkan oleh Pengarah Bahagian Pembangunan Keselamatan MKN dan diluluskan oleh Ketua Pengarah Keselamatan Negara.

Maklum balas MKN yang diterima pada 9 Julai 2021

MKN telah mengenal pasti ketidakcapaian KPI oleh syarikat konsesi dan perkara tersebut telah dibangkitkan dalam setiap sesi Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu GIRN sebelum ini. Namun demikian, ia mendapat maklum balas negatif daripada pihak syarikat konsesi yang menyatakan bahawa Kerajaan perlu menanggung kos pembangunan aplikasi khusus bagi membolehkan pencapaian kedua-dua parameter yang dinyatakan. MKN telah menerima pandangan daripada Pegawai Undang-undang Jabatan Perdana Menteri bahawa tindakan Kerajaan untuk menguatkuaskan pemotongan bagi pembayaran yang telah dibuat dalam kontrak MSF terdahulu akan dihalang oleh perjanjian konsesi. Berdasarkan peruntukan kontrak, semua bayaran yang telah dibuat adalah berdasarkan verifikasi (termasuk pemotongan jika ada). Sekiranya verifikasi dan bayaran telah dibuat tanpa pemotongan, maka adalah tidak wajar untuk Kerajaan menuntut semula bayaran yang telah dibuat.

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu memutuskan bahawa laporan KPI bagi KPI Retainability-Handover Between Cells (data) dan Data Throughput yang tidak dicapai (NA) bagi tempoh tuntutan yang dinyatakan dibuat pemotongan sebanyak 0.5% daripada jumlah tuntutan bulan berkaitan sehingga pembuktian dapat dilaksanakan oleh syarikat konsesi. Sehubungan itu, tuntutan bulan November dan Disember 2020 serta bulan Januari dan Februari 2021 telah dibuat pemotongan rebat 0.5%.

Bagaimanapun, tindakan pembuktian bagi KPI yang tidak dicapai sebelum ini telah dapat dibuktikan pada sesi pembuktian oleh syarikat konsesi pada 5 Mei 2021. MKN bersama pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan agensi pengguna juga telah bersetuju sesi pembuktian data KPI ini perlu dilaksanakan pada setiap bulan berikutnya mengikut penggiliran agensi yang ditetapkan seperti mana keputusan Mesyuarat Pengukuran Data KPI GIRN.

Pernyataan Audit | **Kegagalan MKN menyemak dengan teliti dokumen tuntutan pembayaran yang dikemukakan oleh syarikat konsesi menyebabkan kerugian kepada Kerajaan kerana pemotongan pembayaran tidak dikenakan atas perkhidmatan yang tidak mencapai KPI.**

4.3. Tuntutan Insurans oleh Syarikat Konsesi Berjumlah RM23.51 Juta Tidak Wajar Dituntut

4.3.1. Perjanjian telah menetapkan semasa tempoh konsesi, syarikat konsesi dengan kos dan perbelanjaannya sendiri akan memperoleh dan mengekalkan insurans terhadap semua risiko termasuk liabiliti pihak ketiga. Apa-apa insurans yang terlibat hendaklah dikeluarkan kepada kos dan perbelanjaan syarikat konsesi. Selain itu, syarikat konsesi akan membayar semua premium dan jumlah lain yang perlu dibayar berkaitan dengan apa-apa polisi insurans yang terlibat perlu mengemukakan kepada Kerajaan salinan resit atau bukti-bukti pembayaran lain. Ini seperti yang telah ditetapkan dalam klausa 19.01, 19.03 dan 19.05 Perjanjian Konsesi.

4.3.2. Lampiran dalam Apendiks F perjanjian konsesi mensyaratkan insurans yang perlu disediakan oleh syarikat konsesi adalah seperti dalam **Jadual 1.4**.

**JADUAL 1.4
INSURANS YANG PERLU DISEDIAKAN UNTUK PROJEK GIRN**

BIL.	JENIS INSURANS	KOS TERLIBAT (RM Juta)		
		Jan 2019 (MSF-2)	Feb - Dis 2019	Jan – Okt 2020
1.	Erection All Risk (1% <i>of Construction Cost</i>)		Tidak Berkenaan	
2.	Equipment & All Risk (0.6% <i>of Total Equipment and Site Cost</i>)	0.91	10.88	9.10
3.	Workmen Compensation (0.5% <i>of 10% Contract Sum p.a</i>)	0.11	1.35	1.12
4.	Public Liability (0.2% <i>of RM10 million sum insured</i>)	0.002	0.02	0.02
JUMLAH		1.02	12.25	10.24
JUMLAH BESAR		23.51		

Sumber: Apendiks F, Perjanjian Konsesi

4.3.3. Semakan Audit mendapati **MKN telah membayar kepada syarikat konsesi tuntutan insurans yang berjumlah RM23.51 juta bagi bulan Januari 2019 hingga Oktober 2020**. Bagaimanapun, **tiada salinan perolehan insurans diserahkan kepada MKN** sebagai bukti seperti mana ditetapkan oleh Klausa 19.05.

4.3.4. Semakan Audit juga mendapati **kos insurans telah dinyatakan bersekali dengan kos-kos pentadbiran lain yang boleh dituntut**

dalam Apendiks F1, perjanjian MSF-2. Perkara ini berlaku disebabkan pihak MKN tidak menyemak dengan teliti klausa perjanjian yang berkaitan semasa tuntutan dikemukakan oleh syarikat konsesi untuk semakan dan pengesahan sebelum bayaran dibuat.

Maklum balas MKN yang diterima pada 9 Julai 2021

Kos insurans bagi Maintenance Service Fee 2 (MSF-2) telah dimasukkan dalam Bill of Quantity (BQ) perjanjian konsesi namun kos insurans dimasukkan dalam Pentadbiran Lain (Other Administrative). Syarikat konsesi telah mengemukakan pembaharuan insurans bagi tempoh 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021 dan Notis Bayaran (*Payment Advice*) bertarikh 19 Mac 2021. MKN juga akan menambah baik klausa kontrak bagi terma insurans ini supaya ia jelas menjaga kepentingan kedua-dua belah pihak.

Pernyataan Audit	Syarat perjanjian jelas menyatakan bahawa kos insurans ditanggung sepenuhnya oleh syarikat konsesi dan tidak boleh dituntut. Oleh itu, pembayaran terhadap tuntutan insurans kepada syarikat konsesi merupakan pembayaran yang tidak wajar.
-------------------------	--

4.4. Pembayaran Sejumlah RM150.19 Juta terhadap Perbelanjaan Lain bagi Perkhidmatan Penyenggaraan Tidak Dapat Disahkan

4.4.1. Arahan Perbendaharaan 99(a) menyatakan bahawa semua baucar atau baucar elektronik hendaklah disokong dengan dokumen yang lengkap mengenai tiap-tiap satu perkhidmatan, bekalan atau kerja seperti tarikh, nombor, kuantiti, kiraan jauhnya dan kadar untuk membolehkan ia disemak tanpa merujuk kepada apa-apa dokumen selain daripada yang dikembarkan padanya. Apabila bayaran dibuat bagi sesuatu kontrak, baucar itu hendaklah mengandungi rujukan mengenai nombor kontrak itu. Dalam persekitaran elektronik, baucar elektronik berserta dokumen sokongan hendaklah disimpan dengan teratur dan selamat di jabatan penyedia.

4.4.2. Klausa perjanjian yang berkaitan adalah seperti berikut:

- a. Klausa 5.09(a): keperluan syarikat konsesi untuk mengemukakan invoice berserta Laporan KPI bulanan yang telah disahkan;

- b. Klaus 5.09 (b): Kerajaan akan menggunakan usaha terbaik (the best endeavour) untuk membuat pembayaran selepas penerimaan invois dan dokumen yang relevan untuk menyokong invois tersebut; dan
- c. Klaus 5.09 (a)(iv) Perjanjian MSF-2: tuntutan hendaklah disertakan dengan semua dokumen yang relevan dan perlu, termasuk laporan KPI bulanan yang telah disahkan oleh agensi Kerajaan.

4.4.3. Semakan Audit terhadap 22 arahan pembayaran mengenai perkhidmatan MSF berjumlah RM499.18 juta mendapati pegawai Bahagian Pembangunan Keselamatan (BPK), MKN telah menyemak invois serta dokumen sokongan yang dikemukakan oleh syarikat konsesi. Seterusnya pengesahan dibuat oleh Pengarah BPK, MKN dan perakuan bayaran dibuat oleh Ketua Pengarah MKN. Pegawai Bahagian Kewangan akan memproses pembayaran berdasarkan perakuan bayaran tersebut. Bagaimanapun, **pembayaran sejumlah RM150.19 juta bagi komponen Perbelanjaan Lain tidak disokong dengan dokumen** seperti perjanjian sewaan, rekod log penggunaan helikopter dan resit pembelian diesel. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1.5**.

JADUAL 1.5
KOMPONEN PERBELANJAAN LAIN YANG TELAH DIBAYAR TANPA DOKUMEN
SOKONGAN LENGKAP BAGI TEMPOH JANUARI 2019 HINGGA OKTOBER 2020

TEMPOH	DIESEL	HELIKOPTER	SUSUT NILAI	KOS PEKERJA	JUMLAH
	RM Juta				
Jan 2019 (MSF-2)	0.41	0.004	0.65	5.76	6.82
Feb 2019 – Dis 2019	4.47	0.05	7.21	63.37	75.10
Jan 2020 – Okt 2020	4.06	0.04	6.56	57.61	68.27
JUMLAH	8.94	0.09	14.42	126.74	150.19

Sumber: Perjanjian MSF-1 dan Perjanjian MSF-2

4.4.4. Huraian terperinci mengenai komponen perbelanjaan yang tidak disokong dengan dokumen lengkap adalah seperti berikut:

a. Bayaran Kos Diesel Generator Berjumlah RM8.94 Juta

- i. Apendiks F dalam perjanjian konsesi menyatakan formula pengiraan penggunaan diesel tersebut adalah **berdasarkan penggunaan sebenar untuk 24 jam sehari selama setahun bagi tempoh 5 tahun**. Nilai diesel yang digunakan dalam perjanjian konsesi ini adalah RM1.65/liter (perjanjian konsesi) dan RM1.90/liter (perjanjian MSF-2) dengan bilangan generator berjumlah 103 buah. Generator yang dibekalkan akan digunakan sekiranya bekalan elektrik terputus di kawasan tersebut.

- ii. Apendiks F1 dalam Perjanjian MSF-2 menyatakan nilai perjanjian bagi penggunaan diesel adalah berjumlah RM370,350,394 termasuk kos sewa tapak, utiliti dan keselamatan bagi tempoh lima tahun. Bagaimanapun, **Perjanjian MSF-2 tidak menyatakan secara terperinci berkenaan formula pengiraan bayaran diesel sebagaimana Apendiks F dalam perjanjian konsesi.**
- iii. Berdasarkan semakan Audit terhadap Arahan Pembayaran, pihak Audit tidak dapat mengesahkan penggunaan sebenar diesel yang telah dituntut oleh syarikat konsesi memandangkan tiada sebarang rekod penggunaan atau pembelian diesel dikemukakan kepada pihak MKN.
- iv. Laporan Senarai Tapak Sewaan yang Menggunakan Diesel yang dikemukakan oleh syarikat konsesi kepada MKN menyatakan **hanya 56 daripada 505 set generator yang disenaraikan digunakan setiap hari selama 24 jam**. Bagaimanapun, **jumlah kos penggunaan diesel telah dibayar untuk kesemua 505 set generator berjumlah RM8.94 juta bagi tempoh Januari 2019 hingga Oktober 2020**. Lawatan fizikal Audit pada bulan Februari 2021 di enam lokasi mendapati generator yang ditempatkan tidak dihidupkan dan hanya dalam keadaan bersedia memandangkan kawasan tersebut mempunyai bekalan elektrik. Pihak Audit juga mendapati tiada sebarang rekod penggunaan diesel di lokasi yang dilawati. Tangki diesel dan generator yang disediakan adalah seperti dalam **Gambar 1.1** dan **Gambar 1.2**.

GAMBAR 1.1



Tapak GIRN Kong Kong, Masai
-Tangki Diesel 1500 Ltr & Generator
(17.02.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 1.2



Tapak GIRN Bkt. Lunchu, Masai
-Tangki Diesel 1500 Ltr & Generator
(17.02.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- v. Pihak Audit meragui kewajaran pembayaran kos diesel tersebut kerana **tiada dokumen berkaitan asas pengiraan diesel** dikemukakan untuk menyokong jumlah bayaran sebagaimana dalam perjanjian MSF-2; **bilangan generator yang berbeza** antara Apendiks F perjanjian konsesi dengan Laporan Senarai Tapak Sewaan yang Menggunakan Diesel yang dikemukakan oleh syarikat konsesi; dan **tiada** bukti mengenai **rekod pembelian atau penggunaan diesel**.

Maklum balas MKN yang diterima pada 9 Julai 2021

Rekod penggunaan diesel berdasarkan kepada 505 bilangan tapak yang dilengkapi dengan generator dalam keadaan bersedia selama 24 jam x 7 hari. Kos penggunaan diesel untuk generator kadarnya seperti mana yang dipersetujui melalui Perjanjian Konsesi Apendiks F, bahagian B.1(b) bahawa harga diesel RM1.90 seliter yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bermula 1 Oktober 2015 akan meningkat lebih 5% setiap tahun. Syarikat konsesi turut menanggung risiko ke atas sebarang kenaikan harga diesel. Lokasi GIRN yang mempunyai bekalan elektrik, generator yang ditempatkan berada dalam keadaan bersedia dan tidak dihidupkan kerana tidak berlaku sebarang gangguan bekalan elektrik. Syarikat konsesi telah mengemukakan rekod penggunaan diesel bagi bulan September, Oktober dan November 2020. MKN akan memastikan tuntutan penggunaan diesel diperincikan dengan kos bayaran yang dibuat oleh syarikat konsesi bagi tuntutan bayaran selepas ini.

b. Bayaran Sewa Helikopter Berjumlah RM0.09 Juta

- i. Berdasarkan perjanjian konsesi di Apendiks F – Perincian Kos MSF, nilai kontrak perkhidmatan penyenggaraan bagi item Sewaan-sewaan Lain adalah termasuk kos sewaan helikopter. Bagaimanapun, nilai kos sewaan tersebut telah dinyatakan secara am sebagai sewaan kenderaan dalam perjanjian MSF-2. Semakan terhadap Arahan Pembayaran sewaan dan penyenggaraan helikopter bagi tempoh Januari 2019 hingga Oktober 2020, didapati **sejumlah RM0.09 juta telah dibayar. Pembayaran sewaan dan penyenggaraan ini adalah tetap sepanjang tempoh konsesi.**
- ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati **tiada bukti bil sewaan helikopter** dikemukakan oleh syarikat konsesi kepada MKN. Selain itu, didapati **rekod penggunaan helikopter tidak pernah dilampirkan** bersekali dengan invoice tuntutan bayaran.

Maklum balas MKN yang diterima pada 9 Julai 2021

Bayaran sewaan helikopter dan sewaan lain merupakan *running cost* iaitu bayaran yang dibuat oleh syarikat konsesi secara berkala atau mengikut keperluan bagi tujuan pengoperasian GIRN.

Item dan kos sewaan helikopter dikeluarkan dalam cadangan perjanjian MSF-3. MKN telah meminta syarikat konsesi mengemukakan Kontrak Sewaan Helikopter dan Jadual Penerbangan bagi tempoh Januari 2019 sehingga Oktober 2020. Namun, sehingga kini MKN masih belum menerima sebarang maklumat berhubung maklumat yang dipohon.

c. Jumlah Susut Nilai Yang Dituntut Tidak Dapat Disahkan Dengan Jumlah Aset Yang Terlibat Berjumlah RM14.42 Juta

- i. Berdasarkan Apendiks F dalam perjanjian konsesi, nilai kontrak bagi item susut nilai adalah termasuk dalam senarai item tuntutan kos penyenggaraan. Susut nilai yang dituntut adalah melibatkan penyediaan pejabat dan sistem bagi tempoh 10 tahun. Dalam perjanjian MSF-2, item susut nilai telah ditukar kepada pelunasan kos fasiliti sokongan bagi tempoh 10 tahun. Semakan Audit mendapati **MKN telah meluluskan bayaran ini berjumlah RM14.42 juta sepanjang tempoh Januari 2019 hingga Oktober 2020.** Pihak Audit tidak dapat mengesahkan jenis item susut nilai yang dituntut. Butiran lanjut bayaran susut nilai adalah seperti dalam **Jadual 1.6.**

**JADUAL 1.6
TUNTUTAN BAYARAN SUSUT NILAI OLEH SYARIKAT KONSESI**

BUTIRAN SUSUT NILAI	KOS TERLIBAT (RM Juta)			JUMLAH (RM Juta)
	Jan 2019 (MSF-2)	Feb 2019 – Dis 2019	Jan 2020 – Okt 2020	
Ibu Pejabat GIRN, Wangsa Maju	0.05	0.51	0.46	1.02
Pejabat Wilayah (Regional)	0.02	0.25	0.23	0.50
Pejabat Negeri	0.01	0.14	0.12	0.27
Network Operation Centre, Wangsa Maju	0.09	1.00	0.92	2.01
Terminal Pusat Pembaikan, Wangsa Maju	0.004	0.05	0.05	0.10
SAP & Back Office System	0.46	5.06	4.60	10.12
Digital Map	0.02	0.20	0.18	0.40
JUMLAH	0.65	7.21	6.56	14.42

Sumber: Apendiks F, Perjanjian Konsesi

- ii. Semakan terhadap maklum balas yang dikemukakan oleh syarikat konsesi kepada MKN, item susut nilai yang dituntut oleh syarikat konsesi adalah kos perbelanjaan yang berkaitan dengan pengubahsuaian (renovation and refurbishment) termasuk perabot dan kelengkapan untuk 18 tapak pejabat, lima pejabat cawangan, ibu pejabat, gudang dan pusat pembaikan; Back-Office dan sistem komputer; dan Annual Support and Maintenance of Back-Office Systems. **Kesemua kos ini merupakan perbelanjaan modal yang tidak disokong dengan invois terperinci daripada syarikat konsesi.**

Maklum balas MKN yang diterima pada 9 Julai 2021

MKN akan meminta syarikat konsesi mengemukakan invois tuntutan bayaran yang terperinci selepas ini bagi memudahkan proses semakan dan pembayaran. MKN juga akan memperhalusi jumlah susut nilai yang wajar dituntut dalam MSF-3 ini.

d. Pembayaran Kos Pekerja Syarikat Konsesi Berjumlah RM126.74 Juta

- i. Berdasarkan Apendiks F dalam perjanjian konsesi, kos perkhidmatan dan penyenggaraan adalah termasuk pembayaran kos pekerja pegawai syarikat konsesi. Kos ini merangkumi kadar bayaran bulanan pegawai termasuk Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurus Besar dan timbalannya, pegawai eksekutif dan juga pegawai bukan eksekutif. Selain itu, kos lain yang dituntut antaranya ialah bayaran *overhead* pekerja termasuk latihan kepada staf, kebajikan dan perubatan, insurans dan bayaran *recruitment* dan bayaran lebih masa. Bagaimanapun, perincian kos pekerja ini tidak dinyatakan dalam perjanjian MSF-2. Butiran lanjut kos pekerja adalah seperti dalam **Jadual 1.7**.

JADUAL 1.7
KOS PEKERJA PEGAWAI SYARIKAT KONSESI YANG DIAMBIL KIRA
DALAM KOS PERKHIDMATAN DAN PENYENGGARAAN GIRN

BUTIRAN	KOS TERLIBAT (RM Juta)			
	TEMPOH	Jan 2019 (MSF-2)	Feb 2019 – Dis 2019	Jan 2020 – Okt 2020
AMAUN (RM Juta)		5.76	63.36	57.62
JUMLAH (RM Juta)	126.74			

Sumber: Apendiks F, Perjanjian Konsesi

- ii. Klausula 12.06 dalam perjanjian konsesi menyatakan bahawa semua pekerja syarikat konsesi hendaklah lulus tapisan keselamatan; dan pihak yang terlibat hendaklah memastikan perkhidmatan operasi penyenggaraan ini berada di tahap keselamatan tertinggi di mana capaian kepada mana-mana bahagian

dalam GIRN hanya dihadkan kepada pegawai yang telah lulus ujian tapisan keselamatan.

- iii. Semakan Audit mendapati tiada bukti tapisan keselamatan dijalankan terhadap kesemua pekerja. Semakan lanjut terhadap 38 orang pekerja mendapati **12 orang daripadanya bukan pekerja syarikat konsesi** sebaliknya merupakan pekerja kepada syarikat subsidiari yang lain. Semakan Audit selanjutnya mendapati perjanjian tidak menyatakan dengan terperinci tugas dan peranan setiap staf yang terlibat dengan penyenggaraan GIRN. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada jumlah yang telah dibayar oleh Kerajaan dibayar kepada pegawai yang berkenaan berdasarkan kadar yang telah ditetapkan dalam perjanjian.
- iv. Selain itu, Klausu 28.09 dalam perjanjian konsesi mengenai kerahsiaan menyatakan bahawa..."*The Concession Company shall keep confidential and shall not divulge to any third party any terms of this Agreement or any documents referred to herein or any proprietary or confidential information acquired from the Government unless such disclosure has been expressly permitted in writing by the Government*". Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada syarikat konsesi telah mematuhi klausu ini dalam pengendalian maklumat sulit yang berkaitan dengan keselamatan negara memandangkan MKN tidak menyimpan senarai pekerja syarikat konsesi yang telah bertukar atau baru diambil bekerja sepanjang tempoh konsesi. Selain itu, tiada bukti tapisan keselamatan telah dijalankan ke atas pegawai-pegawai yang bekerja untuk projek GIRN.

4.4.4. Kelemahan pengurusan pembayaran menyebabkan berlakunya pembayaran yang tidak disokong dengan dokumen lengkap dan tidak mematuhi klausu perjanjian.

Maklum balas MKN yang diterima pada 9 Julai 2021

MKN mengambil maklum akan tapisan keselamatan yang perlu dilakukan kepada semua tenaga kerja GIRN. MKN telah mengarahkan syarikat konsesi mengemukakan senarai tenaga kerja terkini pada setiap tahun. MKN telah mengemukakan surat bertarikh 23 Mac 2021 kepada syarikat konsesi bagi mendapatkan Master Payroll Listing berserta senarai terperinci pekerja (nama, jawatan, jabatan, cawangan dan gaji bulanan termasuk elaun jika ada) dan sehingga kini MKN masih belum menerima sebarang maklumat berhubung perkara ini. Perkara ini juga telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bilangan 2/2021.

MKN telah menetapkan supaya satu mesyuarat iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (JKK) perlu diadakan setiap bulan bersama syarikat konsesi sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu diadakan. Mesyuarat ini membincangkan dengan lebih terperinci segala hal ehwal pentadbiran kontrak dan pemantauan operasi dan penyenggaraan aset serta peralatan GIRN. Mesyuarat JKK Bilangan 1 tahun 2021 bertarikh 24 Jun 2021 telah diadakan bersama syarikat konsesi dan beberapa perkara telah diberi perhatian untuk tindakan segera syarikat konsesi.

Pernyataan Audit	Bayaran kos diesel generator, sewaan helikopter dan pembayaran susut nilai yang tidak disokong dengan bukti penggunaan dan invois terperinci, serta pembayaran kos pekerja tanpa senarai kakitangan boleh merugikan Kerajaan. Syarat klausa perjanjian yang lemah tidak menjamin kepentingan Kerajaan, malah menguntungkan syarikat konsesi.
-------------------------	---

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel Audit, terdapat kelemahan dalam pengurusan kontrak berkaitan Bayaran Tuntutan Kos Penyenggaraan Projek Rangkaian Trunk Radio Bersepadu Kerajaan. Perkara ini berlaku disebabkan tiada semakan yang teliti terhadap klausa perjanjian dan dokumen sokongan yang dikemukakan sebelum pembayaran dibuat. Hal ini menyebabkan pembayaran yang tidak teratur berjumlah RM499.18 juta.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan tindakan pematuhan terhadap pengurusan bayaran tuntutan dan pentadbiran serta penguatkuasaan syarat perjanjian, MKN perlu mengambil tindakan berikut:

- 6.1. memastikan pengesahan tuntutan konsesi dibuat berdasarkan klausa perjanjian sebelum diperakukan untuk bayaran;
- 6.2. menguatkuasakan klausa perjanjian sedia ada dan menambah baik terma perjanjian untuk menjamin nilai terbaik (value for money) kerja dan perkhidmatan yang diperoleh bagi mengelakkan ketirisan;

- 6.3. memastikan pentadbiran dan pemantauan kontrak dilaksanakan dengan cekap dan teliti agar kepentingan Kerajaan terjamin; dan
- 6.4. menyemak semula bayaran kepada syarikat konsesi yang tidak mematuhi klausa perjanjian untuk tujuan pemotongan bayaran tuntutan.



2 | Kutipan Hasil Pas Lawatan Kerja Sementara Secara Dalam Talian Melalui Syarikat Perkhidmatan

- Jabatan Imigresen Malaysia
Kementerian Dalam Negeri**

KUTIPAN HASIL PAS LAWATAN KERJA SEMENTARA SECARA DALAM TALIAN MELALUI SYARIKAT PERKHIDMATAN

Jabatan Imigresen Malaysia
Kementerian Dalam Negeri

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Kutipan hasil Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) Secara Dalam Talian oleh syarikat perkhidmatan 505639-K. Pengauditan dijalankan di Bahagian Pekerja Asing dan Bahagian Kewangan di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi tahun kewangan 2020.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Menentukan sama ada kutipan hasil PLKS dilaksanakan mengikut undang-undang, syarat perjanjian dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta diakaunkan dengan teratur dalam akaun Kerajaan.

Apa yang ditemui Audit?

- Penemuan Audit adalah seperti berikut:
 - penalti kelewatan remitan berjumlah RM0.49 juta belum dituntut;
 - penalti bagi kesilapan mencetak pelekat PLKS berjumlah RM7.31 juta tidak dikenakan;
 - penalti terhadap kelewatan serahan pelekat PLKS kepada pengguna berjumlah RM73.89 juta tidak dikenakan; dan
 - kontrak belum dimuktamadkan menyebabkan tuntutan caj perkhidmatan PLKS oleh syarikat perkhidmatan 505639-K berjumlah RM25.94 juta belum dibayar.

Syor Audit

- Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:
 - JIM hendaklah memastikan syarat dalam klausa perjanjian dipatuhi dan dikuatkuasakan demi menjamin kepentingan

Kerajaan. Sebarang pengecualian hendaklah mendapat kelulusan bertulis dari pihak berkuasa;

- JIM hendaklah mewujudkan mekanisme pemantauan secara berkala terhadap perkhidmatan oleh syarikat perkhidmatan 505639-K terutamanya berkaitan pelekat PLKS yang rosak, lewat serah dan belum digunakan. Perkara ini penting bagi memastikan pelekat PLKS diserahkan kepada pengguna dalam tempoh masa yang ditetapkan dan tidak disalah guna; dan
- Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan JIM hendaklah memastikan perjanjian tambahan dimuktamadkan secepat mungkin bagi menjamin kepentingan Kerajaan dan mengelakkan masalah pembayaran kepada syarikat.

2. KUTIPAN HASIL PAS LAWATAN KERJA SEMENTARA SECARA DALAM TALIAN MELALUI SYARIKAT PERKHIDMATAN

**Jabatan Imigresen Malaysia
Kementerian Dalam Negeri**

1. LATAR BELAKANG

- 1.1. Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) adalah pas yang dikeluarkan kepada warga negara asing yang bekerja dan tinggal sementara di Malaysia mengikut Peraturan 11, Peraturan-peraturan Imigresen 1963. Caj terhadap PLKS ini merangkumi fi bagi levi, pas, proses dan visa yang dikenakan kepada warga negara asing. Pengurusan PLKS adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Pekerja Asing, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). PLKS merupakan dokumen terkawal yang perlu diuruskan berdasarkan perjanjian perkhidmatan pembaharuan PLKS dalam talian.
- 1.2. Kementerian Dalam Negeri (KDN) diwakili oleh JIM telah melantik sebuah syarikat perkhidmatan 505639-K pada 1 Mac 2017 bagi menguruskan perkhidmatan pembaharuan PLKS secara dalam talian. Perjanjian dimeterai bagi tempoh lima tahun mulai 23 Mei 2015 hingga 22 Mei 2020. Had bumbung nilai kontrak adalah berjumlah RM553.85 juta atau RM110.77 juta setahun. Berikutan tamatnya kontrak asal, KDN pada 30 Jun 2020 telah mengeluarkan surat pelanjutan kontrak kepada syarikat perkhidmatan 505639-K selama tiga tahun berkuat kuasa mulai 23 Mei 2020 hingga 22 Mei 2023.
- 1.3. Perkhidmatan pembaharuan PLKS secara dalam talian melalui syarikat perkhidmatan 505639-K membenarkan majikan memperbaharui permit kerja pekerja asing menerusi portal permohonan lanjutan PLKS secara individu atau berkelompok mengikut prosedur dan syarat kelayakan yang ditetapkan oleh JIM. Hasil kutipan PLKS melalui syarikat perkhidmatan 505639-K bagi tempoh 2018 hingga 2020 ialah masing-masing berjumlah RM2.002 bilion, RM2.608 bilion dan RM1.686 bilion.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada kutipan hasil PLKS dilaksanakan mengikut undang-undang, syarat perjanjian dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta telah diakaunkan dengan teratur dalam akaun Kerajaan.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Skop pengauditan ini meliputi pematuhan terhadap kutipan hasil PLKS yang dilaksanakan oleh syarikat perkhidmatan 505639-K pada tahun 2020. Pengauditan ini dijalankan di Bahagian Pekerja Asing dan Bahagian Kewangan di Ibu Pejabat JIM, JIM Johor Bahru, Ibu Pejabat syarikat perkhidmatan 505639-K dan cawangan di Johor Bahru.

3.2. Sampel yang diaudit meliputi 46 penyata pemungut JIM bagi kutipan syarikat perkhidmatan 505639-K pada bulan November dan Disember 2020 berjumlah RM227.94 juta. Selain itu, analisis juga dibuat terhadap data kutipan hasil PLKS tahun 2020 oleh syarikat perkhidmatan 505639-K. Pihak Audit turut menyemak Senarai Pelekat Rosak serta Senarai Pelekat Gagal Serah HQ & Region tahun 2020 yang disediakan oleh syarikat perkhidmatan 505639-K. Pemilihan sampel adalah berdasarkan transaksi terkini semasa pengauditan dijalankan dan merupakan dapatan semasa pemeriksaan fizikal di syarikat perkhidmatan 505639-K.

3.3. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dokumen dan rekod, analisis terhadap data yang diperoleh, pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai JIM dan wakil syarikat perkhidmatan 505639-K.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Februari hingga Mac 2021. Maklum balas daripada JIM telah diterima pada 12 dan 20 April 2021. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 13 April 2021. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti di perenggan 4.1 hingga 4.3.

4.1. Penalty Kelewatan Remitan Berjumlah RM0.49 Juta Belum Dituntut

4.1.1. Klaus 14.7(a), Arahan Remitan Bayaran Kepada Kerajaan menyatakan syarikat perkhidmatan 505639-K akan mengarahkan bank perolehan untuk meremitkan bayaran yang dibuat oleh pengguna berhubung dengan perkhidmatan JIM kepada Kerajaan secara kumpulan melalui talian terus setiap hari.

4.1.2. Klaus 14.7(b)(ii) kepada perjanjian ini pula menjelaskan bahawa penalty akan dikenakan kepada syarikat perkhidmatan 505639-K jika bayaran fi aplikasi tidak diremitkan kepada Kerajaan selepas tujuh hari dari tarikh urus niaga berlaku. Penalty adalah 10% setahun secara harian daripada jumlah bayaran yang gagal diremitkan mulai dari tarikh urus niaga bayaran.

4.1.3. Semakan Audit pada bulan Februari 2021 mendapati kutipan hasil bagi bulan November dan Disember 2020 berjumlah RM166.54 juta telah lewat diremitkan oleh syarikat perkhidmatan 505639-K kepada JIM antara satu hingga 15 hari. Berdasarkan kiraan Audit, **penalty kelewatian yang boleh dikenakan adalah berjumlah RM486,170 dan masih belum dituntut oleh JIM.** Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.1.**

**JADUAL 2.1
PENALTI TERHADAP KELEWATAN REMITAN
HASIL PLKS BAGI BULAN NOVEMBER HINGGA DISEMBESR 2020**

BIL.	BULAN	KUTIPAN BULANAN (RM)	KUTIPAN LEWAT DIREMITKAN (RM) (a)	TEMPOH KELEWATAN (Hari) (b)	PENALTI* (RM)
1.	November	127,043,377	127,043,377	11 - 15	431,159
2.	Disember	103,590,649	39,501,052	1 - 10	55,011
JUMLAH		230,634,026	166,544,429		486,170

Sumber: Penyata Pemungut November dan Disember 2020 serta Laporan Kutipan Hasil PLKS oleh syarikat perkhidmatan 505639-K tahun 2020

Nota: *Kiraan Penalti = (b)/365 x 10% x (a)

Maklum balas JIM yang diterima pada 20 April 2021

JIM akan menguatkuaskan penalti bagi kelewatian remitan untuk bulan November dan Disember 2020. Terdapat perbezaan pengiraan pihak Audit berbanding pengiraan pihak JIM kerana penambahan satu hari selepas tolakan dibuat. Surat tuntutan penalti berjumlah RM531,521 telah dikeluarkan kepada syarikat perkhidmatan 505639-K pada 20 April 2021.

Pernyataan Kelewatian mengeluarkan surat tuntutan penalti menyebabkan Audit kerugian kepada Kerajaan.

4.2. Penalti Terhadap Kesilapan Mencetak dan Kelewatian Penghantaran Pelekat PLKS Berjumlah RM81.20 Juta Tidak Dikenakan

Klausula 5(f) perjanjian menyatakan syarikat perkhidmatan 505639-K bertanggungjawab memastikan kerahsiaan, integriti dan keselamatan Dokumen Terkawal (PLKS) daripada sebarang kehilangan, kerosakan, manipulasi atau pengubahan dengan apa-apa cara.

Berdasarkan Jadual 17 perjanjian, terdapat dua jenis kesalahan yang boleh dikenakan penalti kepada syarikat perkhidmatan 505639-K iaitu penalti terhadap kesilapan mencetak pelekat dan kelewatian penghantaran pelekat kepada pengguna. Bagi setiap kesalahan, terdapat dua jenis penalti yang boleh dikenakan iaitu penalti kerana melakukan kesalahan

tersebut dan penalti lewat bayar sekiranya syarikat gagal menjelaskan penalti dalam tempoh 30 hari selepas kejadian. Penalti yang boleh dikenakan seperti dalam **Jadual 2.2**.

JADUAL 2.2
KADAR KENAAN PENALTI BAGI KESILAPAN
MENCETAK DAN KELEWATAN PENGHANTARAN PELEKAT PLKS

BIL.	JENIS KESALAHAN	KADAR PENALTI	TEMPOH BAYARAN PENALTI	PENALTI SEKIRANYA LEWAT BAYAR
1.	Kesilapan mencetak pelekat	RM100 x 1 keping	Dalam tempoh 30 hari selepas kejadian	RM100 x sehari sehingga bayaran penuh
2.	Kelewatan penghantaran pelekat kepada pengguna (melebihi 7 hari dari tarikh cetak)	RM100 x 1 hari	Dalam tempoh 30 hari selepas kejadian	RM100 x sehari sehingga penghantaran disempurnakan

Sumber: Jadual 17, Perjanjian Perkhidmatan Secara dalam Talian Pembaharuan PLKS

4.2.1. Penalti bagi Kesilapan Mencetak Pelekat PLKS Berjumlah RM7.31 Juta Tidak Dikenakan

- a. Klausula 5(b) juga menetapkan tanggungjawab syarikat untuk mematuhi piawaian dan prosedur yang dinyatakan pada Prosedur Operasi Piawai (POP) bagi Pembaharuan PLKS Secara Dalam Talian Melalui Syarikat Perkhidmatan 505639-K.
- b. POP menetapkan sekiranya pelekat PLKS didapati rosak atau silap dan masih belum ditampal dalam pasport, pihak syarikat perkhidmatan 505639-K hendaklah membawa pasport berserta pelekat yang masih belum ditampal ke JIM negeri atau Ibu Pejabat untuk tindakan lanjut. Jika pelekat telah ditampal di pasport, pihak syarikat perkhidmatan 505639-K hendaklah merujuk kepada JIM untuk pembatalan dan mencetak semula pelekat PLKS. Selepas dicetak, maklumat pembayaran dan pelekat akan dikemas kini secara automatik ke sistem JIM.
- c. Analisis Audit terhadap Senarai Pelekat Rosak bagi Tahun 2020 yang dikemukakan oleh Ibu Pejabat syarikat perkhidmatan 505639-K mendapat **berlaku kesilapan mencetak pelekat PLKS sebanyak 239 keping**. Kesilapan ini berlaku adalah disebabkan salah data, salah pengiraan tahun dan salah imej yang memerlukan pelekat dicetak semula oleh JIM.
- d. Berdasarkan **Jadual 2.2** di atas, syarikat perkhidmatan 505639-K boleh dikenakan penalti RM100 bagi setiap keping pelekat yang tersalah cetak. Menurut kiraan Audit, penalti sejumlah RM23,900 boleh dikenakan terhadap syarikat perkhidmatan 505639-K atas kesilapan mencetak pelekat. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 2.3**.

JADUAL 2.3
PENALTI BAGI KESILAPAN MENCETAK PELEKAT PLKS TAHUN 2020

BIL.	LOKASI SYARIKAT PERKHIDMATAN 505639-K	BILANGAN PELEKAT PLKS	PENALTI SILAP CETAK* (RM100 /KEPING) JUMLAH (RM)
1.	Johor	157	15,700
2.	Ibu Pejabat	66	6,600
3.	Melaka	8	800
4.	Negeri Sembilan	3	300
5.	Pulau Pinang	2	200
6.	Pahang	2	200
7.	Perak	1	100
JUMLAH		239	23,900

Sumber: Senarai Pelekat Rosak tahun 2020, Syarikat Perkhidmatan 505639-K

Nota: *Penalti dikenakan terhadap kes silapan mencetak yang perlu dijelaskan dalam tempoh 30 hari

- e. Berdasarkan **Jadual 2.2**, sekiranya syarikat gagal menjelaskan penalti kesilapan mencetak dalam tempoh 30 hari, syarikat boleh dikenakan penalti tambahan RM100 sehari sehingga bayaran penuh dijelaskan. Menurut kiraan Audit, **penalti yang boleh dikenakan terhadap kesilapan mencetak setelah tamat tempoh 30 hari adalah berjumlah RM7.29 juta dengan tempoh kelewatan antara satu hingga 395 hari**. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 2.4**. Setakat akhir bulan April 2021, tiada notis tuntutan dibuat oleh JIM terhadap penalti kesilapan mencetak dan penalti lewat bayar kepada syarikat perkhidmatan 505639-K.

JADUAL 2.4
**PENALTI LEWAT BAYAR TERHADAP PENALTI
SALAH CETAK SELEPAS TAMAT TEMPOH 30 HARI**

BIL.	BILANGAN PELEKAT PLKS	TEMPOH KELEWATAN (Hari)*	KIRAAN PENALTI LEWAT BAYAR (RM100/Hari) JUMLAH (RM)
1.	7	1 - 90	48,800
2.	49	91 - 180	639,000
3.	12	181 - 270	262,300
4.	73	271 - 360	2,487,200
5.	98	361 - 395	3,851,000
JUMLAH		239	7,288,300

Sumber: Senarai Pelekat Rosak tahun 2020, Syarikat Perkhidmatan 505639-K

Nota: *Kiraan Bilangan Hari = 30 hari selepas rujukan kaunter sehingga tarikh *cut-off* 28.02.2021

- f. Penalti terhadap kesilapan mencetak pelekat tidak dikenakan kerana **klausula penalti tersebut tidak dikuatkuasakan oleh JIM** walaupun cetakan semula pelekat PLKS telah dibuat mengikut POP. Berdasarkan kiraan

Audit, jumlah keseluruhan penalti yang tidak dikuatkuasakan adalah RM7.31 juta iaitu penalti kesilapan mencetak berjumlah RM23,900 dan penalti lewat bayar berjumlah RM7.29 juta.

- g. Kesan daripada cetakan semula pelekat PLKS menyebabkan JIM perlu melakukan tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada syarikat perkhidmatan 505639-K.

4.2.2. Penalti Terhadap Kelewatan Serahan Pelekat PLKS Kepada Pengguna Berjumlah RM73.89 Juta Tidak Dikenakan

- a. POP menetapkan syarikat perkhidmatan 505639-K perlu membuat serahan pelekat PLKS berdasarkan alamat yang didaftarkan. Sekiranya pengguna tidak dapat dikesan, syarikat perkhidmatan 505639-K hendaklah memberi notis sebanyak tiga kali kepada pengguna melalui e-mel atau surat. Jika gagal, pelekat tersebut perlu diserahkan kepada Bahagian Pekerja Asing, Ibu Pejabat JIM.
- b. Berdasarkan **Jadual 2.2**, penalti boleh dikenakan terhadap kelewatan penghantaran pelekat PLKS kepada pengguna setelah melebihi tujuh hari dari tarikh cetak pelekat PLKS. Semakan terhadap Senarai Pelekat Gagal Serah di HQ & Region setakat 31 Disember 2020 yang disediakan oleh syarikat perkhidmatan 505639-K, mendapati sebanyak 4,675 pelekat dicetak tetapi tidak diserahkan kepada pengguna telah melebihi tempoh tujuh hari yang ditetapkan. Selain itu, syarikat perkhidmatan 505639-K juga tidak menyerahkan semula pelekat PLKS yang gagal serah tersebut kepada JIM.
- c. Semakan lanjut mendapati 4,375 pelekat masih berstatus aktif dan 300 pelekat telah tamat tempoh sah laku. Tempoh kelewatan adalah antara satu hingga 445 hari. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.5**.

JADUAL 2.5
PENGUMURAN PELEKAT PLKS YANG BELUM DISERAHKAN
KEPADА PENGGUNA BAGI TAHUN 2020 YANG TELAH/BELUM TAMAT TEMPOH

BIL.	STATUS SAH LAKU PELEKAT PLKS	TEMPOH PELEKAT DISIMPAN OLEH SYARIKAT PERKHIDMATAN (Hari)	BILANGAN PELEKAT PLKS	KELEWATAN TERKUMPUL (Hari)
1.	Aktif	1 - 90	1,393	80,236
		91 - 180	1,567	197,890
		181 - 270	1,126	252,626
		271 - 357	289	92,307
JUMLAH			4,375	623,059

BIL.	STATUS SAH LAKU PELEKAT PLKS	TEMPOH PELEKAT DISIMPAN OLEH SYARIKAT PERKHIDMATAN (Hari)	BILANGAN PELEKAT PLKS	KELEWATAN TERKUMPUL (Hari)
2.	Tamat Tempoh	360 - 445	300	115,893
JUMLAH			300	115,893
JUMLAH KESELURUHAN			4,675	738,952

Sumber: Senarai Pelekat Gagal Serah HQ & Region, Syarikat Perkhidmatan 505639-K

- d. Lawatan fizikal Audit ke Ibu Pejabat syarikat perkhidmatan 505639-K pada 4 Mac 2021 mendapati pelekat PLKS disimpan dalam kabinet di bilik kebal. Butiran seperti dalam **Gambar 2.1** dan **2.2**.

GAMBAR 2.1



GAMBAR 2.2



Bilik Kebal Ibu Pejabat Syarikat Perkhidmatan 505639-K

- Tempat Penyimpanan Pelekat PLKS Yang Gagal Serah

(04.03.2021)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- e. Analisis Audit mendapati tarikh cetak pelekat adalah antara 5 Disember 2019 hingga 17 Februari 2021 yang perlu diserahkan kepada pengguna antara 12 Disember 2019 hingga 24 Februari 2021. Berdasarkan pengiraan Audit, **penalty lewat serah yang boleh dikenakan adalah berjumlah RM13.63 juta dengan tempoh kelewatan antara satu hingga 30 hari.** Penalty tersebut dikira mulai hari kelapan hingga hari ke-38 melibatkan 4,675 pelekat PLKS seperti dalam **Jadual 2.6**.

JADUAL 2.6 **PENGUMURAN PENALTI TIDAK DIKENAKAN** **TERHADAP PELEKAT PLKS YANG BELUM DISERAHKAN** **KEPADА PENGGUNA MELEBIHI TEMPOH SERAHAN BAGI TAHUN 2020**

BIL.	BILANGAN PELEKAT PLKS	TEMPOH KELEWATAN (Hari)	KELEWATAN TERKUMPUL (Hari)	JUMLAH PENALTI SELEPAS 7 HARI* (RM)
1.	5	1 - 10	29	2,900
2.	260	11 - 20	4,174	417,400
3.	4,410	21 - 30	132,124	13,212,400
	4,675		136,327	13,632,700

Sumber: Senarai Pelekat Gagal Serah HQ & Region, Syarikat Perkhidmatan 505639-K

Nota: *Kiraan Penalti = Bilangan Hari Lewat (Kelewatan Terkumpul) X RM100 sehari

- f. Berdasarkan **Jadual 2.2**, sekiranya syarikat gagal membuat bayaran RM13.63 juta dalam tempoh 30 hari, syarikat boleh dikenakan penalti lewat bayar berjumlah RM100 sehari sehingga penghantaran disempurnakan. Berdasarkan kiraan Audit, **sebanyak 4,373 pelekat yang telah melebihi 30 hari dari tarikh serahan sepatutnya disempurnakan. Penalti yang boleh dikenakan terhadap kesalahan tersebut adalah berjumlah RM60.26 juta dengan tempoh kelewatan antara satu hingga 415 hari.** Butiran adalah seperti dalam **Jadual 2.7**. Setakat akhir bulan April 2021, tiada notis tuntutan dikeluarkan oleh JIM kepada syarikat perkhidmatan 505639-K.

JADUAL 2.7
PENGUMURAN PENALTI LEWAT BAYAR TIDAK DIKENAKAN TERHADAP PELEKAT PLKS YANG BELUM DISERAHKAN KEPADA PENGGUNA BAGI TAHUN 2020

BIL.	BILANGAN PELEKAT PLKS	TEMPOH KELEWATAN (Hari)	KELEWATAN TERKUMPUL (Hari)	JUMLAH PENALTI SELEPAS 30 HARI* (RM Juta)
1.	1,785	1 - 90	94,923	9.49
2.	1,209	91 - 180	195,237	19.52
3.	917	181 - 270	154,601	15.46
4.	332	271 - 360	109,303	10.93
5.	130	361 - 415	48,561	4.86
4,373			602,625	60.26

Sumber: Senarai Pelekat Gagal Serah HQ & Region, Syarikat Perkhidmatan 505639-K

Nota: *Kiraan Penalti = Bilangan Hari Lewat (Kelewatan Terkumpul) X RM100 sehari

- g. Penalti yang tidak dikenakan bagi pelekat PLKS yang belum diserahkan oleh syarikat perkhidmatan 505639-K kepada pengguna berlaku disebabkan POP tidak menetapkan kaedah pemantauan terhadap perkara tersebut.

Maklum balas JIM yang diterima pada 20 April 2021

Jabatan dalam proses membuat semakan ke atas penemuan Audit terhadap kesilapan mencetak pelekat PLKS dan pelekat yang tidak diserahkan oleh syarikat perkhidmatan 505639-K. Seterusnya notis secara bertulis akan dikeluarkan oleh Jabatan kepada syarikat setelah pengesahan data diperoleh mengikut perkara 19.1(a) dan tuntutan dibuat mengikut perkara 19.4(c).

Pernyataan | Kelemahan pemantauan oleh JIM menyebabkan penalti dalam Audit | Jadual 17 perjanjian tidak dikuatkuasakan.

4.3. Tuntutan Caj Perkhidmatan PLKS oleh Syarikat Perkhidmatan 505639-K Berjumlah RM25.94 Juta Belum Dibayar

4.3.1. Pekeling Perbendaharaan PK 4.1 Perenggan 1(iv)(a)(i)(a) menetapkan perubahan kontrak dan pelanjutan tempoh kontrak bekalan dan perkhidmatan bagi perolehan Persekutuan boleh diluluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan tender asal. Perubahan atau pelanjutan tersebut adalah dengan syarat tempoh sah laku kontrak masih berkuat kuasa semasa permohonan perubahan kontrak.

4.3.2. Tempoh Perjanjian Perkhidmatan Secara Dalam Talian Pembaharuan PLKS antara KDN dan syarikat perkhidmatan 505639-K adalah daripada 23 Mei 2015 hingga 22 Mei 2020. JIM telah mengemukakan kertas cadangan pada 23 Disember 2019 kepada KDN untuk pelanjutan perjanjian dan KDN telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan (MoF) pada 20 Mei 2020. MoF telah meluluskan permohonan lanjutan pada 12 Jun 2020 bagi tempoh tiga tahun mulai 23 Mei 2020 hingga 22 Mei 2023. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.8**.

JADUAL 2.8
KRONOLOGI PERMOHONAN DAN KELULUSAN LANJUTAN PERJANJIAN

TARIKH	PERIHAL
23.12.2019	Bahagian Pekerja Asing JIM telah mengemukakan kertas cadangan pelanjutan kontrak ke Bahagian Imigresen KDN.
30.04.2020	Mesyuarat antara KDN dan JIM bagi membincangkan cadangan pelanjutan perjanjian syarikat perkhidmatan 505639-K dan hala tuju pelaksanaan Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS) telah diadakan.
06.05.2020	Hasil perbincangan mesyuarat hala tuju, KDN kemudian mengemukakan surat memohon maklumat sokongan bagi cadangan pelanjutan kontrak kepada JIM.
19.05.2020	JIM mengemukakan permohonan pelanjutan perjanjian ke KDN.
20.05.2020	KDN memohon kelulusan MoF bagi pelanjutan perjanjian melalui sistem Electronic Government Procurement Application (eGPA).
12.06.2020	MoF meluluskan permohonan pelanjutan perjanjian bagi tempoh tiga tahun.
30.06.2020	KDN mengeluarkan surat pelanjutan kontrak kepada syarikat perkhidmatan 505639-K.
08.07.2020	Pengakuan penerimaan pelanjutan kontrak oleh syarikat perkhidmatan 505639-K.

4.3.3. Surat pelanjutan kontrak yang dikeluarkan oleh KDN kepada syarikat perkhidmatan 505639-K bertarikh 30 Jun 2020 menetapkan syarikat perkhidmatan 505639-K perlu menyediakan kontrak tambahan dan kontrak tersebut hendaklah dibaca bersama-sama dengan kontrak asal dan perjanjian tambahan perkhidmatan secara dalam talian PLKS menjadi sebahagian daripada dokumen perjanjian.

4.3.4. Semakan Audit mendapati sehingga tarikh pengauditan pada 28 Februari 2021, **perjanjian tambahan belum dimuktamadkan**. Semasa Mesyuarat Penutup pada 13 April 2021, pihak Audit dimaklumkan KDN sedang menyemak draf perjanjian tambahan.

4.3.5. Berdasarkan surat pelanjutan, Kerajaan akan membayar caj perkhidmatan sebanyak RM34 bagi setiap pembaharuan PLKS yang berjaya. Kesan kepada kontrak lanjutan yang tidak ditandatangani menyebabkan **tiada bayaran dibuat terhadap tuntutan syarikat perkhidmatan 505639-K bagi caj perkhidmatan PLKS melalui invois bulan Jun hingga Disember 2020 berjumlah RM25.94 juta.** Maklumat tuntutan adalah seperti dalam **Jadual 2.9.**

**JADUAL 2.9
TUNTUTAN CAJ PERKHIDMATAN PLKS
OLEH SYARIKAT PERKHIDMATAN 505639-K**

TARIKH INVOIS	TARIKH PENGESAHAN	TARIKH PATUT BAYAR MENGIKUT PERJANJIAN	BILANGAN PELEKAT PLKS	JUMLAH (RM Juta)
30.06.2020	15.10.2020	14.11.2020	126,396	4.30
31.07.2020	15.10.2020	14.11.2020	167,758	5.70
31.08.2020	28.10.2020	26.11.2020	115,330	3.92
30.09.2020	19.11.2020	18.12.2020	100,638	3.42
31.10.2020	16.12.2020	14.01.2021	90,469	3.08
30.11.2020	18.12.2020	16.01.2021	88,925	3.02
31.12.2020	23.02.2021	24.03.2021	73,455	2.50
JUMLAH			762,971	25.94

Sumber: Invois syarikat perkhidmatan 505639-K yang dikemukakan ke Bahagian Pekerja Asing, JIM

Maklum balas JIM yang diterima pada 20 April 2021

Kontrak asal syarikat perkhidmatan 505639-K pada 23 Mei 2015 tamat pada 22 Mei 2020. KDN telah meminta justifikasi penyambungan kontrak pada 6 Mei 2020 dan pada 19 Mei 2020, JIM telah mengemukakan justifikasi penyambungan tersebut. MoF meluluskan penyambungan kontrak pada 12 Jun 2020 untuk tempoh tiga tahun tanpa mengubah siling kontrak. Caj perkhidmatan dikurangkan seringgit dari RM35 kepada RM34. Lima siri perbincangan dan mesyuarat telah diadakan di antara pelbagai bahagian dalam JIM dan juga KDN bagi memuktamadkan draf kontrak. Draf yang telah ditambah baik, telah dikembalikan kepada Bahagian Perolehan dan Bahagian Imigresen KDN pada 16 Mac 2021 untuk tindakan.

Pembayaran tidak dapat dilakukan kerana status kontrak telah luput dalam sistem ePerolehan (eP). Kontrak dalam sistem eP hanya berjaya diaktifkan semula selepas syarikat membuat pengesahan kontrak tambahan iaitu pada 21 Disember 2020. Akaun Kerajaan Persekutuan juga telah ditutup pada 3 Disember 2020. Jabatan hanya mempunyai peruntukan tahun semasa yang mencukupi bagi menampung pembayaran caj perkhidmatan syarikat perkhidmatan 505639-K yang tertunggak setelah kontrak dimuktamadkan.

Pernyataan Audit Kelewatan KDN memuktamadkan perjanjian tambahan menyebabkan pembayaran caj perkhidmatan kepada syarikat perkhidmatan 505639-K sejumlah RM25.94 juta tidak dapat dibayar oleh JIM. Perkara ini memberi kesan kepada peningkatan pembayaran AP58(a) bagi tahun 2021.

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel Audit, terdapat kelemahan dalam pemantauan terhadap urusan kutipan hasil PLKS oleh JIM menyebabkan penalti berjumlah RM81.69 juta tidak dikenakan. Perkara ini berlaku disebabkan oleh klausu penalti yang dinyatakan dalam perjanjian tidak jelas dan tidak dikuatkuasakan oleh JIM sepenuhnya. Selain itu, tuntutan caj perkhidmatan PLKS oleh syarikat perkhidmatan 505639-K berjumlah RM25.94 juta belum dibayar kerana kelewatan KDN memuktamadkan perjanjian tambahan.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya, penambahbaikan dan tindakan perlu dilaksanakan terhadap perkara berikut:

- 6.1. JIM hendaklah memastikan syarat dalam klausu perjanjian dipatuhi dan dikuatkuasakan demi menjamin kepentingan Kerajaan. Sebarang pengecualian hendaklah mendapat kelulusan bertulis dari pihak yang memberi kuasa;
- 6.2. JIM hendaklah mewujudkan mekanisme pemantauan secara berkala terhadap perkhidmatan oleh syarikat perkhidmatan 505639-K terutamanya berkaitan pelekat PLKS yang rosak, lewat serah dan belum digunakan. Perkara ini penting bagi memastikan pelekat PLKS diserahkan kepada pengguna dalam tempoh masa yang ditetapkan dan tidak disalah guna; dan
- 6.3. KDN dan JIM hendaklah memastikan perjanjian tambahan dimuktamadkan secepat mungkin bagi menjamin kepentingan Kerajaan dan mengelakkan masalah pembayaran kepada syarikat.



3 | Kutipan Sewa Pejabat Pentadbiran Syarikat Konsesi dan Tapak Komersial di Lebuh Raya Semenanjung Malaysia

- Kementerian Kerja Raya

**KUTIPAN SEWA PEJABAT PENTADBIRAN
SYARIKAT KONSESI DAN TAPAK
KOMERSIAL DI LEBUH RAYA
SEMENANJUNG MALAYSIA**
Kementerian Kerja Raya

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Kutipan sewa pejabat pentadbiran syarikat konsesi dan tapak komersial di lebuhraya Semenanjung Malaysia.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Menentukan sama ada kutipan sewa pejabat pentadbiran syarikat konsesi dan tapak komersial telah dilaksanakan selaras dengan undang-undang, peraturan kewangan dan syarat perjanjian yang berkuat kuasa.

Apa yang ditemui Audit?

- Penemuan Audit adalah seperti berikut:
 - kutipan sewa pejabat pentadbiran syarikat konsesi berjumlah RM2.57 juta tidak diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan;
 - sewa pejabat pentadbiran berjumlah RM2.77 juta tidak dikutip; dan
 - sewa tapak komersial berjumlah RM32.09 juta dikutip oleh lapan syarikat konsesi tanpa perjanjian pajakan.

Syor Audit

- Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:
 - memastikan syarikat konsesi menyelesaikan urusan perjanjian pajakan dengan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) agar kutipan sewa pejabat pentadbiran syarikat konsesi serta tapak komersial dapat diakaunkan dalam Kumpulan Wang Disatukan; dan
 - menetapkan kadar sewa tapak komersial agar kutipan yang telah dibuat oleh syarikat konsesi dapat diakaunkan dalam Kumpulan Wang Disatukan dengan sewajarnya.

3. KUTIPAN SEWA PEJABAT PENTADBIRAN SYARIKAT KONSESI DAN TAPAK KOMERSIAL DI LEBUH RAYA SEMENANJUNG MALAYSIA

Kementerian Kerja Raya

1. LATAR BELAKANG

1.1. Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kerja Raya (KKR) telah menandatangani perjanjian dengan syarikat konsesi yang dilantik untuk membina dan mengoperasikan lebuhraya. Sebanyak 29 perjanjian telah ditandatangani antara KKR dengan syarikat konsesi. Perjanjian konsesi antaranya menetapkan terma mengenai pajakan tanah, kadar pajakan tahunan serta kutipan sewa pejabat pentadbiran dan tapak komersial.

1.2. Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) merupakan wakil Kerajaan yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi selaras dengan fungsi di bawah Akta 231, Akta LLM (Perbadanan 1980). Setakat 31 Disember 2020, sejumlah RM2.57 juta sewa pejabat pentadbiran telah dikutip oleh LLM sejak tahun 2005 daripada tujuh syarikat konsesi. Kutipan ini dibuat berdasarkan jumlah sewa yang telah ditetapkan dalam klausu perjanjian konsesi. Surat Ketua Pengarah, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) kepada LLM bertarikh 28 Februari 2014 bersetuju urusan kutipan hasil bagi tapak bangunan pentadbiran lebuhraya bertol mengikut perjanjian konsesi diteruskan oleh LLM sehingga urusan pajakan selesai.

1.3. JKPTG bertanggungjawab untuk menguruskan tanah milik Persekutuan dan sebagai Pegawai Pengawal kepada tanah rizab Persekutuan. Urusan pajakan dan sewaan ke atas tanah dan rizab milik Persekutuan adalah merujuk kepada perundangan yang sedang berkuat kuasa iaitu Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 1965). Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Mei 1997 mengenai pajakan tanah dengan syarikat konsesi telah bersetuju:

- a. tanah tapak komersial dalam kawasan lebuhraya tol diberi milik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) bukannya kepada LLM supaya seajar dengan keputusan mesyuarat Majlis Tanah Negara Ke-52 pada 28 November 1996; dan
- b. membenarkan PTP memberi pajakan tanah tapak komersial dalam kawasan lebuhraya tol kepada semua syarikat konsesi lebuhraya, tertakluk kepada bayaran pajakan nominal jika bayaran pampasan/premium tanah dibayar oleh syarikat konsesi atau bayaran pajakan mengikut harga pasaran jika pampasan dibayar dari

peruntukan Kerajaan Persekutuan, dengan syarat syarikat konsesi hendaklah menanggung bayaran cukai tanah tahunan, kadar taksiran dan bayaran-bayaran lain ke atas penggunaan tanah jika dikenakan.

1.4. JKPTG selaku PTP telah memutuskan KKR dan LLM bertanggungjawab untuk memproses permohonan pemberimilikan daripada syarikat konsesi kepada JKPTG/Pejabat Tanah dan Galian (PTG)/Pejabat Daerah dan Tanah (PDT). Setelah permohonan pemberimilikan diluluskan oleh JKPTG/PTG/PDT, notis 5A dikeluarkan kepada syarikat konsesi. KKR dan LLM bertanggungjawab untuk memaklumkan notis 5A kepada syarikat konsesi. Setelah bayaran notis 5A dijelaskan oleh syarikat, PTG negeri berkaitan akan mengeluarkan hak milik atas nama PTP. Setelah hak milik yang didaftarkan atas nama PTP, pihak syarikat konsesi perlu mengemukakan permohonan pajakan kepada JKPTG. Perjanjian pajakan akan dimuktamadkan berdasarkan semakan oleh Jabatan Peguam Negara. Sehingga 31 Disember 2020, perjanjian pajakan masih belum diselesaikan kecuali pejabat pentadbiran PERSADA PLUS yang dalam proses untuk menandatangani perjanjian pajakan.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada kutipan sewa pejabat pentadbiran syarikat konsesi dan tapak komersial telah dilaksanakan selaras dengan undang-undang, peraturan kewangan dan syarat perjanjian yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini dijalankan di KKR dan LLM melibatkan 29 perjanjian lebuhraya dengan syarikat konsesi di Semenanjung Malaysia meliputi klausa tanah untuk pejabat pentadbiran dan tujuan lain. Bagi pengauditan kutipan sewa pejabat pentadbiran syarikat konsesi dan tapak komersial, skop pengauditan adalah bagi tempoh 2005 hingga 2020.

3.2. Sampel yang diaudit meliputi 60 resit berjumlah RM2.57 juta bagi tahun 2011 hingga 2020 berkaitan kutipan sewa pejabat pentadbiran syarikat konsesi yang telah diterima oleh LLM. Sampel yang dipilih merangkumi keseluruhan jumlah kutipan yang diterima oleh LLM daripada syarikat konsesi mulai tahun 2005 hingga 2020. Selain itu, analisis Audit dibuat terhadap perjanjian konsesi yang melibatkan sewa pejabat pentadbiran syarikat konsesi yang tidak dikutip berjumlah RM2.77 juta. Semakan Audit juga dibuat terhadap Senarai Pengendali Gerai/Kedai dalam Lebuhraya Malaysia bagi kutipan sewa tapak komersial tahun 2019 dan 2020 berjumlah RM32.09 juta.

3.3. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dokumen dan rekod; klausa perjanjian konsesi; kutipan sewa pejabat pentadbiran syarikat konsesi; dan temu bual dengan pegawai yang terlibat.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Disember 2020 hingga Mac 2021. Maklum balas daripada KKR dan JKPTG masing-masing diterima pada 3 Mei 2021 dan 14 September 2021. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 10 Mei 2021. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti di perenggan 4.1 hingga 4.3.

4.1. Kutipan Sewa Pejabat Pentadbiran Syarikat Konsesi Berjumlah RM2.57 Juta Tidak Diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan

4.1.1. Arahan Perbendaharaan 6(1) menetapkan bahawa segala hasil daripada apa-apa punca hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan. Arahan Perbendaharaan 22 pula menetapkan segala hasil atau wang yang didapatkan atau diterima dengan apa cara pun oleh Persekutuan atau Negeri mestilah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan bagi Persekutuan atau Kumpulan Wang Disatukan bagi Negeri itu, mengikut mana yang berkenaan.

4.1.2. Berdasarkan 29 perjanjian dengan syarikat konsesi, didapati sebanyak enam kaedah penetapan sewa pejabat pentadbiran syarikat konsesi telah diwujudkan. Sewa pejabat pentadbiran adalah merangkumi plaza tol dan pejabat pentadbiran. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 3.1**.

JADUAL 3.1
KLAUSA PERJANJIAN KONSESI ANTARA KKR DENGAN
SYARIKAT KONSESI LEBUH RAYA BAGI SEWA PEJABAT PENTADBIRAN

BIL.	KLAUSA LEBUH RAYA	PERIHAL KLAUSA
1.	6.4.1 (PLUS); 9.7.1(a) (LINKEDUA); 5.6.1(a) (ELITE); 6 (GRANDSAGA); 4.7.1(a) (BKE); 9.7.1(a) (JPP2); dan 4.6.1(a) (GRANDSEPADU)	berkenaan dengan pejabat pentadbiran, sewa pajakan pada kadar Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) setahun, dan sewa pajakan itu adalah tertakluk kepada semakan oleh Kerajaan setiap lima (5) tahun pada kadar sepuluh peratus (10%) setahun
2.	7.7(a) (SDE); 8.7(a) (SKVE); 8.7(a) (DUKE); 8.7(a) (LKSA); 57 (SMART) dan 4.10 (LATAR)	berkenaan dengan pejabat pentadbiran, sewa pajakan pada kadar Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) setahun
3.	4.7(a) (GCE)	sewa pajakan pada kadar Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) setahun berkenaan dengan tanah terletak dalam pajakan bagi pejabat pentadbiran
4.	5A.2(a) (JPP)	berkenaan dengan pejabat penyeliaan atau pejabat pentadbiran, sewa pajakan pada kadar Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) setahun dan sewa pajakan itu adalah tertakluk kepada semakan oleh Kerajaan setiap lima (5) tahun atau sepuluh peratus (10%) setahun

BIL.	KLAUSA LEBUH RAYA	PERIHAL KLAUSA
5.	8.5.1(a) (LPT2)	berkenaan pejabat pentadbiran dan depoh penyenggaraan sewa pajakan tahunan pada kadar pasaran semasa sebagaimana yang ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan dan sewa pajakan itu adalah tertakluk kepada semakan oleh Kerajaan setiap selang lima (5) tahun*
6.	6.7(a) (BESRAYA); 6.7(a) (NPE); 5.8(a) (AKLEH); 6.8(a) (LLB); 6.7(a) (SILK); 5.10(a) (MEX); 4.9(a) (LEKAS); dan 6.7(a) (SPRINT)	sewa pajakan nominal yang boleh kena dibayar bagi tanah terletak dalam pajakan plaza tol dan pejabat pentadbiran**

Sumber: Perjanjian Konsesi Lebuhraya

Nota: *Masih belum dibuat penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

**Masih belum ditetapkan

4.1.3. Semakan Audit terhadap 29 perjanjian konsesi mendapati **hanya tujuh syarikat konsesi membuat bayaran sewa pejabat pentadbiran**. Kadar sewa pejabat pentadbiran dikenakan sejumlah RM10,000 setahun kepada enam syarikat konsesi lebuhraya manakala satu syarikat konsesi dikenakan kadar sewa sejumlah RM1,000 setahun. Setakat 31 Disember 2020, **sejumlah RM2.57 juta telah dikutip oleh LLM** bagi tempoh 2005 hingga Disember 2020. Kutipan dibuat berdasarkan jumlah yang telah ditetapkan dalam klausa perjanjian konsesi syarikat lebuhraya. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati kutipan hasil sewa berjumlah RM2.57 juta yang telah dikutip oleh LLM sejak tahun 2005 bagi tujuh konsesi ini **tidak diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3.2**.

JADUAL 3.2
JUMLAH KUTIPAN SEWA PEJABAT PENTADBIRAN TERKUMPUL
OLEH LLM DARIPADA SYARIKAT KONSESI SEHINGGA 31 DISEMBER 2020

BIL.	LEBUH RAYA/ SYARIKAT KONSESI	KADAR SEWAAN SETAHUN (RM)	SEWAAN YANG PATUT DIKUTIP PADA TAHUN 2020 (RM)	JUMLAH KUTIPAN TERKUMPUL HINGGA TAHUN 2019 (RM) (a)	KUTIPAN YANG TELAH DIBUAT PADA TAHUN 2020 (RM) (b)	JUMLAH TERKUMPUL HINGGA 31.12.2020 (RM) (c) = (a) + (b)	TEMPOH KUTIPAN
1.	Lebuhraya Utara Selatan (E1&E2)/ Projek Lebuhraya Usahasama Berhad: i. Pejabat Pentadbiran Bertam, PLUS Utara ii. Pejabat Pentadbiran Bangi, PLUS Tengah iii. Pejabat Pentadbiran Yong Peng, PLUS Selatan	10,000	RM10,000 x 4 pejabat pentadbiran = RM40,000	320,000	0	320,000	2012-2019 (8 Tahun)

BIL.	LEBUH RAYA/ SYARIKAT KONSESI	KADAR SEWAAN SETAHUN (RM)	SEWAAN YANG PATUT DIKUTIP PADA TAHUN 2020 (RM)	JUMLAH KUTIPAN TERKUMPUL HINGGA TAHUN 2019 (RM)	KUTIPAN YANG TELAH DIBUAT PADA TAHUN 2020 (RM)	JUMLAH TERKUMPUL HINGGA 31.12.2020 (RM)	TEMPOH KUTIPAN
				(a)	(b)	(c) = (a) + (b)	
	iv. Pejabat Pentadbiran Persada, PLUS						
2.	LKSA (E13)/ Projek Lintasan Shah Alam Sdn. Bhd.: i. Plaza Tol Alam Impian ii. Plaza Tol Sri Muda	10,000	RM10,000 x 2 plaza tol = RM20,000	200,000	20,000	220,000	2010-2020 (11 Tahun)
3.	SDE (E22)/ Senai-Desaru Expressway Bhd.: i. Pejabat Pentadbiran Ulu Tiram ii. Plaza Tol Ulu Tiram iii. Plaza Tol Senai iv. Plaza Tol Cahaya Baru v. Plaza Tol Penawar	10,000	RM10,000 x 1 pejabat pentadbiran = RM10,000 RM10,000 x 4 plaza tol = RM40,000	510,000	50,000	560,000	2009-2020 (12 Tahun) 2009-2020 (12 Tahun) 2013-2020 (8 Tahun)
4.	LATAR (E25)/ KL-Kuala Selangor Expressway Bhd.: i. Pejabat Pentadbiran ii. Plaza Tol Ijok iii. Plaza Tol Kuang Barat iv. Plaza Tol Kuang Timur v. Plaza Tol Taman Rimba Templer vi. Plaza Tol Kundang Barat vii. Plaza Tol Kundang Timur	10,000 10,000	RM10,000 x 1 pejabat pentadbiran = RM10,000 RM10,000 x 6 plaza tol = RM60,000	530,000	70,000	600,000	2011-2020 (10 Tahun) 2011-2020 (10 Tahun) 2016-2020 (5 Tahun)
5.	SKVE (E26)/ SKVE Holdings Sdn. Bhd.: i. Plaza Tol Ayer Hitam ii. Plaza Tol Saujana Putra	10,000	RM10,000 x 4 plaza tol = RM40,000	410,000	50,000	460,000	2010-2020 (11 Tahun)

BIL.	LEBUH RAYA/ SYARIKAT KONSESI	KADAR SEWAAN SETAHUN (RM)	SEWAAN YANG PATUT DIKUTIP PADA TAHUN 2020 (RM)	JUMLAH KUTIPAN TERKUMPUL HINGGA TAHUN 2019 (RM)	KUTIPAN YANG TELAH DIBUAT PADA TAHUN 2020 (RM)	JUMLAH TERKUMPUL HINGGA 31.12.2020 (RM)	TEMPOH KUTIPAN
	iii. Plaza Tol Teluk Panglima Garang iv. Plaza Tol Pulau Indah		RM10,000 x 1 pejabat pentadbiran = RM10,000				2013-2020 (8 Tahun)
	v. Pejabat Pentadbiran						2013-2020 (8 Tahun)
6.	DUKE (E33)/ Konsortium Lebuhraya Utara-Timur (KL) S/B: i. Plaza Tol Ayer Panas ii. Plaza Tol Batu iii. Plaza Tol Sentul	10,000	RM10,000 x 3 plaza tol = RM30,000	330,000	30,000	360,000	2009-2020 (12 Tahun)
7.	GCE (E35)/ Prolintas Expressway Sdn. Bhd.: i. Pejabat Pentadbiran Plaza Tol Elmina ii. Plaza Tol Jelutong iii. Plaza Tol Lagong	1,000	RM1,000 x 3 plaza tol = RM3,000	45,000	3,000	48,000	2005-2020 (16 Tahun)
JUMLAH		263,000	2,345,000	223,000	2,568,000		

Sumber: Perjanjian Konsesi Lebuhraya

4.1.4. Semakan lanjut mendapati LLM telah menyerahkan sejumlah RM2.08 juta kepada JKPTG bagi hasil kutipan sewa terkumpul bagi tempoh 2005 hingga 2018 pada 7 Januari 2019. Bagaimanapun, **JKPTG memulangkan cek tersebut kepada KKR pada 28 Januari 2019. JKPTG tidak mempunyai asas untuk menerima cek atau memasukkan wang ke dalam Akaun Hasil Disatukan kerana urusan pajakan masih belum diselesaikan oleh syarikat konsesi.**

4.1.5. Perkara ini berlaku disebabkan tiada perjanjian pajakan yang ditandatangani antara PTP dan syarikat konsesi walaupun sebanyak tujuh daripada lapan lokasi telah selesai penyediaan hak milik dan mempunyai geran atas nama PTP. Selain itu, bayaran notis 5A berjumlah RM19,621 telah dibayar oleh enam syarikat konsesi melibatkan lapan lokasi bagi enam lebuhraya iaitu LKSA, SDE, LATAR, SKVE, GCE dan DUKE.

Maklum balas KKR yang diterima pada 3 Mei 2021

Sejumlah RM2.57 juta yang telah dikutip oleh LLM sehingga 31 Disember 2020 masih dalam pegangan LLM dan akan diserahkan kepada JKPTG setelah perjanjian pajakan ditandatangani.

Maklum balas JKPTG yang diterima pada 14 September 2021

JKPTG telah mengadakan mesyuarat berhubung dengan status pajakan tanah PTP bertarikh 17 Julai 2018 dan telah memberi draf perjanjian pajakan tanah bagi memastikan syarikat konsesi berkaitan menandatangani perjanjian pajakan setiap tapak yang telah didaftar hak milik.

Selanjutnya pada 7 Mei 2021, JKPTG sekali lagi mengemukakan draf perjanjian pajakan yang telah ditambah baik kepada setiap konsesi yang dimaksudkan untuk semakan dan mengemukakan maklum balas dalam tempoh 30 hari. Bagaimanapun, sehingga kini JKPTG masih belum menerima maklum balas daripada syarikat konsesi berkenaan.

Pernyataan Audit | **Sewa pejabat pentadbiran daripada syarikat konsesi berjumlah RM2.57 juta yang dikutip tetapi tidak diakaunkan ke Kumpulan Wang Disatukan merupakan kerugian kepada Kerajaan.**

4.2. Sewa Pejabat Pentadbiran Berjumlah RM2.77 Juta Tidak Dikutip

4.2.1. Mengikut klausa dalam perjanjian konsesi yang dimeterai antara KKR dengan syarikat konsesi berkenaan dengan kawasan konsesi di mana pejabat pentadbiran dan bangunan yang dibina atau akan dibina untuk tujuan komersial, Kerajaan hendaklah menandatangi semua dokumen yang diperlukan dan mengambil semua tindakan yang perlu untuk memberikan kepada syarikat konsesi suatu kontrak pajakan di atas terma dan syarat yang dipersetujui oleh kedua pihak. Arahan PTP Bilangan 1 Tahun 2013 pula menetapkan semua permohonan penyewaan bagi ruang bangunan adalah diproses oleh Kementerian/Jabatan Pengguna seperti mana yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pemantauan Tanah Persekutuan Bilangan 2 Tahun 2011.

4.2.2 Berdasarkan lapan perjanjian antara KKR dengan syarikat konsesi lebuh raya, kadar sewa pejabat pentadbiran yang dikenakan berjumlah RM10,000 setahun. Lapan perjanjian tersebut melibatkan lebuh raya LINKDUA, ELITE, GRANDSAGA, BKE, JPP2, GRANDSEPADU, JPP dan SMART.

4.2.3. Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2020 sewa pejabat pentadbiran **sejumlah RM2.77 juta tidak dikutip sejak perjanjian konsesi ditandatangani** bagi lapan lebuh raya berkenaan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3.3**.

JADUAL 3.3
PENGIRAAN KUTIPAN SEWA PEJABAT
PENTADBIRAN YANG PATUT DIKUTIP SEHINGGA TAHUN 2020

BIL.	LEBUH RAYA/ SYARIKAT KONSESI	KADAR SEWAAN SETAHUN (RM)	SEWAAN YANG PATUT DIKUTIP PADA TAHUN 2020 (RM)	JUMLAH KUTIPAN TERKUMPUL YANG TIDAK DIKUTIP HINGGA TAHUN 2020 (RM)	TEMPOH TIDAK DIKUTIP
1.	LINKEDUA (E3)/ Projek Lebuhraya Usahasama Berhad: i. Plaza Tol Tanjung Kupang ii. Plaza Tol Lima Kedai iii. Plaza Perling	10,000	RM10,000 x 3 plaza tol = RM30,000	300,000	2011-2020 (10 Tahun)
2.	ELITE (E6)/ Projek Lebuhraya Usahasama Berhad: i. Plaza Tol Shah Alam ii. Plaza Tol Ebor (Utara) iii. Plaza Tol Ebor (Selatan) iv. Plaza Tol Seafield v. Plaza Tol USJ vi. Plaza Tol Putra Height vii. Plaza Tol Bandar Saujana Putra viii. Plaza Tol Putrajaya ix. Plaza Tol Bandar Gamuda Cove x. Plaza Tol KLIA xi. Plaza Tol Bandar Serenia	10,000	RM10,000 x 11 plaza tol = RM110,000	1,320,000	2009-2020 (12 Tahun)
3.	Lebuhraya Cheras Kajang (E7)/ Grand Saga Sdn. Bhd.: i. Plaza Tol Batu 9, Hulu Langat ii. Plaza Tol Batu 11, Cheras	10,000	RM10,000 x 2 plaza tol = RM20,000	180,000	2012-2020 (9 Tahun)
4.	BKE (E15)/ Projek Lebuhraya Usahasama Berhad: i. Plaza Tol Kubang Semang ii. Plaza Tol Lunas	10,000	RM10,000 x 2 plaza tol = RM20,000	200,000	2011-2020 (10 Tahun)
5.	JPP2 (E28)/ Jambatan Kedua Sdn. Bhd.:	10,000	RM10,000 x 2 plaza tol = RM20,000	180,000	2012-2020 (9 Tahun)

BIL.	LEBUH RAYA/ SYARIKAT KONSESI	KADAR SEWAAN SETAHUN (RM)	SEWAAN YANG PATUT DIKUTIP PADA TAHUN 2020 (RM)	JUMLAH KUTIPAN TERKUMPUL YANG TIDAK DIKUTIP HINGGA TAHUN 2020 (RM)	TEMPOH TIDAK DIKUTIP
	i. Plaza Tol Bandar Cassia ii. Plaza Tol Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah				
6.	Lebuhraya Jalan Pintas Selat Klang Utara Baru (E30)/ Grand Sepadu (NK) Sdn. Bhd.: i. Plaza Tol Bukit Raja ii. Plaza Tol Kapar iii. Plaza Tol Kapar (Arah Timur) iv. Plaza Tol Kapar (Arah Barat)	10,000	RM10,000 x 4 plaza tol = RM40,000	280,000	2014-2020 (7 Tahun)
7.	JPP (E36)/ Projek Lebuhraya Usahasama Berhad: i. Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang	10,000	RM10,000 x 1 plaza tol = RM10,000	140,000	2007-2020 (14 Tahun)
8.	SMART (E38)/ Syarikat Mengurus Air Banjir dan Terowong Sdn. Bhd.: i. Plaza Tol Smart	10,000	RM10,000 x 1 plaza tol = RM10,000	170,000	2004-2020 (17 Tahun)
JUMLAH				2,770,000	

Sumber: Perjanjian Konsesi Lebuhraya

4.2.4. Kegagalan untuk mengutip sewa pejabat pentadbiran antara tujuh hingga 17 tahun merupakan kerugian hasil kepada Kerajaan. Selain itu, tiada semakan semula kadar sewa dibuat bagi setiap lima tahun seperti yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi melibatkan lebuhraya LINKEDUA, ELITE, GRANDSAGA, BKE, JPP2, GRANDSEPADU dan JPP bagi memastikan hasil Kerajaan diterima sewajarnya.

4.2.5. Semakan lanjut mendapati sebanyak sembilan daripada 12 lokasi telah selesai penyediaan hak milik dan mempunyai geran atas nama PTP. Bagaimanapun, tiada perjanjian pajakan yang telah ditandatangani antara JKPTG dan syarikat konsesi. Selain itu, didapati notis 5A berjumlah RM1.03 juta telah dibayar oleh dua syarikat konsesi melibatkan 12 lokasi bagi empat lebuhraya iaitu LINKEDUA, ELITE, GRANDSAGA dan BKE.

Maklum balas KKR yang diterima pada 3 Mei 2021

Bagi sewa pejabat berjumlah RM2.77 juta untuk lapan lebuh raya akan dikutip setelah perjanjian pajakan ditandatangani.

Maklum balas JKPTG yang diterima pada 14 September 2021

Walaupun hak milik telah didaftar atas nama PTP bagi tapak tersebut, pajakan tanah hanya berlaku setelah syarikat konsesi dan PTP menandatangani perjanjian pajakan. Selain itu, pendaftar hak milik terletak di bawah kuasa Pihak Berkuasa Negeri walaupun notis 5A telah dibayar sepenuhnya.

Pernyataan Audit | **Kegagalan mengutip sewa pejabat pentadbiran sejumlah RM2.77 juta sejak perjanjian konsesi ditandatangani merupakan kelemahan pengurusan kawalan hasil.**

4.3. Sewa Tapak Komersial Berjumlah RM32.09 Juta Dikutip Oleh Lapan Syarikat Konsesi Tanpa Perjanjian Pajakan

4.3.1. Berdasarkan 29 perjanjian dengan syarikat konsesi, terdapat tiga kaedah penetapan sewa tapak komersial yang ditetapkan terhadap syarikat konsesi seperti dalam **Jadual 3.4**. Sewa tapak komersial tersebut terdiri daripada gerai; restoran; kedai pakaian; kedai serbaneka; kedai peralatan sukan; perkhidmatan pos dan kurier; pejabat agen insurans; pejabat agensi memandu; penjaja bergerak; dan mesin layan diri di kawasan rehat dan rawat.

JADUAL 3.4
KLAUSA PERJANJIAN KONSESI ANTARA KKR
DENGAN SYARIKAT KONSESI LEBUH RAYA BAGI SEWA TAPAK KOMERSIAL

BIL.	KLAUSA LEBUH RAYA	PERIHAL KLAUSA
1.	6.4.2 (PLUS); 9.7.1(b) (LINKEDUA); 5.6.1(b) (ELITE); 5.6.1(b) (GRANDSAGA); 6.7(b) (SILK); 5.10(b) (MEX); 4.9(b) (LEKAS); 7.7(b) (SDE); 4.10(b) (LATAR); 8.7(b) (SKVE); 9.7.1(b) (JPP2); 4.6.1(b) (GRANDSEPADU); 8.7(b) (DUKE); 4.7(b) (GCE); 8.7(b) (LNSA); 4.7.1(b) (BKE); dan 5A.2(b) (JPP)	<ul style="list-style-type: none"> berkenaan dengan kemudahan sampingan atau bangunan lain untuk tujuan komersial yang dipersetujui oleh Kerajaan, kadar sewa pajakan akan ditentukan oleh Kerajaan syarikat konsesi boleh, tertakluk kepada kelulusan terlebih dahulu dari Kerajaan, memajak kecil apa-apa kemudahan sampingan atau bangunan yang dibina untuk tujuan komersial kepada mana-mana pihak ketiga
2.	6.7(b) (BESRAYA); 6.7(b) (NPE); dan 6.8(b) (LLB)	sewaan pajakan pada kadar yang ditentukan oleh Kerajaan, yang boleh kena dibayar bagi tanah yang akan digunakan untuk tujuan selain daripada plaza tol dan pejabat pentadbiran
3.	8.5.1 (LPT2)	berkenaan dengan kemudahan sampingan dan bangunan lain untuk tujuan komersial yang dipersetujui oleh Kerajaan, sewa tahunan pada kadar yang

BIL.	KLAUSA LEBUH RAYA	PERIHAL KLAUSA
		ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan, dan sewa pajakan itu adalah tertakluk kepada semakan oleh Kerajaan pada setiap selang lima (5) tahun

Sumber: Perjanjian Konsesi Lebuhraya

4.3.2 Berdasarkan perenggan 1.2 (iii) minit mesyuarat berhubung status pajakan tanah antara syarikat pemegang konsesi lebuhraya dengan PTP bertarikh 17 Julai 2018, syarikat konsesi tidak dibenarkan membuat sebarang urus niaga dengan pihak ketiga di kawasan lebuhraya tol selagi perjanjian pajakan tanah tidak ditandatangani dengan PTP.

4.3.3. Semakan Audit terhadap laporan Senarai Pengendali Gerai/Kedai di Lebuhraya Malaysia yang disediakan oleh LLM mendapati **sewa tapak komersial berjumlah RM32.09 juta telah dikutip oleh lapan syarikat konsesi bagi lapan lebuhraya untuk tempoh dua tahun, iaitu tahun 2019 dan 2020**. Bagaimanapun, tiada perjanjian pajakan ditandatangani atau kelulusan KKR yang membenarkan konsesi membuat sewaan kepada pengendali gerai. Hasil **sewa tapak komersial yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan tidak dapat ditentukan dan menyebabkan kerugian hasil kepada Kerajaan**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3.5**.

**JADUAL 3.5
KUTIPAN SEWA TAPAK KOMERSIAL BAGI TAHUN 2019 DAN 2020**

BIL.	LEBUH RAYA	TAHUN 2019		TAHUN 2020	
		BILANGAN PREMIS	JUMLAH SEWA TAHUNAN (RM)	BILANGAN PREMIS	JUMLAH SEWA TAHUNAN (RM)
1.	Kawasan lebuhraya bertol PLUS Berhad	594	16,478,157	570	14,751,580
2.	GRANDSAGA	24	216,300	24	216,300
3.	LLB	6	76,800	6	76,800
4.	MEX	2	57,600	2	57,600
5.	LEKAS	1	3,000	1	3,000
6.	SKVE	13	57,600	13	57,600
7.	GRANDSEPADU	3	14,400	3	14,400
8.	DUKE			4	9,600
JUMLAH		643	16,903,857	623	15,186,880
JUMLAH KESELURUHAN		RM32,090,737			

Sumber: Senarai Pengendali Gerai/Kedai Dalam Lebuhraya Malaysia

4.3.4. Semakan lanjut mendapati satu lokasi tapak komersial telah dibina oleh satu syarikat konsesi walaupun bayaran notis 5A tersebut masih belum dibayar berjumlah RM4.68 juta. Pihak Audit juga mendapati bayaran notis 5A berjumlah RM4,607 telah dibayar oleh dua syarikat konsesi bagi dua lokasi. Bagaimanapun, sebanyak satu daripada dua lokasi tersebut belum lagi didaftarkan hak milik atas nama PTP. Baki satu lokasi telah didaftarkan hak milik atas nama PTP namun perjanjian pajakan masih belum ditandatangani.

Maklum balas KKR yang diterima pada 3 Mei 2021

Kutipan sewa tapak komersial berjumlah RM32.09 juta bagi tahun 2019 dan 2020 untuk lapan lebuh raya adalah merupakan bayaran sewaan gerai oleh penyewa kepada syarikat konsesi. Klausu perjanjian konsesi menyatakan perjanjian pajakan perlu ditandatangani oleh syarikat konsesi dengan PTP bagi kesemua tapak komersial termasuk gerai.

Sehingga kini, perjanjian pajakan masih belum ditandatangani oleh pihak konsesi dengan PTP walaupun pelbagai usaha telah dibuat termasuk mengadakan Mesyuarat Penyelaras Pajakan yang melibatkan semua konsesi lebuh raya. Setakat ini, hanya PLUS sedang dalam proses untuk menandatangani perjanjian pajakan melibatkan Pejabat Persada PLUS.

Maklum balas JKPTG yang diterima pada 14 September 2021

Syarikat konsesi telah membangunkan tapak komersial berdasarkan hak dan kepentingan seperti dinyatakan dalam perjanjian konsesi walaupun hak milik belum didaftarkan. Walaupun notis 5A telah dibayar sepenuhnya, pendaftar hak milik terletak di bawah kuasa Pihak Berkuasa Negeri.

JKPTG juga akan mengambil tindakan untuk tidak menandatangani sebarang pelan Kebenaran Merancang yang dikemukakan oleh pihak konsesi sekiranya perjanjian pajakan tidak ditandatangani.

Pernyataan | Penyewaan tapak komersial oleh syarikat konsesi tidak Audit mendapat kebenaran dan tidak mematuhi perjanjian konsesi.

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel Audit, terdapat kelemahan dalam kutipan sewa pejabat pentadbiran syarikat konsesi menyebabkan berlaku kerugian hasil kepada Kerajaan berjumlah RM2.57 juta yang tidak diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan dan sewa pejabat pentadbiran berjumlah RM2.77 juta tidak dikutip bagi tempoh antara tujuh hingga 17 tahun. Selain itu, sewa tapak komersial yang dikutip oleh syarikat konsesi daripada pihak ketiga berjumlah RM32.09 juta adalah tidak mematuhi perjanjian konsesi kerana kadar sewa tapak komersial belum ditentukan oleh Kerajaan. Perkara ini berlaku disebabkan perjanjian pajakan masih belum ditandatangani antara PTP dan syarikat konsesi.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan dan penguatkuasaan klausa perjanjian, KKR perlu mengambil tindakan berikut:

- 6.1. memastikan syarikat konsesi menyelesaikan urusan perjanjian pajakan dengan JKPTG agar kutipan sewa pejabat pentadbiran syarikat konsesi serta tapak komersial dapat diakaunkan dalam Kumpulan Wang Disatukan; dan
- 6.2. menetapkan kadar sewa tapak komersial agar kutipan yang telah dibuat oleh syarikat konsesi dapat diakaunkan dalam Kumpulan Wang Disatukan dengan sewajarnya.



4 | Sumbangan Bantuan Penyelenggaraan Kepada Sekolah Bantuan Kerajaan - Kementerian Pendidikan Malaysia

**SUMBANGAN BANTUAN
PENYELENGGARAAN KEPADA SEKOLAH
BANTUAN KERAJAAN**
Kementerian Pendidikan Malaysia

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Sumbangan bantuan penyelenggaraan kepada Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Menentukan sama ada penyaluran dan penggunaan sumbangan bantuan penyelenggaraan adalah selaras dengan garis panduan, prosedur dan peraturan kewangan yang ditetapkan.

Apa yang ditemui Audit?

- Penemuan Audit adalah seperti berikut:
 - penilaian teknikal dan kajian pasaran tidak dibuat menyebabkan berlaku perbezaan harga berjumlah RM1.25 juta antara harga perolehan berbanding anggaran harga semasa;
 - sejumlah RM0.13 juta telah dibayar bagi kerja yang tidak dilaksanakan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Kampung Baru;
 - sejumlah RM0.39 juta telah dibayar bagi skop kerja yang tidak diluluskan di tiga buah sekolah; dan
 - sejumlah RM0.41 juta dibayar bagi kerja yang tidak sempurna atau tidak menepati spesifikasi di dua buah sekolah.

Syor Audit

- Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:
 - mematuhi prosedur sedia ada bagi memastikan permohonan dan penyaluran sumbangan perlu melalui Jabatan Pendidikan Negeri/ Pejabat Pendidikan Daerah (JPN/PPD) dan bukan dikemukakan secara terus oleh pihak sekolah agar penilaian teknikal dan kos munasabah terhadap cadangan yang

dikemukakan oleh pihak sekolah dapat dinilai secara objektif oleh JPN/PPD;

- menyemak dengan teliti permohonan bagi memastikan hanya skop kerja penyelenggaraan yang dibenarkan dalam garis panduan sahaja yang boleh diluluskan. Mana-mana kerja selain yang ditetapkan hendaklah mendapat kelulusan khas Bahagian Pengurusan Aset, Kementerian Pendidikan Malaysia;
- menambah baik garis panduan sedia ada dan meningkatkan pemahaman pegawai yang terlibat dan pihak berkepentingan bagi menjamin pengurusan sumbangan yang lebih teratur bagi memudahkan pemantauan dan mendapatkan nilai terbaik; dan
- memastikan mekanisme pemantauan yang ditetapkan seperti Laporan BPA-6 dikemukakan oleh pihak sekolah bagi tujuan penilaian berterusan terhadap pelaksanaan projek.

4. SUMBANGAN BANTUAN PENYELENGGARAAN KEPADA SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN

Kementerian Pendidikan Malaysia

1. LATAR BELAKANG

1.1. Menurut Akta Pendidikan 1996, Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) atau Institusi Pendidikan Bantuan Kerajaan ialah sekolah atau institusi pendidikan yang menerima sumbangan modal dan sumbangan bantuan penuh. Pengelola pula ditafsirkan sebagai orang yang diberikan kuasa di bawah surat cara pengelolaan untuk mentadbirkan atau menguruskan suatu institusi pendidikan. Pada tahun 2020, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diperuntukkan sejumlah RM735 juta untuk tujuan penyelenggaraan sekolah di mana sebahagian peruntukan ini disalurkan kepada SBK. Mulai tahun 2020, pengurusan dan pemantauan sumbangan bantuan penyelenggaraan kepada SBK adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Pengurusan Aset (BPA), KPM.

1.2. KPM telah mengeluarkan Garis Panduan Peruntukan Penyelenggaraan Sekolah Bantuan Kerajaan Tahun 2020 sebagai panduan kepada Lembaga Pengelola Sekolah (LPS)/Pentadbir Sekolah dalam mengurus sumbangan bantuan yang disalurkan oleh KPM. Skop kerja yang boleh dilaksanakan menggunakan sumbangan bantuan penyelenggaraan adalah penyelenggaraan aset tak alih seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2012 - Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan. Sumbangan bantuan penyelenggaraan ini tidak dibenarkan untuk tujuan pembinaan bangunan baharu, pembelian perkakasan/peralatan/perabot dan pembayaran sewa, kos utiliti dan sebagainya yang tidak berkaitan dengan penyelenggaraan aset tak alih. Bagi tujuan pelaksanaan kerja menggunakan duit sumbangan, LPS/Pentadbir Sekolah perlu mematuhi tatacara perolehan yang ditetapkan oleh mereka dalam menentukan pelantikan kontraktor dan memastikan kontraktor yang dilantik berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

1.3. Pada tahun 2020, peruntukan penyelenggaraan bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJK(C)), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJK(T)), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Sekolah Mualigh (SM) yang berstatus Sekolah Kerajaan (SK) dan SBK adalah berjumlah RM200 juta. Peruntukan ini akan disalurkan mengikut permohonan yang diterima daripada sekolah. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM29.47 juta telah disalurkan kepada SJK(C), SJK(T) dan SM berstatus SK dan sejumlah RM135.35 juta pula telah disalurkan kepada SJK(C), SJK(T), SABK dan SM berstatus SBK.

1.4. Butiran lanjut mengenai jumlah peruntukan dan penyaluran yang disalurkan kepada empat jenis sekolah SK dan SBK tersebut adalah seperti dalam **Jadual 4.1**.

JADUAL 4.1
PERUNTUKAN DAN PENYALURAN SUMBANGAN BANTUAN
PENYELENGGARAAN TAHUN 2020 KEPADA SK DAN SBK MENGIKUT JENIS SEKOLAH

JENIS SEKOLAH	JUMLAH PERUNTUKAN (RM JUTA)	PENYALURAN KEPADA SK		PENYALURAN KEPADA SBK	
		JUMLAH (RM JUTA)	PERATUS (%)	JUMLAH (RM Juta)	PERATUS (%)
SJK(C)	50.00	21.68	43.4	8.35	16.7
SJK(T)	50.00	7.32	14.6	33.08	66.2
SABK	50.00	-	-	48.70	97.4
SM	50.00	0.47	0.94	45.22	90.4
JUMLAH	200.00	29.47	14.7	135.35	67.7

Sumber: Penyaluran Pindahan Dana Elektronik (EFT)

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada penyaluran dan penggunaan sumbangan bantuan penyelenggaraan adalah selaras dengan garis panduan, prosedur dan peraturan kewangan yang ditetapkan.

3. SKOP DAN METODOLOGI AUDIT

3.1. Pengauditan ini dijalankan terhadap sumbangan bantuan penyelenggaraan tahun 2020 di BPA, KPM dan sekolah yang dipilih. Bagi tujuan pengesahan penilaian permohonan, sampel sumbangan bantuan penyelenggaraan telah dipilih secara rawak seperti dalam **Jadual 4.2**.

JADUAL 4.2
SAMPEL SUMBANGAN BANTUAN
PENYELENGGARAAN TAHUN 2020 MENGIKUT JENIS SEKOLAH SBK

BIL.	JENIS SEKOLAH	SAMPEL PENYALURAN	
		BILANGAN SEKOLAH	JUMLAH (RM Juta)
1.	SJK(T)	21	14.56
2.	SABK	16	10.73
3.	SM	3	0.40
4.	SJK(C)	3	0.12
JUMLAH		43	25.81

Sumber: Penyaluran EFT SBK, BPA, KPM

3.2. Lawatan fizikal telah dilaksanakan pada 4 Mac hingga 8 April 2021 di enam sekolah yang dipilih bagi mengesahkan bahawa sumbangan bantuan telah digunakan bagi skop kerja yang diluluskan oleh BPA, KPM seperti dalam **Jadual 4.3**. Pemilihan enam buah

sekolah yang terletak di Lembah Klang sahaja kerana semasa pengauditan dilaksanakan Lembah Klang masih berada dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat.

JADUAL 4.3
SAMPEL LAWATAN FIZIKAL SUMBANGAN BANTUAN
PENYELENGGARAAN TAHUN 2020 MENGIKUT JENIS SEKOLAH SBK

BIL.	SEKOLAH	PENYALURAN		TARIKH LAWATAN FIZIKAL
		TARIKH	JUMLAH (RM)	
1.	SJK(T) Ladang Semenyih	21.08.2020	875,000	04.03.2021 dan 08.04.2021
2.	SJK(C) Ying Wah	05.11.2020	54,600	05.03.2021
3.	SJK(T) Ladang Kampung Baru	21.08.2020	865,000	05.03.2021 dan 05.04.2021
4.	SJK(T) Ladang Kinrara	26.08.2020	590,038	08.03.2021
5.	Sekolah Menengah Kebangsaan (P) Pudu	23.09.2020	150,700	08.03.2021
6.	SJK(T) Batu Arang	21.08.2020	763,000	09.03.2021 dan 06.04.2021
JUMLAH			3,298,338	

Sumber: Penyaluran EFT SBK, BPA, KPM

3.3. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan di BPA, KPM dan sekolah yang dipilih. Pemeriksaan fizikal serta temu bual dengan pegawai yang berkaitan turut dilaksanakan untuk mengesahkan maklumat yang diperoleh semasa proses pengauditan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap sumbangan bantuan penyelenggaraan kepada SBK telah dilaksanakan pada bulan Februari hingga April 2021. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 8 Jun 2021. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti di perenggan 4.1 hingga 4.4.

4.1. Perbezaan Harga Perolehan Berbanding Anggaran Harga Semasa Berjumlah RM1.25 Juta

4.1.1. Garis Panduan Peruntukan Penyelenggaraan Sekolah Bantuan Kerajaan Tahun 2020 menetapkan perkara seperti berikut:

- a. Perenggan 5.1.2. – pertimbangan penyaluran sumbangan bantuan adalah berdasarkan tawaran harga terendah dan/atau kaedah pemberian yang memberikan nilai faedah terbaik kepada sekolah.

- b. Perenggan 5.2.1 - sumbangan bantuan penyelenggaraan akan disalurkan secara sekaligus mengikut jumlah yang diluluskan oleh BPA, KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).
 - c. Perenggan 6.1.2 - tanggungjawab BPA, KPM untuk membuat pemeriksaan di SBK bagi mengesahkan skop dan anggaran kos penyelenggaraan yang dikemukakan oleh JPN atau LPS/Pentadbir Sekolah sekiranya perlu.
 - d. Perenggan 6.2.2 dan 6.2.3 - tanggungjawab JPN dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk mengumpul permohonan sumbangan bantuan oleh LPS/Pentadbir Sekolah dan membuat pemeriksaan di SBK bagi mengesahkan skop dan anggaran kos penyelenggaraan yang dikemukakan.
 - e. Perenggan 6.3.3 - LPS/Pentadbir Sekolah perlu memastikan syarikat yang dilantik adalah berwibawa dan berkeupayaan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja dalam tempoh masa. Tawaran harga yang dipilih hendaklah berdasarkan nilai faedah yang terbaik.
- 4.1.2. Semakan Audit terhadap 43 sampel mendapati kesemua permohonan sumbangan bantuan penyelenggaraan yang dikemukakan oleh sekolah tidak melalui JPN dan proses penilaian teknikal tidak dilaksanakan oleh JPN. Temu bual dengan pihak LPS, Pentadbir Sekolah dan BPA, KPM mengesahkan bahawa **penilaian terhadap skop dan anggaran kos penyelenggaraan tidak dilaksanakan oleh pihak BPA, KPM atau JPN dan PPD** seperti yang ditetapkan di Perenggan 6.1.2 dan 6.2.3 dalam Garis Panduan.

4.1.3. Lawatan fizikal telah dibuat pada 4 Mac, 5 Mac, 5 April dan 8 April 2021 bersama pegawai Teknikal daripada JPN Selangor dan PPD. Lawatan fizikal dibuat di SJK(T) Ladang Semenyih dan SJK(T) Ladang Kampung Baru bagi menyemak proses pelantikan kontraktor dan anggaran kos terhadap butiran kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor. Semakan Audit mendapati **pelantikan kontraktor bagi kedua-dua sekolah tersebut telah dibuat secara lantikan terus** oleh pihak LPS berjumlah RM1.75 juta. Tiada perbandingan harga dengan kontraktor lain dibuat bagi mendapatkan harga yang terbaik. Semakan Audit juga mendapati tiada garis panduan atau Prosedur Operasi Standard mengenai perolehan di peringkat LPS. Pelantikan secara terus oleh pihak LPS bagi kerja penyelenggaraan yang ditawarkan oleh kontraktor adalah seperti dalam **Jadual 4.4**.

JADUAL 4.4
MAKLUMAT BERKENAAN KONTRAKTOR
BAGI KERJA PENYELENGGARAAN DI DUA SEKOLAH

BIL.	NAMA SEKOLAH	BUTIRAN KONTRAKTOR				
		NOMBOR PENDAFTARAN KONTRAKTOR DILANTIK	TARIKH LANTIKAN	CARA LANTIKAN	AMAUN (RM Juta)	TEMPOH PENYIAPAN
1.	SJK(T) Ladang Semenyih, Semenyih, Selangor	MA0051604-W	25.08.2020	Lantikan Terus	0.88	3 bulan
2.	SJK(T) Ladang Kampung Baru	00240788-V	17.08.2020	Lantikan Terus	0.87	3 bulan
JUMLAH					1.75	

Sumber: Jadual Skop Kerja dan Kadar Harga serta Surat Setuju Terima

4.1.4. Berdasarkan lawatan dan dokumen spesifikasi kerja, iaitu Jadual Skop Kerja dan Kadar Harga, Pegawai Teknikal JPN telah membuat kiraan semula anggaran harga semasa bagi skop kerja penyelenggaraan yang telah dilaksanakan oleh kontraktor. Hasil kiraan anggaran harga semasa tersebut mendapat **wujud perbezaan berjumlah RM1.25 juta antara harga perolehan berjumlah RM1.56 juta dengan anggaran harga semasa yang berjumlah RM0.31 juta untuk dua sekolah tersebut**. Maklumat lanjut perbezaan harga tersebut adalah seperti dalam **Jadual 4.5**. Antara kerja yang dilaksanakan adalah seperti **Gambar 4.1 hingga Gambar 4.10**.

JADUAL 4.5
HARGA PEROLEHAN MELEBIHI ANGGARAN HARGA SEMASA


BIL.	SKOP KERJA		HARGA PEROLEHAN (RM)	ANGGARAN HARGA SEMASA* (RM)	PERBEZAAN ANGGARAN HARGA (RM)
	PARA	SPESIFIKASI			
SJK(T) Ladang Semenyih (Pemeriksaan Fizikal Pada 04.03.2021 dan 08.04.2021)					
1.	2.0	Keperluan mobilisasi, stor serta lain-lain yang mengikut yang berkaitan spesifikasi dan dokumen kontrak.	20,000	10,000	10,000
2.	4.0	Bidai tingkap (37 unit) (rujuk Gambar 4.1).	140,000	18,614	121,386
3.	5.0	Menyediakan pemasangan struktur untuk menyekat kemasukan air menggunakan Metal Deck bergred G28 (rujuk Gambar 4.2).	155,000	30,762	124,238
4.	7.0	Mengecat bangunan sekolah dua tingkat (rujuk Gambar 4.3).	190,200	22,162	168,038
5.	8.0	Mengecat tembok (rujuk Gambar 4.4).	83,000	16,720	66,280
6.	9.0	Papan tanda (rujuk Gambar 4.5).	37,500	8,556	28,944
7.	10.0	Menyediakan longkang arena utama dan bangunan sekolah (rujuk Gambar 4.6).	27,800	6,050	21,750
8.	11.0	Membekal pagar terlibat sekeliling parameter sekolah termasuk pintu kecil (rujuk Gambar 4.7).	111,000	31,318	79,682
9.	12.0	Membuat kerja <i>earth drain</i> di kawasan padang (rujuk Gambar 4.8).	107,000	26,160	80,840
JUMLAH			871,500	170,342	701,158

BIL.	SKOP KERJA		HARGA PEROLEHAN (RM)	ANGGARAN HARGA SEMASA* (RM)	PERBEZAAN ANGGARAN HARGA (RM)
	PARA	SPESIFIKASI			
SJK(T) Ladang Kampung Baru (Pemeriksaan Fizikal Pada 05.03.2021 dan 05.04.2021)					
1.	4.0	Kerja mengecat dinding luar.	127,000	20,000	107,000
2.	5.0 & 6.0	Kerja bumbung dan kekuda bumbung.	174,500	68,130	106,370
3.	7.0	Kerja kemasan siling – siling asbestos.	44,500	7,304	37,196
4.	9.0	Kerja lantai di pejabat, Pusat Sumber, Bilik ICT, Bilik Sains dan Bilik Guru Besar.	55,500	2,520	52,980
5.	10.0	Kerja tingkap.	39,000	240	38,760
6.	11.0	Kerja kemasan dinding.	31,500	2,400	29,100
7.	12.0	Kerja pintu.	44,000	11,200	32,800
8.	13.0	Kerja longkang (rujuk Gambar 4.9).	63,000	12,000	51,000
9.	14.0	Kerja lantai di laluan kaki lima (rujuk Gambar 4.10).	34,500	1,000	33,500
10.	16.4	Menyelenggara dan membaiki tempat makan murid termasuk kerja bumbung, siling dan menggantikan kipas dan lampu.	10,000	2,085	7,915
11.	18.3	Kerja elektrikal di bangunan A dan B.	20,000	4,000	16,000
12.	18.4	Membekal dan memasang kemasan lampu LED dan aksesori.	25,000	2,610	22,390
13.	18.5	Membekal dan memasang kipas berserta kemasan dan aksesori.	10,000	2,250	7,750
14.	18.6	Membekal dan memasang <i>plug point</i> mengikut spesifikasi.	5,000	330	4,670
JUMLAH			683,500	136,069	547,431
JUMLAH KESELURUHAN			1,555,000	306,411	1,248,589

Sumber: Jadual Skop Kerja dan Kadar Harga

Nota: * Berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh pegawai teknikal JPN Selangor/PPD

GAMBAR 4.1



Bilik Darjah, SJK(T) Ladang Semenyih
- Bidai Tingkap yang Telah Dipasang
(04.03.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4.2



Arena, SJK(T) Ladang Semenyih
- Struktur yang Dipasang untuk Menyekat
Kemasukan Air
(04.03.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4.3

Bangunan Dua Tingkat, SJK(T) Ladang Semenyih
- Bangunan Sekolah yang Telah Dicat
(08.04.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4.4


Pagar Sekolah, SJK(T) Ladang Semenyih
- Tembok yang Telah Dicat
(08.04.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4.5

Bangunan Tiga Tingkat, SJK(T) Ladang Semenyih
- Papan Tanda yang Telah Dipasang
(04.03.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4.6

Longkang, SJK(T) Ladang Semenyih
- Longkang yang Telah Dibina di Arena Utama
dan Bangunan Sekolah
(04.03.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4.7

Pagar, SJK(T) Ladang Semenyih
- Pagar yang Telah Dibina
(04.03.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4.8

Padang Sekolah, SJK(T) Ladang Semenyih
- Earth Drain yang Telah Siap Dibina
(04.03.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4.9

Longkang, SJK(T) Ladang Kampung Baru
- Longkang yang Dibina Tidak Sempurna
(05.03.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4.10

Laluan Kaki Lima, SJK(T) Ladang Kampung Baru
- Kerja Membalik Lantai yang Tidak Sempurna
(05.03.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

4.1.5. Penilaian teknikal tidak dilaksanakan oleh JPN kerana semua permohonan oleh LPS/Pentadbir Sekolah dikemukakan terus kepada BPA, KPM. Pihak KPM memaklumkan permohonan tahun 2020 tidak dibuat melalui JPN bertujuan untuk mempercepatkan proses kelulusan dan penyaluran sumbangan bantuan. Perkara ini dibincangkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Penilaian Permohonan Peruntukan Penyelenggaraan SBK bertarikh 23 Julai 2020 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan). Sumbangan yang diluluskan juga telah disalurkan terus kepada akaun LPS/Pentadbir Sekolah tanpa pemakluman kepada JPN. Kedua-dua LPS sekolah telah melantik kontraktor secara lantikan terus tanpa mendapatkan sebut harga daripada kontraktor lain bagi tujuan perbandingan harga.

4.1.6. Permohonan yang tidak melalui proses penilaian skop kerja dan kos penyelenggaraan serta tiada kajian pasaran menyebabkan tiada pihak yang bertanggungjawab untuk memastikan kos yang dimohon adalah wajar. Hal ini telah menyebabkan kerugian kepada Kerajaan kerana kos perolehan melebihi kos yang sepatutnya.

Maklum balas BPA, KPM yang diterima pada 20 Mei dan 21 Jun 2021

Pihak BPA, KPM telah dipertanggungjawab untuk menguruskan penyaluran sumbangan bantuan kepada SBK daripada Bahagian Pembangunan, KPM mulai tahun 2020. Pihak BPA, KPM tidak dapat melaksanakan pemeriksaan/penilaian dengan terperinci atau melibatkan pihak JPN bagi pengesahan skop kerja dan anggaran kos yang dikemukakan oleh pihak LPS/Sekolah keranakekangan masa, kekurangan pegawai teknikal, tiada kemudahan logistik dan fasiliti. Semakan terhadap permohonan dibuat di peringkat BPA, KPM hanya bergantung sepenuhnya kepada maklumat dalam Borang Permohonan BPA-5 dan BPA-5-1 yang dikemukakan oleh LPS/Sekolah. Selain itu, penyaluran sumbangan bantuan SBK pada tahun 2020 juga disalurkan terus kepada LPS tanpa melalui JPN di ataskekangan masa dan jumlah permohonan yang terlalu banyak untuk diproses. Pihak LPS/Sekolah pula adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk skop kerja serta kos anggaran yang dimohon kepada BPA, KPM.

Bagi permohonan tahun 2021, BPA, KPM memohon bantuan daripada JPN untuk membantu menyemak skop kerja dan anggaran kos yang mohon oleh pihak LPS/Sekolah terutamanya bagi permohonan yang bernilai RM0.30 juta ke atas.

Pernyataan Audit | **Anggaran kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan berdasarkan laporan JPN dan PPD berjumlah RM1.25 juta bagi**

dua sekolah yang dilawati kerana kajian pasaran dan penilaian awal tidak dibuat sewajarnya.

4.2. Sejumlah RM0.13 Juta Telah Dibayar bagi Kerja yang Tidak Dilaksanakan di SJK(T) Ladang Kampung Baru

4.2.1. Garis Panduan Peruntukan Penyelenggaraan Sekolah Bantuan Kerajaan Tahun 2020, Perenggan 6.3.2 menetapkan pihak berkepentingan hendaklah memastikan kerja penyelenggaraan yang diluluskan telah dilaksanakan dan diselesaikan pembayaran pada tahun semasa. Sebut Harga SJK(T) Ladang Kampung Baru No:200-6/1/1 pula menetapkan kerja yang dilaksanakan kontraktor hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan, butir kerja dalam ringkasan sebut harga dan syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga serta arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya. Tiada klausa di dalam dokumen sebut harga tersebut yang memperincikan proses pembayaran kepada pihak kontraktor.

4.2.2. Semakan Audit terhadap Surat Setuju Terima (SST) Lantikan Kontraktor bertarikh 17 Ogos 2020 mendapati kontraktor 00240788-V telah **dilantik secara lantikan terus** untuk kerja penyelenggaraan di SJK(T) Ladang Kampung Baru dengan kos berjumlah RM865,000 bagi tempoh tiga bulan. Kos keseluruhan bagi projek penyelenggaraan di SJK(T) Ladang Kampung Baru yang telah dibayar oleh pihak LPS melalui 23 keping cek bertarikh antara 19 Ogos hingga 7 Disember 2020 adalah berjumlah RM863,500. Bagaimanapun, **tiada pengesahan siap kerja** dilampirkan ketika tuntutan dibuat kerana pihak kontraktor hanya mengemukakan invois sahaja bagi tujuan pembayaran. Sebahagian kerja yang dituntut oleh kontraktor tidak dapat disahkan pelaksanaannya kerana tiada dokumen atau gambar dikemukakan sebagai bukti. Pengesahan siap kerja juga tidak dibuat oleh pihak sekolah atau LPS sebelum tuntutan tersebut dibayar.

4.2.3. Seterusnya lawatan Audit di SJK(T) Ladang Kampung Baru pada 5 Mac dan 5 April 2021 mendapati **tiada bukti kerja telah dilaksanakan seperti yang dituntut tetapi bayaran berjumlah RM0.13 juta telah dibayar kepada kontraktor.** Butiran kerja yang tidak dilaksanakan adalah seperti dalam **Jadual 4.6 dan Gambar 4.11 hingga Gambar 4.13.**

JADUAL 4.6
BAYARAN DIBUAT WALAUPUN KERJA TIDAK DILAKSANAKAN
DI SJK (T) LADANG KAMPUNG BARU

BIL.	SKOP KERJA			PEMERIKSAAN FIZIKAL PADA 05.03.2021	JUMLAH DIBAYAR (RM)	
	PARA	SPESIFIKASI				
1.	8.0	Mengadakan peralatan peranca, tenaga kepakaran, pengangkutan, bahan binaan dan alat keperluan untuk melaksanakan kerja kayu serta kerja berkaitan mengikut spesifikasi dan arahan pegawai.		16,000	Kerja penyelenggaraan tidak dapat disahkan.	16,000
		Kayu beroti yang belum diketam (50X50mm, 50X100mm dan 25X125mm).				
2.	15.1	Menyediakan segala bahan, pengangkutan, peralatan dan lain-lain keperluan untuk melaksanakan kerja tanggal dan buang, bekal dan pasang <i>chain link</i> iaitu pagar jejarung berangkai 3.5mm tebal dari keluli bergalvani dengan jaring berukuran 50mm berbentuk berlian bersalut PVC berserta tiang.		35,000	Pagar tidak diganti (rujuk Gambar 4.11).	35,000
3.	16.2	Menyelenggara dan membaiki tapak perhimpunan sedia ada termasuk pentas dan tiang bendera termasuk kerja-kerja berkaitan.		5,000	Kerja penyelenggaraan tidak dapat disahkan (rujuk Gambar 4.12).	5,000
4.	19.1	Kerja membersih, membekal perkhidmatan kawalan serangga perosak (<i>Pest Control</i>) untuk semua jenis perosak dalam dan di luar bangunan dan kawasan sekitarnya.		40,000	Kerja tidak dapat disahkan kerana Sijil Warranti <i>Pest Control</i> /tidak dikemukakan.	40,000
5.	16.5	Menyelenggara dan membaik pulih kantin sekolah termasuk kerja-kerja bumbung, siling, kipas, lampu dan membaiki kabinet sedia ada.		20,000	Tiada kantin di sekolah.	20,000
6.	16.6	Membaik pulih dan menyelenggara gelanggang badminton sedia ada.		2,000	Tiada gelanggang badminton di sekolah.	2,000
7.	16.7	Menyelenggara dan membaiki laluan susur dari tapak perhimpunan ke blok bangunan kelas termasuk kerja-kerja bumbung dan palang besi.		15,000	Tiada laluan susur dari tapak perhimpunan ke blok bangunan kelas (rujuk Gambar 4.13).	15,000
JUMLAH			133,000			133,000

Sumber: Jadual Skop Kerja dan Kadar Harga

GAMBAR 4.11



Pagar, SJK(T) Ladang Kampung Baru
 - Pagar Tidak Diganti
 (05.03.2021)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4.12



Tapak Perhimpunan, SJK(T) Ladang Kampung Baru
 - Kerja Penyelenggaraan
 Tidak Dapat Disahkan
 (05.03.2021)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 4.13

Laluan Susur, SJK(T) Ladang Kampung Baru

- Laluan Susur dari Tapak Perhimpunan

ke Blok Bangunan Kelas Tidak Wujud

(05.03.2021)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

4.2.4. Kelemahan pengurusan di peringkat LPS/Pentadbir Sekolah dan pemantauan yang tidak dilaksanakan oleh KPM menyebabkan Kerajaan kerugian sejumlah RM0.13 juta bagi pembayaran kerja yang tidak dapat disahkan. Laporan BPA-6 yang melaporkan status Prestasi Penyelenggaraan Sekolah Bantuan Kerajaan juga tidak dikemukakan oleh pihak sekolah bagi tujuan pemantauan.

Maklum balas BPA, KPM yang diterima pada 20 Mei dan 21 Jun 2021

Merujuk kepada perkara 5.3 Garis Panduan, pelaksanaan dan pemantauan kerja penyelenggaraan adalah di bawah tanggungjawab pihak berkepentingan. Pihak LPS/Pentadbir Sekolah untuk memastikan kerja disempurnakan dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan sebelum bayaran dibuat kepada kontraktor. Pemantauan ada dilaksanakan oleh pasukan pemantauan KPM tetapi secara berperingkat serta bersifat selektif disebabkan kekangan masa dan kekurangan pegawai yang boleh menguruskan pemantauan.

Pernyataan | Pengesahan kerja dan pemantauan yang tidak dilaksanakan di Audit sekolah menyebabkan bayaran dibuat bagi kerja yang tidak dilaksanakan berjumlah RM0.13 juta.

4.3. Sejumlah RM0.39 Juta Telah Dibayar bagi Skop Kerja yang Tidak Diluluskan oleh BPA, KPM di Tiga Buah Sekolah

4.3.1. Garis Panduan Peruntukan Penyelenggaraan Sekolah Bantuan Kerajaan Tahun 2020, Perenggan 4.2 menetapkan sumbangan bantuan penyelenggaraan ini tidak dibenarkan untuk tujuan pembinaan bangunan baharu, pembelian perkakasan/peralatan/perabot dan pembayaran sewa, kos utiliti dan sebagainya yang tidak berkaitan dengan penyelenggaraan aset tak alih. Perenggan 7.1 menetapkan sebarang pengecualian dan perubahan terhadap kelulusan sumbangan bantuan perlu dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan BPA, KPM. Surat Penyaluran Sumbangan Bantuan Kerajaan Tahun 2020 pula menetapkan LPS hendaklah memastikan semua penyelenggaraan mengikut skop kerja yang diluluskan.

4.3.2. Semakan silang Audit antara Surat Kelulusan BPA, KPM dengan Jadual Sebut Harga dan Kadar Harga, Buku Tunai, baucar serta salinan cek yang dikemukakan oleh tiga buah sekolah, iaitu SJK(T) Ladang Semenyih, SJK(T) Ladang Kampung Baru dan SJK(T) Ladang Kinrara mendapati **bayaran berjumlah RM0.39 juta telah dibuat bagi skop kerja yang tidak diluluskan dalam surat penyaluran yang dikeluarkan BPA, KPM.** Tiada permohonan pengecualian atau perubahan terhadap sumbangan yang diterima oleh pihak LPS/Pentadbir Sekolah dikemukakan kepada KPM untuk pertimbangan dan kelulusan sebelum lawatan pihak Audit ke sekolah. Butiran skop kerja yang tidak diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 4.7** dan **Gambar 4.14** hingga **Gambar 4.16**.

JADUAL 4.7
SKOP KERJA TIDAK DILULUSKAN

BIL.	SKOP KERJA		HARGA PEROLEHAN/ JUMLAH YANG TELAH DIBAYAR (RM)	SKOP KERJA YANG DIBENARKAN MENGIKUT SURAT KELULUSAN BPA, KPM	CATATAN
SJK(T) Ladang Semenyih (Pemeriksaan Fizikal Pada 04.03.2021 dan 08.04.2021)					
1.	4.0	Bidai tingkap (37 unit).	140,000	<ul style="list-style-type: none"> • Kerja mengecat luar bangunan • Penyelenggaraan bumbung melibatkan struktur • Penyelenggaraan dewan dan dataran terbuka • Penyelenggaraan longkang dan perparitan • Penyelenggaraan padang • Penyelenggaraan pagar • Penyelenggaraan siling 	Pemasangan bidai tingkap adalah tidak dibenarkan.
2.	9.0	Papan tanda.	37,500	<ul style="list-style-type: none"> • Kerja mengecat luar bangunan • Penyelenggaraan bumbung melibatkan struktur • Penyelenggaraan dewan dan dataran terbuka • Penyelenggaraan longkang dan perparitan • Penyelenggaraan padang • Penyelenggaraan pagar • Penyelenggaraan siling 	Pemasangan papan tanda adalah kerja di luar skop.
JUMLAH			177,500		
SJK(T) Ladang Kampung Baru (Pemeriksaan Fizikal Pada 05.03.2021 dan 05.04.2021)					
1.	9.0	Kerja lantai di pejabat, Pusat Sumber, Bilik ICT, Bilik Sains dan Bilik Guru Besar.	55,500	<ul style="list-style-type: none"> • Kerja mengecat dalam bangunan • Penyelenggaraan bumbung melibatkan struktur • Penyelenggaraan dewan dan dataran terbuka • Penyelenggaraan lantai • Penyelenggaraan pagar • Penyelenggaraan pendawai elektrik • Penyelenggaraan siling • Penyelenggaraan tandas • Penyelenggaraan tingkap dan pintu 	Karpet dipasang di bilik guru besar dan ruang pejabat. Tiada arahan perubahan kerja bertulis (rujuk Gambar 4.14).
2.	15.3	Kerja membaiki dan mengecat tembok.	18,000	<ul style="list-style-type: none"> • Kerja mengecat dalam bangunan • Penyelenggaraan bumbung melibatkan struktur • Penyelenggaraan dewan dan dataran terbuka • Penyelenggaraan lantai • Penyelenggaraan pagar • Penyelenggaraan pendawai elektrik • Penyelenggaraan siling • Penyelenggaraan tandas • Penyelenggaraan tingkap dan pintu 	Tembok dibina baharu. Selain itu, papan tanda baharu juga dipasang. Tiada arahan perubahan kerja bertulis (rujuk Gambar 4.15).
3.	17.0	Tandas guru dan murid.	45,000	<ul style="list-style-type: none"> • Kerja mengecat dalam bangunan • Penyelenggaraan bumbung melibatkan struktur • Penyelenggaraan dewan dan dataran terbuka • Penyelenggaraan lantai • Penyelenggaraan pagar • Penyelenggaraan pendawai elektrik • Penyelenggaraan siling • Penyelenggaraan tandas • Penyelenggaraan tingkap dan pintu 	Bangunan tandas guru dan murid dibina baharu termasuk susur laluan ke tandas. Tiada arahan perubahan kerja bertulis (rujuk Gambar 4.16).
JUMLAH			118,500		

BIL.	SKOP KERJA	HARGA PEROLEHAN/ JUMLAH YANG TELAH DIBAYAR (RM)	SKOP KERJA YANG DIBENARKAN MENGIKUT SURAT KELULUSAN BPA, KPM	CATATAN
SJK(T) Ladang Kinrara (Pemeriksaan Fizikal Pada 08.03.2021)				
1.	Perolehan barang seperti <i>smart tv</i> , peti sejuk, kerusi guru, pembelian tilam, <i>stationery</i> pembelian <i>kindergarten items</i> , tikar getah, <i>metal rack</i> dan <i>meeting refreshment</i> .	50,943	<ul style="list-style-type: none"> Penyelenggaraan longkang perparitan Penyelenggaraan pendawaian elektrik Penyelenggaraan tingkap dan pintu 	Tidak termasuk dalam skop kerja yang diluluskan dan yang dibenarkan.
2.	<i>Professional services for cdition assessment and material testing to a single storey hall building.</i>	22,500		Tidak termasuk dalam skop kerja yang diluluskan dan yang dibenarkan. Bagaimanapun, permohonan telah dibuat kepada BPA, KPM pada 10.03.2020.
3.	Membekal dan memasang papan tanda nama 'The Community Chest Academic Building'.	9,500		Tidak termasuk dalam skop kerja yang diluluskan dan yang dibenarkan.
4.	Bayaran <i>outstanding debt for table and chair to PIBG</i> .	8,000		Tidak termasuk dalam skop kerja yang diluluskan dan yang dibenarkan.
JUMLAH		90,943		
JUMLAH KESELURUHAN		386,943		

Sumber: Surat Penyaluran Sumbangan Penyelenggaraan Sekolah serta Jadual Skop Kerja dan Kadar Harga

GAMBAR 4.14



Ruang Pejabat, SJK(T) Ladang Kampung Baru
- Karpet Dipasang di Pejabat
dan Bilik Guru Besar
(05.03.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4.15



Kawasan Sekolah, SJK(T) Ladang Kampung Baru
- Tembok dan
Papan Tanda Dibuat Baharu
(05.03.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 4.16
Tandas, SJK(T) Ladang Kampung Baru
- Bangunan Tandas Guru dan Murid Dibina Baharu
Termasuk Susur Laluan ke Tandas
(05.03.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

4.3.3. Perkara ini berlaku disebabkan pihak LPS/Pentadbir Sekolah tidak mengetahui kewujudan garis panduan walaupun pihak BPA, KPM telah mengedarkan garis panduan berkenaan kepada JPN untuk dihebahkan kepada pihak LPS/Pentadbir Sekolah pada 5 Mei 2020. Hal ini menyebabkan pihak sekolah mewujudkan dan mengubah skop kerja mengikut keperluan semasa sekolah tanpa mendapat kelulusan terlebih dahulu dari BPA, KPM.

Maklum balas BPA, KPM yang diterima pada 20 Mei dan 21 Jun 2021

SJK(T) Ladang Kampung Baru menyatakan kerja yang dilaksanakan adalah atas faktor keperluan yang mendesak. Kerja yang dilaksanakan adalah merupakan satu persefahaman yang dicapai antara pihak sekolah dan kontraktor dalam mendahulukan kerja-kerja perlu dan pihak sekolah telah menggunakan budi bicara untuk memindahkan kos kerja-kerja perlu ke tempat yang sepatutnya.

SJK(T) Ladang Kinrara memaklumkan pembelian peralatan seperti rak, tikar getah, kerusi, tilam dan katil menggunakan peruntukan penyelenggaraan adalah atas faktor keselamatan pelajar dan guru, penyediaan bilik isolasi COVID-19 serta kekangan untuk mendapatkan dana luar disebabkan pandemik COVID-19. Pemasangan papan tanda juga terpaksa dibuat kerana perjanjian dengan pihak penderma bangunan tambahan menyatakan kos meletakkan papan tanda ditanggung oleh LPS. Bayaran hutang lama berjumlah RM8 ribu adalah isu legasi oleh pihak LPS yang lama.

Perenggan 7.1 Garis Panduan menyatakan sebarang pengecualian dan perubahan terhadap kelulusan sumbangan bantuan perlu dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan BPA, KPM. Pihak LPS bertanggungjawab untuk memastikan sumbangan yang diterima digunakan mengikut tujuan yang diluluskan dengan merujuk surat pemakluman atau garis panduan yang dikeluarkan sebelum memutuskan untuk menggunakan peruntukan yang disalurkan.

Pernyataan Audit	Pemantauan dan semakan yang tidak dilaksanakan menyebabkan bayaran berjumlah RM0.39 juta dibuat bagi kerja di luar skop.
-------------------------	---

4.4. Sejumlah RM0.41 Juta Dibayar bagi Kerja yang Tidak Sempurna atau Tidak Menepati Spesifikasi di Dua Buah Sekolah

4.4.1. Perenggan 6.3.3, Garis Panduan Peruntukan Penyelenggaraan Sekolah Bantuan Kerajaan Tahun 2020 menetapkan pihak berkepentingan perlu memastikan syarikat yang dilantik adalah berwibawa dan berkeupayaan untuk melaksanakan dan

menyiapkan kerja dalam tempoh masa. Sebut Harga SJK(T) Ladang Semenyih No:200-6/1/1 dan Sebut Harga SJK(T) Ladang Kampung Baru No:200-6/1/1 menetapkan kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan, butir kerja dalam ringkasan sebut harga dan syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga serta arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya.

4.4.2. Semakan Audit telah dibuat terhadap Jadual Skop Kerja dan Kadar Harga serta salinan invois tuntutan kerja kontraktor bagi SJK(T) Ladang Semenyih dan SJK(T) Ladang Kampung Baru. Lawatan fizikal di kedua-dua sekolah tersebut juga telah dibuat pada 4 Mac, 5 Mac, 5 April dan 8 April 2021. Pihak Audit tidak dapat memastikan tarikh siap sebenar kerja-kerja penyelenggaraan di SJK(T) Ladang Semenyih dan SJK(T) Ladang Kampung Baru kerana tiada dokumen pengesahan siap kerja dikemukakan oleh pihak LPS/Pentadbir Sekolah. Selanjutnya, pihak Audit mendapati **sebahagian kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor tidak memenuhi spesifikasi kerja yang ditetapkan atau tidak sempurna tetapi bayaran penuh berjumlah RM0.41 juta telah dibuat kepada kontraktor.** Butiran kerja yang tidak memenuhi spesifikasi atau tidak sempurna adalah seperti dalam **Jadual 4.8** dan **Gambar 4.17** hingga **Gambar 4.24**.

JADUAL 4.8
BAYARAN PENUH TELAH DIBUAT BAGI KERJA YANG TIDAK MEMENUHI SPESIFIKASI DITETAPKAN ATAU TIDAK SEMPURNA DI DUA SEKOLAH

BIL.	SKOP KERJA		HARGA PEROLEHAN/ JUMLAH YANG TELAH DIBAYAR (RM)	CATATAN
	PARA	SPESIFIKASI		
SJK(T) Ladang Semenyih (Pemeriksaan Fizikal Pada 04.03.2021 dan 08.04.2021) - Tarikh bayaran kepada kontraktor antara 26.08.2020 hingga 06.10.2020				
1.	11.0	<u>Membekal pagar terlibat sekeliling parameter sekolah termasuk pintu kecil</u> <ul style="list-style-type: none"> - Membekal tenaga kerja dan peralatan bagi kerja-kerja pembersihan dan kemasan untuk membersihkan dan membaiki kesemua struktur tiang pagar yang condong dan jatuh serta kerja-kerja membaik pulih dan menegakkan struktur dengan ketinggian 5ft (H). - Membekal tenaga kerja bagi kerja-kerja membuka keseluruhan pagar kawat yang telah rosak dan berlubang bagi kawasan-kawasan tertentu yang dikenal pasti serta kerja-kerja membersih dan melupuskan sisa pagar kawat yang tersebut. - Membekal tenaga kerja dan bahan bagi pemasangan struktur baharu pagar kawat dengan saiz tersedia 5ft (H) PVC chain berwarna hijau dengan ketebalan 2.5mm di keseluruhan kawasan terlibat siap dengan pemasangan dan kemasan ikatan akhir. 	111,000	Pemasangan tidak kemas (rujuk Gambar 4.17).

BIL.	SKOP KERJA		HARGA PEROLEHAN/ JUMLAH YANG TELAH DIBAYAR (RM)	CATATAN
	PARA	SPESIFIKASI		
		<ul style="list-style-type: none"> - Membekal tenaga kerja bagi kerja-kerja kemasan akhir dan pemasangan alatan kerja dan pembinaan pada bahagian pagar kawat PVC Chain yang terlibat serta kerja-kerja pemeriksaan mutu dan kualiti bahan di kawasan yang terlibat. - Membekal tenaga kerja bagi memasang dan menyediakan pintu kecil berukuran 3ft (L) x 5ft (H) di kawasan tertentu pagar bagi akses dan laluan pelajar. 		
SJK(T) Ladang Kampung Baru (Pemeriksaan Fizikal Pada 05.03.2021 dan 05.04.2021) - Tarikh bayaran kepada kontraktor antara 19.08.2020 hingga 07.12.2020				
1.	5.0 dan 6.0	Kerja bumbung.	174,500	Bumbung beralun (rujuk Gambar 4.18).
2.	10.0	<u>Kerja tingkap</u> <ul style="list-style-type: none"> - Mengadakan peralatan jentera, tenaga kepakaran dan peralatan seperti <i>scaffolding</i> dan lain-lain keperluan untuk membuka kemasan tingkap lama yang telah rosak mengikut kawasan yang ditentukan oleh pegawai penguasa sebagai persediaan untuk memasang kemasan tingkap yang baharu. - Kerja membekal bahan dan mengadakan peralatan untuk memasang tingkap baharu. - Menyediakan segala keperluan dan tenaga kerja bagi membersih sisa binaan dan membawa keluar dari tapak bina. 	39,000	Pembukaan kemasan tingkap lama tidak dibuat. Sebaliknya hanya cermin yang diganti. Terdapat juga cermin yang tidak diganti (rujuk Gambar 4.19).
3.	12.4	Membekal dan memasang aksesori pintu iaitu set alat kunci jenis dua tuas dengan pemegang tombol berkemasan loyang berserta selak mengikut spesifikasi yang ditentukan oleh pegawai penguasa.	4,000	Tombol pintu tidak dipasang (rujuk Gambar 4.20).
4.	14.0	<u>Kerja lantai di laluan kaki lima</u> <ul style="list-style-type: none"> - Menyediakan segala bahan, pengangkutan, peralatan dan lain-lain keperluan. - Membungkus atau melindungi struktur bangunan sedia ada sebelum memulakan kerja. - Membuka, mengetuk atau membuang kemasan lantai lama yang rosak sebagai persediaan untuk membuat kemasan lantai baru seperti yang diarahkan oleh pegawai penguasa. - Tenaga kerja bagi kerja menyediakan dan memasang kemasan lantai baharu mengikut spesifikasi yang ditentukan oleh pegawai penguasa. - Membersih sisa binaan dan membawa keluar dari tapak bina. 	34,500	Terdapat lantai masih mempunyai keretakan (rujuk Gambar 4.21).

BIL.	SKOP KERJA		HARGA PEROLEHAN/ JUMLAH YANG TELAH DIBAYAR (RM)	CATATAN
	PARA	SPESIFIKASI		
5.	16.1	Menyelenggara dan membaiki tempat parkir kereta guru besar sedia ada kerja bumbung, <i>gutter</i> dan <i>pre-mix</i> baharu.	2,500	Tiada <i>pre-mix</i> baharu dibuat (rujuk Gambar 4.22).
6.	16.3	Menyelenggara dan membaiki pondok bacaan termasuk kerja-kerja lantai dan menggantikan kipas serta lampu.	4,000	Kipas tidak diganti baharu (rujuk Gambar 4.23).
7.	17.0	<u>Tandas guru dan murid</u> <ul style="list-style-type: none"> - Menyelenggara bumbung, siling dan tiang tandas sedia ada termasuk kerja-kerja mengecat keseluruhan. - Membuka dan membuang peralatan lama yang rosak, bekal dan pasang kelengkapan baharu seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> membekal dan memasang tandas W.C duduk dari jenis tanah liat putih mengikut B.S 1213 dengan tempat duduk berengsel dari plastik B.S 1254; kerja membaiki saliran paip air (<i>cold water</i>) termasuk menebuk jika perlu, menanggal dan menggantikan paip, soket, tee dan kemasan lain mengikut arahan pegawai penguasa; dan membekal dan memasang singki dari jenis tanah liat putih mengikut spesifikasi pegawai penguasa. 	38,500	Pemasangan saluran bawah singki dinding tidak kemas, dinding menggelupas, kemasan tidak kemas (rujuk Gambar 4.24).
JUMLAH			408,000	

Sumber: Jadual Skop Kerja dan Kadar Harga serta Sebut Harga Kontraktor

GAMBAR 4.17



Pagar, SJK(T) Ladang Semenyih
- Pintu Kecil Tidak Diganti dan Kerja Penggantian
Pagar Tidak Kemas
(07.04.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4.18




Bangunan Sekolah, SJK(T) Ladang Kampung Baru
- Bumbung Beralun
(05.03.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4.19




Bilik Darjah, SJK(T) Ladang Kampung Baru
- Cermin Tidak Diganti
(05.03.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4.20



Bilik Darjah, SJK(T) Ladang Kampung Baru
- Tombol Pintu Tidak Dipasang
(05.03.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4.21



Laluan Kaki Lima, SJK(T) Ladang Kampung Baru
- Lantai Retak
(05.03.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4.22



Parkir Guru Besar, SJK(T) Ladang Kampung Baru
- Tiada Pre-Mix Baru Dibuat
(05.04.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4.23



Pondok Bacaan, SJK(T) Ladang Kampung Baru
- Kipas Tidak Diganti Baharu
(05.03.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4.24



Tandas Guru, SJK(T) Ladang Kampung Baru
- Saluran bawah Singki Dinding Tidak Kemas dan Cat
Dinding Menggelupas
(05.03.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

4.4.3. Perkara ini berlaku disebabkan pihak LPS/Pentadbir Sekolah tidak membuat pengesahan siap kerja bagi memastikan kerja yang dibuat adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Selain itu, tiada pemantauan dibuat oleh BPA, KPM atau JPN dan PPD kerana borang BPA-6 tidak dikemukakan oleh pihak LPS/Pentadbir Sekolah.

4.4.4. Kelemahan pemantauan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor menyebabkan Kerajaan kerugian sejumlah RM0.41 juta bagi bayaran yang dibuat tanpa pengesahan kerja siap dan kerja yang tidak sempurna.

Maklum balas BPA, KPM yang diterima pada 20 Mei dan 21 Jun 2021

Merujuk kepada Perenggan 5.3 Garis Panduan, pelaksanaan dan pemantauan kerja penyelenggaraan adalah di bawah tanggungjawab pihak berkepentingan. Pihak LPS/Sekolah bertanggungjawab untuk memastikan kerja disempurnakan dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan sebelum bayaran dibuat kepada kontraktor.

Pernyataan Audit | Pengesahan kerja dan pemantauan yang tidak dilaksanakan menyebabkan bayaran berjumlah RM0.41 juta dibuat bagi kerja yang tidak sempurna.

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel Audit, terdapat perbezaan harga berjumlah RM1.25 juta antara harga perolehan berbanding anggaran harga semasa. Perkara ini disebabkan oleh pengesahan skop dan anggaran kos penyelenggaraan tidak dilaksanakan oleh pihak BPA, KPM. Selain itu, bayaran telah dibuat bagi kerja yang tidak dilaksanakan berjumlah RM0.13 juta, kerja yang tidak diluluskan berjumlah RM0.39 juta dan kerja yang tidak sempurna atau tidak menepati spesifikasi berjumlah RM0.41 juta. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kelemahan dalam pemantauan dan pengesahan kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan, adalah disyorkan BPA, KPM mengambil tindakan seperti berikut:

- 6.1. mematuhi prosedur sedia ada bagi memastikan permohonan dan penyaluran sumbangan perlu melalui JPN atau PPD dan bukan dikemukakan secara terus oleh pihak sekolah, agar penilaian teknikal dan perbandingan kos yang munasabah terhadap cadangan oleh pihak sekolah dapat dinilai secara objektif oleh JPN atau PPD;
- 6.2. menyemak dengan teliti permohonan bagi memastikan hanya skop kerja penyelenggaraan yang dibenarkan dalam garis panduan sahaja yang diluluskan. Mana-mana kerja selain yang ditetapkan hendaklah mendapat kelulusan khas BPA, KPM;

- 6.3. menambah baik garis panduan sedia ada dan meningkatkan pemahaman pegawai yang terlibat dan pihak berkepentingan bagi menjamin pengurusan sumbangan yang lebih teratur bagi memudahkan pemantauan dan mendapatkan nilai terbaik; dan
- 6.4. memastikan mekanisme pemantauan yang ditetapkan seperti Laporan BPA-6 dikemukakan oleh pihak sekolah bagi tujuan penilaian berterusan terhadap pelaksanaan projek.



5 | Bayaran Kerja Menaik Taraf Sistem Kawalan dan Automasi Pentas Panggung Sari

- Istana Budaya
Kementerian Pelancongan,
Seni dan Budaya Malaysia**

BAYARAN KERJA MENAIK TARAF SISTEM KAWALAN DAN AUTOMASI PENTAS PANGGUNG SARI

Istana Budaya

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

Perkara Utama

Apa yang

diaudit?

- Bayaran Kerja Menaik Taraf Sistem Kawalan dan Automasi Pentas di Panggung Sari, Istana Budaya (IB).

Mengapa ia

penting

untuk

diaudit?

- Menentukan bayaran kerja menaik taraf Sistem Kawalan dan Automasi Pentas Panggung Sari mengikut peraturan dan kontrak yang berkuat kuasa.

Apa yang

ditemui

Audit?

- Penemuan Audit adalah seperti berikut:

- peralatan bernilai RM6.08 juta telah dibayar kepada syarikat ACN 611 173 525 tetapi belum diterima; dan
- peralatan bernilai RM4.79 juta lewat diterima.

Syor Audit

- Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

- memastikan pihak penyelesaikan hutang (liquidator) menyenaraikan IB dalam keutamaan senarai pemutang ACN 611 173 525 bagi penyelesaian hutang berjumlah RM6.08 juta dengan segera; dan
- memastikan peralatan bernilai RM4.79 juta dipasang dan digunakan sepenuhnya bagi mengelakkan peralatan menjadi usang dan tidak dapat digunakan.

5. BAYARAN KERJA MENAIK TARAF SISTEM KAWALAN DAN AUTOMASI PENTAS PANGGUNG SARI

**Istana Budaya
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia**

1. LATAR BELAKANG

1.1. Kerja Menaik Taraf Sistem Kawalan dan Automasi Pentas di Panggung Sari, Istana Budaya (IB) telah dilaksanakan secara rundingan terus dengan nilai kontrak berjumlah RM34.22 juta. Kontrak telah ditandatangani pada 10 November 2016 antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dengan sebuah syarikat dari luar negara iaitu syarikat ACN 611 173 525. Tempoh kontrak bermula dari 15 November 2016 hingga 15 Julai 2017 iaitu selama lapan bulan. Pada 20 Oktober 2017, kontrak berkenaan telah ditamatkan kerana syarikat tidak berupaya untuk meneruskan kontrak. Sehingga 16 Ogos 2017, sejumlah RM19.16 juta atau 56% daripada nilai kontrak telah dibayar kepada ACN 611 173 525.

1.2. Syarikat 559113-M telah dilantik sebagai kontraktor penyelamat untuk menyiapkan baki Kerja Menaik Taraf Sistem Kawalan dan Automasi Pentas Panggung Sari. Kontrak bernilai RM14.47 juta telah ditandatangani pada 31 Julai 2019. Tempoh kontrak bermula dari 14 Mac 2019 hingga 12 Disember 2019 iaitu selama 39 minggu. Syarikat 559113-M telah diberi empat kali lanjutan tempoh masa (EOT) bagi tempoh 13 Disember 2019 hingga 25 Oktober 2021. Sehingga 31 Disember 2020, sejumlah RM9.83 juta atau 67.9% daripada nilai kontrak telah dibayar kepada syarikat 559113-M. Butiran lanjut kontrak Kerja Menaik Taraf Sistem Kawalan dan Automasi Pentas Panggung Sari adalah seperti dalam **Jadual 5.1**.

JADUAL 5.1
KONTRAK KERJA MENAIK TARAF SISTEM KAWALAN DAN AUTOMASI PENTAS PANGGUNG SARI BAGI TEMPOH NOVEMBER 2016 HINGGA DISEMBER 2020

NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	SKOP KONTRAK	TEMPOH KONTRAK	NILAI KONTRAK	BAYARAN SEHINGGA 31.12.2020	
			(RM Juta)	(RM Juta)	%
ACN 611 173 525 (Kontraktor Asal)	Naik Taraf Pentas Atas (Overstage) dan Pentas Bawah (Understage).	15.11.2016 - 15.07.2017 (lapan bulan) Kontrak ditamatkan pada 20.10.2017	34.22	19.16	56.0
559113-M (Kontraktor Penyelamat)	Naik Taraf Pentas Bawah (Understage).	14.03.2019 - 12.12.2019 (39 minggu) EOT 13.12.2019 - 25.10.2021 (empat kali EOT)	14.47	9.83	67.9

Sumber: Dokumen Kontrak dan Arahan Pembayaran

1.3. Bahagian Teknikal, IB bertanggungjawab untuk mengawal selia kerja menaik taraf Sistem Kawalan dan Automasi Pentas Panggung Sari. Bahagian Khidmat Pengurusan pula bertanggungjawab terhadap urusan pembayaran dan pengurusan kontrak tersebut.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada bayaran Kerja Menaik Taraf Sistem Kawalan dan Automasi Pentas Panggung Sari mengikut peraturan dan kontrak yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini dijalankan di IB terhadap bayaran Kerja Menaik Taraf Sistem Kawalan dan Automasi Pentas Panggung Sari bagi tahun 2016 hingga 2020.

3.2. Pengauditan meliputi bayaran kerja menaik taraf melibatkan 20 arahan pembayaran berjumlah RM28.99 juta dari tahun 2016 hingga 2020.

3.3. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dokumen dan rekod, analisis terhadap maklumat yang diperoleh, lawatan fizikal dan temu bual dengan pegawai yang terlibat.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Mac 2021. Maklum balas daripada IB telah diterima pada 8 Jun 2021. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 23 Jun 2021. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti di perenggan 4.1 dan 4.2.

4.1. Peralatan Bernilai RM6.08 Juta Telah Dibayar Tetapi Belum Diterima

4.1.1. Perenggan 53.1 kontrak antara Kerajaan Malaysia dan syarikat ACN 611 173 525 menyatakan pembayaran interim akan dibuat berdasarkan penilaian kerja yang dilaksanakan dengan betul. Selain itu, perenggan yang sama juga menyatakan peralatan yang dibeli tetapi masih belum dipasang perlu dihantar ke IB. Terma pembayaran interim ditetapkan seperti dalam **Jadual 5.2**.

JADUAL 5.2
JADUAL PEMBAYARAN INTERIM KEPADA SYARIKAT ACN 611 173 525

BIL.	PERIHAL	PERATUS BAYARAN (%)	JUMLAH (RM Juta)
1.	Selesai reka bentuk konsep	25.0	8.56
2.	Reka bentuk diluluskan dan penyerahan pesanan pembelian peralatan kepada pembekal	31.0	10.61
3.	Menghantar peralatan	34.0	11.63
4.	Penghantaran ke tapak	5.0	1.71
5.	Pemasangan selesai	5.0	1.71
JUMLAH		100.0	34.22

Sumber: Kontrak

4.1.2. Semakan Audit terhadap arahan pembayaran interim kedua bertarikh 6 Disember 2016 berjumlah RM10.61 juta atau 31% daripada RM34.22 juta mendapati sebahagian pembayaran interim tersebut melibatkan pembelian peralatan dan perkhidmatan bagi kerja menaik taraf pentas. Bagaimanapun, sehingga 31 Disember 2020, **peralatan berjumlah RM5.54 juta dan perkhidmatan pemeriksaan pemasangan peralatan bernilai RM0.54 juta masih belum diterima** oleh IB. Butiran lanjut peralatan dan perkhidmatan yang masih belum diterima seperti dalam **Jadual 5.3**.

JADUAL 5.3
PERALATAN DAN PERKHIDMATAN
YANG TELAH DIBAYAR MASIH BELUM DITERIMA

PEMBEKAL	NO. PESANAN PEMBELIAN	PERALATAN/PERKHIDMATAN	JUMLAH (RM Juta)
162000-A	PO 10274	<i>Drive system for Main Stage Lifts 1,2,3 & 4 (Peralatan)</i>	3.82
		<i>Drive system for Orchestra Lifts 1 & 2 (Peralatan)</i>	1.72
		<i>Mechanical design of MSL & SSL with 5X site visits on site (Perkhidmatan)</i>	0.54
JUMLAH			6.08

Sumber: Pesanan pembelian

4.1.3. Perkara ini disebabkan pembekal yang dilantik oleh syarikat ACN 611 173 525 menetapkan penghantaran peralatan dan perkhidmatan hanya akan dibuat setelah syarikat ACN 611 173 525 membuat pembayaran penuh. Ketidaktelitian terhadap urusan perolehan menyebabkan bayaran dilakukan walaupun barang dan perkhidmatan belum disempurnakan.

Maklum balas IB yang diterima pada 8 Jun 2021

Pihak syarikat ACN 611 173 525 telah diisyihar insolven dan segala surat tidak dapat diserah kepada syarikat. IB telah memohon kepada penyelesaikan hutang (liquidator) untuk menyenaraikan IB dalam senarai pembiutang bagi penyelesaian hutang.

Pernyataan Audit | **Pembayaran peralatan dan perkhidmatan bernilai RM6.08 juta yang tidak dibekalkan kepada Istana Budaya merupakan pembayaran yang tidak wajar dan merugikan Kerajaan.**

4.2. Peralatan Bernilai RM4.79 Juta Lewat Diterima

4.2.1. Pekeliling Perbendaharaan PK 4.5 Perenggan 4.1(5)(b)(iv) menyatakan penyediaan senarai kuantiti (Bill of Quantities) perolehan bagi projek sakit hendaklah berdasarkan maklumat perakuan bayaran akhir dan baki skop kerja. Surat Setuju Terima syarikat ACN 611 173 525 menetapkan tempoh Kerja Menaik Taraf Sistem Kawalan dan Automasi Pentas Panggung Sari bermula dari 15 November 2016 hingga 15 Julai 2017 iaitu selama lapan bulan.

4.2.2. Semakan Audit mendapati pada 9 Disember 2016, syarikat ACN 611 173 525 telah membuat dua pesanan pembelian peralatan *overstage* daripada syarikat 210262-T bernilai RM4.79 juta. Dua pesanan pembelian tersebut menyatakan peralatan *overstage* berkenaan perlu dihantar ke IB pada 30 Mac 2017. Semakan lanjut terhadap nota penghantaran mendapati **peralatan *overstage* yang dibayar pada 6 Disember 2016 hanya diterima pada 27 Februari 2018 iaitu lewat 448 hari** dan selepas kontrak syarikat ACN 611 173 525 ditamatkan pada 20 Oktober 2017. Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada peralatan tersebut masih dalam tempoh jaminan kerana dokumen berkaitan tidak dikemukakan untuk semakan Audit. Butiran peralatan yang lewat diterima adalah seperti dalam **Jadual 5.4**.

JADUAL 5.4
PERALATAN YANG LEWAT DITERIMA

BIL.	PESANAN PEMBELIAN	KETERANGAN	AMAUN (RM)
1.	PO 10157	Multidrives for Overstage Flying Bar Hoist System	4,756,347
2.	PO 10218	Multidrives Relay for Overstage Flying Bar Hoist	37,471
JUMLAH			4,793,818

Sumber: Surat Tuntutan Syarikat kepada Istana Budaya

4.2.3. Pemeriksaan fizikal Audit di IB pada 30 Mac 2021 mendapati peralatan dalam **Jadual 5.4** yang diterima pada 27 Februari 2018 masih belum dipasang. Peralatan tersebut adalah seperti dalam **Gambar 5.1 hingga 5.4**.

GAMBAR 5.1



- Kotak E-594767 dan E-594764
- Keadaan kotak yang mengandungi Multidrives for Overstage Flying Bar Hoist System
(30.03.2021)
- (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5.2



- Kotak E-594844, E-594763, E-594765 dan E-594432
- Keadaan kotak yang mengandungi Multidrives for Overstage Flying Bar Hoist System
(30.03.2021)
- (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5.3



- Kotak E-594431
- Keadaan kotak yang mengandungi Multidrives for Overstage Flying Bar Hoist System
(30.03.2021)
- (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5.4



- Kotak E-594398
- Keadaan kotak yang mengandungi Multidrives for Overstage Flying Bar Hoist System
(30.03.2021)
- (Sumber: Jabatan Audit Negara)

4.2.4. Semakan lanjut mendapati IB **tidak menyediakan senarai kuantiti berdasarkan maklumat perakuan akhir dan baki skop kerja kontrak asal** menyebabkan skop kerja menaik taraf *overstage* tidak dimasukkan dalam skop kerja kontraktor penyelamat. Skop kerja bagi kontraktor penyelamat hanya menaik taraf *understage*.

Maklum balas IB yang diterima pada 8 Jun 2021

Pihak syarikat ACN 611 173 525 telah diisyihar insolven dan segala surat tidak dapat diserah kepada syarikat. IB telah memohon kepada penyelesaian hutang (liquidator) untuk menyenaraikan IB dalam senarai pembiutang bagi penyelesaian hutang.

Pernyataan Audit	Peralatan bernilai RM4.79 juta yang lewat diterima dan belum dipasang melebihi tempoh tiga tahun merupakan satu pembaziran kerana tidak dapat dimanfaatkan penggunaannya. Selain itu, nilai dan jangka hayat peralatan tersebut akan susut dan usang mengikut tempoh yang ditetapkan.
-------------------------	--

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel pengauditan, wujud kelemahan dalam pengurusan bayaran Kerja Menaik Taraf Sistem Kawalan dan Automasi Pentas di Panggung Sari, IB. Terdapat peralatan dan perkhidmatan bernilai RM6.08 juta telah dibayar tetapi belum diterima. Di samping itu, terdapat peralatan bernilai RM4.79 juta yang telah dibayar tetapi lewat diterima selama 448 hari dan belum dipasang. Pihak Audit juga tidak dapat menentukan sama ada peralatan berkenaan masih dalam tempoh jaminan kerana dokumen berkaitan tidak disertakan. Perkara ini disebabkan penyediaan kontrak yang tidak teliti dan tidak mengambil kira skop kerja kontrak asal.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Kerja Menaik Taraf Sistem Kawalan dan Automasi Pentas Panggung Sari mengikut peraturan dan kontrak yang berkuat kuasa, IB perlu mengambil tindakan berikut:

6.1. memastikan pihak penyelesaian hutang (liquidator) menyenaraikan IB dalam keutamaan senarai pembiutang syarikat bagi penyelesaian hutang berjumlah RM6.08 juta dengan segera; dan

6.2. memastikan peralatan bernilai RM4.79 juta dipasang dan digunakan sepenuhnya bagi mengelakkan peralatan menjadi usang dan tidak dapat digunakan.



6 | Hasil Sewa Tanah dan Bangunan

- Kementerian Pertahanan

HASIL SEWA TANAH DAN BANGUNAN

Kementerian Pertahanan

Perkara Utama

- Apa yang diaudit?**
- Hasil sewa tanah dan bangunan oleh Kementerian Pertahanan (MINDEF).

- Mengapa ia penting untuk diaudit?**
- Menentukan sama ada hasil sewa yang dikutip mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta diakaunkan sewajarnya.

- Apa yang ditemui Audit?**
- Penemuan Audit adalah seperti berikut:
 - hasil sewa sejumlah RM10.30 juta gagal dikutip;
 - hasil sewa berjumlah RM178,658 tidak dikreditkan sebagai hasil Kerajaan; dan
 - wang cagaran berjumlah RM105,271 tidak dikutip.

- Syor Audit**
- Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:
 - menyusul dengan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) untuk mendapatkan kelulusan sewa tanah dan bangunan kegunaan MINDEF bagi membolehkan proses penyediaan perjanjian sewa semua premis yang diduduki oleh Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) disegerakan. MINDEF perlu memastikan hasil sewa yang sepatutnya dikutip dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan sewajarnya;
 - Bahagian Pembangunan MINDEF hendaklah membuat pemantauan terhadap semua perjanjian sewaan yang diuruskan oleh Markas Pemerintahan Perkhidmatan bagi memastikan semua kutipan sewaan yang sepatutnya diakaunkan sebagai hasil Kerajaan; dan

- memastikan perjanjian sewaan seragam dan mempunyai klausa berkaitan wang cagaran seperti yang telah ditetapkan di dalam Garis Panduan Pengurusan Penyewaan Tanah Persekutuan. Selain itu, MINDEF juga perlu mengutip wang cagaran sewa sebagaimana dalam perjanjian bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjamin.

6. HASIL SEWA TANAH DAN BANGUNAN

Kementerian Pertahanan

1. LATAR BELAKANG

1.1. Hasil sewa Kementerian Pertahanan (MINDEF) terdiri daripada hasil sewa tanah dan bangunan, alat kelengkapan pejabat, perabot dan lengkapan, alat kelengkapan elektronik dan sewa pelbagai. Kutipan sewa MINDEF pada tahun 2020 adalah berjumlah RM5.07 juta. Daripada amaun tersebut, sejumlah RM2.01 juta atau 39.6% merupakan hasil sewa bangunan dan RM1.77 juta atau 35.0% hasil sewa tanah. Hasil sewa MINDEF didapati meningkat sejumlah RM1.84 juta atau 57.2% berbanding tahun 2019. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6.1**.

JADUAL 6.1
HASIL SEWA MINDEF TAHUN 2020 DAN 2019

HASIL SEWA	TAHUN 2020	TAHUN 2019	PENINGKATAN	
	RM	RM	RM	%
Sewa Tanah	1,774,711	408,153	1,366,558	334.8
Sewa Bangunan	2,007,921	1,627,284	380,637	23.4
Pelbagai Sewa Lain	1,284,401	1,187,344	97,057	8.2
JUMLAH	5,067,033	3,222,781	1,844,252	57.2

Sumber: Laporan Penyata Akaun Hasil Mengikut Pegawai Pengawal 2019 dan 2020 (A431)

1.2. Hasil sewa tanah meningkat sejumlah RM1.37 juta atau 334.8% pada tahun 2020 berbanding tahun 2019. Hasil sewa bangunan pula meningkat sejumlah RM0.38 juta atau 23.4% pada tahun 2020 berbanding tahun 2019. Peningkatan hasil sewa yang ketara pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 disebabkan terimaan sewa tanah dan bangunan yang tertunggak sejak tahun 2016 bagi tapak menara telekomunikasi di kem tentera dan bangunan MINDEF.

1.3. Bahagian Pembangunan bertanggungjawab terhadap pengurusan sewa tanah dan bangunan Persekutuan di bawah MINDEF, manakala Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dipertanggungjawabkan untuk menjalankan kuasa memiliki dan melupuskan tanah-tanah Kerajaan Persekutuan. Selain itu, hasil sewaan bagi kantin dan dobi diuruskan oleh Bahagian Pentadbiran atau Bahagian Material, Markas Pemerintahan Perkhidmatan masing-masing.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada hasil sewa yang dikutip oleh MINDEF mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta diakaunkan sewajarnya.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini dijalankan di Bahagian Pembangunan MINDEF dan Bahagian Material, Markas Tentera Udara meliputi pematuhan terhadap kutipan hasil sewa tanah dan bangunan bagi tempoh 2019 dan 2020. Bagi pengauditan premis kedai diduduki oleh Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA), skop pengauditan adalah bagi tempoh 2014 hingga 2020.

3.2. Sampel yang diaudit meliputi perjanjian pajakan tanah dan bangunan bagi 139 premis kedai yang diduduki oleh PERNAMA di seluruh kem tentera di Malaysia, 36 perjanjian sewa bagi penyewa lot kedai di Pangkalan Tentera Udara dan 64 perjanjian sewa di Bahagian Pembangunan MINDEF. Antara sebab pemilihan sampel ini dibuat adalah berdasarkan perkara berbangkit berkenaan peruntukan sewaan premis PERNAMA di bawah PTP kegunaan MINDEF dalam pengauditan Penyata Kewangan PERNAMA tahun 2019.

3.3. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dokumen dan rekod, analisis terhadap maklumat yang diperoleh, lawatan fizikal dan temu bual dengan pegawai yang terlibat.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan mulai Disember 2020 hingga Mac 2021. Maklum balas daripada MINDEF telah diterima pada 15 April 2021. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 3 Mei 2021. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti di perenggan 4.1 hingga 4.3.

4.1. Hasil Sewa Sejumlah RM10.30 Juta Gagal Dikutip

4.1.1. Arahan Perbendaharaan (AP) 53 menyatakan tanggungjawab Pegawai Pengawal untuk memungut wang awam yang patut diterima olehnya. Garis Panduan Pengurusan Penyewaan Tanah Persekutuan oleh Kementerian/Jabatan Pengguna

(KJP) pula menyatakan pengurusan pungutan hasil sewa perlu diselenggara oleh kementerian pengguna mengikut peraturan dan pekeliling yang berkuat kuasa. PTP pula bertanggungjawab sebagai pemilik tanah Kerajaan Persekutuan dan mewakili Kerajaan dalam memeterai perjanjian dengan pihak ketiga.

4.1.2. Perjanjian pajakan telah ditandatangani di antara PERNAMA dengan PTP pada 5 Mei 2010 bagi 139 premis di tanah kegunaan MINDEF seluruh Malaysia untuk tempoh 15 tahun bermula 1 Jun 1999 hingga 31 Mei 2014. PERNAMA merupakan sebuah perbadanan milik penuh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) yang ditubuhkan mengikut Seksyen 23, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973. PERNAMA menduduki premis MINDEF bagi tujuan menjalankan perniagaan peruncitan di dalam kem tentera untuk kemudahan anggota dan keluarga mereka.

4.1.3. Semakan Audit mendapati **MINDEF gagal mengutip hasil sewa bagi 139 premis yang diduduki oleh PERNAMA** setelah tempoh pajakan premis tamat pada 31 Mei 2014. Semakan lanjut mendapati tiada pelanjutan tempoh pajakan premis di antara PTP dengan PERNAMA bagi membolehkan hasil sewa dikutip oleh MINDEF. Lawatan Audit pada 19 Mac 2021 ke salah sebuah kedai PERNAMA yang terletak di Pangkalan Udara Subang yang perjanjian pajakan telah tamat tetapi masih beroperasi seperti dalam **Gambar 6.1**.



GAMBAR 6.1

Kompleks Mutiara PERNAMA, Pangkalan Udara Subang
- Salah sebuah premis PERNAMA yang tidak dikutip sewa
(19.03.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

4.1.4. Berdasarkan pengiraan Audit, **anggaran hasil sewa yang gagal dikutip dari 1 Jun 2014 hingga 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM10.30 juta**. Pengiraan hasil sewa dari 1 Jun 2014 hingga 31 Disember 2017 berdasarkan tuntutan bayaran pajakan oleh MINDEF kepada PERNAMA bertarikh 20 Disember 2000 berjumlah RM1.31 juta. Selanjutnya pihak Audit mendapatkan penilaian sewa daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) bagi pengiraan hasil sewa tahun 2018 hingga 2020. Berdasarkan laporan penilaian sewa oleh JPPH bertarikh 6 Mei 2021, jumlah sewa bagi tahun 2018 hingga 2020 adalah RM8.99 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6.2**.

JADUAL 6.2
ANGGARAN NILAI SEWA YANG
GAGAL DIKUTIP DARI JUN 2014 HINGGA DISEMBER 2020

BIL.	NEGERI	BIL. PREMIS /TAPAK	ANGGARAN SEWA DARI 1 JUN 2014 HINGGA 31 DISEMBER 2017* (43 BULAN) RM	PENILAIAN JPPH	JUMLAH
				SEWA TAHUN 2018, 2019 DAN 2020 (36 BULAN) RM	
1.	Kuala Lumpur	24	225,903	2,413,800	2,639,703
2.	Perak	35	329,442	1,972,440	2,301,882
3.	Sabah	10	94,126	1,242,720	1,336,846
4.	Pahang	9	84,714	676,620	761,334
5.	Johor	10	94,126	510,840	604,966
6.	Sarawak	6	56,476	459,000	515,476
7.	Selangor	5	47,063	414,720	461,783
8.	Melaka	7	65,888	356,400	422,288
9.	Negeri Sembilan	11	103,539	213,840	317,379
10.	Kedah	5	47,063	203,400	250,463
11.	Kelantan	6	56,476	160,560	217,036
12.	Pulau Pinang	3	28,238	126,000	154,238
13.	Terengganu	3	28,238	86,760	114,998
14.	Labuan	3	28,238	81,000	109,238
15.	Perlis	2	18,825	73,800	92,625
JUMLAH		139	1,308,355	8,991,900	10,300,255

Sumber: Penilaian JPPH, Surat PERNAMA dan Surat MINDEF

Nota: *Anggaran berdasarkan surat MINDEF KP.Y.Tanah/23236/1 Jld.7 (90) bertarikh 20 Disember 2000
[(RM245,385/19 bulan)/59 premis]

4.1.5. Semakan selanjutnya mendapati pada 28 Oktober 2013, PERNAMA telah memohon kepada PTP untuk melanjutkan tempoh pajakan selama 15 tahun bagi tempoh mulai 1 Jun 2014 hingga 31 Mei 2029. Bagaimanapun, setelah beberapa siri perbincangan, PTP menolak permohonan PERNAMA untuk melanjutkan tempoh pajakan pada 14 Ogos 2019. PTP memutuskan agar **kaedah sewaan digunakan bagi mengantikan kaedah pajakan premis yang diduduki oleh PERNAMA**.

4.1.6. Pada 30 Disember 2020, MINDEF telah memberi peringatan kepada PERNAMA untuk membuat permohonan sewa bagi premis yang didudukinya. Tindakan peringatan ini hanya dibuat selepas 16 bulan 17 hari daripada surat PTP bertarikh 14 Ogos 2019. Ketiadaan perjanjian sewa di antara PTP dengan PERNAMA bagi membolehkan sewa dikutip oleh MINDEF sejak tempoh pajakan tamat pada 31 Mei 2014 telah menyebabkan hasil sewa sejumlah RM10.30 juta tidak dikutip. Jumlah tersebut adalah bagi tempoh Jun 2014 hingga Disember 2020.

Maklum balas MINDEF yang diterima pada 15 April 2021

Selain daripada tindakan notis peringatan yang dikeluarkan kepada PERNAMA pada 30 Disember 2020, MINDEF juga mengadakan beberapa siri perbincangan dengan PERNAMA berkaitan permohonan penyewaan agar isu ini selesai.

Pernyataan Audit	Proses pelanjutan perjanjian pajakan yang mengambil masa terlalu lama untuk dimuktamadkan menyebabkan hasil sewa berjumlah RM10.30 juta gagal dikutip.
-------------------------	---

4.2. Hasil Sewa Berjumlah RM178,658 Tidak Dikreditkan Sebagai Hasil Kerajaan

4.2.1. Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan dan AP 6 (i) menetapkan segala terimaan wang daripada apa-apa punca hendaklah diakaunkan sebagai hasil Kerajaan dan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan. Pekeliling Perbendaharaan WP 10.5 menyatakan semua Kementerian/Jabatan hendaklah mengakaunkan terimaan hasil sewa tanah dan bangunan yang diuruskan oleh Kementerian/Jabatan Pengguna sebagai hasil Kerajaan.

4.2.2. Perenggan 2 Surat Kementerian Kewangan bertarikh 8 Jun 1985 telah memberi persetujuan **hasil yang dikutip daripada pengusaha Kantin Angkatan Tentera dalam bentuk bayaran rebat¹ dikreditkan ke Akaun Tabung Kebajikan** Rejimen/Unit bagi Tentera Darat, Tabung Kebajikan Unit bagi Tentera Udara, dan Tabung Kebajikan Pangkalan bagi Tentera Laut. Perenggan 3 surat berkenaan juga menyatakan kebenaran yang diberikan **tidak termasuk kantin awam** di MINDEF.

4.2.3. Semakan Audit mendapati **hasil sewa 36 lot kedai di Pangkalan Tentera Udara yang dianggarkan berjumlah RM178,658 bagi tahun 2019 dan 2020 tidak dikreditkan sebagai hasil Kerajaan**. Anggaran sewa ini dikira berdasarkan nilai kutipan yang dinyatakan oleh Markas Tentera Udara bagi 36 penyewa lot kedai yang berjumlah RM7,444 sebulan. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 6.3**.

¹ Bayaran rebat adalah merujuk kepada pembayaran bulanan yang perlu dibuat kontraktor kantin pasukan kepada Pegawai Memerintah berdasarkan jumlah hitung panjang sebulan pegangan anggota lain-lain pasukan dalam bulan itu didarab dengan kadar rebat per satu kepala.

JADUAL 6.3
ANGGARAN HASIL SEWA LOT KEDAI
YANG TIDAK DIKREDITKAN SEBAGAI HASIL KERAJAAN

PEMUNGUT	TAHUN	BILANGAN	SEWA	BILANGAN	ANGGARAN SEWA
		PENYEWA			TIDAK DIKREDITKAN
		(a)	RM (b)	(c)	SEBAGAI HASIL RM (d) = (a) X (b) X (c)
Marks Tentera Udara	2020	36	206.78	12	89,328.96
	2019	36	206.78	12	89,328.96
JUMLAH					178,657.92

Sumber: Daftar Sewa Tabung Kebajikan Unit dan Perjanjian Sewa

Nota: * RM7,444 sebulan/36 penyewa lot kedai

4.2.4. Perkara ini berlaku disebabkan pengurusan Pangkalan Udara telah menggunakan surat Kementerian Kewangan bertarikh **8 Jun 1985 sebagai asas untuk mengkreditkan sewa bagi 36 lot kedai berkenaan ke Tabung Kebajikan Unit.** Tindakan ini bercanggah dengan perenggan 2 surat tersebut yang hanya memberi kelulusan bagi **bayaran rebat Kantin Angkatan Tentera sahaja.** Lawatan pihak Audit pada 19 Mac 2021 ke lot kedai makan dan bangunan taska di Pangkalan Udara Subang yang telah disewakan dan kutipan sewa dikreditkan ke Tabung Kebajikan Unit seperti dalam **Gambar 6.2** dan **Gambar 6.3.**

GAMBAR 6.2



Lot Kedai JRC, Pangkalan Udara Subang
- Hasil sewa 10 lot kedai yang dimasukkan dalam
Tabung Kebajikan Unit
(19.03.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6.3



Taska Genius Aero Kids, Pangkalan Udara Subang
- Hasil sewa taska yang dimasukkan dalam
Tabung Kebajikan Unit
(19.03.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas MINDEF yang diterima pada 15 April 2021

MINDEF akan menyemak dengan Pemegang Tabung Kebajikan Unit berkaitan perkara ini dan telah mengarahkan kutipan bayaran balik dibuat. MINDEF juga akan mengadakan Mesyuarat Pelarasian Kutipan Sewa Tanah dan Bangunan bagi membincangkan isu yang berbangkit.

Pernyataan Audit | Hasil sewa berjumlah **RM178,658** yang tidak diakaunkan sebagai hasil Kerajaan bagi tahun 2019 dan 2020 merupakan ketirisan kepada hasil Kerajaan.

4.3. Wang Cagaran Berjumlah RM105,271 Tidak Dikutip

4.3.1. Arahan Perbendaharaan 53 menyatakan tanggungjawab Pegawai Pengawal untuk memungut wang awam yang patut diterima olehnya. Berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Penyewaan Tanah Persekutuan oleh Kementerian/Jabatan Pengguna pula, pemohon yang berjaya hendaklah membuat bayaran wang cagaran bersamaan tiga bulan sewaan apabila mengemukakan Surat Setuju Terima kepada Kementerian/Jabatan Pengguna.

4.3.2. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2020, **MINDEF tidak mengutip wang cagaran sewa berjumlah RM105,271 daripada 26 penyewa.** Semakan lanjut mendapati enam penyewa tersebut mempunyai tunggakan sewa, manakala lapan penyewa pula tidak mempunyai klausa cagaran di dalam perjanjian sewaan mereka. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 6.4.**

JADUAL 6.4
WANG CAGARAN SEWA TIDAK DIKUTIP

BIL.	PEMUNGUT	BILANGAN PENYEWA	WANG CAGARAN TIDAK DIKUTIP (RM)	CATATAN
1.	Bahagian Pembangunan	9	47,700	Cagaran tidak dikutip.
		6	45,876	Cagaran tidak dikutip dan mempunyai tunggakan sewa.
2.	Markas Tentera Udara	3	5,995	Cagaran tidak dikutip.
		8	5,700	Cagaran tidak dikutip kerana keperluan wang cagaran tidak dinyatakan dalam perjanjian.
JUMLAH		26	105,271	

Sumber: Penyata Deposit MINDEF berakhir 31 Disember 2020

4.3.3. Antara sebab wang cagaran sewa tidak dikutip kerana tiada perenggan khusus berkaitan keperluan membayar wang cagaran dinyatakan dalam perjanjian sewaan. Ini bertentangan dengan Garis Panduan Pengurusan Penyewaan Tanah Persekutuan oleh Kementerian/Jabatan Pengguna yang menyatakan pemohon yang berjaya hendaklah membuat bayaran wang cagaran bersamaan tiga bulan sewaan.

4.3.4. Kesannya wang cagaran sejumlah RM105,271 tidak dikutip daripada 26 penyewa dan MINDEF terdedah kepada risiko kerugian sekiranya penyewa tidak melaksanakan tanggungjawabnya. Ini kerana wang cagaran sewa merupakan

jaminan yang dipegang bagi tujuan melindungi MINDEF dan memastikan penyewa melaksanakan tanggungjawabnya seperti dinyatakan dalam perjanjian sewaan.

Maklum balas MINDEF yang diterima pada 15 April 2021

MINDEF akan memastikan penyewa membuat bayaran wang cagaran sewa dengan melaksanakan gerak kerja pemutihan berkaitan isu pembayaran tunggakan penyewaan melalui pengeluaran notis peringatan kepada penyewa bermula pada bulan Ogos 2020. Selain itu, MINDEF juga akan mengambil langkah proaktif dengan mengeluarkan notis peringatan tunggakan bayaran sewa kepada penyewa yang gagal membayar sewa dari semasa ke semasa. MINDEF juga akan menyemak perjanjian sewaan dan mengambil tindakan untuk mengutip wang cagaran tersebut daripada penyewa yang sedang menyewa premis MINDEF bermula pada bulan April 2021.

Pernyataan Audit	Kelemahan pentadbiran dan penguatkuasaan perjanjian sewaan menyebabkan cagaran tidak dikutip serta mendedahkan MINDEF kepada kehilangan hasil, sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap syarat kontrak oleh penyewa.
-------------------------	--

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel penganjuran, terdapat kelemahan pengurusan hasil sewa tanah dan bangunan yang dikutip oleh MINDEF. MINDEF gagal mengutip hasil sewa 139 premis yang diduduki oleh PERNAMA berjumlah RM10.30 juta dari tempoh Jun 2014 hingga Disember 2020. Di samping itu, kutipan sewa berjumlah RM178,658 tidak dikreditkan sebagai hasil Kerajaan, sebaliknya dikreditkan ke Tabung Kebajikan Unit Tentera Udara. MINDEF juga tidak mengutip wang cagaran sewa sebanyak RM105,271 daripada 26 penyewa.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan setiap hasil sewa mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa, MINDEF perlu mengambil tindakan berikut:

- 6.1. menyusul dengan PTP untuk mendapatkan kelulusan sewa tanah dan bangunan kegunaan MINDEF bagi membolehkan proses penyediaan perjanjian sewa semua premis yang diduduki oleh PERNAMA disegerakan. MINDEF perlu memastikan hasil sewa yang sepatutnya dikutip dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan sewajarnya;

6.2. Bahagian Pembangunan MINDEF hendaklah membuat pemantauan terhadap semua perjanjian sewaan yang diuruskan oleh Markas Pemerintahan Perkhidmatan bagi memastikan semua kutipan sewaan yang sepatutnya diakaunkan sebagai hasil Kerajaan; dan

6.3. memastikan perjanjian sewaan seragam dan mempunyai klausu berkaitan wang cagaran seperti yang telah ditetapkan di dalam Garis Panduan Pengurusan Penyewaan Tanah Persekutuan. Selain itu, MINDEF juga perlu mengutip wang cagaran sewa sebagaimana dalam perjanjian bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjamin.



7 | Taksiran Duti Kastam bagi Kenderaan Import Baharu dan Terpakai

- Jabatan Kastam Diraja
Malaysia
Kementerian Kewangan**

TAKSIRAN DUTI KASTAM BAGI KENDERAAN IMPORT BAHARU DAN TERPAKAI

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Kementerian Kewangan**

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Taksiran Duti Kastam bagi Kenderaan Import Baharu dan Terpakai yang dilaksanakan di Seksyen Taksiran Cawangan Pergudangan, Unit I (JKDM WPKL) dan Cawangan Import dan Zon Bebas, Unit III (KLIA) Zon Tengah.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Menentukan sama ada taksiran duti kastam, iaitu duti import, duti eksais dan cukai jualan import bagi kenderaan baharu dan terpakai yang diimport dari luar negara telah dilaksanakan dengan betul dan teratur.

Apa yang ditemui Audit?

- Penemuan Audit adalah seperti berikut:
 - Duti kastam berjumlah RM5.92 juta terkurang pungut yang disebabkan perkara berikut:
 - model kenderaan yang diikrar tidak tepat, iaitu wujud perbezaan model antara Borang K1 dengan daftar di Jabatan Pengangkutan Jalan;
 - nilai kenderaan tidak tepat dan tidak dapat disahkan kerana menggunakan Warta yang tidak tepat dan dibatalkan serta perbezaan usia kenderaan yang diikrarkan; dan
 - pemeriksaan fizikal oleh pegawai pemeriksa tidak dibuat sepenuhnya dan tidak teliti.

Syor Audit

- Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:
 - Cawangan Verifikasi dan Profiling, Bahagian Perkhidmatan Teknik hendaklah menjalankan pemeriksaan fizikal secara

berkala dan menyemak laporan penilaian risiko pengimport kenderaan untuk memastikan pungutan duti import adalah tepat;

- mengenakan denda sebagaimana Seksyen 133, Akta Kastam 1967 (Akta 235) terhadap pengimport kenderaan yang membuat perakuan/ikrar tidak tepat di Borang K1;
- membuat tuntutan duti import yang terkurang kutip dengan segera bagi memastikan tidak berlaku ketirisan kepada hasil Kerajaan; dan
- menjalankan siasatan sama ada berlaku kecuaian pegawai JKDM semasa meluluskan transaksi import kenderaan.

7. TAKSIRAN DUTI KASTAM BAGI KENDERAAN IMPORT BAHARU DAN TERPAKAI

Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kementerian Kewangan

1. LATAR BELAKANG

1.1. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bertanggungjawab untuk mentadbir hasil cukai tidak langsung seperti duti import, duti eksport, duti eksais, cukai perkhidmatan, cukai pelancongan, levi keuntungan luar biasa, levi pelepasan dan levi kenderaan. JKDM juga bertanggungjawab untuk memastikan tiada kebocoran hasil negara berlaku disebabkan aktiviti penyeludupan sama ada melalui laut, darat atau udara.

1.2. Kenderaan import baharu dan terpakai yang dibawa masuk ke Malaysia sama ada melalui darat, laut, udara atau dengan apa-apa cara lain akan dikenakan duti import, duti eksais dan cukai jualan import. Terdapat empat jenis pengimportan kenderaan iaitu kenderaan untuk perdagangan, persendirian, kenderaan yang diimport dari Pulau Bebas Cukai (PBC) iaitu Pulau Langkawi dan Pulau Labuan serta kenderaan yang dibawa masuk ke Malaysia oleh Perwakilan Diplomatik atau Badan-badan Antarabangsa. Semua pengimportan kenderaan dari luar negara memerlukan permit import (AP) yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

1.3. Bagi tahun 2020 dan 2019, duti kastam terhadap kenderaan import persendirian menyumbang sebanyak RM6.218 bilion atau 7.7% daripada hasil keseluruhan JKDM berjumlah RM80.595 bilion seperti dalam **Jadual 7.1**.

**JADUAL 7.1
PUNGUTAN HASIL JKDM BAGI TAHUN 2020 DAN 2019**

TAHUN	PUNGUTAN HASIL KESELURUHAN (RM Bilion)	PUNGUTAN DUTI KASTAM KENDERAAN	
		(RM Bilion)	%
2020	38.186	2.691	7.0
2019	42.409	3.527	8.3
JUMLAH	80.595	6.218	7.7

Sumber: Laporan Hasil Sistem Maklumat Kastam


1.4. Nilai kenderaan yang diimport ditentukan dengan mengambil kira jenama, model, kapasiti enjin, tahun pembuatan, tarikh pendaftaran pertama, tarikh kelulusan diberikan dan usia kenderaan selaras dengan Seksyen 2, Akta Kastam 1967 (Akta 235) dan Warta Kerajaan Persekutuan, Pemberitahuan Nilai Kenderaan Motor Pasang Siap Yang Diimport

(Baru dan Terpakai). Kuasa untuk menilai ataupun menaksir kenderaan pula adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 13, Akta 235.

1.5. Setiap pengimport hendaklah membuat pengikraran penuh dan benar kepada JKDM mengenai kenderaan yang diimport, secara sendiri atau oleh ejennya semasa kedatangan atau pendaratan kenderaan tersebut di Malaysia. Pengikraran pengimportan adalah menggunakan Borang Kastam No.1 (Borang K1) secara elektronik. Pengimport hendaklah mengemukakan dokumen yang lengkap untuk tujuan taksiran oleh pegawai kastam iaitu permit import (JK69), invois, *bill of lading*, laporan pemeriksaan kenderaan import untuk Kastam (B6) yang dikeluarkan oleh Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM), *verification slip* Persatuan Pengimpor & Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (PEKEMA), *certificate of registration preserved record, export certificate, vehicle details/check results*, sijil tempat asal Borang Kastam No. 8 (Borang K8) dan dokumen lain yang berkaitan. Pelepasan kastam boleh dibenarkan setelah semua tindakan yang telah ditetapkan oleh pihak JKDM telah dipatuhi dan dipenuhi. Rekod pengimportan hendaklah disimpan dalam Malaysia untuk tempoh tujuh tahun, kecuali sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan olehnya sebagaimana termaktub dalam Seksyen 13, Akta 235.

1.6. Ringkasan prosedur import adalah seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1
RINGKASAN PROSEDUR IMPORT



Sumber: JKDM

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada taksiran duti kastam telah dilaksanakan dengan betul dan teratur. Duti kastam merangkumi duti import, duti eksais serta cukai jualan import bagi kenderaan baharu dan terpakai yang diimport dari luar negara.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini dilaksanakan di Seksyen Taksiran Cawangan Pergudangan, Unit I JKDM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dan Cawangan Import dan Zon Bebas, Unit III, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Zon Tengah.

3.2. Semakan Audit dibuat terhadap 669 Borang K1 bagi tahun 2019 dan 2020 daripada Sistem Maklumat Kastam (SMK) yang dijana melalui Crystal Report. Sampel yang diaudit mengambil kira kod tariff 8703 (Kenderaan Bermotor) terdiri daripada kenderaan mewah. Sampel ini dipilih kerana mempunyai risiko yang tinggi dalam taksiran duti kastam.

3.3. Pengauditan ini juga dijalankan dengan menyemak butiran kenderaan dengan rekod pendaftaran di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Sistem Verifikasi Data Kenderaan (Car Web). Temu bual dengan pegawai yang berkenaan juga telah dijalankan untuk mendapatkan pengesahan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan bermula 28 Disember 2020 hingga 22 Januari 2021. Maklum balas daripada JKDM telah diterima pada 30 April 2021, 15 Jun 2021 dan 2 Julai 2021. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan semasa Mesyuarat Penutup pada 24 Jun 2021. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti di perenggan 4.1.

4.1. Duti Kastam Berjumlah RM5.92 Juta Terkurang Pungut

4.1.1. Seksyen 78, Akta 235 menyatakan pengikraran barang berduti bagi tujuan import hendaklah dibuat sendiri atau melalui ejen yang dilantik menggunakan borang berkaitan kepada Pegawai Kastam yang hak. Seksyen 79, Akta 235 pula memperuntukkan bahawa pengikrar hendaklah membuat perakuan yang benar dan tepat bagi setiap pengimportan barang-barang berduti.

4.1.2. Perenggan 5, Perintah Am Jabatan Bil. 103 Tahun 2007, menjelaskan bahawa pegawai yang berurusan dan mengendalikan pemprosesan borang pengikraran kastam hendaklah memastikan segala butiran dan maklumat yang dikehendaki telah dipenuhi dan dilengkapkan dengan tepat sebagaimana sepatutnya. Perenggan 2.1.3 (Lampiran A - Kod Etika Ejen Kastam), Perintah Tetap Kastam Bil. 45 Tahun 2014 (Dasar Pelantikan dan Pembaharuan Ejen) menetapkan ejen kastam hendaklah sentiasa berkelakuan jujur semasa berurusan dengan memberikan butir-butir dan maklumat yang benar serta tepat terhadap pengikraran yang dibuat.

4.1.3. Duti kastam ke atas kenderaan import dikira berdasarkan kepada nilai sesebuah kenderaan seperti yang ditetapkan oleh Warta Kerajaan Persekutuan, Pemberitahuan Nilai Kenderaan Motor Pasang Siap Yang Diimport (Baharu dan Terpakai). Warta tersebut menyatakan nilai kenderaan berdasarkan jenis atau jenama dan kapasiti enjin kenderaan. Kadar duti atau cukai yang dikira termaktub di dalam Perintah Duti Kastam 2017, Perintah Duti Eksais 2017 dan Perintah Cukai Jualan 2018. Kadar bagi duti import adalah 5% hingga 30%, duti eksais antara 60% hingga 105% dan cukai jualan import antara 0% hingga 10%.

4.1.4. Semakan Audit terhadap 669 sampel Borang K1 mendapati **nilai kenderaan import yang diikrar di 28 Borang K1 telah terkurang nyata sebanyak RM2.58 juta menyebabkan duti kastam telah terkurang pungut berjumlah RM5.92 juta**. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kesilapan ejen kastam membuat pengikraran import dan kelemahan pihak JKDM semasa kelulusan pengimportan diberikan seperti berikut:

4.1.4.1. Model Kenderaan yang Diikrarkan Tidak Tepat

- a. Semakan Audit terhadap nombor casis bagi 12 kenderaan import yang dinyatakan di Borang K1 berbeza dengan model sebenar yang berdaftar di JPJ. Ejen kastam **tidak menyatakan model kenderaan yang tepat semasa pengikraran di Borang K1** melibatkan nilai kenderaan berjumlah RM0.94 juta dan jumlah duti kastam yang dibayar berjumlah RM1.73 juta.
- b. Semakan lanjut mendapati nilai kenderaan yang sebenar sebagaimana Warta Kerajaan Persekutuan (Warta) mengikut model kenderaan bagi lapan transaksi import yang diikrar adalah berjumlah RM0.57 juta berbanding sepatutnya diikrar berjumlah RM2.61 juta. Perkara ini menyebabkan nilai kenderaan terkurang ikrar sejumlah RM2.04 juta dan jumlah duti kastam

terkurang nyata dan tidak dipungut sebanyak RM4.01 juta. Butiran terperinci seperti dalam **Jadual 7.2**.

JADUAL 7.2
BUTIRAN KENDERAAN YANG DIIKRAR TIDAK TEPAT

BIL.	MAKLUMAT YANG DIIKRAR				SEMAKAN AUDIT			PERBEZAAN (B-A)
	BORANG K1/STESEN	MODEL	NILAI	DUTI KASTAM (A)	MODEL KENDERAAN	NILAI	DUTI KASTAM (B)	
			RM	RM		RM	RM	
1.	W202019 111007790 / KLIA	Mercedez Benz E200 CGI Sport Edition 125	30,714.00	48,343.85	Mercedes Benz E53	204,975.00	395,909.21	347,565.36
2.	W202019 112099176 / KLIA	Lamborghini Huracan LP580	113,182.00	218,611.05	Lamborghini Huracan Perfomante	333,918.00	644,962.62	426,351.57
3.	W202020 107064931 / KLIA	Maserati Ghibli	59,811.00	115,524.95	Maserati Levante	85,673.00	165,477.40	49,952.45
4.	W202020 103002914 / KLIA	BMW 550i	40,472.00	78,171.65	BMW 850i (A)	267,857.00	517,365.80	439,194.15
5.	W202020 108051182 / KLIA	Lamborghini Huracan LP580	113,182.00	218,611.05	Lamborghini Aventador	204,580.00	395,146.27	176,535.22
6.	W202020 107001856 / KLIA	Mercedes Benz GLA 180	51,017.00	69,357.60	Mercedes Benz AMG G63	356,259.00	688,114.26	618,756.66
7.	W202020 107063016 / KLIA	Ferrari California	113,220.00	218,684.45	Ferrari 488 Pista	802,803.00	1,550,613.99	1,331,929.54
8.	W202020 107066214 / KLIA	Mercedez Benz GLA 180	51,017.00	69,357.60	Mercedes Benz AMG G63 (A)	356,259.00	688,114.26	618,756.66
JUMLAH		572,615.00	1,036,662.20		2,612,324.00	5,045,703.81	4,009,041.61	

Sumber: SMK dan JPJ

c. Pihak Audit **tidak dapat menentukan nilai kenderaan dan duti kastam sebenar bagi baki empat transaksi import kerana model sebenar kenderaan tersebut tiada dalam Warta.**

Berdasarkan butiran Borang K1, nilai kenderaan yang diikrar bagi empat transaksi import tersebut adalah berjumlah RM368,129 dan duti kastam yang dibayar berjumlah RM0.69 juta. Butiran terperinci seperti dalam **Jadual 7.3**.

JADUAL 7.3
MODEL KENDERAAN YANG DIKRAR TIADA DALAM WARTA

BIL.	MAKLUMAT YANG DIIKRAR				SEMAKAN AUDIT			PERBEZAAN (B-A)
	BORANG K1/STESEN	MODEL	NILAI	DUTI KASTAM (A)	MODEL KENDERAAN	NILAI	DUTI KASTAM (B)	
			RM	RM		RM	RM	
1.	W202020 103045490 / KLIA	Mercedez Benz GLA250 AMG	48,219.00	72,449.05	Mercedes Benz GLC 300 AMG	Tiada maklumat	Tiada maklumat	Tiada maklumat
2.	W202020 101026764 / KLIA	Rolls Royce Ghost	144,850.00	279,777.80	Rolls Royce Cullinan	Tiada maklumat	Tiada maklumat	Tiada maklumat
3.	W202020 102010830 / KLIA	Mercedez Benz C63	56,600.00	109,322.90	Mercedes Benz AMG GLC 63	Tiada maklumat	Tiada maklumat	Tiada maklumat
4.	W202020 106060622 / KLIA	Ferrari 458	118,460.00	228,805.50	Ferrari 488 Pista	Tiada maklumat	Tiada maklumat	Tiada maklumat
JUMLAH		368,129.00	690,355.25					

Sumber: SMK dan JPJ

- d. Sehingga bulan Julai 2021, pihak JKDM belum membuat sebarang tuntutan ke atas duti kastam yang terkurang pungut berjumlah RM4.01 juta. Begitu juga nilai kenderaan bagi empat transaksi import yang tiada dalam Warta tidak dapat disahkan kerana tiada maklumat yang diberikan oleh JKDM.

Maklum balas JKDM yang diterima pada 2 Julai 2021

Sebanyak 11 Borang K1 sedang disiasat oleh Cawangan Frod dan Dokumentasi, Bahagian Penguatkuasaan WPKL kerana disyaki melakukan frod melibatkan dua isu iaitu *uncustomed goods & prohibited goods*. Kertas siasatan telah dibuka pada 22 September 2020 bagi lima Borang K1, 8 Februari 2021 untuk satu Borang K1, 10 Februari 2021 untuk dua Borang K1 dan 29 Jun 2021 bagi tiga Borang K1. Kesemua kertas siasatan tersebut dalam proses pertuduhan di mahkamah. Selain itu, satu Borang K1 telah dimajukan kepada Bahagian Penguatkuasaan, Unit III, KLIA untuk siasatan lanjut.

4.1.4.2. Nilai Kenderaan Tidak Tepat dan Tidak Dapat Disahkan

- a. Semakan Audit terhadap Borang K1 bagi 10 kenderaan diimport bernilai RM1.15 juta mendapati model bagi 10 kenderaan yang diikrar adalah sepadan dengan Warta. Bagaimanapun, nilai kenderaan di Borang K1 bagi 10 kenderaan tersebut tidak tepat seperti berikut:

i. Rujukan Warta yang Tidak Tepat

Sebanyak empat Borang K1 yang diikrarkan nilai kenderaan **menggunakan Warta yang tidak tepat**. Ini menyebabkan perbezaan duti kastam berjumlah RM1.35 juta. Sehingga bulan Julai 2021, pihak JKDM belum membuat sebarang tuntutan ke atas duti kastam yang terkurang pungut berjumlah RM1.35 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7.4**.

JADUAL 7.4
TAKSIRAN DUTI KASTAM YANG MENGGUNAKAN WARTA YANG TIDAK TEPAT

BIL.	MAKLUMAT YANG DIIKRAR					SEMAKAN AUDIT					
	BORANG K1 / STESEN	MODEL	WARTA	NILAI	DUTI KASTAM (A)	MODEL	WARTA	NILAI	DUTI KASTAM (B)	PERBEZAAN (B-A)	
				RM	RM			RM	RM	RM	
1.	WB42019 10500005 / WPKL	Lamborghini Huracan LP 580-2	P.U.(B) 81 Tahun 2019 Bil. 188	168,773.00	325,985.05	Lamborghini Huracan LP 610-4	P.U.(B) 81 Tahun 2019 Bil. 187	193,426.00	373,602.32	47,617.27	
2.	W202020 107087890 / KLIA	Honda Stream DBA-RN6	P.U.(B) 81 Tahun 2019 Bil. 160	10,770.00	14,641.83	Honda Stream Type ZS	P.U.(B) 81 Tahun 2019 Bil. 159	15,332.00	20,843.85	6,202.02	
3.	W7B2020 102000005 / WPKL	Lamborghini Huracan LP 580-2	P.U.(B) 81 Tahun 2019 Bil. 188	131,712.00	254,401.75	Lamborghini Huracan LP 610-4	P.U.(B) 81 Tahun 2019 Bil. 187	150,887.00	291,438.24	37,036.49	

BIL.	MAKLUMAT YANG DIIKRAR					SEMAKAN AUDIT					PERBEZAAN (B-A)
	BORANG K1 / STESEN	MODEL	WARTA	NILAI	DUTI KASTAM (A)	MODEL	WARTA	NILAI	DUTI KASTAM (B)		
				RM	RM			RM	RM		
4.	W202020 103087955 / KLIA	Ferrari 488 GTB Coupe S-A	P. U. (B) 498 Bil. 2	150,764.00	291,200.65	Ferrari 488 Pista VS	P.U.(B) 648 Tahun 2019 Bil. 2	802,803.00	1,550,613.99	1,259,413.34	
JUMLAH			462,019.00	886,229.28				1,162,448.00	2,236,498.40	1,350,269.12	

Sumber: SMK dan JPJ

Maklum balas JKDM yang diterima pada 15 Jun 2021

Pegawai Penaksir di JKDM WPKL mengakui semakan terhadap dua Borang K1 yang ditaksir hanya berdasarkan dokumen yang dikemukakan oleh pengimport kerana tidak mempunyai akses untuk membuat semakan silang dengan Car Web. Kedua-dua Borang K1 tersebut sedang disemak semula oleh Cawangan Verifikasi, Inisiatif dan Profiling (CVIP), Unit II, Selangor untuk tindakan selanjutnya.

Maklum balas JKDM yang diterima pada 2 Julai 2021

Satu Borang K1 bernombor W202020107087890 yang ditaksir oleh Pegawai Penaksir di JKDM KLIA dalam tindakan oleh Cawangan Verifikasi, Inisiatif dan Profiling (CVIP), Unit II, Selangor untuk menuntut duti kastam yang terkurang pungut berjumlah RM6,202.02. Satu Borang K1 bernombor W202020103087955 sedang disiasat dan kertas siasatan telah dibuka pada 22 September 2020. Proses pertuduhan di mahkamah akan dilakukan oleh Cawangan Frod dan Dokumentasi, Bahagian Penguatkuasaan WPKL kerana disyaki melakukan frod melibatkan dua isu iaitu *uncustomed goods & prohibited goods*.

ii. Pengiraan Usia Kenderaan Import yang Tidak Tepat

- Untuk menentukan usia sebenar kenderaan, Pegawai Penaksir hendaklah mengambil kira tarikh pendaftaran pertama (first registration date) kenderaan dengan tarikh kelulusan (approved registration date) yang diberikan. Setelah usia kenderaan ditentukan, Pegawai Penaksir hendaklah menetapkan nilai kenderaan yang sepatutnya berdasarkan Warta.
- Semakan Audit mendapati **pengikraran usia kenderaan yang diimport** bagi tiga Borang K1 **berbeza dengan pengiraan Audit**. Semakan Audit dibuat dengan membandingkan nombor casis di Borang K1 dengan maklumat daripada JPJ untuk menentukan model kereta yang betul. Seterusnya, tarikh pendaftaran pertama dalam Borang K1 dibandingkan dengan maklumat daripada Car Web.

Perbezaan usia kenderaan mempengaruhi penentuan nilai kenderaan dan jumlah duti kastam yang perlu dibayar. Apabila jangka hayat sesebuah kenderaan yang diimport semakin bertambah, semakin rendah jumlah duti kastam yang perlu dibayar.

- Nilai kenderaan yang diikrar adalah sebanyak RM221,458 berbanding nilai yang sepatutnya sebanyak RM402,032. Ini menyebabkan nilai kenderaan terkurang ikrar berjumlah RM180,574 dan duti kastam terkurang pungut berjumlah RM348,778.66. Sehingga bulan Julai 2021, pihak JKDM belum membuat sebarang tuntutan ke atas duti kastam yang terkurang pungut berjumlah RM348,778.66. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 7.5**.

JADUAL 7.5
PENGIRAAN USIA KENDERAAN IMPORT YANG TIDAK TEPAT

BIL.	BORANG K1 / STESEN	MODEL	MAKLUMAT YANG DIIKRAR			PENGIRAAN AUDIT			PERBEZAAN (B-A)
			NILAI RM	DUTI KASTAM (A) RM	USIA BULAN	USIA BULAN	NILAI RM	DUTI KASTAM (B) RM	
1.	W202020 101026054 / KLIA	Porsche Cayenne	45,066.00	87,045.00	Usia 48 bulan dan tidak > 60 bulan	15	81,979.00	158,342.44	71,297.44
2.	W202020 104015985 / KLIA	Maserati Levante	53,387.00	103,117.00	Usia 60 bulan dan ke atas	27	96,210.00	185,829.62	82,712.62
3.	W202020 103046327 / KLIA	Lamborghini Urus V8	123,005.00	237,584.15	Usia 60 bulan dan ke atas	24	223,843.00	432,352.75	194,768.60
JUMLAH			221,458.00	427,746.15			402,032.00	776,524.81	348,778.66

Sumber: SMK, JPJ dan Car Web

Maklum balas JKDM yang diterima pada 2 Julai 2021

JKDM mengambil maklum duti kastam terkurang pungut bagi tiga Borang K1 tersebut berjumlah RM348,778.66. Ketiga-tiga Borang K1 berkenaan dalam tindakan oleh Cawangan Verifikasi, Inisiatif dan Profiling (CVIP), Unit II, Selangor untuk menuntut duti kastam yang terkurang pungut.

iii. Rujukan Warta yang Telah Dibatalkan

Nilai kenderaan diikrar dalam dua Borang K1 menggunakan **Warta yang telah dibatalkan** pada 28 Februari 2019 menyebabkan duti kastam terkurang pungut berjumlah RM47,306.32. Warta yang sepatutnya dirujuk ialah P.U.(B)645 Tahun 2019 Bil. 25. Sehingga bulan Julai 2021, pihak JKDM belum membuat sebarang tuntutan ke atas duti kastam yang

terkurang pungut berjumlah RM47,306.22. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7.6**.

JADUAL 7.6
TAKSIRAN DUTI KASTAM MERUJUK KEPADA WARTA YANG TELAH DIBATALKAN

BIL.	MAKLUMAT YANG DIIKRAR				SEMAKAN AUDIT				PERBEZAAN (B-A)
	BORANG K1 / STESEN	MODEL	NILAI	DUTI KASTAM (A)	NILAI	WARTA	DUTI KASTAM (B)		
			RM	RM	RM	RM	RM		
1.	W202020 107020557 / KLIA	Lamborghini Aventador	192,334.00	371,493.11	204,580.00	P.U. (B) 645 Tahun 2019 Bil.25.	395,146.27	23,653.16	
2.	W202020 107027478 / KLIA	Lamborghini Aventador	192,334.00	371,493.11	204,580.00	P.U. (B) 645 Tahun 2019 Bil.25.	395,146.27	23,653.16	
JUMLAH			384,668.00	742,986.22	409,160.00			790,292.54	47,306.32

Sumber: SMK dan JPJ

Maklum balas JKDM yang diterima pada 30 April 2021

JKDM mengambil maklum duti kastam terkurang pungut bagi dua Borang K1 berjumlah RM47,306.32.

iv. Pengiraan Usia Kenderaan yang Tidak Tepat dan Menggunakan Warta yang Telah Dibatalkan

Usia kenderaan yang diikrar di Borang K1 **tidak tepat dan menggunakan Warta yang telah dibatalkan** pada 28 Februari 2019. Pihak Audit tidak dapat menentukan duti kastam yang sepatutnya dibayar kerana JKDM tidak mengemukakan dokumen yang digunakan oleh Pegawai Penaksir semasa membuat taksiran terhadap nilai kenderaan tersebut. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7.7**.

JADUAL 7.7
PENGIRAAN USIA KENDERAAN IMPORT YANG TIDAK TEPAT DAN TAKSIRAN DUTI KASTAM MENGGUNAKAN WARTA YANG TELAH DIBATALKAN

BIL.	MAKLUMAT YANG DIIKRAR					SEMAKAN AUDIT					PERBEZAAN (B-A)
	BORANG K1 / STESEN	MODEL	NILAI	DUTI KASTAM (A)	USIA	USIA	NILAI	WARTA	DUTI KASTAM (B)		
			RM	RM	BULAN	BULAN	RM	RM	RM		
1.	W202020 1060606 21 / KLIA	Bentley Continental GT	81,752	157,904	>60	<1	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat	
JUMLAH			81,752	157,904							

Sumber: SMK, JPJ dan Car Web

Maklum balas JKDM yang diterima pada 2 Julai 2021

Transaksi import tersebut sedang disiasat oleh Cawangan Frod dan Dokumentasi, Bahagian Penguatkuasaan WPKL kerana disyaki melakukan frod melibatkan dua isu iaitu *uncustomed goods & prohibited goods*. Kertas siasatan telah dibuka pada 22 September 2020. Kes ini dalam proses pertuduhan di mahkamah.

b. Selain itu, pihak Audit mendapati enam transaksi import adalah berpadanan dari segi model dan kapasiti enjin dengan Warta. Bagaimanapun, **nilai kenderaan yang diikrar berbeza dengan Warta yang sepatutnya**. Nilai kenderaan yang sepatutnya diikrarkan berjumlah RM0.82 juta dan duti kastam yang sepatutnya dibayar berjumlah RM1.59 juta. Semakan lanjut mendapati duti kastam bagi tiga transaksi import terkurang pungut sejumlah RM157,781.34. Tiga transaksi duti kastam pula terlebih pungut berjumlah RM8,114.27. Sehingga bulan Julai 2021, pihak JKDM belum membuat sebarang tindakan terhadap duti import yang terkurang pungut berjumlah RM157,781.34 serta duti kastam yang terlebih pungut berjumlah RM8,114.27. Butiran terperinci seperti dalam **Jadual 7.8**.

JADUAL 7.8
NILAI KENDERAAN DIKRAR BERBEZA DENGAN WARTA

BIL.	MAKLUMAT YANG DIIKRAR				SEMAKAN AUDIT				PERBEZAAN (B-A)
	BORANG K1/ STESEN	MODEL	NILAI	DUTI KASTAM (A)	NILAI	WARTA	DUTI KASTAM (B)	PERBEZAAN (B-A)	
			RM	RM	RM	RM	RM	RM	
1.	W552019 102000001 / WPKL	Range Rover Velar R-Dynamic HSE	115,798.00	223,663.85	118,796.00	P.U.(B) 81 Tahun 2019 Bil. 214	229,454.47	5,790.62	
2.	W6G2019 108000002 / WPKL	Audi S5 TSI A5 S5 Sportback TFSI Quattro	22,109.50	42,704.50	29,170.00	P.U. (A) 356/2013 (Audi Bil. 111)	56,341.86	13,637.36	
3.	WH82020 106000011 / WPKL	Lamborghini Huracan LP 610-4 S-A	249,045.00	481,030.40	320,675.00	P.U.(B) 81 Tahun 2019 Bil. 189	619,383.76	138,353.36	
4.	W8T2020 105000001 / WPKL	Lamborghini Huracan LP 640-4 Performante	285,263.00	550,985.50	282,854.00	P.U.(B) 498 Tahun 2019 Bil. 63	546,332.50	(4,653.00)	
5.	W4D2020 101000003 / WPKL	BMW 6 Series 640i SEAuto	42,551.00	82,187.25	42,142.00	P.U. (A) 356/2013 (BMW Bil. 104)	81,397.27	(789.98)	
6.	W8B2020 101000001 / WPKL	BMW 5 Series 528i M Sport	29,961.00	57,869.70	28,578.00	P.U. (A) 356/2013 (BMW Bil.78)	55,198.41	(2,671.29)	
JUMLAH			744,727.50	1,438,441.20	822,215.00		1,588,108.27	149,667.07	

Sumber: SMK dan Car Web

Maklum balas JKDM yang diterima pada 15 Jun 2021

Semasa taksiran dibuat oleh Pegawai Penaksir, semakan adalah berdasarkan dokumen pendaftaran kenderaan dari negara asal, permit import dan lain-lain dokumen berkaitan yang dikemukakan bersama-sama Borang K1 oleh ejen kastam atau pengimport. Pegawai Penaksir juga merujuk Panduan Harga Completely Built-Up (CBU) Terpakai 1/2019 yang dikeluarkan Ibu Pejabat JKDM bagi model kenderaan yang tiada dalam Warta. JKDM mengambil maklum duti import terkurang pungut bagi satu Borang K1 berjumlah RM5,790.62. Lima Borang K1 sedang disemak oleh Cawangan Verifikasi, Inisiatif dan Profiling (CVIP), Unit II, Selangor untuk tindakan selanjutnya.

Maklum balas JKDM yang diterima pada 13 Julai 2021

Pihak JKDM WPKL masih menunggu dokumen sokongan dari Cawangan Pengurusan Penilaian, Bahagian Perkhidmatan Teknik (PERTEK), Ibu Pejabat JKDM bagi dua Borang K1 yang terkurang pungut berjumlah RM151,990.72 dan tiga Borang K1 terlebih pungut berjumlah RM8,114.27.

4.1.4.3. Pemeriksaan Fizikal oleh Pegawai Pemeriksa Tidak Dibuat Sepenuhnya dan Tidak Teliti

- a. Perintah Am Jabatan Bil. 103 Tahun 2007 menyatakan Pegawai Pemeriksa hendaklah membuat pemeriksaan fizikal ke atas kenderaan untuk memastikan maklumat kenderaan seperti jenama, model dan keupayaan enjin adalah bertepatan dengan maklumat yang diikrarkan dalam Borang K1. Peraturan-peraturan Kastam (Pindaan) 2019 menetapkan bahawa dagangan kritikal seperti kenderaan hendaklah dibuat pemeriksaan 100%.
- b. Semakan Audit terhadap Laporan Pemeriksaan dalam SMK mendapati sebanyak 24 daripada 28 Borang K1 telah diarahkan untuk dibuat pemeriksaan fizikal, manakala tiada arahan bagi empat Borang K1. Laporan pemeriksaan telah dikemaskinikan dalam SMK bagi 20 daripada 24 Borang K1 yang diarahkan.
- c. Semakan lanjut terhadap laporan pemeriksaan mendapati model kenderaan yang diikrar oleh ejen kastam dalam 12 Borang K1 telah dibuat **pemeriksaan dan disahkan betul oleh Pegawai Penaksir walaupun model sebenar kenderaan tersebut berbeza dengan rekod JPJ dan Car Web.** Perbezaan model yang diikrarkan dengan model yang sebenar adalah seperti dalam **Gambar 7.1.**

GAMBAR 7.1

<p>No. Pendaftaran Kenderaan : BQE8800 <input type="text" value="No. Casis : ZFF90HMC000254732"/> Buatan : FERRARI Kuasa Enjin : 3902 Warna : MERAH</p> <p>Kod Kegunaan : AB No. Rujukan Pemilik : 1710921105701</p>	<p>No. Enjin : F154CD472520 <input type="text" value="Nama Model : 488 PISTA"/> Jenis Badan : MKR-MOTOKAR Jenis Bahan Bakar : 0-PETROL Kapasiti Tempat Duduk : 2 Status Asal : B-KENDERAAN IMPORT TERPAKAI ID Kenderaan : BQE8800</p>																																																								
JPJ																																																									
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td colspan="2">II. KEGUNAAN AM - IMPORT</td> </tr> <tr> <td colspan="2"><input type="checkbox"/> PEGAWAI KASTAM (PEMERIKSAAN)</td> </tr> <tr> <td colspan="2"><input type="checkbox"/> Cara pemeriksaan : Manual</td> </tr> <tr> <td colspan="2"><input type="checkbox"/> pemeriksaan SEPATI 12</td> </tr> <tr> <td colspan="2"><input type="checkbox"/> 1. Penka.....100%</td> </tr> <tr> <td colspan="2"><input type="checkbox"/> MOTOKAR</td> </tr> <tr> <td colspan="2">2. Sahakan :-</td> </tr> <tr> <td>- No.Kenderaan</td> <td><input type="checkbox"/> C/N:ZFF90HMC000254732</td> </tr> <tr> <td>- No.Lorong</td> <td><input type="checkbox"/> E/N:F154CD472520</td> </tr> <tr> <td>- Tanda</td> <td><input type="checkbox"/> MODEL:FERRARI CALIFORNIA</td> </tr> <tr> <td>- Dagangan :-</td> <td><input type="checkbox"/> COLOR:RED</td> </tr> <tr> <td colspan="2"><input type="checkbox"/> CC:3902</td> </tr> </table>	II. KEGUNAAN AM - IMPORT		<input type="checkbox"/> PEGAWAI KASTAM (PEMERIKSAAN)		<input type="checkbox"/> Cara pemeriksaan : Manual		<input type="checkbox"/> pemeriksaan SEPATI 12		<input type="checkbox"/> 1. Penka.....100%		<input type="checkbox"/> MOTOKAR		2. Sahakan :-		- No.Kenderaan	<input type="checkbox"/> C/N:ZFF90HMC000254732	- No.Lorong	<input type="checkbox"/> E/N:F154CD472520	- Tanda	<input type="checkbox"/> MODEL:FERRARI CALIFORNIA	- Dagangan :-	<input type="checkbox"/> COLOR:RED	<input type="checkbox"/> CC:3902		<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td colspan="2">Vehicle Registration Mark (Current) RX20XHV</td> </tr> <tr> <td colspan="2">Combined VIN ZFF90HMC000254732</td> </tr> <tr> <td colspan="2">VIN Number (DVLA) ZFF90HMC000254732</td> </tr> <tr> <td colspan="2">Combined Make FERRARI</td> </tr> <tr> <td colspan="2">DVLA Make FERRARI</td> </tr> <tr> <td colspan="2">Marque Description FERRARI</td> </tr> <tr> <td colspan="2">Combined Model 488 PISTA VS</td> </tr> <tr> <td colspan="2">DVLA Model 488 PISTA S-A</td> </tr> <tr> <td colspan="2">Model Range Description 488 PISTA</td> </tr> <tr> <td colspan="2">Model Series 1</td> </tr> <tr> <td colspan="2">Model Variant Description VS</td> </tr> <tr> <td colspan="2">DVLA Vehicle Description</td> </tr> <tr> <td>Model Year</td> <td>2018</td> </tr> <tr> <td>Date Of Manufacture</td> <td>24/06/2020</td> </tr> <tr> <td>DVLA Year Of Manufacture</td> <td>2020</td> </tr> <tr> <td>Date Of First Registration</td> <td>24/06/2020</td> </tr> </table>	Vehicle Registration Mark (Current) RX20XHV		Combined VIN ZFF90HMC000254732		VIN Number (DVLA) ZFF90HMC000254732		Combined Make FERRARI		DVLA Make FERRARI		Marque Description FERRARI		Combined Model 488 PISTA VS		DVLA Model 488 PISTA S-A		Model Range Description 488 PISTA		Model Series 1		Model Variant Description VS		DVLA Vehicle Description		Model Year	2018	Date Of Manufacture	24/06/2020	DVLA Year Of Manufacture	2020	Date Of First Registration	24/06/2020
II. KEGUNAAN AM - IMPORT																																																									
<input type="checkbox"/> PEGAWAI KASTAM (PEMERIKSAAN)																																																									
<input type="checkbox"/> Cara pemeriksaan : Manual																																																									
<input type="checkbox"/> pemeriksaan SEPATI 12																																																									
<input type="checkbox"/> 1. Penka.....100%																																																									
<input type="checkbox"/> MOTOKAR																																																									
2. Sahakan :-																																																									
- No.Kenderaan	<input type="checkbox"/> C/N:ZFF90HMC000254732																																																								
- No.Lorong	<input type="checkbox"/> E/N:F154CD472520																																																								
- Tanda	<input type="checkbox"/> MODEL:FERRARI CALIFORNIA																																																								
- Dagangan :-	<input type="checkbox"/> COLOR:RED																																																								
<input type="checkbox"/> CC:3902																																																									
Vehicle Registration Mark (Current) RX20XHV																																																									
Combined VIN ZFF90HMC000254732																																																									
VIN Number (DVLA) ZFF90HMC000254732																																																									
Combined Make FERRARI																																																									
DVLA Make FERRARI																																																									
Marque Description FERRARI																																																									
Combined Model 488 PISTA VS																																																									
DVLA Model 488 PISTA S-A																																																									
Model Range Description 488 PISTA																																																									
Model Series 1																																																									
Model Variant Description VS																																																									
DVLA Vehicle Description																																																									
Model Year	2018																																																								
Date Of Manufacture	24/06/2020																																																								
DVLA Year Of Manufacture	2020																																																								
Date Of First Registration	24/06/2020																																																								
Borang K1: W202020107063016		Laporan Car Web																																																							
Perbandingan Model Kenderaan - Model Kenderaan Berbeza Antara JPJ, Borang K1 Dengan Car Web (Sumber: JPJ, SMK dan Car Web)																																																									

- d. Semakan Audit selanjutnya terhadap permit import bagi enam daripada 12 Borang K1 yang dibuat pemeriksaan mendapati model kenderaan yang diikrar berbeza dengan kelulusan permit import yang diperoleh daripada MITI. Hasil semakan Audit mendapati model kenderaan dalam permit import adalah bersamaan dengan rekod JPJ. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Gambar 7.2.**

GAMBAR 7.2

No. Pendaftaran Kenderaan : BPR38	No. Enjin : M16164D010008
No. Casis : ZN6TU61000X267956	Nama Model : LEVANTE
Buatian : MASERATI	Jenis Badan : JIP- JIP
Kuasa Enjin : 2987	Jenis Bahan Bakar : 1- DISEL
Warna : KELABU	Kapasiti Tempat Duduk : 5
Kod Kegunaan : AE	Status Asal : B- KENDERAAN IMPORT TERPAKAI

JPJ

Item No:	<input type="text" value="1"/>
Brand Code:	<input type="text"/> <input type="button" value="A"/>
Model:	<input type="text" value="GHIBLI"/>
Engine:	<input type="text" value="M16164D010008"/>
Chassis:	<input type="text" value="ZN6TU61000X267956"/>
CC:	<input type="text" value="2987"/>
Year of Manufacture:	<input type="text" value="2017"/>
Brand:	<input type="text" value="MASERATI"/>
Amended Model:	<input type="text"/>
Amended Engine:	<input type="text"/>
Amended Chassis:	<input type="text"/>
Vehicle Reg.:	<input type="text"/>
First Reg. Date:	<input type="text" value="20/09/17"/>

Borang K1: W2020107064931

PERMIT NO:	MIT	<input type="button" value="A"/>	/	141	<input type="button" value="A"/>	/	I0604817	/	2020
ITEM NO:	0001								
DESCRIPTION:	NEW/USED PASSENGER/DUAL-USE CAR; USED DUAL-USE CAR; Chassis No. : ZN6T U61000X267956; Engine No. : -; Model No. : LEVANTE; Year Manufactured : 2017; Make : MASERATI; First Registration No. : -								
APPROVED DATE:	29/06/2020			EXPIRED DATE:	29/12/2020				

Permit Import

Cara pemeriksaan : Manual	<input type="checkbox"/>
pemeriksaan SEPATI 12	<input type="checkbox"/> DIPERIKSA
1. Periksa.....100%	<input type="checkbox"/> 1 UNIT
2. Sahkan :-	<input type="checkbox"/>
- No.Kenderaan	<input type="checkbox"/> CAR
- No.Lorong	<input type="checkbox"/> MASERATI GHIBLI
- Tanda	<input type="checkbox"/>
- Dagangan :-	<input type="checkbox"/> CHASSIS NO:ZN6TU61000X267956
* Nama dagangan:-	<input type="checkbox"/> ENGINE NO:M16164D010008
* Kereta/Van/4WD	<input type="checkbox"/> COLOUR:GREY
* Motorsikal	<input type="checkbox"/> CC:2987







Rekod Pemeriksaan

- Model Kenderaan Berbeza Antara JPJ, Borang K1, Permit Import dan Laporan Pemeriksaan
(Sumber: SMK)

- e. Pegawai Pemeriksa juga ada melaksanakan pemeriksaan fizikal terhadap Borang K8 bagi kenderaan *transhipment* (kenderaan yang dipindahkan dari pelabuhan ke gudang berlesen). Semakan Audit mendapati model kenderaan yang diikrar dalam Borang K1 adalah bersamaan dengan butiran dalam Borang K8 dan disahkan betul dalam laporan pemeriksaan kedua-dua borang tersebut. Bagaimanapun, model kenderaan tersebut berbeza dengan rekod

JPJ dan permit import daripada MITI. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Gambar 7.3.**

GAMBAR 7.3

<table border="1"> <tr> <td>No. Pendaftaran Kenderaan : PPA8000</td> <td>No. Enjin : L539-05287</td> </tr> <tr> <td>No. Casis : ZHWEF3ZD6GLA04911</td> <td>Nama Model : AVENTADOR</td> </tr> <tr> <td>Buatam : LAMBORGHINI</td> <td>Jenis Badan : MKR-MOTOKAR</td> </tr> <tr> <td>Kuasa Enjin : 6498</td> <td>Jenis Bahan Bakar : 0-PETROL</td> </tr> <tr> <td>Warna : MERAH</td> <td>Kapasiti Tempat Duduk : 2</td> </tr> <tr> <td>Kod Kegunaan : AB</td> <td>Status Asal : B-KENDERAAN IMPORT TERPAKAI</td> </tr> </table>	No. Pendaftaran Kenderaan : PPA8000	No. Enjin : L539-05287	No. Casis : ZHWEF3ZD6GLA04911	Nama Model : AVENTADOR	Buatam : LAMBORGHINI	Jenis Badan : MKR-MOTOKAR	Kuasa Enjin : 6498	Jenis Bahan Bakar : 0-PETROL	Warna : MERAH	Kapasiti Tempat Duduk : 2	Kod Kegunaan : AB	Status Asal : B-KENDERAAN IMPORT TERPAKAI	JPJ  Permit Import 																										
No. Pendaftaran Kenderaan : PPA8000	No. Enjin : L539-05287																																						
No. Casis : ZHWEF3ZD6GLA04911	Nama Model : AVENTADOR																																						
Buatam : LAMBORGHINI	Jenis Badan : MKR-MOTOKAR																																						
Kuasa Enjin : 6498	Jenis Bahan Bakar : 0-PETROL																																						
Warna : MERAH	Kapasiti Tempat Duduk : 2																																						
Kod Kegunaan : AB	Status Asal : B-KENDERAAN IMPORT TERPAKAI																																						
<table border="1"> <tr> <td>Brand Code:</td> <td><input type="text"/></td> <td>Brand:</td> <td>LAMBORGHINI</td> </tr> <tr> <td>Model:</td> <td>HURACAN LP580</td> <td>Amended Model:</td> <td><input type="text"/></td> </tr> <tr> <td>Engine:</td> <td>L539-05287</td> <td>Amended Engine:</td> <td><input type="text"/></td> </tr> <tr> <td>Chassis:</td> <td>ZHWEF3ZD6GLA04911</td> <td>Amended Chassis:</td> <td><input type="text"/></td> </tr> <tr> <td>CC:</td> <td>5204</td> <td>Vehicle Reg.:</td> <td><input type="text"/></td> </tr> <tr> <td>Year of Manufacture:</td> <td>2015</td> <td>First Reg. Date:</td> <td>15/07/15</td> </tr> </table>	Brand Code:	<input type="text"/>	Brand:	LAMBORGHINI	Model:	HURACAN LP580	Amended Model:	<input type="text"/>	Engine:	L539-05287	Amended Engine:	<input type="text"/>	Chassis:	ZHWEF3ZD6GLA04911	Amended Chassis:	<input type="text"/>	CC:	5204	Vehicle Reg.:	<input type="text"/>	Year of Manufacture:	2015	First Reg. Date:	15/07/15	<table border="1"> <tr> <td>1. Periksa.....100% <input type="checkbox"/></td> <td>MOTOKAR</td> </tr> <tr> <td>2. Sahkan :-</td> <td>KEADAAN BAIK</td> </tr> <tr> <td>- No.Kenderaan</td> <td>C/N:ZHWEF3ZD6GLA04911</td> </tr> <tr> <td>- No.Lorong</td> <td>E/N:L539-05287</td> </tr> <tr> <td>- Tanda</td> <td>MODEL:LAMBORGHINI HURACAN LP580</td> </tr> <tr> <td>- Dagangan :-</td> <td>KAPASITI:5204cc</td> </tr> <tr> <td>* Nama dagangan:-</td> <td>COLOR:RED</td> </tr> </table>	1. Periksa.....100% <input type="checkbox"/>	MOTOKAR	2. Sahkan :-	KEADAAN BAIK	- No.Kenderaan	C/N:ZHWEF3ZD6GLA04911	- No.Lorong	E/N:L539-05287	- Tanda	MODEL:LAMBORGHINI HURACAN LP580	- Dagangan :-	KAPASITI:5204cc	* Nama dagangan:-	COLOR:RED
Brand Code:	<input type="text"/>	Brand:	LAMBORGHINI																																				
Model:	HURACAN LP580	Amended Model:	<input type="text"/>																																				
Engine:	L539-05287	Amended Engine:	<input type="text"/>																																				
Chassis:	ZHWEF3ZD6GLA04911	Amended Chassis:	<input type="text"/>																																				
CC:	5204	Vehicle Reg.:	<input type="text"/>																																				
Year of Manufacture:	2015	First Reg. Date:	15/07/15																																				
1. Periksa.....100% <input type="checkbox"/>	MOTOKAR																																						
2. Sahkan :-	KEADAAN BAIK																																						
- No.Kenderaan	C/N:ZHWEF3ZD6GLA04911																																						
- No.Lorong	E/N:L539-05287																																						
- Tanda	MODEL:LAMBORGHINI HURACAN LP580																																						
- Dagangan :-	KAPASITI:5204cc																																						
* Nama dagangan:-	COLOR:RED																																						
Model Yang Diikrar Dalam Borang K1 	Laporan Pemeriksaan Dalam Borang K1 																																						
<table border="1"> <tr> <td>Brand:</td> <td>LAMBORGHINI</td> </tr> <tr> <td>Model:</td> <td>HURACAN LP580</td> </tr> <tr> <td>Engine:</td> <td>L539-05287</td> </tr> <tr> <td>Chassis:</td> <td>ZHWEF3ZD6GLA04911</td> </tr> <tr> <td>CC:</td> <td>5204</td> </tr> <tr> <td>Year of Manufacture:</td> <td>1900</td> </tr> </table>	Brand:	LAMBORGHINI	Model:	HURACAN LP580	Engine:	L539-05287	Chassis:	ZHWEF3ZD6GLA04911	CC:	5204	Year of Manufacture:	1900	<table border="1"> <tr> <td>1. JENAMA <input checked="" type="checkbox"/></td> <td>LAMBORGHINI</td> </tr> <tr> <td>2. MODEL <input checked="" type="checkbox"/></td> <td>HURACAN LP580</td> </tr> <tr> <td>3. ENGINE NO. <input checked="" type="checkbox"/></td> <td>L539-05287</td> </tr> <tr> <td>4. CHASSIS NO. <input checked="" type="checkbox"/></td> <td>ZHWEF3ZD6GLA04911</td> </tr> <tr> <td>KEADAAN KERETA</td> <td><input type="checkbox"/></td> </tr> <tr> <td>1. ENGINE <input checked="" type="checkbox"/></td> <td>BAIK</td> </tr> <tr> <td>2. BODY <input checked="" type="checkbox"/></td> <td>"</td> </tr> <tr> <td>3. CAT <input checked="" type="checkbox"/></td> <td>"</td> </tr> <tr> <td>4. TAYAR <input checked="" type="checkbox"/></td> <td>"</td> </tr> <tr> <td>5. UPHOLSTERY <input checked="" type="checkbox"/></td> <td>"</td> </tr> <tr> <td>6. SUSPENSION <input checked="" type="checkbox"/></td> <td>"</td> </tr> <tr> <td>7. MILEAGE <input checked="" type="checkbox"/></td> <td>1265</td> </tr> </table>	1. JENAMA <input checked="" type="checkbox"/>	LAMBORGHINI	2. MODEL <input checked="" type="checkbox"/>	HURACAN LP580	3. ENGINE NO. <input checked="" type="checkbox"/>	L539-05287	4. CHASSIS NO. <input checked="" type="checkbox"/>	ZHWEF3ZD6GLA04911	KEADAAN KERETA	<input type="checkbox"/>	1. ENGINE <input checked="" type="checkbox"/>	BAIK	2. BODY <input checked="" type="checkbox"/>	"	3. CAT <input checked="" type="checkbox"/>	"	4. TAYAR <input checked="" type="checkbox"/>	"	5. UPHOLSTERY <input checked="" type="checkbox"/>	"	6. SUSPENSION <input checked="" type="checkbox"/>	"	7. MILEAGE <input checked="" type="checkbox"/>	1265		
Brand:	LAMBORGHINI																																						
Model:	HURACAN LP580																																						
Engine:	L539-05287																																						
Chassis:	ZHWEF3ZD6GLA04911																																						
CC:	5204																																						
Year of Manufacture:	1900																																						
1. JENAMA <input checked="" type="checkbox"/>	LAMBORGHINI																																						
2. MODEL <input checked="" type="checkbox"/>	HURACAN LP580																																						
3. ENGINE NO. <input checked="" type="checkbox"/>	L539-05287																																						
4. CHASSIS NO. <input checked="" type="checkbox"/>	ZHWEF3ZD6GLA04911																																						
KEADAAN KERETA	<input type="checkbox"/>																																						
1. ENGINE <input checked="" type="checkbox"/>	BAIK																																						
2. BODY <input checked="" type="checkbox"/>	"																																						
3. CAT <input checked="" type="checkbox"/>	"																																						
4. TAYAR <input checked="" type="checkbox"/>	"																																						
5. UPHOLSTERY <input checked="" type="checkbox"/>	"																																						
6. SUSPENSION <input checked="" type="checkbox"/>	"																																						
7. MILEAGE <input checked="" type="checkbox"/>	1265																																						
Model Yang Diikrar Dalam Borang K8 	Laporan Pemeriksaan Dalam Borang K8 																																						
Perbezaan Perbandingan Model Kenderaan - Model Kenderaan Berbeza Antara JPJ, Permit Import, Borang K1, Borang K8 dan Laporan Pemeriksaan (Sumber: JPJ dan SMK)																																							

- f. Sehubungan itu, **kaedah pemeriksaan fizikal** oleh Pegawai Pemeriksa yang **berdasarkan maklumat pengikraran Borang K1 sahaja adalah kurang berkesan** dan **menjadi punca nilai kenderaan**

import terkurang taksir, seterusnya duti kastam terkurang pungut. Pemeriksaan fizikal hendaklah dibuat terhadap kenderaan untuk memastikan butiran kenderaan adalah tepat.

Maklum balas JKDM semasa sesi Mesyuarat Penutup pada 24 Jun 2021

Pemeriksaan fizikal bagi Borang K1 yang mempunyai transaksi Borang K8 tidak perlu dilakukan kerana pemeriksaan terperinci telah dibuat semasa proses pemindahan kenderaan tersebut.

Pernyataan Audit | **Kegagalan ejen kastam membuat pengikrar yang tepat terhadap kenderaan yang diimport dan kaedah pemeriksaan fizikal oleh Pegawai Pemeriksa yang kurang berkesan menyebabkan ketirisan hasil duti import berjumlah RM5.92 juta.**

4.1.5. Seksyen 133, Akta 235 menyatakan perakuan secara lisan atau bertulis sama ada tidak benar atau tidak betul akan dikenakan denda sehingga RM500,000 atau hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau kedua-duanya. Perintah Tetap Penguatkuasaan Bil. 50 Pengurusan Akaun Belum Terima (ABT) bertarikh 24 Mei 2019 pula menetapkan bahawa JKDM bertanggungjawab mengeluarkan Bil Tuntutan (BOD) yang berasaskan bukti yang kukuh dari segi perundangan. Apabila ejen kastam membuat ikrar tidak tepat dalam Borang K1 mengenai kenderaan yang diimport dan pemeriksaan secara fizikal oleh Pegawai Penaksir tidak dibuat sepenuhnya, maka **pengenaan denda sebagaimana Seksyen 133, Akta 235 tidak dikuatkuasakan terhadap 28 transaksi import yang diikrar secara tidak benar.** Berhubung dengan pengenaan denda atau penjara di bawah seksyen 133, Akta 235, ianya tertakluk kepada budi bicara mahkamah kerana pengenaan denda tersebut merupakan bidang kuasa penuh mahkamah.

Pernyataan Audit | **JKDM hendaklah membuat tuntutan ke atas duti kastam yang terkurang pungut berjumlah RM5.92 juta dengan segera. Pengenaan denda juga perlu dikuatkuasakan terhadap ikrar yang tidak tepat.**

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel Audit, terdapat kelemahan dalam taksiran duti kastam kenderaan baharu dan terpakai yang diimport menyebabkan berlaku duti kastam terkurang pungut berjumlah RM5.92 juta berasaskan pengauditan yang

dibuat. Perkara ini disebabkan oleh model kenderaan yang diikrar tidak tepat, nilai kenderaan tidak tepat dan tidak dapat disahkan serta pemeriksaan fizikal oleh pegawai pemeriksa tidak dibuat dengan teliti.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya, JKDM disyorkan melaksanakan penambahbaikan dan mengambil tindakan berikut:

- 6.1. Cawangan Verifikasi dan Profiling, Bahagian Perkhidmatan Teknik hendaklah menjalankan pemeriksaan fizikal secara berkala dan menyemak laporan penilaian risiko pengimport kenderaan untuk memastikan pungutan duti import adalah tepat;
- 6.2. mengenakan denda sebagaimana Seksyen 133, Akta Kastam 1967 (Akta 235) terhadap pengimport kenderaan yang membuat perakuan/ikrar tidak tepat di Borang K1;
- 6.3. membuat tuntutan duti import yang terkurang kutip dengan segera bagi memastikan tidak berlaku ketirisan kepada hasil Kerajaan; dan
- 6.4. menjalankan siasatan sama ada berlaku kecuaian pegawai JKDM semasa meluluskan transaksi import kenderaan.



8 | Tuntutan Bayaran Balik Kos Pembaharuan Lesen Perisian Berkaitan Sistem MyResults

- Pejabat Belanjawan Negara
Kementerian Kewangan**

TUNTUTAN BAYARAN BALIK KOS PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN BERKAITAN SISTEM MyRESULTS

Pejabat Belanjawan Negara
Kementerian Kewangan

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Tuntutan Bayaran Balik Kos Pembaharuan Lesen Perisian berkaitan Sistem MyResults yang dilaksanakan di Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Menentukan bayaran balik kos pembaharuan lesen perisian berkaitan Sistem MyResults adalah teratur dan mematuhi peruntukan undang-undang serta peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Apa yang ditemui Audit?

- Penemuan Audit adalah seperti berikut:
 - Tuntutan kos pembaharuan lesen perisian berjumlah RM4.30 juta tidak wajar dibayar oleh Kerajaan berdasarkan perkara berikut:
 - pembayaran kos pembaharuan lesen perisian selepas bayaran muktamad tanpa perjanjian baharu ditandatangani;
 - Mesyuarat Penyelesaian Tuntutan tidak teratur dan tanpa punca kuasa yang sah; dan
 - dokumen tuntutan bayaran balik kos pembaharuan lesen perisian tidak disahkan oleh pegawai teknikal.

Syor Audit • Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

- memperkemaskan pemantauan terhadap pentadbiran kontrak, terutamanya projek yang telah diluluskan pelanjutan tempoh masa;
- mendapatkan pandangan Peguam Cara Perbendaharaan semasa mengendalikan tuntutan yang tiada dalam mana-mana peruntukan kontrak untuk menjaga kepentingan Kerajaan; dan
- sebarang tuntutan bayaran berkaitan projek ICT yang di luar tempoh sah perjanjian perlu dibincangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Projek.

8. TUNTUTAN BAYARAN BALIK KOS PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN BERKAITAN SISTEM MYRESULTS

**Pejabat Belanjawan Negara
Kementerian Kewangan**

1. LATAR BELAKANG

- 1.1. Pembangunan Sistem MyResults telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 bagi menyokong pelaksanaan Outcome Based Budgeting dan menggantikan Sistem Pengurusan Bajet. Sistem MyResults membolehkan Pejabat Belanjawan Negara (NBO) melaksanakan proses pemeriksaan dan kelulusan bajet serta pemantauan prestasi perbelanjaan berbanding *outcome* kementerian dan jabatan secara dalam talian.
- 1.2. Kementerian Kewangan (MoF) telah melantik syarikat 445590-U (syarikat) secara rundingan terus bagi pelaksanaan kontrak The Supply, Delivery, Installation, Development, Testing, Commissioning and Maintenance of Hardware and Software for the Implementation of the Budget Online System (perjanjian prinsipal). Tempoh perjanjian adalah selama 10 bulan bermula dari 3 Jun 2011 hingga 2 April 2012. Seterusnya, MoF telah menandatangani perjanjian tambahan pada 7 Januari 2013 bagi penambahan skop kerja dengan peningkatan kos sejumlah RM2.94 juta kepada RM25.47 juta. Tempoh siap dilanjutkan sehingga 3 Mac 2013 iaitu tambahan selama 11 bulan. Sebanyak tiga pelanjutan masa diluluskan selama 22 bulan bagi tempoh 4 Mac 2013 sehingga 31 Disember 2014. Bagaimanapun, Sistem MyResults tidak dapat disiapkan dalam tempoh lanjutan masa tersebut.
- 1.3. Pada 12 Mei 2015, MoF melalui surat rasmi telah memutuskan untuk tidak lagi melanjutkan tempoh perjanjian dan denda lewat dikenakan mulai 1 Januari 2015. Bagaimanapun, Mesyuarat Hala Tuju MyResults pada 15 Jun 2015 dan Mesyuarat Status Pembangunan MyResults dan Langkah ke Hadapan pada 15 Jun 2016 masih membenarkan syarikat untuk meneruskan sesi pengujian.
- 1.4. Pembangunan Sistem MyResults siap pada 8 November 2018 dengan perakuan Pengujian Penerimaan Akhir oleh MoF. Hal ini menjadikan tempoh keseluruhan pembangunan Sistem MyResults adalah selama 89 bulan. Bayaran muktamad berjumlah RM3.55 juta telah dijelaskan pada 26 Mac 2019. Amaun bayaran muktamad ini telah mengambil kira pengenaan denda lewat berjumlah RM3.06 juta. Ringkasan kronologi pembangunan Sistem MyResults sehingga bayaran muktamad adalah seperti dalam **Jadual 8.1.**

JADUAL 8.1
KRONOLOGI PEMBANGUNAN
SISTEM MYRESULTS BAGI TEMPOH 2011 HINGGA 2019

BIL.	TARIKH	PERKARA	KETERANGAN	AMAUN (RM Juta)
1.	2 Jun 2011	Surat Setuju Terima	Tempoh pembangunan Sistem MyResults bermula dari 3 Jun 2011 hingga 2 April 2012	22.53
2.	6 Disember 2011	Perjanjian PERB/BP/26/11	Perjanjian prinsipal ditandatangani	-
3.	7 Januari 2013	Perjanjian tambahan PERB/BP/19/2012	Pertambahan skop projek melibatkan tambahan kos dan pelanjutan tempoh perjanjian sehingga 3 Mac 2013	2.94
4.	11 April 2013	Lanjutan masa pertama	4 Mac 2013 hingga 30 Disember 2013 (10 bulan)	-
5.	9 September 2013	Lanjutan masa kedua	31 Disember 2013 hingga 30 April 2014 (4 bulan)	-
6.	23 Mei 2014	Lanjutan masa ketiga	1 Mei 2014 hingga 31 Disember 2014 (8 bulan)	-
7.	12 Mei 2015	Surat makluman tiada pelanjutan tempoh perjanjian dipertimbangkan	Denda lewat akan dikenakan mulai 1 Januari 2015.	-
			Bayaran setakat 31 Disember 2014	(18.80)
			Baki perjanjian pada 31 Disember 2014	6.67
8.	1 Januari 2015 hingga 7 November 2018	Denda lewat	Kadar maksimum sebanyak 12% daripada nilai perjanjian	3.06
9.	8 November 2018	Pengujian Penerimaan Akhir	Tempoh jaminan adalah sehingga 8 November 2019	-
10.	26 Mac 2019	Bayaran muktamad	Bayaran muktamad dijelaskan setelah ditolak pengenaan denda lewat berjumlah RM3.06 juta dan potongan lain berjumlah RM0.06 juta	3.55

Sumber: Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan

2. OBJEKTIF AUDIT

Pengauditan dilaksanakan untuk menentukan sama ada bayaran balik kos pembaharuan lesen perisian berkaitan Sistem MyResults adalah teratur dan mematuhi peruntukan undang-undang serta peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini dijalankan di Pejabat Belanjawan Negara (NBO) yang berperanan sebagai pengurus projek dan pengguna Sistem MyResults. Sampel yang diaudit meliputi tiga Arahan Pembayaran berjumlah RM7.85 juta terdiri daripada bayaran muktamad berjumlah RM3.55 juta pada tahun 2019 dan bayaran tuntutan kos pembaharuan lesen perisian berjumlah RM4.30 juta pada tahun 2020. Sampel ini dipilih kerana terdapat bayaran tambahan berkaitan pembangunan Sistem MyResults selepas daripada bayaran muktamad.

3.2. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dokumen perjanjian dan dokumen lain seperti minit mesyuarat, memo Bahagian Perolehan Kerajaan, Bahagian Teknologi

Maklumat, Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan, serta Bahagian Undang-undang MoF. Sesi temu bual dengan pegawai NBO turut diadakan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Februari hingga Mac 2021. Maklum balas daripada NBO telah diterima pada 11 Jun 2021. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 2 Julai 2021. NBO telah mengemas kini maklum balas selepas Mesyuarat Penutup yang diterima pada 6 Julai 2021. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti di perenggan 4.1.

4.1. Tuntutan Kos Pembaharuan Lesen Perisian Berjumlah RM4.30 Juta Tidak Wajar Dibayar oleh Kerajaan

4.1.1. Pada 6 Ogos 2019 dan 20 Disember 2019, pihak syarikat telah mengemukakan tuntutan sejumlah RM8.25 juta kepada MoF. Tuntutan tersebut terdiri daripada rayuan pengurangan denda lewat berjumlah RM3.06 juta; kos perubahan arkitektur sistem berjumlah RM0.89 juta; dan kos pembaharuan lesen perisian bagi tempoh 2015 hingga 2018 yang telah ditanggung oleh syarikat berjumlah RM4.30 juta. Ringkasan tuntutan syarikat adalah seperti dalam **Jadual 8.2**.

**JADUAL 8.2
RINGKASAN TUNTUTAN SYARIKAT**

BIL.	RAYUAN SYARIKAT SELEPAS BAYARAN MUKTAMAD		AMAUN (RM Juta)
	TARIKH RAYUAN	PERIHAL TUNTUTAN	
1.	6 Ogos 2019	Pengurangan denda lewat	3.06
2.	20 Disember 2019	Kos perubahan arkitektur sistem tahun 2013	0.89
3.		Kos pembaharuan lesen perisian bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018: a. Perisian Phoenix – RM3.47 juta b. Perisian Jitterbit – RM0.83 juta	4.30
JUMLAH TUNTUTAN			8.25

Sumber: Surat Rayuan Syarikat Bertarikh 6 Ogos 2019 dan 20 Disember 2019

4.1.2. Pada 14 Julai 2020 dan 11 Ogos 2020, MoF telah menjelaskan bayaran balik tuntutan kos pembaharuan lesen perisian Phoenix dan Jitterbit berjumlah RM4.30 juta.

4.1.3. Semakan Audit mendapati berlaku ketidakpatuhan dalam pembayaran tuntutan kos pembaharuan lesen perisian berjumlah RM4.30 juta berkaitan Sistem MyResults seperti berikut:

a. Pembayaran Kos Pembaharuan Lesen Perisian Selepas Bayaran Muktamad Tanpa Perjanjian Baharu Ditandatangani

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu MyResults bertarikh 23 Januari 2019 telah meluluskan terma bayaran muktamad untuk Sistem MyResults. Terma bayaran muktamad berkenaan telah dikemukakan kepada syarikat melalui surat rasmi bertarikh 25 Mac 2019. Antara terma bayaran muktamad ialah **tiada lagi sebarang tuntutan bayaran berbangkit selepas bayaran muktamad dijelaskan**. Syarikat telah menandatangani persetujuan pada tarikh yang sama.
- ii. Selepas tamat tempoh pelanjutan masa pada 31 Disember 2014, **tiada perjanjian baharu mengenainya ditandatangani**. Pelaksanaan sesi pengujian Sistem MyResults bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018 diteruskan berdasarkan keputusan Mesyuarat Hala Tuju MyResults dan Mesyuarat Status Pembangunan MyResults dan Langkah ke Hadapan. Selain itu, tiada rekod menunjukkan kos pelaksanaan pengujian dan kelangsungan pembangunan Sistem MyResults ada dibangkitkan oleh syarikat atau dibincangkan dalam mesyuarat.
- iii. Tindakan syarikat mengemukakan tuntutan kos pembaharuan lesen perisian bagi tempoh 2015 hingga 2018 pada 20 Disember 2019 didapati **tidak mematuhi terma bayaran muktamad** yang telah dipersetujui pada 25 Mac 2019. MoF pula didapati **tidak menguatkuasakan terma bayaran muktamad** bagi melindungi kepentingan Kerajaan. Selain itu, **tiada perjanjian baharu ditandatangani antara kedua-dua pihak**. Oleh itu, **tindakan MoF menjelaskan pembayaran tuntutan syarikat yang berjumlah RM4.30 juta adalah tidak wajar**.
- iv. Perkara ini disebabkan **tiada peruntukan perundangan yang boleh dijadikan asas bayaran balik kos pembaharuan lesen perisian berjumlah RM4.30 juta selepas lanjutan masa ketiga tamat pada 31 Disember 2014**. Hal ini juga selaras dengan ulasan Peguam Cara Perbendaharaan bertarikh 27 April 2020 bahawa **tindakan syarikat mendahului perbelanjaan menunjukkan pihak syarikat telah bersetuju untuk menanggung kos berkenaan**.

Maklum balas MoF yang diterima pada 6 Julai 2021

Timbalan Pengarah Belanjawan Negara (TPBN) Dasar dan Prestasi telah menyediakan minit pertimbangan bertarikh 1 April 2020 kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) dengan syor supaya tuntutan kos pembaharuan lesen perisian berjumlah RM4.30 juta dibayar balik dan denda lewat yang telah dikenakan berjumlah RM3.06 juta dikembalikan semula kepada syarikat. KSP telah bersetuju dengan syor NBO atas justifikasi syarikat telah menanggung kos berkenaan bagi memastikan Sistem MyResults dapat berfungsi dengan sempurna. Pembayaran ini juga merujuk surat persetujuan MoF bertarikh 8 April 2014 untuk mempertimbangkan tuntutan kos pembaharuan lesen secara imbuhan-balik.

Pernyataan Audit	Surat persetujuan MoF bertarikh 8 April 2014 adalah merujuk kepada cadangan syarikat untuk pembaharuan lesen perisian berkaitan Sistem MyResults bagi tempoh 4 Mac 2013 hingga 31 Disember 2014. Sebaliknya, tuntutan syarikat adalah bagi tempoh perkhidmatan 2015 hingga 2018 iaitu selepas pelanjutan masa tamat dan denda lewat telah mula dikenakan.
-------------------------	--

b. Mesyuarat Penyelesaian Tuntutan Tidak Teratur dan Tanpa Punca Kuasa yang Sah

- i. Pekeliling Transformasi Pentadbiran Kerajaan Bilangan 3 Tahun 2018, Perenggan 4.2.3(a) Panduan Pengurusan Projek ICT Sektor Awam menyatakan Jawatankuasa Pemandu Projek adalah jawatankuasa tertinggi dalam struktur tadbir urus projek teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Agensi dan ahlinya hendaklah dilantik secara rasmi. Bidang tugas utama Jawatankuasa antaranya adalah meluluskan setiap pembayaran projek.

- ii. Semakan Audit mendapati rayuan **tuntutan syarikat pada 20 Disember 2019 bagi perkhidmatan selepas tempoh sah perjanjian iaitu selepas tempoh lanjutan masa ketiga tamat pada 31 Disember 2014 tidak dirujuk kepada Jawatankuasa Pemandu Projek.** Sebaliknya, rayuan tuntutan syarikat dibincangkan dalam satu sesi mesyuarat antara pihak Kerajaan dan syarikat bertarikh 19 Mac 2020. Pihak Kerajaan diwakili oleh Setiausaha Bahagian Teknologi Maklumat yang bertindak sebagai pengurus mesyuarat dan lima orang pegawai NBO. Mesyuarat memutuskan untuk mempertimbangkan tuntutan syarikat dan seterusnya menyediakan minit pertimbangan Ketua Setiausaha

Perbendaharaan (KSP). Bagaimanapun, semakan lanjut Audit mendapati **pengerusi mesyuarat** iaitu Setiausaha Bahagian Teknologi Maklumat dan ahlinya **tidak dilantik secara rasmi dan tidak menerima penurunan kuasa daripada Pegawai Pengawal bagi mewakili Jawatankuasa Pemandu Projek.**

- iii. Memandangkan tuntutan bayaran balik kos pembaharuan lesen ini adalah di luar tempoh sah perjanjian, pandangan perundangan adalah amat penting bagi melindungi kepentingan Kerajaan. Bagaimanapun, **mesyuarat ini tidak dianggotai atau dihadiri oleh Peguam Cara Perbendaharaan atau wakil yang menyebabkan keputusan mesyuarat tidak mengambil kira aspek perundangan dalam menentukan kewajaran tuntutan syarikat.**

Maklum balas MoF yang diterima pada 6 Julai 2021

Selaras dengan syor Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan, MoF bertarikh 12 Mac 2020 yang menyatakan keperluan untuk mengadakan perbincangan antara Kerajaan dan syarikat berhubung tuntutan syarikat, NBO telah mengadakan mesyuarat bersama wakil syarikat pada 19 Mac 2020 bagi mendapatkan kata pemutus. Mesyuarat telah bersetuju supaya NBO menyediakan minit pertimbangan untuk kelulusan KSP memandangkan perjanjian telah tamat tempoh dan keputusan untuk pertimbangkan tuntutan syarikat adalah di bawah bidang kuasa KSP sebagai Pegawai Pengawal.

Pernyataan Audit | **Pelaksanaan Mesyuarat Penyelesaian Tuntutan pada 19 Mac 2020 tanpa punca kuasa yang sah dan tanpa kehadiran Peguam Cara Perbendaharaan atau wakil adalah tidak selaras dengan peruntukan Pekeliling Transformasi Pentadbiran Kerajaan Bilangan 3 Tahun 2018.**

c. Dokumen Tuntutan Bayaran Balik Kos Pembaharuan Lesen Perisian Tidak Disahkan oleh Pegawai Teknikal

- i. Arahan Perbendaharaan 99(e) menyatakan baucar bayaran hendaklah mengandungi suatu perakuan bekalan, perkhidmatan atau kerja telah dilaksanakan dengan sempurna.
- ii. Syarikat telah mengemukakan salinan pesanan pembelian, baucar bayaran, invois dan borang kiriman wang sebagai bukti bayaran kos pembaharuan lesen

perisian berjumlah RM4.30 juta yang telah didahulukan oleh syarikat dari tahun 2015 hingga 2018 untuk menyokong tuntutan bertarikh 6 Ogos 2019 dan 20 Disember 2019.

- iii. Semakan Audit terhadap dokumen sokongan bagi Arahan Pembayaran nombor rujukan 12004052 dan 12004695 mendapati **tiada perakuan pegawai teknikal** terhadap dokumen tuntutan oleh syarikat. Perkara ini **tidak mematuhi peruntukan Arahan Perbendaharaan 99(e) dan tidak memelihara kepentingan Kerajaan.**

Maklum balas MoF yang diterima pada 6 Julai 2021

Merujuk kepada minit mesyuarat bertarikh 19 Mac 2020, pihak BTM mencadangkan supaya invois dan resit bayaran yang dikemukakan oleh syarikat perlu diteliti bersama pihak BTM. Bagaimanapun, NBO tidak meneliti invois dan resit bayaran berkenaan bersama-sama pihak BTM. Pengesahan bayaran dibuat oleh TPBN Prestasi melalui memo bertarikh 25 Jun 2020. Sehubungan itu, NBO mendapati wujud ruang untuk memantapkan prosedur bayaran bagi memastikan tadbir urus dari aspek semak imbang.

Pernyataan Audit	Pembayaran kos pembaharuan lesen perisian bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018 merupakan pembayaran tidak wajar kerana tiada perjanjian mengenainya ditandatangani dan tidak mematuhi terma bayaran muktamad yang telah dipersetujui. Perkara ini menyebabkan Kerajaan menanggung beban kos tambahan berjumlah RM4.30 juta walaupun Sistem MyResults masih belum boleh digunakan dalam tempoh berkenaan.
-------------------------	---

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel Audit, pembayaran tuntutan kos pembaharuan lesen perisian berkaitan Sistem MyResults berjumlah RM4.30 juta didapati tidak teratur. Perkara ini berlaku kerana pembayaran telah dibuat tanpa didasari dengan perjanjian yang sah; tidak mematuhi terma bayaran muktamad yang telah dipersetujui serta tiada perakuan pegawai teknikal. Selain itu, pelaksanaan Mesyuarat Penyelesaian Tuntutan didapati tidak mempunyai punca kuasa yang sah.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan kewangan, MoF perlu mengambil tindakan berikut:

- 6.1. memperkemaskan pemantauan terhadap pentadbiran kontrak, terutamanya projek yang telah diluluskan pelanjutan tempoh masa;
- 6.2. mendapatkan pandangan Peguam Cara Perbendaharaan semasa mengendalikan tuntutan yang tiada dalam mana-mana peruntukan kontrak untuk menjaga kepentingan Kerajaan; dan
- 6.3. sebarang tuntutan bayaran berkaitan projek ICT yang di luar tempoh sah perjanjian perlu dibincangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Projek.



PENUTUP

PENUTUP

1. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah dikemukakan untuk pengauditan pada 5 Mac 2021. Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2020 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 menunjukkan satu gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan.
2. Selain itu, pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap tiga kementerian dan lima jabatan Persekutuan yang melibatkan lapan tajuk. Pengauditan Pematuhan berasaskan sampel yang dipilih mendapati berlaku ketidakpatuhan dalam pengurusan kontrak di Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Kewangan. Ketidakpatuhan juga berlaku terhadap bayaran kerja menaik taraf sistem kawalan dan automasi di Istana Budaya, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia serta sumbangan bantuan penyelengaraan kepada sekolah bantuan kerajaan di Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain itu, terdapat juga kekurangan kutipan hasil daripada hasil sewa tanah dan bangunan di Kementerian Pertahanan dan taksiran duti kastam bagi kenderaan import baharu dan terpakai oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Perkara ini menyebabkan berlaku kerugian dan ketirisan hasil kepada Kerajaan.
3. Pihak kementerian dan jabatan Persekutuan perlulah memastikan pegawai yang menjalankan tugas mematuhi peraturan kewangan dan undang-undang yang ditetapkan, terutamanya yang boleh menyebabkan kerugian di pihak Kerajaan. Sehubungan itu, pihak kementerian dan jabatan Persekutuan hendaklah mempertingkatkan pengetahuan, pemahaman dan kemahiran pegawai dalam pengurusan kewangan ke arah pengurusan kewangan Kerajaan yang lebih baik. Di samping itu, ketua-ketua jabatan perlu meningkatkan kawalan dan pemantauan ke atas pegawai-pegawai bawahan yang mengendalikan pengurusan kewangan dan perolehan. Mekanisme semak dan imbalan juga perlu diperkuatkan, termasuk meningkatkan keberkesanannya Unit Audit Dalam untuk mengurangkan kes ketidakpatuhan kepada prosedur kewangan dan perolehan. Perkara ini bagi memastikan ketidakpatuhan seperti yang dilaporkan dapat dikurangkan atau tidak berulang pada masa hadapan.

4. Kerjasama dari semua peringkat termasuk di peringkat pusat tanggungjawab dan jabatan serta pemantauan berterusan yang efektif di peringkat kementerian diperlukan untuk memastikan disiplin kewangan dapat dilaksanakan dengan cekap dan teratur. Penyediaan prosedur kerja yang jelas, pemahaman dan pematuhan peraturan kewangan serta penyeliaan rapi terhadap tugas pegawai akan mewujudkan amalan dan budaya kerja yang berkualiti dan berintegriti.

5. Sehubungan dengan itu, pihak Audit mengesyorkan tindakan berikut diambil:

5.1. Kerajaan Persekutuan disarankan meneruskan usaha meningkatkan hasil pendapatan melalui pelbagai sumber, mengamalkan perbelanjaan secara berhemat serta mengurangkan tunggakan hasil dan tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut supaya kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan berada dalam keadaan lebih kukuh;

5.2. Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Jabatan perlu mempertingkatkan penglibatan secara *hands on* dalam urusan kewangan. Sistem semak dan imbang serta penilaian secara berkala terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai, termasuk memberi latihan untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan pegawai; dan

5.3. Keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD) di kementerian dan jabatan perlu dipertingkatkan. Antaranya memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, menyediakan rancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan serta membuat penilaian secara objektif dan bebas. Aspek penilaian yang perlu ditekankan bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman, malahan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
12 Oktober 2021



AKRONIM

AKRONIM

1MDB	1Malaysia Development Berhad
AAMKA	Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset
ABT	Akaun Belum Terima
AKLEH	Lebuhraya Bertingkat Ampang - Kuala Lumpur
AP	Arahan Perbendaharaan
AP	Approved Permit
BESRAYA	Lebuhraya Sungai Besi
BKE	Lebuhraya Butterworth - Kulim
BOD	Bill of Demand
BORANG K1	Borang Kastam No. 1
BORANG K8	Borang Kastam No. 8
BPA	Bahagian Pengurusan Aset
BPK	Bahagian Pembangunan Keselamatan
BTM	Bahagian Teknologi Maklumat
Car Web	Sistem Verifikasi Data Kenderaan
CBU	Completely Built-Up
CIDB	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
COVID-19	Penyakit Koronavirus 2019
CVIP	Cawangan Verifikasi, Inisiatif dan Profiling
DUKE	Lebuhraya Duta - Ulu Kelang
ECRL	East Coast Rail Link
eGPA	Electronic Government Procurement Application
ELITE	Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah
EOT	Extension of Time
eP	ePerolehan
FWCMS	Foreign Workers Centralized Management System
GCE	Lebuhraya Shah Alam - Kuang
GIRN	Government Integrated Radio Network
GRANDSAGA	Lebuhraya Cheras Kajang
GRANDSEPADU	Lebuhraya Pintas Selat Klang Utara Baru
HQ	<i>Headquarters</i>
IB	Istana Budaya
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
iGFMAS	Integrated Government Financial and Management System
IPSAS	International Public Sector Accounting Standards
ISSAI	International Standards of Supreme Audit Institutions

JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
JIM	Jabatan Imigresen Malaysia
JKDM	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
JKK	Jawatankuasa Kerja
JKPTG	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JPP	Jambatan Pulau Pinang
JPP2	Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
JPPH	Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KESAS	Lebuhraya Shah Alam
KJP	Kementerian/Jabatan Pengguna
KKR	Kementerian Kerja Raya
KLIA	Kuala Lumpur International Airport
KLK	Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak
KPI	Key Performance Indicators
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSP	Ketua Setiausaha Perbendaharaan
KTN	Kanun Tanah Negara
KWAN	Kumpulan Wang Amanah Negara
KWAP	Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan
KWC	Kumpulan Wang COVID-19
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LATAR	Lebuhraya Kuala Lumpur - Kuala Selangor
LEKAS	Lebuhraya Kajang Seremban
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
LINKEDUA	Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia Singapura
LKSA	Lebuhraya Kemuning - Shah Alam
LLB	Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth
LLM	Lembaga Lebuhraya Malaysia
LPS	Lembaga Pengelola Sekolah
LPT2	Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2
LRT	Light Rail Transit
LTAT	Lembaga Tabung Angkatan Tentera
MAB	Malaysia Airlines Berhad
MEX	Lebuhraya Kuala Lumpur - Putrajaya

MINDEF	Kementerian Pertahanan
MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
MKD	Menteri Kewangan (Diperbadankan)
MKN	Majlis Keselamatan Negara
MoF	Kementerian Kewangan
MOTAC	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
MPSAS	Malaysia Public Sector Accounting Standards
MRT	Mass Rapid Transit
MSF	Maintenance Service Fee
NA	<i>Not Available</i>
NBO	Pejabat Belanjawan Negara
NPE	Lebuhraya Baru Pantai
PBC	Pulau Bebas Cukai
PDT	Pejabat Daerah dan Tanah
PEKEMA	Persatuan Pengimpor & Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia
PENJANA	Pelan Jana Semula Ekonomi Negara
PERNAMA	Perwira Niaga Malaysia
PERTEK	Perkhidmatan Teknik
PETRONAS	Petroliam Nasional Berhad
PFI	Private Finance Initiative
PLKS	Pas Lawatan Kerja Sementara
PLUS	Lebuhraya Utara Selatan
POP	Prosedur Operasi Piawai
PPD	Pejabat Pendidikan dan Daerah
PPE	Pelan Pemulihan Ekonomi
PPK	Piawaian Perakaunan Kerajaan
PPP	Public Private Partnership
PRE	Pakej Rangsangan Ekonomi
PTG	Pejabat Tanah dan Galian
PTP	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan
PUSPAKOM	Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SBK	Sekolah Bantuan Kerajaan
SDE	Lebuhraya Senai Desaru
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
SILK	Lebuhraya Skim Penyuraian Trafik Lingkaran Kajang
SJK(C)	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJK(T)	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil

SK	Sekolah Kerajaan
SKVE	Lebuhraya Lembah Klang Selatan
SM	Sekolah Mubarigh
SMART	Projek Pengurusan Air Banjir dan Terowong
SMK	Sistem Maklumat Kastam
SPRINT	Lebuhraya Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur - Barat
SST	Surat Setuju Terima
TBBC	Tabung Bayaran Balik Cukai
TPBN	Timbalan Pengarah Belanjawan Negara
USD	United States Dollar
Warta	Warta Kerajaan Persekutuan
WPKL	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



LAMPIRAN 1

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI 彭YATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Kerajaan Persekutuan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan serta Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 20.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Persekutuan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Penegasan Perkara

Tanpa menjelaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara seperti berikut:

1. Nota 10(a) Hutang Persekutuan

Hutang Persekutuan pada tahun 2020 adalah berjumlah RM879.560 bilion, iaitu 62.1% berbanding Keluaran Dalam Negeri Kasar. Pada tahun 2020, pinjaman baharu adalah berjumlah RM194.555 bilion berbanding RM138.559 bilion pada tahun 2019, iaitu meningkat sejumlah RM55.996 bilion atau 40.4%. Daripada pinjaman baharu yang berjumlah RM194.555 bilion, sejumlah RM98.058 bilion atau 50.4% digunakan untuk bayaran balik prinsipal pinjaman yang matang. Ini menunjukkan kebergantungan Kerajaan terhadap pinjaman baharu untuk membiayai bayaran balik prinsipal pinjaman yang telah matang. Dalam jangka masa panjang, bebanan kewangan Negara akan bertambah untuk pembayaran kos pinjaman menyebabkan peruntuhan mengurus untuk perolehan bekalan dan perkhidmatan serta pembelian aset akan berkurangan.

2. Nota 7(a)(i) Kumpulan Wang Pembangunan

Baki Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2020 adalah defisit sebanyak RM13.255 bilion. Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan adalah berjumlah RM62.805 bilion yang termasuk pinjaman baharu berjumlah RM48.571 bilion. Sejumlah RM8.265 bilion atau 17.0% adalah untuk membiayai Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta dan komitmen jaminan, manakala RM40.306 bilion atau 83.0% adalah perbelanjaan pembangunan. Termasuk dalam perbelanjaan pembangunan adalah sejumlah RM2.650 bilion yang merupakan pengelasan perbelanjaan mengurus berkaitan konsesi *Public Private Partnership* dan penyenggaraan berskala besar. Perbelanjaan yang terlibat adalah perkhidmatan sokongan hospital dan klinik di Kementerian Kesihatan berjumlah RM1.908 bilion dan kerja penyenggaraan fasiliti di Kementerian Pendidikan Malaysia berjumlah RM0.742 bilion. Dana Kumpulan Wang Pembangunan yang dibiayai melalui pinjaman sepatutnya digunakan untuk membiayai projek pembangunan fizikal yang menyumbang kepada pembentukan modal baharu yang boleh meningkatkan pembangunan Negara serta mempunyai kesan pengganda yang tinggi untuk menjana aktiviti ekonomi.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Pihak Berkuasa Kewangan Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pihak Berkuasa Kewangan Terhadap Penyata Kewangan

Pihak Berkuasa Kewangan bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pihak Berkuasa Kewangan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Kewangan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Persekutuan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Persekutuan.

- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pihak Berkuasa Kewangan.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pihak Berkuasa Kewangan dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Persekutuan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai persempahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Hal-hal Lain

Pihak Berkuasa Kewangan hendaklah memastikan polisi perakaunan mengenai premium dan diskain daripada terbitan Sekuriti Hutang Kerajaan disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. Pihak Berkuasa Kewangan hendaklah menetapkan kategori hasil bagi pengiktirafan premium dan polisi pindahan premium. Perkara ini selaras dengan konsep perakaunan relevan yang bermaksud maklumat yang dilaporkan hendaklah menepati masa dan juga asas perakaunan tunai ubah suai, iaitu terimaan diakaunkan apabila diperoleh.

Sijil ini disediakan selaras dengan Perkara 106(1) Perlembagaan Persekutuan 1957 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.


(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
20 SEPTEMBER 2021





LAMPIRAN 2

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020



2020

**PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN**
Asas Tunai
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

PERNYATAAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN DAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2020 dan Nota Kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua pejabat perakaunan Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Kementerian.

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2020 yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2020.


Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2020.



DATO' ASRI BIN HAMIDON
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
26 Februari 2021



DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA
Akauntan Negara Malaysia
26 Februari 2021



2020

**PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN**
Asas Tunai
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

PENYATA KEWANGAN

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2020

	<u>Nota</u>	2020 <i>RM</i>	2019 <i>RM</i>
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	26,030,389,682	20,497,071,598
PELABURAN	4	40,063,421,604	38,733,609,974
		66,093,811,286	59,230,681,572
DIPEGANG BAGI : KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	11,863,127,086	11,863,127,086
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	–	16,277,384,329
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	54,230,684,200	31,090,170,157
		66,093,811,286	59,230,681,572

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

i

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

	<u>Nota</u>	2020		2019	
		RM	RM	RM	RM
TERIMAAN					
Hasil	8				
Hasil Cukai		154,397,967,932		180,565,395,770	
Hasil Bukan Cukai		56,294,368,909		79,672,012,513	
Terimaan Bukan Hasil		7,689,626,453		2,850,750,934	
Hasil Wilayah Persekutuan		<u>676,695,480</u>	219,058,658,774	<u>731,425,934</u>	263,819,585,151
Pinjaman					
Dalam Negeri		194,555,279,485		131,254,933,379	
Luar Negeri		<u>—</u>	194,555,279,485	<u>7,170,135,617</u>	138,425,068,996
Bantuan Luar Negeri					
Pinjaman Multilateral		<u>—</u>	<u>—</u>	<u>—</u>	
Pinjaman Bilateral		<u>—</u>	<u>—</u>	<u>133,815,309</u>	133,815,309
Terimaan Modal	8				
Terimaan Balik Pinjaman		1,180,122,917		1,550,069,125	
Jualan Aset Modal		59,430		<u>—</u>	
Pelbagai Terimaan		43,973,080		127,814,246	
Jualan Instrumen Kewangan		<u>—</u>	1,224,155,427	<u>—</u>	1,677,883,371
Terimaan Amanah	8				
Inisiatif Pembiayaan Swasta		10,041,781		20,406,621	
Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta		41,009,443		4,328,344,028	
Pelbagai		<u>3,961,561,547</u>	4,012,612,771	<u>—</u>	4,348,750,649
Jumlah Terimaan			<u>418,850,706,457</u>		<u>408,405,103,476</u>

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (*sambungan*)
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

	2020		2019	
	<i>Nota</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
BAYARAN				
Perbelanjaan Mengurus	8			
Emolumen		82,996,331,517		80,534,388,107
Perkhidmatan dan Bekalan		29,323,431,027		31,506,555,860
Aset		630,596,360		770,140,555
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		109,493,399,888		110,269,277,519
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain		<u>944,687,411</u>	223,388,446,203	<u>1,694,705,281</u>
				224,775,067,322
Perbelanjaan Pembangunan				
Langsung		49,330,957,654		52,058,496,026
Pinjaman		<u>2,028,898,109</u>	51,359,855,763	<u>2,114,739,291</u>
				54,173,235,317
Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19	8			
Perbelanjaan COVID-19		<u>37,869,238,631</u>	37,869,238,631	—
				—
Pinjaman				
Dalam Negeri		97,727,562,247		82,722,693,311
Luar Negeri		—	97,727,562,247	—
				82,722,693,311
Bantuan Luar Negeri				
Pinjaman Multilateral		69,125,729		68,764,375
Pinjaman Bilateral		<u>261,407,645</u>	330,533,374	<u>258,134,157</u>
				326,898,532
Perbelanjaan Modal				
Pembelian Instrumen Kewangan		<u>1,768,811,630</u>	1,768,811,630	<u>9,471,152,793</u>
				9,471,152,793
Perbelanjaan Amanah				
Inisiatif Pembiayaan Swasta		274,373,237		53,510,077
Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta		598,567,288		5,469,865,863
Pelbagai		—	872,940,525	<u>34,563,208,527</u>
				40,086,584,467
Jumlah Bayaran		<u>413,317,388,373</u>		<u>411,555,631,742</u>
Tambahan/(Kurangan) Wang Tunai		5,533,318,084		(3,150,528,266)
Wang Tunai Pada 1 Januari		20,497,071,598		23,647,599,864
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER		<u>26,030,389,682</u>		<u>20,497,071,598</u>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

	<u>Nota</u>	2020		2019
		<i>Anggaran</i>	<i>Sebenar</i>	<i>Sebenar</i>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
Hasil	5	227,270,015,000	225,074,947,242	264,414,755,876
<u>Tolak:</u>				
Belanja Mengurus	5	226,720,000,000	224,600,242,049	263,342,924,643
LEBIHAN/(KURANGAN) HASIL		550,015,000	474,705,193	1,071,831,233
<u>Tolak:</u>				
Belanja Pembangunan	7	52,689,471,785	51,359,855,763	54,173,235,317
Belanja Kumpulan Wang COVID-19	7	39,007,290,555	38,019,238,631	–
KURANGAN KESELURUHAN		(91,146,747,340)	(88,904,389,201)	(53,101,404,084)
KURANGAN DIBIAYAI OLEH:				
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri	6		96,497,183,864	55,509,292,462
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		1,259,155,427	1,730,728,126
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah			(8,851,950,090)	(4,138,616,504)
JUMLAH PEMBIAYAAN		88,904,389,201	53,101,404,084	

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM PADA 31 DISEMBER 2020

	<i>Nota</i>	2020	2019
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
MEMORANDUM ASET	9		
Akaun Belum Terima		106,422,742,308	94,114,786,243
Pelaburan		33,191,463,711	32,038,227,719
Jumlah Aset		139,614,206,019	126,153,013,962
MEMORANDUM LIABILITI	10		
Hutang Persekutuan		879,559,708,810	792,997,555,813
Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta		37,034,467,015	38,829,548,225
Komitmen Kewangan		269,940,211,375	247,461,392,666
Pelbagai Liabiliti		278,000,205	249,253,470
Jumlah Liabiliti		1,186,812,387,405	1,079,537,750,174

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



2020

**PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN**
Asas Tunai
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

**NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN**

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

DASAR DAN KAEADAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan digunakan secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan.

b) Perakaunan Kerajaan Persekutuan adalah berdasarkan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:

i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.

ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen kecuali untuk Perbelanjaan Tanggungan tertentu.

iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagikan kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

c) Kerajaan Persekutuan mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urus niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahan seperti berikut:

i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa;

ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambilkira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai terimaan tahun kewangan semasa; dan

iii) Mengakaunkan urus niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, untung rugi pelaburan, hapskira pinjaman daripada akaun amanah dan pertukaran pinjaman kepada pegangan ekuiti.

d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua kementerian dan jabatan Kerajaan Persekutuan.

e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini ialah Ringgit Malaysia. Urus niaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukarkan kepada nilai setara Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.

g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.

h) Apabila berlaku perubahan ke atas persempahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

i) Amaun telah digenapkan kepada Ringgit Malaysia yang terdekat yang mungkin memberi kesan perbezaan RM1 bagi beberapa butiran yang dinyatakan di antara Penyata Kewangan dengan Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaiian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut:

a) Penyata Kedudukan Kewangan;

b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai;

c) Penyata Prestasi Kewangan;

d) Penyata Akaun Memorandum; dan

e) Nota Kepada Penyata Kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan simpanan tetap bagi tempoh yang tidak melebihi tiga (3) bulan selaras dengan para 1.2.3 Cash Basis IPSAS.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang telah dikenal pasti yang belum diakaunkan dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020 RM	2019 RM
WANG TUNAI		
Wang Tunai Dalam Bank	26,030,389,682	20,497,071,598
Wang Tunai Dalam Perjalanan	23,386,390,316	19,723,454,334
Wang Tunai Dalam Tangan	2,641,122,146	770,744,244
	2,877,220	2,873,020

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am yang dinyatakan pada nilai buku iaitu termasuk amaun pelunasan, sekiranya ada.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada Kumpulan Wang Amanah.

Pelaburan yang melibatkan Sekuriti Hutang Kerajaan Luar Negeri, Sekuriti Hutang Kerajaan Malaysia, Sekuriti Hutang Swasta Luar Negeri dan Sekuriti Hutang Swasta Dalam Negeri adalah pegangan instrumen hutang yang dikeluarkan oleh entiti terbabit. Manakala pelaburan dalam bentuk Sekuriti Tersiar Harga Luar Negeri, Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri dan Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri adalah merupakan pegangan ekuiti.

Pelaburan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020		2019	
	<i>Nilai Buku</i> <i>RM</i>	<i>Nilai Buku</i> <i>RM</i>	<i>Nilai Buku</i> <i>RM</i>	<i>Nilai Buku</i> <i>RM</i>
PELABURAN	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am
	40,063,421,604	38,733,609,974		
Sekuriti Hutang Kerajaan Luar Negeri	5,229,692,142	-	4,157,767,085	-
Sekuriti Hutang Kerajaan Malaysia	1,862,758,809	-	1,974,496,965	-
Sekuriti Hutang Swasta Luar Negeri	2,473,318,064	-	3,294,914,325	-
Sekuriti Hutang Swasta Dalam Negeri	4,465,343,186	-	3,828,888,018	-
Sekuriti Tersiar Harga Luar Negeri	-	-	122,098,193	-
Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri	2,044,859,410	-	2,221,174,251	-
Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	440,108,058	6,717,761,577	440,108,058	6,717,761,577
Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 - 12 Bulan	6,731,137,800	55,000,000	10,163,808,944	5,811,650,000
Deposit Jangka Panjang Dalam Negeri Melebihi 12 Bulan	10,042,500,000	-	-	-
Pelbagai	-	942,558	-	942,558
<i>Jumlah</i>	<i>33,289,717,469</i>	<i>6,773,704,135</i>	<i>26,203,255,839</i>	<i>12,530,354,135</i>

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Lebihan hasil tahun semasa yang berjumlah RM474,705,193 dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan. Baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan kekal sebanyak RM11,863,127,086 semenjak tahun 1996.

Penyata Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020			2019	
	Anggaran Disemak RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
BAKI PADA 1 JANUARI		11,863,127,086		11,863,127,086	
HASIL	227,270,015,000	225,074,947,242	99.03	264,414,755,876	100.42
Hasil Cukai	153,260,000,000	154,397,967,932	100.74	180,566,080,796	100.31
Hasil Bukan Cukai	66,255,056,000	62,046,603,183	93.65	79,825,093,134	99.51
Terimaan Bukan Hasil	7,045,185,000	7,953,680,647	112.90	3,292,082,792	158.69
Hasil Wilayah Persekutuan	709,774,000	676,695,480	95.34	731,499,154	73.24
PERBELANJAAN MENGURUS	226,720,000,000	224,600,242,049	99.07	263,342,924,643	101.07
Emolumen	83,248,184,804	82,996,331,517	99.70	80,534,388,107	99.90
Perkhidmatan dan Bekalan	30,107,249,947	29,323,431,027	97.40	31,506,555,860	105.17
Aset	753,594,010	630,596,360	83.68	770,140,555	99.74
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	111,498,216,259	**110,688,349,888	99.27	**148,776,857,724	100.91
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	1,112,754,980	961,533,257	86.41	1,754,982,397	99.67
Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan		474,705,193			1,071,831,233
Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)	226,720,000,000	225,074,947,242	99.27	264,414,755,876	101.48
<i>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>		-	-		-
BAKI PADA 31 DISEMBER		11,863,127,086			11,863,127,086

Nota: () - Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan.*

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh undang-undang.

Perbezaan di antara Anggaran Asal, Anggaran Disemak dan Hasil Sebenar diterangkan di dalam Laporan Akauntan Negara Malaysia.

Hasil mengikut penjenisan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020			2019	
	Anggaran Asal RM	Anggaran Disemak RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM
HASIL	244,530,029,000	227,270,015,000	225,074,947,242	99.03	264,414,755,876
HASIL CUKAI	189,951,000,000	153,260,000,000	154,397,967,932	100.74	180,566,080,796
Cukai Langsung	142,676,000,000	115,105,000,000	112,511,151,064	97.75	134,722,801,658
Cukai Pendapatan	134,005,000,000	106,914,029,000	104,884,438,671	98.10	126,506,759,084
Cukai Langsung yang Lain	8,671,000,000	8,190,971,000	7,626,712,393	93.11	8,216,042,574
Cukai Tak Langsung	47,275,000,000	38,155,000,000	41,886,816,868	109.78	45,843,279,138
Duti Kastam - Eksport	1,300,000,000	802,000,000	746,141,231	93.04	1,125,974,992
Duti Kastam - Import	2,800,000,000	2,035,050,000	2,346,001,585	115.28	2,732,648,169
Duti Eksais	5,300,000,000	3,900,000,000	4,719,320,979	121.01	5,130,903,240
Cukai Jualan atas Barang-barang Perkilangan Dalam Negeri	7,000,000,000	4,900,000,000	6,493,793,033	132.53	6,445,254,794
Cukai Jualan atas Barang Import	9,300,000,000	7,195,000,000	8,272,887,002	114.98	8,940,233,842
Cukai Perkhidmatan Levi	12,000,000,000	12,438,000,000	12,006,145,761	96.53	12,283,191,823
	105,000,000	328,000,000	389,338,968	118.70	168,833,351

(disambung)

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

(sambungan)

	2020				2019	
	Anggaran Asal RM	Anggaran Disemak RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
Duti Eksais Terhadap Barang Import	5,700,000,000	4,606,949,000	5,136,410,396	111.49	5,379,866,925	98.89
Pelbagai Cukai Tidak Langsung Cukai Barangan dan Perkhidmatan Import	3,540,000,000	1,850,000,000	1,708,826,590	92.37	3,420,237,632	121.03
Cukai Barangan dan Perkhidmatan Tempatan	-	-	-	-	-	-
Cukai Pelancongan	230,000,000	100,001,000	67,951,323	67.95	216,134,370	102.92
HASIL BUKAN CUKAI	51,185,976,000	66,255,056,000	62,046,603,183	93.65	79,825,093,134	99.51
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	15,176,551,000	13,237,332,000	10,931,339,962	82.58	14,499,140,279	95.37
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	2,174,678,000	1,371,481,000	1,565,731,699	114.16	1,648,081,196	89.20
Perolehan daripada Jualan Barang-barang	1,387,540,000	89,786,000	60,805,300	67.72	83,016,850	50.10
Sewaan	273,610,000	98,267,000	180,319,974	183.50	189,870,635	105.37
Faedah dan Perolehan daripada Pelaburan	28,579,592,000	48,666,295,000	46,067,499,372	94.66	60,057,797,554	100.94
Denda dan Hukuman	1,678,764,000	1,010,023,000	1,421,579,016	140.75	1,650,539,751	106.68
Sumbangan dan Bayaran Ganti daripada Luar Negeri dan Sumbangan Tempatan	20,718,000	132,026,000	177,791,986	134.66	6,041,652	32.73
Aktiviti Carigali Minyak dan Gas MTJA	1,894,523,000	1,649,846,000	1,641,535,874	99.50	1,690,605,217	96.43
TERIMAAN BUKAN HASIL	2,217,780,000	7,045,185,000	7,953,680,647	112.90	3,292,082,792	158.69
Pulangan Balik Perbelanjaan	2,094,293,000	1,953,405,000	2,634,409,057	134.86	2,064,339,214	105.38
Terimaan daripada Agensi-agensi Kerajaan	123,474,000	5,091,764,000	5,319,231,740	104.47	1,227,730,881	1,062.98
Terimaan Lain	13,000	16,000	39,850	249.06	12,697	105.81
HASIL WILAYAH PERSEKUTUAN	1,175,273,000	709,774,000	676,695,480	95.34	731,499,154	73.24
Hasil Cukai Wilayah Persekutuan	1,072,131,000	662,692,000	617,784,952	93.22	666,606,365	73.16
Hasil Bukan Cukai Wilayah Persekutuan	103,142,000	47,082,000	58,910,528	125.12	64,892,789	74.03

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Bekalan. Perbelanjaan Tanggungan ialah perbelanjaan yang dikenakan kepada Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan. Perbelanjaan Bekalan ialah perbelanjaan yang dikenakan kepada Kumpulan Wang Disatukan melalui Akta Perbekalan yang diluluskan oleh Parlimen selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan. Penjelasan Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada emolument, perkhidmatan dan bekalan, aset pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan Bekalan yang melebihi peruntukan dikenakan kepada Kumpulan Wang Disatukan melalui Akta Perbekalan Tambahan selaras dengan Perkara 101(b) Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM224,600,242,049 adalah termasuk penyaluran geran berjumlah RM534,076,151 yang merangkumi bayaran pokok, faedah dan lain-lain kos bagi pinjaman yang dijamin kepada syarikat berkaitan kerajaan.

Perbezaan di antara Anggaran Asal, Anggaran Dipinda dan Perbelanjaan Sebenar diterangkan di dalam Laporan Akauntan Negara Malaysia. Maklumat terperinci Perbelanjaan Mengurus boleh dirujuk di Lampiran 1 : Penyata Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	Anggaran Asal RM	Anggaran Dipinda RM	Sebenar RM	2020 % Anggaran
PERBELANJAAN MENGURUS	241,020,000,000	226,720,000,000	225,074,947,242	99.27
PERBELANJAAN TANGGUNGAN	67,883,785,400	67,895,765,800	67,240,691,628	99.04
T. 01 Peruntukan Diraja Bagi S.P.B. Yang Di-Pertuan Agong	13,533,000	13,533,000	13,532,935	99.99
T. 02 Elaun-elaun Diraja	1,337,100	1,337,100	1,246,090	93.19
T. 03 Ketua Hakim Negara, Hakim Besar dan Hakim	129,246,100	129,246,100	98,035,794	75.85
T. 04 Ketua Audit Negara	741,800	741,800	558,437	75.28
T. 05 Yang Di-Pertua Dewan Rakyat	1,676,600	1,676,600	1,279,732	76.33
T. 06 Yang Di-Pertua Dewan Negara	1,796,600	1,796,600	1,106,450	61.59
T. 07 Suruhanjaya Pilihan Raya	2,482,800	2,513,200	2,513,174	99.99
T. 08 Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan	11,000	11,000	7,800	70.91
T. 09 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	7,785,000	7,785,000	5,360,163	68.85
T. 10 Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	4,632,100	4,632,100	4,263,401	92.04
T. 11 Suruhanjaya Pasukan Polis	2,246,100	2,246,100	1,770,548	78.83
T. 12 Perbendaharaan	6,273,436,800	6,285,386,800	6,224,062,592	99.02
T. 13 Perbelanjaan Kerana Hutang Negara	34,944,860,400	34,944,860,400	34,494,802,361	98.71
T. 14 Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran	26,500,000,000	26,500,000,000	26,392,152,149	99.59
PERBELANJAAN BEKALAN	173,136,214,600	158,824,234,200	157,834,255,615	99.38
B. 01 Parlimen	145,190,900	131,862,480	126,832,937	96.19
B. 02 Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	2,500,000	2,500,000	1,812,921	72.52
B. 03 Jabatan Audit Negara	156,233,800	143,629,812	138,751,376	96.60
B. 04 Suruhanjaya Pilihan Raya	71,302,900	71,302,900	166,152,358	233.02
B. 05 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	39,575,800	37,421,358	34,379,786	91.87
B. 06 Jabatan Perdana Menteri	4,048,073,200	3,799,814,300	3,729,842,081	98.16
B. 07 Jabatan Perkhidmatan Awam	1,623,931,100	1,623,931,100	1,623,920,321	99.99
B. 08 Jabatan Peguam Negara	176,935,000	168,435,000	165,510,334	98.26
B. 09 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	299,053,300	267,978,120	265,848,905	99.21
B. 10 Perbendaharaan	5,320,637,000	4,182,595,000	3,937,798,293	94.15
B. 11 Perkhidmatan Am Perbendaharaan	21,027,387,800	16,298,257,310	**16,049,258,468	98.47
B. 12 Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	1,782,200,300	1,766,200,300	**2,122,455,193	120.17
B. 13 Kementerian Luar Negeri	724,338,100	682,697,000	645,958,717	94.62
B. 14 Kementerian Perpaduan Negara	-	231,886,000	222,000,051	95.74
B. 15 Kementerian Hal Ehwal Ekonomi	513,313,900	177,257,200	177,098,656	99.91
B. 20 Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	259,528,700	253,928,700	250,388,500	98.61
B. 21 Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	3,533,985,900	3,152,485,900	3,101,618,071	98.39
B. 22 Kementerian Pembangunan Luar Bandar	3,191,709,400	3,047,168,000	2,944,509,143	96.63
B. 23 Kementerian Tenaga dan Sumber Asli	1,276,283,000	1,131,207,900	1,121,976,339	99.18
B. 24 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	877,835,800	731,211,500	629,935,782	86.15
B. 25 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	1,019,962,600	1,019,962,600	1,104,355,730	108.27
B. 26 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	214,310,900	214,310,900	211,204,646	98.55
B. 27 Kementerian Kerja Raya	1,792,114,200	1,210,296,100	1,176,335,346	97.19
B. 28 Kementerian Pengangkutan	1,758,308,000	1,600,851,800	1,594,979,876	99.63
B. 30 Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	746,493,000	492,916,300	481,170,538	97.62
B. 31 Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	921,990,700	872,290,700	822,740,732	94.32
B. 32 Kementerian Wilayah Persekutuan	364,978,000	289,348,800	284,991,376	98.49
B. 33 Kementerian Alam Sekitar dan Air	-	305,993,400	298,384,570	97.51
B. 40 Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	17,437,800	15,776,800	15,216,580	96.45
B. 42 Kementerian Kesihatan	27,941,530,900	27,010,164,300	27,010,111,676	99.99
B. 43 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2,785,425,100	2,855,791,100	2,855,788,465	99.99
B. 45 Kementerian Belia dan Sukan	670,903,300	560,190,300	543,307,195	96.99
B. 46 Kementerian Sumber Manusia	834,730,900	751,163,600	742,375,271	98.83
B. 47 Kementerian Komunikasi dan Multimedia	1,137,926,400	1,046,279,920	1,019,418,070	97.43
B. 48 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	2,259,671,400	2,256,830,200	2,231,447,024	98.88
B. 60 Kementerian Pertahanan	12,496,237,400	11,032,387,400	11,032,382,925	99.99
B. 62 Kementerian Dalam Negeri	13,839,366,600	13,273,773,300	12,947,203,724	97.54
B. 63 Kementerian Pendidikan	59,264,811,500	50,991,325,100	50,912,071,262	99.84
B. 64 Kementerian Pengajian Tinggi	-	5,122,811,700	5,094,722,379	99.45

Note: () - Termasuk penyaluran geran berjumlah RM534,076,151 yang merangkumi bayaran pokok, faedah dan lain-lain kos bagi pinjaman yang djamin kepada syarikat berkaitan kerajaan.*

*: (**) - Termasuk caruman ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM474,705,193.*

x

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaunkan semua urus niaga Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri mengikut akta-akta yang berkaitan.

Pinjaman terdiri daripada Pinjaman Dalam Negeri dan Pinjaman Luar Negeri. Instrumen Pinjaman Dalam Negeri terdiri daripada Bil Perpendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Sukuk. Instrumen Pinjaman Luar Negeri adalah terdiri daripada Sukuk dan Bon manakala Bantuan Luar Negeri terdiri daripada pinjaman Bilateral dan Multilateral.

Semua terimaan Akaun Pinjaman Disatukan direkodkan pada nilai kos berdasarkan terimaan dana pinjaman.

Baki Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang COVID-19 pada 31 Disember 2020 dengan masing-masing berjumlah RM61,071,047,806 dan RM38,020,000,000.

Mulai tahun 2020, Akaun Premium/Diskaun Sekuriti Kerajaan telah dibuka semula bagi mengakaunkan terimaan dana pinjaman. Pelarasian premium/diskaun bagi Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sekuriti Kerajaan Malaysia berjumlah RM13,683,520,387 telah diselaraskan kepada akaun tersebut. Pelarasian ini termasuk baki premium/diskaun bagi Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sekuriti Kerajaan Malaysia pada tahun 2019 berjumlah RM3,777,384,329 dan tahun 2020 berjumlah RM9,906,136,058.

Bayaran faedah pinjaman dan kos lain untuk mendapatkan pinjaman dikenakan kepada Perbelanjaan Tanggungan (T13) berjumlah RM34,494,802,361 seperti di Nota 5(b) dan sebanyak RM71,096,169 dikenakan kepada Akaun Pinjaman Disatukan seperti yang diperuntukkan di bawah akta-akta berkaitan.

Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri berjumlah RM96,497,183,864 di Penyata Prestasi Kewangan ialah terimaan bersih tahun semasa tidak mengambil kira baki awal berjumlah RM16,277,384,329.

Penyata Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020 (Debit)/Kredit RM	2019 (Debit)/Kredit RM
PINJAMAN		
Dalam Negeri		
Baki pada 1 Januari	16,277,384,329	15,224,123,149
Terimaan	194,555,279,485	131,254,933,379
Bayaran	(97,727,562,247)	(82,722,693,311)
Baki pada 31 Disember	113,105,101,567	63,756,363,217
Luar Negeri		
Terimaan	-	7,170,135,617
Bayaran	-	-
Baki pada 31 Disember	-	7,170,135,617
BANTUAN LUAR NEGERI		
Pinjaman Multilateral		
Terimaan	(330,533,374)	(193,083,223)
Bayaran	(69,125,729)	(68,764,375)
Baki pada 31 Disember	(69,125,729)	(68,764,375)
Pinjaman Bilateral		
Terimaan	-	133,815,309
Bayaran	(261,407,645)	(258,134,157)
Baki pada 31 Disember	(261,407,645)	(124,318,848)
Jumlah Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri pada 31 Disember	112,774,568,193	70,733,415,611
Pelarasian		
Pelarasian Akaun Premium/Diskaun Sekuriti Kerajaan	(13,683,520,387)	-
Pindahan Ke		
Kumpulan Wang Pembangunan	(61,071,047,806)	(54,456,031,282)
Kumpulan Wang COVID-19	(38,020,000,000)	-
BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN PADA 31 DISEMBER	-	16,277,384,329

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengakaunkan semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Sebahagian besar urus niaga Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan adalah terdiri daripada Akaun Penyelesaian Utama Perpendaharaan yang melibatkan transaksi pelarasian debit berjumlah RM994,464,749,031 dan kredit RM1,000,631,625,470.

Penyata Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	<i>Baki pada 01.01.2020 (Debit)/Kredit RM</i>	<i>Debit RM</i>	<i>Kredit RM</i>	<i>Baki pada 31.12.2020 (Debit)/Kredit RM</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN				
Kumpulan Wang Pembangunan	10,428,410,338	1,159,016,234,058	1,171,310,572,354	22,722,748,634
Kumpulan Wang COVID-19	(24,700,420,089)	70,502,967,677	81,948,020,340	(13,255,367,426)
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	-	38,112,283,411	38,113,044,780	761,369
	35,128,830,427	1,050,400,982,970	1,051,249,507,234	35,977,354,691
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM				
Kumpulan Wang Amanah Khas	9,494,211,528	12,463,221,123	23,041,185,348	20,072,175,753
Kumpulan Wang Amanah Am	3,309,508,604	568,774,007	671,926,434	3,412,661,031
	6,184,702,924	11,894,447,116	22,369,258,914	16,659,514,722
AKAUN DEPOSIT				
Deposit Am	11,167,548,291	6,407,132,815	6,675,344,337	11,435,759,813
Deposit Pelarasian	10,926,434,174	2,701,848,902	3,078,758,843	11,303,344,115
	241,114,117	3,705,283,913	3,596,585,494	132,415,698
AKAUN AMANAH DISATUKAN				
	<u>31,090,170,157</u>	<u>1,177,886,587,996</u>	<u>1,201,027,102,039</u>	<u>54,230,684,200</u>

(a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang COVID-19 dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

(i) Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan mengakaunkan terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406].

Terimaan utama bagi kumpulan wang ini terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan, pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan, terimaan balik pinjaman yang dikeluarkan daripada kumpulan wang ini, jualan aset modal dan pelbagai terimaan.

Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM51,359,855,763 adalah termasuk penyaluran geran berjumlah RM5,128,490,661 yang merangkumi bayaran pokok, faedah dan lain-lain kos bagi pinjaman yang dijamin kepada syarikat berkaitan kerajaan.

Maklumat terperinci Perbelanjaan Pembangunan boleh dirujuk di Lampiran 2 : Penyata Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020 (Debit)/Kredit RM	2019 (Debit)/Kredit RM
BAKI PADA 1 JANUARI	(24,700,420,089)	(27,785,775,413)
TERIMAAN		
Caruman Dari Akaun Hasil Disatukan	62,804,908,426	57,258,590,641
Pindahan Dari Akaun Pinjaman Disatukan	474,705,193	1,071,831,233
Terimaan Balik Pinjaman	61,071,047,806	54,456,031,282
Jualan Aset Modal	1,180,122,917	1,602,913,880
Pelbagai Terimaan	59,430	-
	78,973,080	127,814,246
BAYARAN		
Perbelanjaan Pembangunan	51,359,855,763	54,173,235,317
Langsung	49,330,957,654	52,058,496,026
Pinjaman	2,028,898,109	2,114,739,291
<i>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>	11,445,052,663	3,085,355,324
BAKI PADA 31 DISEMBER	(13,255,367,426)	(24,700,420,089)

(ii) Kumpulan Wang COVID-19

Kumpulan Wang COVID-19 adalah merupakan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang diwartakan penubuhannya pada 26 Oktober 2020.

Kumpulan Wang COVID-19 mengakaukan terimaan dan bayaran seperti yang diperuntukkan oleh Akta Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830].

Terimaan bagi kumpulan wang ini adalah pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan berjumlah RM38,020,000,000.

Perbelanjaan berjumlah RM38,019,238,631 adalah untuk maksud program di bawah pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan ekonomi.

Maklumatperinci Kumpulan Wang COVID-19 boleh dirujuk di Lampiran 3 : Penyata Perbelanjaan COVID-19 bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

Kumpulan Wang COVID-19 pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020 (Debit)/Kredit RM	2019 (Debit)/Kredit RM
BAKI PADA 1 JANUARI	-	-
TERIMAAN		
Pindahan Daripada Akaun Pinjaman Disatukan	38,020,000,000	-
BAYARAN		
Perbelanjaan COVID-19	38,019,238,631	-
<i>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>	761,369	-
BAKI PADA 31 DISEMBER	761,369	-

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

(iii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Kumpulan Wang Yang Lain yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud tertentu. Sumber kewangan utama kumpulan wang ini adalah caruman daripada Kerajaan. Sebahagian daripada kumpulan wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bagi bayaran langsung.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020 (Debit)/Kredit RM	2019 (Debit)/Kredit RM
AKAUN PENYELESAIAN		
Akaun Semasa Antara Pentadbiran	1,000,000	1,000,000
Akaun Penyelesaian Utama Perpendaharaan	11,115,223,509	4,948,347,070
AKAUN PERNIAGAAN		
Stor dan Woksyop Belum Diuntukkan	156,964,318	156,921,369
AKAUN PINJAMAN		
Kontraktor	2,985,563,130	2,868,948,087
Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam - Pinjaman Persekutuan	3,388,514	9,208,072
Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi	43,058,280	21,450,107
Pembangunan Ekonomi Belia	500,248,513	420,483,753
Pembayaran Komputer Anggota Perkhidmatan Awam	14,019,400	13,478,632
Pendahuluan Diri (Pegawai Awam)	48,965,468	39,492,419
Pendahuluan Pelbagai	39,625,187	11,241,115
Pendahuluan Untuk Negeri	50,108,420	58,253,041
Pinjaman Diraja	874,893,583	925,893,583
Pinjaman Kenderaan	763,436	743,748
Pinjaman Kepada Badan Berkanun dan Badan Lain	63,491,343	63,347,198
Pinjaman Perumahan kepada Golongan Berpendapatan Rendah	1,022,193,268	1,055,058,708
Rakyat Malaysia di Luar Negeri	14,182,456	10,835,139
Tabung Pusingan Pinjaman Pelajaran Persekutuan	1,317,092	1,282,931
	309,308,170	238,179,641
KUMPULAN WANG LUAR JANGKA		
Kumpulan Wang Luar Jangka	1,499,999,980	721,390,750
KUMPULAN WANG YANG LAIN		
Amanah Negara	20,218,603,754	26,432,223,151
Amanah Pelajar Miskin	18,294,241,419	17,605,293,030
Amanah Sukan Negara	93,733,363	73,944,448
Bantuan Bencana Negara	38,650,869	26,442,867
Bantuan Mangsa Serangan Binatang Buas	212,008,291	235,859,572
Cadangan Untuk Negeri	996,200	685,400
Kebajikan dan Kemudahan bagi Penuntut di Luar Negeri	347,094,275	224,759,099
Kumpulan Wang Amanah Bagi Pembangunan Projek ICT Sektor Awam	2,080,495	1,866,374
Kumpulan Wang Amanah Dana Automotif Bumiputra	968,725	795,957
Kumpulan Wang Amanah F1 Jaminan	472,854	472,854
Kumpulan Wang Amanah Tabung Khas Hakmilik Strata	506,131,754	423,415,576
Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni	1,692,250	-
Kumpulan Wang Amanah Kursi Eropah Bagi Pengajian Melayu Leiden University, The Netherlands	341,547	410,811
Kumpulan Wang Amanah Lembaga Peperiksaan Malaysia	794	794
Kumpulan Wang Amanah Majlis Sains Dan Penyelidikan Kebangsaan	103,241,716	88,707,892
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan, Perundingan dan Penyelidikan, Institut Penilaian Negara	2,818,236	3,599,304
Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam	2,718,623	2,425,679
Kumpulan Wang Amanah Pengurusan Perolehan Setem Cukai (Banderol) untuk Rokok dan Minuman Keras	6,175,844	23,998,163
Kumpulan Wang Amanah Projek dan Pengukuran Sempadan Bersama Di antara Negeri-negeri	40,837,387	39,596,751
Semenanjung Malaysia	5,356,430	2,722,986
Kumpulan Wang Amanah Projek Pelantar Benua Malaysia	739,033	1,626,350
Kumpulan Wang Amanah Sokongan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia	14,836,106	14,535,848
Kumpulan Wang Amanah Tabung Konservasi Sumber Asli Nasional	7,729,170	7,586,776
Kumpulan Wang Amanah Taman Laut dan Rizab Laut	18,902,576	21,633,153
Kumpulan Wang Bagi Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan	84,244,568	6,005,750,948
Perjelas Hutang	3,381,166	3,381,166
Perkhidmatan Kemasyarakatan dan Kebajikan	33,335,877	33,197,929
Perpustakaan Negara	1,227,574	1,208,117
Program Perumahan Rakyat Dimiliki	121,943,656	140,594,969
Skim Biasiswa Sukan Persekutuan	561,971	884,216
Tabung Bantuan Perubatan	85,022,970	71,498,080
Tabung Bayaran Balik Cukai	167,287,155	1,355,479,579
Tabung Inovasi Negara	19,813,117	19,813,116
Tabung Pustaka Peringatan P. Ramlee	17,743	35,347
PELBAIGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN	35,977,354,691	35,128,830,427

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

(b) Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam mengakaunkan terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut akta khas atau Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah terdiri daripada Amanah Khas yang diwujudkan di bawah akta yang tersendiri dan Amanah Am yang diwujudkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah daripada badan-badan atau orang perseorangan untuk tujuan tertentu. Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta dan Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta adalah Kumpulan Wang Amanah Awam yang bertujuan untuk membaiayai Perbelanjaan Pembangunan tertentu.

Akaun Amanah yang matan bagi setiap Kumpulan Wang Amanah Awam pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020 <i>(Debit)/Kredit</i> RM	2019 <i>(Debit)/Kredit</i> RM
AMANAH KHAS		
Akaun Amanah Estet Kebankrapan	3,412,661,031	3,309,508,604
Akaun Amanah Am Pelikuidasi	2,090,275,745	2,074,770,371
Akaun Amanah Tabung Bantuan Insolvensi	312,579,832	295,777,881
Kumpulan Wang Dius Api	294,326,347	244,192,413
Faedah atas Pelaburan untuk Deposit Mahkamah	286,471,639	302,353,303
Pelbagai Amanah Khas	275,829,411	252,376,478
	153,178,057	140,038,158
AMANAH AM		
Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset	16,659,514,722	6,184,702,924
Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta	11,477,342,168	695,806,281
Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik	1,430,138,317	1,987,696,162
Akaun Amanah Pembinaan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak	783,882,201	680,775,000
Akaun Amanah Sumber Khas	557,179,250	-
Pelbagai Amanah Am	441,926,078	421,245,984
	1,969,046,708	2,399,179,497
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM	20,072,175,753	9,494,211,528

(c) Akaun Deposit

Akaun Depositerdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah tercapai. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu.

Akaun Deposit yang matan bagi setiap kategori Deposit pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020 <i>(Debit)/Kredit</i> RM	2019 <i>(Debit)/Kredit</i> RM
DEPOSIT AM		
Deposit Kawalan Wang Tak Dituntut	11,303,344,115	10,926,434,174
Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	7,091,482,309	6,401,897,831
Deposit Mahkamah Tinggi	1,747,122,403	1,717,587,773
Deposit Imigresen	1,229,493,682	1,322,316,390
Deposit Wang Tak Dituntut	296,343,487	287,290,707
Pelbagai Deposit Am	247,700,956	470,566,889
	691,201,278	726,774,584
DEPOSIT PELARASAN		
Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal	132,415,698	241,114,117
Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan	63,294,909	64,820,861
Deposit Pembatalan Pencen Skim B	34,238,566	127,763,726
Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal - JPA Pencen	15,339,138	24,628,504
Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal - JHEV	9,335,673	14,414,449
Pelbagai Deposit Pelarasan	4,375,175	1,104,399
	5,832,237	8,382,178
AKAUN DEPOSIT	11,435,759,813	11,167,548,291

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

8. PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

TERIMAAN

(a) Hasil

Hasil Bukan Cukai yang dilaporkan di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai berbeza sebanyak RM5,752,234,274 dengan Akaun Hasil Disatukan di Nota 5 adalah disebabkan pelarasan pelbagai Akaun Deposit dan Akaun Premium/Diskau Sekuriti Kerajaan.

Perbezaan Terimaan Bukan Hasil yang dilaporkan di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai sebanyak RM264,054,194 dengan Penyata Akaun Hasil Disatukan di Nota 5 adalah disebabkan oleh penutupan Akaun Amanah Akademi Penerangan Malaysia (MAVA) dan Akaun Amanah Pampasan Lot 44 dan PT28, Seksyen 51, Kuala Lumpur serta pelarasan pelbagai Akaun Deposit.

(b) Terimaan Modal

Perbezaan Pelbagai Terimaan di bawah kategori Terimaan Modal yang dilaporkan di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai dengan Penyata Kumpulan Wang Pembangunan di Nota 7(a)(i) sebanyak RM35,000,000 adalah disebabkan oleh pelarasan Akaun Deposit Pinjaman Boleh Dituntut.

(c) Terimaan Amanah

Pelbagai Terimaan Amanah yang dilaporkan di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai sebanyak RM3,961,561,547 merupakan baki bersih semasa akaun amanah tidak termasuk Kumpulan Wang Pembangunan, Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta, Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta, Kumpulan Wang COVID-19 dan pindahan lain daripada Akaun Pinjaman Disatukan.

BAYARAN

(a) Perbelanjaan Mengurus

Perbezaan perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak RM1,194,950,000 di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai dengan Penyata Akaun Hasil Disatukan di Nota 5 adalah disebabkan oleh pindahan peruntukan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

Perbezaan Perbelanjaan-perbelanjaan Lain berjumlah RM16,845,846 di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai dengan Penyata Akaun Hasil Disatukan di Nota 5 adalah disebabkan pelarasan hapus kira pinjaman, hapus kira pendahuluan, hapus kira hutang lapuk dan hapus kira kehilangan.

(b) Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19

Perbezaan perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19 sebanyak RM150,000,000 di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai dengan Penyata Akaun Amanah Disatukan di Nota 7(a) (ii) adalah disebabkan oleh pelarasan ke Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Bencana Negara.

(c) Perbelanjaan Modal

Pembelian Instrumen Kewangan yang dilaporkan di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai sebanyak RM1,768,811,630 adalah merupakan pembelian bersih instrumen tersebut termasuk pelarasan kadar pertukaran mata wang asing bagi pelaburan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

9. MEMORANDUM ASET

Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan kerajaan iaitu Akaun Belum Terima dan Pelaburan yang dikenakan kepada Perbelanjaan Mengurus atau Pembangunan, tetapi tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(a) Akaun Belum Terima

Akaun Belum Terima terdiri daripada Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut dan Pelbagai Akaun Belum Terima. Kedudukan Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM106,422,742,308 dengan perincian seperti di bawah:

(i) Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut

Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut adalah pinjaman dan pendahuluan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri, Syarikat, Badan Berkanun, Pihak Berkusa Tempatan, Koperasi, Pelbagai Agensi dan Perseorangan.

Mulai tahun 2019, kategori Perseorangan merupakan kemudahan pinjaman serta pendahuluan kepada penjawat awam yang terdiri daripada pinjaman komputer, pinjaman kenderaan, pendahuluan diri dan pendahuluan pelbagai.

Maklumat terperinci Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut boleh dirujuk di Lampiran 4 : Penyata Akaun Memorandum Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut pada 31 Disember 2020.

Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020 RM	2019 RM
PINJAMAN DAN PENDAHULUAN BOLEH DITUNTUT	58,900,685,743	57,661,165,390
Kerajaan Negeri	15,979,101,032	16,344,322,228
Syarikat	33,471,481,387	31,922,223,026
Badan Berkanun	7,120,406,614	6,954,203,678
Pihak Berkusa Tempatan	143,178,696	185,252,112
Koperasi	237,272,363	248,220,930
Pelbagai Agensi	1,687,486,839	1,715,327,959
Perseorangan	261,758,812	291,615,457

(ii) Pelbagai Akaun Belum Terima

Pelbagai Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM47,522,056,565 berdasarkan rekod di Kementerian/Jabatan. Jumlah ini termasuk pinjaman dan pendahuluan di peringkat Kementerian/Jabatan selain daripada Kementerian Kewangan berjumlah RM732,500,022. Tunggakan Pelbagai Akaun Belum Terima adalah sebanyak RM20,858,823,691 termasuk tunggakan faedah Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM2,623,386,842.

(b) Pelaburan

Pelaburan adalah pegangan ekuiti dalam syarikat, badan berkanun dan agensi antarabangsa.

Maklumat terperinci Pelaburan boleh dirujuk di Lampiran 5 : Penyata Akaun Memorandum Pelaburan pada 31 Disember 2020.

Pelaburan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020 Nilai Buku RM	2019 Nilai Buku RM
PELABURAN	33,191,463,711	32,038,227,719
Syarikat	32,174,788,786	31,021,552,794
Badan Berkanun	978,100,696	978,100,696
Agensi Antarabangsa	38,574,229	38,574,229

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

10. MEMORANDUM LIABILITI

Memorandum Liabiliti menunjukkan liabiliti kerajaan yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Komponen pelaporan memorandum ini adalah merangkumi Hutang Persekutuan, Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta, Komitmen Kewangan dan Pelbagai Liabiliti.

(a) Hutang Persekutuan

Hutang Persekutuan diklasifikasikan sebagai Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri selaras dengan para 2.1.82 Cash Basis IPSAS. Semua sekuriti Hutang direkodkan pada nilai nominal dan hutang luar negeri dalam mata wang asing dinyatakan dalam nilai setara Ringgit Malaysia dengan menggunakan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2020.

Pegangan Bukan Pemastautin bagi Pinjaman Dalam Negeri pada 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM208,189,930,000. Bagi Pinjaman Pasaran Luar Negeri, Pegangan Pemastautin pada 31 Disember 2020 adalah RM4,603,480,000.

Pada tahun 2020, atas inisiatif kerajaan berikutan pandemik COVID-19, Sukuk Prihatin berjumlah RM666,417,500 telah diterbit dan merupakan sebahagian daripada keseluruhan sukuk yang berjumlah RM24,766,417,500.

Maklumat terperinci Hutang Persekutuan boleh dirujuk di Lampiran 6 : Penyata Akaun Memorandum Liabiliti - Hutang Persekutuan pada 31 Disember 2020.

Kedudukan Hutang Persekutuan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020 RM	2019 RM
PINJAMAN		
Dalam Negeri		
Bil Perbadanan	851,283,947,500	764,232,726,000
Terbitan Pelaburan Kerajaan	15,500,000,000	4,500,000,000
Sekuriti Kerajaan Malaysia	374,600,000,000	338,800,000,000
Sukuk	436,417,530,000	394,132,726,000
	24,766,417,500	26,800,000,000
Luar Negeri		
Pinjaman Pasaran	23,055,200,000	23,346,500,000
BANTUAN LUAR NEGERI		
Pinjaman Multilateral	5,220,561,310	5,418,329,813
Pinjaman Bilateral	153,108,619	216,823,071
	5,067,452,691	5,201,506,742
HUTANG PERSEKUTUAN	879,559,708,810	792,997,555,813

(b) Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta

Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta ialah obligasi bayaran balik Kerajaan Persekutuan kepada syarikat yang mendapatkan pinjaman bagi pendanaan projek-projek awam melalui Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta dan Akaun Amanah Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta.

Laporan kedudukan Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta telah dipinda berdasarkan kepada syarikat yang mendapatkan pinjaman susulan terdapat beberapa butiran pinjaman daripada kedua-dua akaun amanah tersebut telah digabung dan distruktur semula pada tahun 2019. Sehubungan dengan itu, nilai perbandingan Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta bagi tahun 2019 telah dinyatakan semula daripada klasifikasi baris item berdasarkan akaun amanah kepada syarikat yang mendapatkan pinjaman.

Maklumat terperinci Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta boleh dirujuk di Lampiran 7 : Penyata Akaun Memorandum Liabiliti - Inisiatif Pembiayaan Swasta pada 31 Disember 2020.

Kedudukan Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020 RM	2019 RM
LIABILITI INISIATIF PEMBIAYAAN SWASTA		
Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	37,034,467,015	38,829,548,225
MKD Aman Makmur Sdn. Bhd.	20,447,965,015	21,529,548,225
	16,586,502,000	17,300,000,000

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

(c) Komitmen Kewangan

Komitmen Kewangan menunjukkan obligasi Kerajaan Persekutuan untuk membuat bayaran kepada pihak-pihak yang berkaitan. Kedudukan Komitmen Kewangan pada 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM269,940,211,375 dengan perincian seperti di bawah:

i) Komitmen Jaminan

Komitmen Jaminan adalah obligasi Kerajaan Persekutuan untuk membayar balik pinjaman syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96] dan Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Maklumat terperinci Komitmen Jaminan boleh dirujuk di Lampiran 8 : Penyata Akaun Memorandum Liabiliti - Komitmen Jaminan pada 31 Disember 2020.

Kedudukan Komitmen Jaminan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

KOMITMEN JAMINAN	2020	2019
	RM	RM
Dalam Negeri	216,841,563,770	193,992,526,604
Luar Negeri	167,991,778,089	146,117,984,951
	48,849,785,681	47,874,541,653

ii) Komitmen Pajakan Kewangan

Komitmen Pajakan Kewangan adalah obligasi bayaran pajakan Kerajaan Persekutuan di bawah perjanjian pajakan kewangan berdasarkan rekod di Kementerian/Jabatan.

Maklumat terperinci Komitmen Pajakan Kewangan boleh dirujuk di Lampiran 9 : Penyata Akaun Memorandum Liabiliti - Komitmen Pajakan Kewangan pada 31 Disember 2020.

Kedudukan Komitmen Pajakan Kewangan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

KOMITMEN PAJAKAN KEWANGAN	2020	2019
	RM	RM
Pajakan Kewangan Kerajaan Persekutuan	37,570,623,547	33,086,435,272
Pajakan Kewangan Badan Berkanun	26,847,483,272	22,189,240,582
	10,723,140,275	10,897,194,690

iii) Komitmen Bayaran Balik Cukai

Komitmen Bayaran Balik Cukai adalah obligasi Kerajaan Persekutuan untuk membayar balik cukai yang telah dikutip tertakluk kepada proses semakan dan pengauditan.

Komitmen Bayaran Balik Cukai pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

KOMITMEN BAYARAN BALIK CUKAI	2020	2019
	RM	RM
Cukai Pendapatan	14,635,443,058	19,392,393,636
Cukai Keuntungan Harta Tanah	12,186,431,101	10,346,928,837
Cukai Barang dan Perkhidmatan	575,429,182	503,958,079
	1,873,582,775	8,541,506,720

iv) Komitmen Pampasan

Komitmen Pampasan adalah obligasi bayaran pampasan berdasarkan terma-terma kontrak Kerajaan Persekutuan dengan syarikat-syarikat pemegang konsesi.

Maklumat terperinci Komitmen Pampasan boleh dirujuk di Lampiran 10 : Penyata Akaun Memorandum Liabiliti - Komitmen Pampasan pada 31 Disember 2020.

Komitmen Pampasan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

KOMITMEN PAMPASAN	2020	2019
	RM	RM
Pampasan Konsesi Lebuhraya	892,581,000	990,037,154
	892,581,000	990,037,154

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

(d) Pelbagai Liabiliti

Pelbagai Liabiliti pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

Nilai perbandingan bagi tahun 2019 untuk Nota Kena Bayar telah dinyatakan semula daripada RM798,665,127 kepada RM207,785,127 disebabkan oleh aman perbezaan ini telah dilaporkan dalam Hutang Persekutuan di bawah Sekuriti Kerajaan Malaysia.

	2020 RM	2019 RM
PELBAGAI LIABILITI		
Nota Kena Bayar	278,000,205	249,253,470
Sekuriti Tak Dituntut	236,620,627	207,785,127
Akaun Depositori Pusat	27,343,222	27,431,987
	14,036,356	14,036,356

11. LIABILITI LUAR JANGKA

Liabiliti Luar Jangka akan menjadi liabiliti sebenar kerajaan sekiranya entiti berkenaan gagal memenuhi obligasi perjanjian atau berlaku sesuatu peristiwa tertentu. Liabiliti Luar Jangka terdiri daripada Pinjaman Badan Berkanun dan syarikat milik kerajaan yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan serta simpanan pendeposit di Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Haji dan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) di bawah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional.

Liabiliti Luar Jangka pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

a) Pinjaman Badan Berkanun dan syarikat milik kerajaan yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah RM294,674,756,861 seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96]. Ini termasuk jaminan pinjaman yang telah menjadi komitmen Kerajaan seperti dilaporkan di Nota 10(c)(i).

b) Simpanan pendeposit di Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Haji dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang berjumlah RM1,100,448,613,908 seperti yang diperuntukkan di bawah akta penubuhan kumpulan wang berkenaan.

Maklumat terperinci Liabiliti Luar Jangka boleh dirujuk di Lampiran 11 : Penyata Akaun Memorandum Jaminan Berkanun pada 31 Disember 2020.

12. WANG PENDAHULUAN KONTRAKTOR

Wang Pendahuluan Kontraktor pada 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM677,895,927 berdasarkan rekod di Kementerian/Jabatan.

xx

www.audit.gov.my



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
ARAS 1-9, BLOK F2 & F3, KOMPLEKS F
LEBUH PERDANA TIMUR, PRESINT 1
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62000 PUTRAJAYA